



93-2664

WIRA KEMERDEKAAN

NATIONAL ARCHIVES
SEREMBAN

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

16 AUG 1993

1821

Est. 1821

WIRA
KEMERDEKAAN
DISELENGGARAKAN OLEH
TALIB SAMAT

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kuala Lumpur
1993

KK 895-6018 6101

Cetakan Pertama 1993

© Penyelenggara: Talib Samat; karya Penulis-penulis:
Penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka 1993

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926, Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-
Penerbitan

Diselenggarakan oleh Talib Samat

Wira Kemerdekaan / Diselenggarakan oleh
Talib Samat

ISBN 983-62-3129-3

1. Short stories, Malay. 2. Historical
fiction, Malay. 3. Malay fiction.

1. Talib Samat, 1959-.

899.233010803

APB 720868

Diatür Huruf oleh Citra Publishing Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: Times Roman

Saiz Taip Teks: 11/13 poin

Dicetak oleh

Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka

Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS

Ampang/Hulu Kelang

Selangor Darul Ehsan

RM12.00

899.233010803

KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar</i>	ix
<i>Amiruddin Ali</i>	
IMPIAN IBU	1
KERUSI	7
MALAM MENERDIP	18
SELEPAS KEMATIAN	27
<i>A. Latip Talib</i>	
BENDERA MERAH	35
GADING BERTUAH	50
<i>Abd. Hamid Othman</i>	
JULIANA	62
<i>Ahmad J. Husin</i>	
ITULAH TAKDIRNYA	79
<i>Azim Saleh</i>	
DETAH NAFAS	88

WIRA KEMERDEKAAN

<i>Gunawan Mahmood</i>		
WIRA KEMERDEKAAN		98
<i>Ismail Supandi</i>		
KEMELUT		110
MELEPAS NIAT		123
<i>Mohd. Hamidi Md. Yudin</i>		
MAAFKAN EMAK, AMAN		135
<i>Nassury Ibrahim</i>		
KEPUTUSAN		152
MAAFKAN SAYA, CIKGU		159
<i>Nora</i>		
RAMA-RAMA DAN PAK BEBEK		165
<i>Noora Mohd. Zawi</i>		
MENDUNGNYA BERSINAR		179
NINA KARINA – GEDANGSA PERINDU		192
<i>Osman Dol</i>		
DIALOG DUA ROH		203
HAJI KARIM PENCURI KERBAU		216
LAKONAN DI SEBUAH SYARIKAT		226
<i>Omar Mamat</i>		
MEMBAWA HATI		240

KANDUNGAN

Shahriah Haji Lasim

BERLABUHLAH SENJA	253
GERUH	267

Sulaiman Awang

HUJAN PETANG	275
LAIN TUNANG LAIN KAHWIN	288

Talib Samat

DEBAR MENANTI	298
KEMBALIKAN KEHIJAUAN DI DAERAH INI	307
PENDAKIAN KEDUA	319

T.A. Razak HM

SEWEL	333
TANAH DI PINGGIR KOTA	345

Tajuddin Saman

SEPI SEBUAH SELOP	354
SIONG SEORANG BAGINDA	368

Uthaya Sankar SB

AS	381
EMAK (II)	395



KATA PENGANTAR

CERPEN sebagai salah satu genre kesusasteraan merupakan antara genre yang diminati oleh angkatan penulis baru mahupun veteran. Dalam pada itu antologi cerpen bersama mahupun perseorangan semakin ghairah diterbitkan oleh kalangan penerbit besar mahupun sederhana kerana pasarannya yang baik dan menggalakkan di samping novel.

Kajian rambang menunjukkan antologi cerpen bersama-sama ada yang diselenggarakan oleh penulis muda mahupun veteran ternyata lebih mudah dijual berbanding antologi cerpen persendirian. Kepelbagaian tema, gaya bahasa, teknik penulisan dan persembahan yang dilakukan oleh ramai penulis itu terbukti lebih memancing minat audiens untuk memiliki dan menghayati sesebuah antologi cerpen itu; berbanding antologi cerpen persendirian yang hanya dihasilkan oleh seorang penulis.

Di samping itu, penerbitan antologi cerpen bersama memungkinkan lebih ramai para penulis lama dan baru berpeluang menyumbang dan menerbitkan

karya mereka dalam sesebuah antologi yang tidak sedikit akan merangsangnya untuk berkarya dengan lebih aktif, produktif dan berkualiti pada masa depan.

Di atas asas-asas dan kriteria inilah, antologi cerpen *Wira Kemerdekaan* ini diusahakan yang menggabungkan 35 buah cerpen karya 19 orang penulis pelbagai kaum, latar belakang, sikap dan pemikiran.

Penulis-penulis veteran dan berketrampilan dalam penulisan cerpen yang terungkap karyanya dalam antologi ini termasuklah Ahmad J. Husin, Osman Dol, Nora, Gunawan Mahmood dan Omar Mamat. Manakala penulis angkatan baru yang mempunyai potensi yang cerah untuk berkembang dalam dunia penulisan cerpen tanah air sama ada cerpen remaja mahupun dewasa termasuklah Amiruddin Ali, A. Latip Talib, Abd. Hamid Othman, Azim Saleh, Ismail Supandi, Mohd. Hamidi Md. Yudin, Nassury Ibrahim, Noora Mohd. Zawi, Shahriah Haji Lasim, T.A. Razak HM dan Uthaya Sankar SB.

Antologi ini juga menampilkan cerpen karya seorang pelukis veteran yang aktif berkarya menulis cerpen pada tahun 1960-an di samping melukis komik dan membuat ilustrasi buku-buku terbitan DBP. Penulis yang dimaksudkan ialah Sulaiman Awang yang berbakat tersendiri dalam bidang penulisan dan seni lukis melukis. Beliau tampil dengan dua buah cerpennya iaitu "Hujan Petang" dan "Lain Tunang Lain Kahwin".

Antologi *Wira Kemerdekaan* juga menonjolkan dua buah cerpen karya seorang penulis wartawan iaitu Haji Tajuddin Saman yang pernah memenangi Hadiah Kajai dalam bidang kewartawanan pada tahun 1991. Beliau menyumbangkan dua buah cerpen iaitu "Sepi Sebuah Sclop" dan "Siong Seorang Baginda". Cerpen "Siong Seorang Baginda" membincangkan persoalan semasa iaitu hubungan istana dan rakyat yang diungkapkan secara sinis, humor dan kritis yang menarik untuk dihayati dan direnungi secara mendalam oleh rakyat Malaysia.

Keunikan dan kelainan antologi ini terletak pada keupayaan dan kemampuan para penulis cerpen mengungkapkan pelbagai permasalahan hidup manusia merangkumi aspek pergolakan hidup para remaja, keagamaan, masalah sosioekonomi, kelestarian alam sekitar yang kian tercemar, pengembaraan, krisis nilai, perebutan jawatan dalam sesebuah organisasi sosial, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan Allah selaku pencipta jagat raya ini. Di samping itu, para penulis juga menyentuh persoalan kegigihan insan membangun harapan dan cita-cita di tengah-tengah kancah kemiskinan yang melanda keluarga. Pelbagai masalah sosial yang melanda masyarakat Melayu dan Malaysia amnya seperti keruntuhan moral kaum muda, jurang generasi, gelodak dunia pendidikan, kekecewaan dalam percintaan, kematian, jasa ibu bapa dan pelbagai permasalahan hidup diungkapkan dengan gaya ba-

hasa dan persembahan tersendiri oleh para penulis.

Rasanya ada baik dan manfaatnya disorot beberapa buah cerpen penting dan istimewa dalam antologi *Wira Kemerdekaan* ini.

Cerpen "*Wira Kemerdekaan*" karya Gunawan Mahmood yang dipilih menjadi judul antologi ini mengisahkan bagaimana manusia sanggup melakukan apa sahaja demi mencari kesenangan hidup dan kemasyhuran nama. Sutan Malikus sanggup menipu penduduk kampungnya dengan mengaku sebagai pejuang kemerdekaan dan berjuang bersama tokoh-tokoh besar tanah air dalam merebut kemerdekaan. Akhirnya penduduk kampung sepakat untuk merai-kannya dalam suatu majlis jasmu dikenang. Tembelang Sutan Malikus terpecah apabila Datuk Ghazali tokoh besar dari pusat diundang untuk menyampaikan anugerah itu kepada Sutan Malikus. Cerpen ini merupakan sindiran kepada golongan masyarakat manusia hari ini yang sering bersikap munafik dan mengamalkan strategi 'tujuan menghalalkan segala cara' untuk memenuhi kepentingan diri masing-masing. Cerpen ini sewajarnya menjadi bahan pemikiran dan renungan mendalam setiap masyarakat pembaca dan rakyat Malaysia umumnya.

Manakala cerpen "Itulah Takdirnya" karya Ahmad J. Husin yang merupakan cerpen pertama diciptanya dalam sejarah penulisannya mengisahkan Lijah seorang janda beranak satu yang bercita-cita untuk mendidik anaknya Jali menjadi manusia yang ber-

guna kepada bangsa, agama dan tanah air. Walaupun dalam kesempitan hidup Lijah sanggup menghantar anaknya ke sekolah demi masa depan anaknya. Di kampung itu cuma tiga orang budak sahaja yang bersekolah termasuk Jali anaknya. Manusia cuma mampu merancang tetapi Allah yang akan menentukannya. Dalam perjalanan pulang dari sekolah Jali tergelincir dan terjatuh ke dalam sungai ketika meniti batang pinang untuk pulang ke rumah. Cita-cita Lijah untuk melihat Jali berjaya hanyut bersama arus sungai yang membuak.

Manakala cerpen "Sepi Sebuah Selop" karya penulis wartawan Haji Tajuddin Saman mengungkapkan kehidupan warga pedalaman yang menghadapi pelbagai masalah dalam meneruskan hidup yang penuh onak dan duri ini. Kassim sebagaimana juga penghuni lain Kampung Tega Lalang itu menggantung rezekinya pada hutan sebagai mata pencarian. Adakalanya pendapatannya cukup untuk menampung keperluan keluarganya secara yang cukup sederhana. Pada musim hujan keadaannya bertambah sukar. Milah satu-satunya anak perempuan Kassim yang baru berumur beberapa bulan itu asyik menangis sahaja. Badannya panas. Bermacam-macam ikhtiar dilakukan oleh isterinya untuk meredakan tangisan anaknya itu tetapi semuanya gagal. Untuk dibawa ke hospital merupakan sesuatu yang tidak mungkin apatah lagi pada malam hari begitu. Akhirnya Milah berhenti menangis untuk selama-lamanya

ketika fajar mula menyingsing. Kembalilah Milah ke alam abadi di tengah-tengah kedukaan dan kesengsaraan hidup yang dialami oleh bapanya, Kassim.

Cerpen "Sepi Sebuah Selop" mengajak pembaca dan golongan pemerintah di negara ini berfikir dan berbuat sesuatu betapa di tengah-tengah pesatnya pembangunan dan gerakan perindustrian di Malaysia serta kemunculan jutawan Melayu atau OKB dan berada; masih wujud kelas masyarakat yang terbiar dan menderita nasibnya yang memerlukan pembelaan wajar daripada pemerintah. Tiada bermakna kemakmuran sesebuah negara selagi wujud golongan miskin dan sengsara yang diwakili oleh Kassim seperti terungkap dalam cerpen "Sepi Sebuah Selop" yang berusaha meraih simpati dan rasa kemanusiaan pembaca yang kritis.

Beberapa buah cerpen dalam antologi ini seperti "Maafkan Saya, Cikgu" karya Nassury Ibrahim dan "Kerusi" karya Amiruddin Ali menyelami pergolakan dunia pendidikan yang tidak kurang gawatnya dalam kehidupan manusia.

Manakala persoalan keagamaan dan pengajaran moral yang positif terungkap dengan menarik dalam cerpen "Dialog Dua Roh" karya Osman Dol yang wajar dibaca oleh pembaca dengan semangat rasional dan berfikir kritis.

Pelbagai persoalan masyarakat Melayu dan Malaysia yang sedang melangkah ke arah negara perindustrian dengan segala macam kerengah dan ca-

barannya dikemukakan oleh para cerpenis dengan pelbagai gaya dan teknik yang beragam menambah keistimewaan dan kekuatan antologi ini. Keupayaan penulis dan cerpenis menyelami pelbagai persoalan yang berlaku dalam masyarakat dan mengungkapkannya dengan berkesan amat terasa dalam antologi *Wira Kemerdekaan* ini.

Kepelbagaian masalah sosial yang diungkap dan dicernakan oleh para penulis dalam cerpen-cerpen mereka yang termuat dalam antologi ini menepati kata-kata Wilbur Scott iaitu "sastera tidak diilhamkan dalam kekosongan sosial" (1977:123). Penulis menggali dan mengangkat serta mentafsirkan kembali pelbagai masalah sosial dan hidup manusia dalam karya atau cerpen mereka seperti yang terungkap dengan meyakinkan dan jitu dalam antologi ini dengan gaya bahasa dan teknik persembahan masing-masing yang asli dan tersendiri sifatnya serta mempunyai nilai estetika yang boleh dipertanggungjawabkan.

19 orang penulis yang bergabung tenaga, idea dan minda dalam antologi ini mempunyai potensi yang cerah untuk berkembang lebih maju dalam pentas kesusasteraan tanah air dan semakin mencabar kini dengan syarat mereka memperkaya ilmu bantu, pengalaman, memperkemas dan memperkejar teknik penulisan serta tidak berpuas hati dengan apa yang dicapai setakat ini. Jika diperhalusi pencapaian karya penulis besar di Timur dan Barat khususnya yang dicapai oleh para pemenang Hadiah Novel atau

penulis-penulis agung di mana juga; tepat jika dikatakan tiada jalan singkat dan mudah untuk mencapai kejayaan dan keunggulan. Semuanya harus melalui siri-siri perjuangan yang hebat, sengit, lasak, ulet dan tidak mengenal putus asa dalam menegakkan idealisme dan cita-cita masing-masing.

Terlepas daripada segala-galanya, antologi ini berupaya menyumbangkan pengalaman kerohanian dan pengisian jiwa kepada para pembaca hari ini sama ada golongan remaja, pelajar, masyarakat umum dan para pecinta kesusasteraan bangsanya sendiri yang sedang pesat berkembang di tengah-tengah arus materialisme yang kian menghambat masyarakat Malaysia khususnya dan manusia umumnya. Sastera dan hasil-hasil kesusasteraan jika dimanfaatkan sewajarnya bukan sahaja mampu memperkuat semangat dan jiwa menghadapi cabaran hidup malah berupaya menyederhanakan kehidupan manusia agar lebih seimbang dalam memenuhi keperluan rohani dan jasmani. Insya-Allah!

Sekali menulis tetap menulis.

TALIB SAMAT

22, Jalan Mewah Satu,
Bandar Tun Razak, Cheras,
56000 Kuala Lumpur.

6 Februari 1993
14 Syaaban 1413

IMPIAN IBU

Amiruddin Ali

ZURAIDAH termenung panjang. Memang sukar untuk dia membuat keputusan. Apatah lagi keputusan untuk menentang pilihan ibunya. Memang gadis yang usianya hampir melewati angka 30 ini dilanda serba salah.

“Apakah aku harus menolak permintaan ibu?” tanyanya kepada dirinya sendiri.

Terfikir juga dia, melawan bererti menderhakai ibu. Anak yang menderhaka, tidak akan masuk syurga. Siapa yang mahu masuk neraka? Tentu, tidak ada yang bermiat hendak masuk neraka. Dia tahu, ibunya sahaja tempat dia mencurahkan kasih dan menumpangkan teduh pada hari tua ibunya.

“Zu, kaulah satu-satu anak emak. Emak semakin tua. Bukannya pula usia Zu semakin muda. Emak semakin uzur. Semakin hari, semakin putih rambut ni,” ujar Mak Midah lembut.

Kata-kata itu memang mudah difahami oleh Zuraidah. Tetapi, barangkali ibunya tidak mengerti perasaannya. Soalnya apakah perasaan cinta itu bo-

leh dipaksa-paksa? Ah, bukankah ia suatu yang mustahil. Bukankah cinta itu tumbuh dengan sendiri? Dalam menjalinkan perasaan itu harus ada kejujuran dan keikhlasan hati. Cinta bukan sekadar melafaznya. Cinta itu bukan suatu bicara sahaja.

"Emak teringin sangat melihat betapa berserinya wajahmu di pelamin," tambah Mak Midah lagi.

Mendengarnya Zuraidah hanya menyepi diri.

Agak sukar untuk membuatkan ibunya itu mengerti. Dan dia tidak seharusnya bersikap menyalahkan ibunya. Dia sedar, niat ibunya itu amat suci. Ibunya terlalu ingin hendak melihat betapa bahagiannya hidup anak tunggal dan kesayangannya itu. Lebih daripada itu, ibunya ingin mengubati hatinya yang luka kira-kira 15 tahun yang lalu.

Detik itu, masih dia ingat. Dapat dibayangkan betapa berkecainya hati seorang perempuan. Mengang ia jelas terbayang di ruang matanya. Maklumlah, pada waktu itu dia menuntut di dalam tingkatan tiga.

"Seharusnya, kita tidak bersikap menyalahkan orang lain. Atau, sesiapa pun. Cuma, abang mohonkan kemaafan di atas perpisahan ini." Demikian tutur Pak Osman, yakni ayahnya. Walaupun sudah 15 tahun berlalu, ia tetap lekat di ingatannya. Dan padanya, ayahnya sudah 'hilang'.

"Kalau kau belum ada pilihan," saran Mak Midah lagi.

Zuraidah berasa menggelabah. Namun dia te-

nangkan hatinya. Menghadapi situasi begini terasa sukar. Apatah lagi tentang pasangan hidupnya. Sebagai seorang yang sudah dewasa, dia amat memahami sikap ibunya. Dia tahu – ibu mana yang tidak mahu melihat anaknya hidup bahagia. Tentu sekali ibunya ingin menyaksikan betapa bahagianya hidup anaknya itu dan berkekalan.

“Barangkali belum ada jodoh Zu, mak,” balas Zuraidah lembut.

“Jangan terlalu memilih, Zu. Nanti, tersilap pilih, susah jadinya,” nasihat Mak Midah.

“Entahlah mak. Zu bukan pilih sangat. Tapi, hati Zu ni, masih belum terbuka,” ujar Zuraidah lagi.

“Sampai bila hati kau nak tertutup. Kalau sudah tua nanti, lagi susah orang nak masuk meminang.” Daripada kata-kata itu, ternyata ibunya berasa bimbang sekiranya anak gadisnya itu akan digelar ‘andartu’.

“Sebenarnya mak....”

“Sebenarnya apa, Zu?” celah Mak Midah pantas. Zuraidah diam.

“Kau dah ada yang punya? Atau, dah ada teman istimewa. Baguslah tu,” tambah Mak Midah lagi.

Zuraidah berasa tidak upaya untuk berterus-terang dengan ibunya. Harus dia akui, memang dia mempunyai ramai teman lelaki. Para jejaka itu terdiri daripada pegawai kerajaan dan swasta. Malah, ada yang cuma kakitangan di sebuah organisasi sahaja. Dia tidak memilih sama ada si dia itu ber-

pangkat ataupun tidak. Memanglah dia mengharap-kan agar si dia itu sepadan dengannya. Sepadan dengan gajinya sebagai seorang doktor perubatan.

Ingatannya melayang jauh. Semasa di universiti dahulu, dia sebetulnya pernah bercinta. Mereka sering bersama. Dan pada satu pertemuan di Pantai Lido sempat bermain-main di dalam kepalanya. Angin sepoi-sepoi bahasa yang bertiup dari arah Selat Teberau terasa begitu lembut. Walaupun lembut tetapi mencengkam tubuhnya. Tetapi, sayang sekali kelembutan itu akhirnya hilang dan perginya perlahan-lahan. Dan impiannya hancur berkecai.

"Maafkan abang, Zu ... abang tidak sanggup menentang pilihan keluarga. Abang terpaksa akur," ujar lelaki yang menjadi pujaannya. Kata-kata itu adalah di pertemuan yang terakhir.

"Zu mengerti ... siapalah Zu di sisi abang. Zu anak orang miskin. Tidak punya harta. Abang anak keturunan orang berpangkat. Ayah abang Tan Sri...."

"Zu! Abang bukannya lelaki yang seperti itu!" kata jejaka pujaannya dan sekaligus menafikan.

Zuraidah menitiskan air mata.

"Kenapa ni, Zu?" tanya Mak Midah.

"Tidak ada apa-apa, mak," balas Zuraidah cuba berselindung.

"Mak sudah tua Zu. Sakit pening emak nanti, siapa yang hendak jaga. Kalau Zu berkahwin, boleh ajak suami tinggal bersama kita," saran Mak Midah lagi.

"Nanti emak carikan ya, Zu," ujar Mak Midah seperti memujuk seorang anak kecil yang merajuk hati.

Zuraidah sempat tersenyum. Di dalam hati timbul perasaan betapa bertuahnya dia mempunyai seorang ibu yang penyayang dan bersikap ambil berat masalah yang dihadapi oleh anaknya.

Tetapi, jauh di sudut hatinya sudah tertanam satu cita-cita. Dia pernah berjanji kepada dirinya bahawa dia akan berkahwin selepas cita-citanya tercapai. Malah, dia berasa yakin bahawa cintanya pada kali yang kedua akan berakhir di jinjang pelamin. Dia berasa yakin dengan janji seorang lelaki yang didampingi kini. Cuma menunggu ... masa. Dia mahu memberitahu ibunya, tetapi bimbang pula sekiranya dikecewakan. Entahlah....

Namun, dikuatkan juga hatinya untuk memberitahu. Dia tidak mahu ibunya nanti-nanti akan jawapannya. Dia tidak mahu mengecilkan hati ibunya.

"Jangan kecewakan hati emak, ya Zu," tutur Mak Midah seakan-akan mengharapkan suatu kesudahannya.

"Yalah mak," balas Zuraidah tenang.

Mak Midah tersenyum bangga. Dia berasa amat bertuah kerana mempunyai seorang anak yang menurut kata.

"Tapi mak...."

"Tapi apanya Zu?"

"Bukannya sekarang mak. Berilah peluang pada Zu untuk membuka klinik sendiri dulu," ujar Zuraidah seyakini yang boleh.

Mak Midah tidak menyangka bahawa anaknya mempunyai suatu cita-cita yang murni. Dia tergamam seketika.

"Emak menanti dengan penuh tabah Zu. Emak doakan agar niat sucimu berjaya dan diberkati Allah," kata Mak Midah seperti berbisik.

"Insya-Allah, mak. Jejaka itu, Doktor Amran ... jiran kita!" Zuraidah memberitahu.

"Jiran kita?" kata Mak Midah dan memperlihatkan perasaannya yang terkejut itu. Ternyata dia menyimpan impian yang sama.

Mak Midah tersenyum-senyum. Walaupun usianya sudah meniti hari penghujung, dia boleh bersabar.

KERUSI

Amiruddin Ali

SUDAH lebih 10 tahun Cikgu Mahadi menja-wat jawatan Pengetua Sekolah, satu-satunya jawatan tertinggi bagi guru di peringkat sekolah. Jangka masa itu memang lama tetapi bukan mudah untuk dia menjawat jawatan tersebut. Bermula daripada seorang guru biasa, guru ko-kurikulum, guru penolong kanan dan sehinggalah pada jawatannya sekarang.

Usianya sudah setengah abad. Cikgu Ghani, Guru Penolong Kanan juga hampir seusia dengannya. Cikgu Ghani dinaikkan pangkat setelah Penolong Kanan lama, yakni Cikgu Esa meletakkan jawatan. Khabarnya mendapat tawaran jawatan eksekutif di sebuah syarikat.

Pelbagai kerenah terpaksa dihadapi oleh Cikgu Mahadi. Daripada masalah ponteng sekolah, penyelewengan koperasi, yuran PIBG yang dianggap tinggi, pertelagahan di kalangan guru, masalah para murid, percampuran yang hanya mengikut kaum sehinggalah kepada masalah perebutan kerusi di

kelas-kelas. Guru di sekolah itu adalah seramai 67 orang termasuklah Cikgu Mahadi. Memang susah menjadi seorang pengetua di sebuah sekolah yang dihadiri oleh pelajar daripada pelbagai kaum. Sekolah Menengah Seri Industri mempunyai pelajar Melayu dan Cina yang hampir sama ramainya. Selebihnya adalah pelajar kaum India dan beberapa orang pelajar kaum lain.

"Bagaimana sekarang?" tanya Cikgu Mahadi kepada Cikgu Ghani, Guru Penolong Kanan.

"Susah, cikgu."

"Kenapa?"

"Masih berebut lagi."

Cikgu Mahadi menanggalkan kaca mata putihnya. Dia mengeluh. Masalah itu memang rumit. Tetapi, banyak yang hampir selesai. Masalah penyelewengan di dalam koperasi sudah hampir diselesaikan apabila guru yang bertanggungjawab telah sanggup membayar ganti rugi. Yuran PIBG akan dikurangkan hasil rundingan dengan para ibu bapa pelajar. Tetapi, masalah kerusi masih belum dapat diatasi.

"Tak cukup lagikah, cikgu?" soal Cikgu Mahadi yang agak kurang berpuas hati itu.

Pada tahun lepas banyak kerusi baru telah dibeli. Anehnya walaupun banyak kerusi, masih tidak cukup lagi.

"Kena makankah kerusi tu?" suara Cikgu Mahadi ditinggikan sedikit. Cikgu Ghani hanya diam.

KERUSI

Kerusi yang dibeli sudah banyak yang patah kakinya. Banyak yang dihantar ke stor. Pak Cik Jamal telah berusaha membaikinya. Kerusi yang diperbaiki itu dikembalikan ke kelas berkenaan. Anehnya selang beberapa minggu kemudian kerusi itu rosak semula.

Masalah tidak cukup kerusi ada hikmahnya pula. Para pelajar kini datang cepat ke sekolah. Mereka ingin memastikan bahawa mereka mendapat kerusi. Jika lewat, terpaksa duduk di atas lantai.

"Eh, ini kerusi aku. Aku yang dapat dulu. Kau jangan masuk kelas aku, tau," ujar Taha meninggikan suaranya. Taha, Ketua Kelas Tingkatan Empat Proton merenung tepat ke muka Dali.

"Tapi, kawan kelas kau juga sering mencuri kerusi dari kelas aku," balas Dali dengan suara yang lebih tinggi.

Suasana semakin tegang. Masing-masing tidak mahu mengalah. Kerusi sebuah itu menjadi rebutan. Ia adalah sebuah kerusi berkaki besi dan sudah berkarat. Selain itu ada juga kerusi berkaki kayu.

"Hei, sudah ... sudah. Jangan berebut kerusi!" pinta Cikgu Normah dan sekaligus melarang dua orang pelajar itu daripada terus bertengkar.

"Tapi, ini kerusi saya, cikgu!" jelas Taha.

"Mana ada nama dia di kerusi ni, cikgu!" balas Dali pula.

"Jangan bergaduh kerana kerusi. Bukankah kamu

datang ke sekolah untuk menuntut ilmu.”

“Kalau saya tidak ada kerusi, ini bererti saya tidak dapat duduk cikgu,” ujar Dali.

“Apakah paling pentingnya bagi kamu ialah duduk di atas kerusi? Mengapa kamu tidak berusaha mengatasi masalah itu secara muafakat? Salahkah kalau kamu berkongsi kerusi?” tanya Cikgu Normah, guru bahasa Melayu. Suatu masalah lain yang sering dia hadapi ialah ramainya pelajar yang kurang fasih berbahasa Melayu.

Taha dan Dali berpandangan. Mereka berasakan ada benarnya kata-kata Cikgu Normah itu. Tetapi soalnya, pada zaman sekarang, siapa lambat akan ketinggalan. Untuk maju, seseorang itu harus berkorban dan perlulah bergerak pantas. Orang yang bersikap lembut dan selalu mengalah akan dipijak. Taha dan Dali menyedari hakikat itu. Taha sedar, dia pula bukanlah ingin berebutkan sebuah kerusi berkaki besi dan sudah berkarat itu.

Dia tahu, kerusi berkarat itu boleh mengotorkan baju atau seluar yang dipakainya. Dia juga amat menyedari bahawa kekotoran itu sesuatu yang tidak sedap dipandang.

“Saya harap salah seorang daripada kamu akan mengalah,” pinta Cikgu Normah.

“Bagaimana kalau kita adakan peraturan tentang kerusi ni cikgu?” kata Taha dan mengajukan satu soalan yang mengejutkan guru itu.

“Peraturan apa, Taha?”

“Satu peraturan bagi menentukan cara untuk mendapatkan kerusi dan tanpa berlakunya perse-lisihan faham sepertimana sekarang ini,” jawab Taha, seorang pelajar yang agak pintar di dalam Tingkatan Empat Proton.

“Bagaimana caranya?”

Dali hanya membisu. Hatinya berasa geram. Namun, dia cuba menyembunyikan rasa amarah yang sedang menggelegak dalam kamar hatinya itu.

“Kita tetapkan suatu peraturan yang amat jelas dan adil. Begini caranya – sekiranya kerusi itu berada di dalam kelas saya, ini bermakna ia dimiliki oleh para pelajar di dalam kelas saya dan begitulah sebaliknya. Ini bermakna, kerusi itu adalah milik semua dan ia berhak dimiliki oleh sesiapa sahaja. Asalkan, pemilik itu menjaga kerusi yang diper-olchinya,” jelas Taha. Terpegun Cikgu Normah mendengarnya.

Ternyata ketua kelas Tingkatan Empat Proton itu memiliki wibawa sebagai seorang pemimpin. Nam-paknya dia bersikap bijak dalam menentukan pe-milik kerusi itu.

“Bagaimana Dali?” soal Cikgu Normah.

“Saya bersetuju. Demi keadilan,” balas Dali sam-bil mengukirkan sebuah senyuman.

Taha tersenyum puas. Cikgu Normah juga be-gitu. Dia bangga di atas sikap toleransi para pela-jarnya itu. Selesailah masalah kerusi yang dihadapi oleh pelajar itu buat sementara waktunya. Dia me-

mikirkan bahawa peraturan itu akan dimaklumkan kepada Cikgu Mahadi.

Selanjutnya, Cikgu Normah berhadapan dengan masalah beberapa orang pelajarnya yang tidak fasih berbahasa Melayu. Pada hematnya, alangkah menyedihkan sekiranya rakyat Malaysia tidak tahu menggunakan bahasa kebangsaan mereka dengan betul. Negara sudah merdeka lebih 30 tahun lamanya tetapi masih ramai yang tidak menuturkannya dan sebaku yang boleh.

Kalau gagal mata pelajaran bahasa Melayu dalam peperiksaan, ramai yang menyalahkan pihak sekolah terutamanya para guru yang terlibat mengajarnya. Tetapi, masalah sebenarnya ialah para pelajar berkenaan yang tidak berusaha menggunakan bahasa rasmi negara ini dengan sebenar-benarnya.

Cikgu Normah yang mengajar di Tingkatan Empat Proton memerhatikan setiap para pelajar di kelas itu. Kebersihan diri dan sekitar menjadi prinsip utamanya. Dia sedar, Cikgu Mahadi juga mementingkan aspek kebersihan.

Pada minggu lepas, semua pelajar Tingkatan Empat Mutiara dikehendaki datang pada hari Sabtu dengan tujuan untuk membersihkan kelas mereka. Cikgu Mahadi berasa cukup marah apabila melihat kelas tersebut terlalu kotor.

"Pavitaran, sila duduk di tempat kamu!" arah Cikgu Normah.

KERUSI

"Tak ada kerusi, cikgu," jawab Pavitaran lembut. Cikgu Normah terdiam.

"Pavitaran, mari duduk di sebelah saya," ajak Jian Leng.

Pavitaran menghampiri Jian Leng dan duduk di sebelahnya.

"Macam inilah. Kita harus bersatu padu dalam segala hal. Memang masalah kerusi di sekolah kamu ni, tidak pernah dapat diselesaikan," ujar Cikgu Normah selepas memberikan pujian.

"Cikgu, kenapa kerusi selalu tidak cukup?" tanya Suzi pula.

"Entahlah Suzi. Barangkali para pelajar di sekolah ni suka makan kerusi," balas Cikgu Normah berseloroh.

Para pelajar tergelak mendengar alasan itu. Tiba-tiba terdengar bunyi bising apabila sebatang besi bergeseran. Bunyinya sedikit membingitkan.

"Kenapa ni?"

"Kerusi ni, cikgu," balas pelajar tersebut.

"Itulah kamu, ada kerusi tidak pandai jaga. Bila tidak ada kerusi, berebut kerusi!"

"Saya tidak pernah berebut kerusi, cikgu," jerit Perumal.

"Kamu pun sama Perumal. Selalu rebut kerusi. Entah-entah selalu berbaling-baling kerusi pula," usik Cikgu Normah. Kata-katanya itu berkesudahan dengan ketawa para pelajar di dalam Tingkatan Empat Proton.

"Ala, kerusi cikgu pun sudah goyang," beritahu Rubi.

Cikgu Normah yang sejak tadi berlegar-legar di dalam kelas melihat dari jauh kerusi tersebut. Ternyata kerusi itu sudah tidak ada apa yang dianggap istimewa. Spannya sudah koyak. Hati Cikgu Normah dilanda perasaan geram. Ditahannya perasaan geram itu.

"Kenapa pula kamu tidak mahu berebut meja, ha?" tanya Cikgu Normah cuba menyembunyikan perasaan kurang senang hatinya.

"Sebab meja tidak ada tempat sandar, cikgu," jawab Hasan yang tidak faham akan sindiran cikgunya itu.

Cikgu Normah berasakan hatinya semakin mendidih.

"Kalau begitu, kamu semua mahukan penyelesaian walaupun terpaksa berebut dan mengambil hak orang lain?"

Para pelajar di kelas itu terdiam. Mereka tidak menyuarakan apa-apa apabila mendengar Cikgu Normah meninggikan suaranya.

Taha tunduk. Pavitaran dan Jian Leng yang duduk semeja tidak berkata apa-apa. Suzi, seorang pelajar yang petah bercakap juga membisu. Mereka sedar suhu kemarahan Cikgu Normah sedang meningkat naik. Oleh itu, tidak elok dilawan berbicara. Buruk padahnya. Mereka sedar, Cikgu Normah memang mudah naik radang. Begitulah guru

perempuan. Dan menjadi seorang perempuan, jika kurang sabar, kesannya ialah pada si anak. Dan menjadi seorang pemimpin wanita yang tiada bersikap sabar akan banyak mendatangkan masalah.

"Tempat bagi seorang wanita adalah seelok-eloknya di rumah." Demikian ujar Ustaz Mokhtar dan dinyatakan dalam majlis ceramah agama sempena Israk Mikraj.

Taha memandang ke hadapan. Apabila teringat kata-kata Ustaz Mokhtar, dia merasakan apa yang dinyatakan itu ada kebenarannya. Dia dapati, di sekolahnya para pelajar perempuan lebih pantas bertindak merebut kerusi. Apabila tidak diberikan kerusi itu, mulalah dengan sikap perempuan mereka yang suka berleter itu.

Setelah tamat waktu mengajar, Cikgu Normah meninggalkan kelas itu. Cikgu Normah meninggalkan kelas itu dengan wajahnya yang kemerah-merahan.

Di muka pintu kelas itu tadi dia telah tersempak dengan Cikgu Mahadi yang sedang melakukan rondaan di sekitar kawasan sekolah. Cikgu Mahadi memang selalu melakukan rondaan. Tujuannya ialah dia ingin memastikan bahawa guru terbabit menjalankan tugas mereka. Dia ingin pastikan bahawa Sekolah Menengah Seri Industri dapat menjadi sebuah sekolah yang terkemuka. Dia berasa amat yakin dengan apa yang dicita-citakan itu. Dia telah menciptakan satu wawasan khusus untuk

sekolah itu dalam tempoh lima tahun yang akan datang. Apa yang diimpikan itu akan direalisasikan sebelum dia menamatkan profesionnya sebagai seorang guru.

"Kenapa cikgu keluar sebelum habis waktunya?" tanya Cikgu Mahadi.

Cikgu Normah tidak pula menjawabnya. Dia ternyata berasa terkejut dengan kemunculan Cikgu Mahadi yang tidak disangka-sangkanya itu. Cikgu Mahadi mengerti apakah perasaan Cikgu Normah. Dia yang melakukan tinjauan keadaan di kelas hanya menggeleng-gelengkan kepalanya.

"Tidak cukup kerusi lagi?"

"Ya, cikgu!" jawab salah seorang pelajar Tingkatan Empat Proton. Mereka yang lainnya seolah-olah menjawabnya serentak. Cikgu Mahadi hanya tersenyum.

"Itu jangan dibimbangkan. Saya akan berusaha supaya para pelajar tidak akan berebutkan lagi kerusi pada tahun hadapan nanti. Pihak sekolah akan menyediakan kerusi yang tahan lama dan bermutu. Tapi, asalkan kamu semua bertanggungjawab dalam menjaganya. Kerusi yang diadakan adalah menjadi milik kita semua. Jangan sekali-kali kamu bersikap merosakkan kerusi yang telah kamu miliki. Adalah diharapkan peristiwa yang sering terjadi tidak akan berulang lagi," jelas Cikgu Mahadi.

Pada hari itu para pelajar Sekolah Menengah

KERUSI

Seri Industri semuanya tersenyum-senyum apabila mendengar jaminan daripada pengetua mereka. Cikgu Ghani yang mendengarnya turut tersenyum bangga.

“Rupa-rupanya kerusi merupakan masalah utama di sekolah ini. Ingatkan banyak masalah lain yang lebih rumit,” rungut Cikgu Mahadi dan kemudian tersenyum apabila mengingatkan masalah kerusi.

Di kamarnya, dia duduk dan memandang ke arah pintu kamar yang bercermin gelap.

“Tapi, kerusi aku masih empuk lagi,” katanya sendirian.

MALAM MENGERDIP

Amiruddin Ali

SEBELUMNYA aku hanya mendengar cerita orang. Ceritanya tidak lebih daripada cerita yang menguntungkan lelaki. Keuntungan untuk dunia sementara. Aku juga sering menatap ceritanya di dalam majalah-majalah. Semuanya membuatkan hatiku teringin sekali menikmatinya. Entahlah!

Barangkali tidak sama di Bukit Bintang atau Chow Kit. Aku berkira-kira sendiri, sebelum menjejakkan kaki ke Ancol, Kota Jakarta memang sibuk. Aku kira lima kali ganda sibuknya jika dibandingkan dengan Kuala Lumpur. Kehidupan malamnya, adalah lebih meriah daripada kesibukan malam di Kuala Lumpur.

"Tiada siapa yang dapat melihatku di sini," bisik hati kecilku yang kini bersahabatkan syaitan.

Pada malam itu, kesempatan yang terbuka tidak mudah kulepaskan. Rakan-rakanku yang lain keletihan sekembalinya dari Cipanas. Masing-masing ingin berehat di hotel. Badanku juga letih. Aku

hanya ada tiga hari sahaja di Kota Jakarta. Pada malam ini, aku tidak mahu melepaskan peluang ke Ancol. Aku ingin menyaksikan sendiri apa yang diceritakan orang. Aku ingin merasai kehangatan malam di Kota Jakarta.

Memang aneh, kota ini. Jam 9:00 sudah lengang. Cuma, ramai ke disko. Disko banyak sekali. Ada disko bertaraf rendah dan juga tinggi.

"Pak, bisa hantar saya ke Ancol," pintaku lembut kepada Pak Afandi yang membawa van sewaan kami.

Pak Afandi yang agak pendiam itu setuju sahaja dengan permintaanku. Lagi lama perkhidmatannya digunakan, lagi banyak wang dia dapat. Sebagai supir, dia dibayar upah berdasarkan wang sewaan. Lagi banyak wang sewaan van, lagi banyak komisyennya.

"Jangan bimbang pak, saya bayar lebih," kataku lagi.

Pak Afandi senyum. Jauh di sudut hatinya, tentu memikirkan yang bukan-bukan tentang diriku.

Sebenarnya, aku sendiri tidak tahu apa yang ada di Ancol. Sengaja kesempatan ini aku gunakan. Kalau tidak hari ini, bila lagi aku akan berada di Jakarta.

"Apa yang istimewanya Ancol tu, pak?" tanyaku seperti seorang budak yang bodoh.

Pak Afandi tersenyum. Lambat sekali dia memberikan jawabannya.

"Jangan fikir bukan-bukan, pak," celahku pantas.

"Tidak ada apa-apa, pak," ujar Pak Afandi yang membahasakan aku, bapak. Panggilan itu cuma tanda hormat.

Kira-kira setengah jam, dari hotel sewaan di Jalan Tamrin, aku sampai di Ancol. Sunyi sekali. Taman Ancol besar sekali. Ada laut di sekitarnya.

"Pusing-pusing saja, pak."

"Kita lihat-lihat dulu. Mana yang baik, kita ajak *ngombrol*," balas Pak Afandi.

"*Ngombrol* tu, apa?"

"Berbual-bual."

Aku memerhatikan keadaan di sekitarnya. Ternyata, agak sepi. Tidak ada kesibukan. Namun, banyak sekali kereta berhenti di pinggir jalan. Pak Afandi juga memerhatikan sekeliling. Dia memperlahankan van yang dipandunya. Tiba-tiba, mataku tertumpu ke arah seorang wanita berbaju merah.

"Cantik sekali, pak," ucapku di bawah sedar. Malu rasanya.

"Cari yang lain dulu. Banyak lagi yang lebih cantik. Kalau tidak ada, kita kembali ke sini," balas Pak Afandi seperti menyindir kegelojohanku.

"Pak, saya tidak punyai niat buruk. Saya sekadar ingin lihat-lihat dan *ngombrol* sahaja." Demikian jelasku. Aku tidak mahu dia tersalah sangka.

Pak Afandi memberhentikan van. Dia terkejut mendengar ucapanku. Sangkanya, aku inginkan sesuatu yang lebih daripada itu.

"Bapak uruskan untuk saya," pintaku.

Pak Afandi mendekati seorang wanita yang berbaju merah. Dia masih didekati oleh seorang lelaki berhidung belang. Pak Afandi menunggu. Waktunya agak lama sebelum berkesempatan mendekatinya. Akhirnya, lelaki itu beredar. Mungkin, bayarannya agak mahal. Pak Afandi mengajak aku mendekati wanita itu. Setelah diperjelaskan tujuanku, akhirnya wanita itu bersetuju.

"Saya Zulfadli." Dan aku menghulurkan tangan.

"Panggil Yanti," balasnya lembut dan menggenggam tanganku. Aku menatap wajahnya. Berdasarkan raut wajahnya, ternyata usianya masih muda.

Yanti yang agak 'takut-takut' itu akhirnya bersetuju untuk bersama aku dan Pak Afandi menaiki van.

"Saya mahu *ngombrol* sahaja," beritahuku jujur.

"*Enggak* mahulah. Lambat."

"Jangan bimbang, saya bayar," jawabku memberikan jaminan.

"Ya. *Mas* ni, dari Malaysia. Mahu *ngombrol* sahaja," sokong Pak Afandi.

Yanti tersenyum. Aku tidak tahu bagaimana harus memulakan bicara. Terasa juga seram sejuk. Maklumlah, itu kali pertama. Dosa tetap bermain di ruang kepala. Untung ada Pak Afandi, orang yang ketiganya.

"Ehem...."

"Lama di sini?" tanya Yanti.

"Sudah seminggu. Dan malam ini saya mencari Yanti," balasku bergurau.

"Berapa usia Yanti?"

Dia terdiam.

Aku berasa kesal kerana bertanyakan soalan itu. Namun, aku juga ingin tahu. Melihat kejelitaan wajahnya, aku berasakan alangkah baiknya jika dia tidak ke sini.

"Agak-agak *Mas*, berapa?"

"*Mas* bukan tukang ramal," balasku.

Yanti tergelak.

"Apakah...."

"Memang Yanti, perempuan malam!" potongnya pantas.

"Sudah lama?"

"Baru tiga bulan."

Terasa amat malang sekali apabila gadis muda itu telah tercebur ke lembah hina. Usianya yang aku tanya, tidak dijawabnya. Rasa-rasanya sekitar 20 tahun. Bagiku, dia sungguh cantik. Memang gadis Indonesia, cantik-cantik. Gadis Bandung, lagi cantik.

"Kenapa Yanti ke sini?" tanyaku mencungkil rahsia.

"Dan *Mas* pula, kenapa ke sini?" balas Yanti, cukup bijak. Aku terperangkap dalam soalanku sendiri.

"Mahu lihat-lihat dan *ngombrol* tentang Indonesia. *Mas* kan, orang melancong."

"Itu jawapan *Mas*. Barangkali kalau Yanti goda, tentu *Mas* akan tertewas."

"Mudah-mudahan Allah S.W.T. lindungi *Mas* daripada melakukan perbuatan terkutuk itu," jawabku pantas.

"Kalau *Mas* takut, usah ke sini. Rugi. Bayar puluhan ribu rupiah, sekadar *ngombrol*. Kan percuma, wang melayang," pancing Yanti.

"Jangan goda saya, Yanti. Dunia ini hanya sementara cuma. Kita sekadar pelakon sahaja."

"Yanti juga pelakon."

"Tapi, Yanti memilih watak yang kurang enak untuk ditonton!"

"*Mas* pasti?"

"Ya!"

"*Mas* juga ini pelakon bersama Yanti. *Mas* juga akan terjebak ke lembah hina."

"Semoga Yanti tidak mengheret *Mas* ke lembah itu."

Aku termenung memikirkan. Yanti semakin rapat ke sisiku. Pak Afandi menghentikan van menghala ke pantai. Udara semakin dingin. Kedinginan inilah yang membuatkan aku takut. Yanti sememangnya memerlukan kehangatan. Memang tugasnya begitu.

"*Mas* tahu, tidak semua perempuan malam itu jahat?"

Yanti menatap wajahku. Aku berasa serba salah ditenung begitu. Biar pun dalam kegelapan malam,

aku menyedarinya. Hanya cahaya pantai menyuluh wajahku dalam kesuraman malam itu.

"Yanti juga ada maruah. Yanti pernah baca sajak Rendra. Katanya, bersatulah pelacur-pelacur Jakarta. Tapi Yanti, bukan pelacur. Yanti tidak pernah anggap diri Yanti pelacur!"

"Kalau bukan pelacur, apa tanggapanmu?"

Yanti terdiam. Dia memandang tepat ke wajahku lagi. Tangannya yang nakal menyentuh pahaku. Tersirap darahku.

"Pelacur adalah dengan kerelaan. Tapi, Yanti tidak. Aku tidak pernah rela. Pak Menteri hanya bilang, pelacur sampah masyarakat. Tapi, *enggak* bilang siapa yang meniduri kalangan kami," beritanya dengan nada geram dan marah.

"Tiga bulan Yanti di sini, macam-macam manusia yang Yanti lihat dan temui. Bukan dari Indonesia sahaja, malah dari Malaysia. Barangkali *Mas* terkejut dengan cerita Yanti. Mungkin bapak-bapak dari Malaysia itu, orang-orang penting. Siapa tahu? Kalau tidak, masakan mampu ke Jakarta yang belanjanya beribu-ribu ringgit Malaysia. Bukan begitu?"

"Ya, ya...."

Yanti lebih banyak berbicara daripada aku, tanpa disoal. Aku tidak perlu mengemukakan pertanyaan. Lebih mudah kerjaku.

"Tinggal di mana?"

"Tidak perlu tahu."

"Kalau saya ke Jakarta lagi, bagaimana mahu hubungi Yanti?"

"Yanti perempuan malam. Cukuplah pertemuan di sini. Kalau ke Jakarta, cari sahaja Yanti di Ancol," jawabnya manja dan mudah.

"Janganlah begitu."

"Nanti ibu Yanti marah."

"Saya kan orang Malaysia."

"*Mas* ni, orang Malaysia," celah Pak Afandi.

Setelah dijelaskan barulah dia mengerti. Rupanya, dia menyangka aku orang Malaysia yang menetap di Jakarta. Bimbang, aku sering mengunjungi rumahnya.

"Yanti tidak punya cita-cita?"

Dia terdiam seketika.

"Sukar untuk diperjelaskan. Yanti sudah terlajak. Namun, Yanti punya semangat untuk hidup."

"Maksud Yanti?"

"Yanti mahu mengajak rakan-rakan bersatu. Ya, seperti kata Rendra, bersatulah pelacur-pelacur Jakarta. Justeru itu, Yanti mahu bersatu. Kemudian, mendedahkan sesiapa sahaja yang pernah melang-gani kami. Kami terpaksa. Demi kehidupan kami...."

Aku lihat Yanti menitikkan manik-manik jernih. Baru aku sedari, bahawa dia tidak merelakan tubuhnya dijamah oleh lelaki. Cuma, lelaki tetap menyangka bahawa tubuhnya untuk dinikmati. Ah, dunia semakin gelap.

"Percayalah *Mas*, Yanti belum terlalu jauh. Tapi,

bagaimana harus Yanti lakukan?"

Hati aku yang biasanya keras, kini tersentuh.

"Yanti ingin membela wanita-wanita yang terjebak ini. Mereka perlu kembali ke pangkal jalan. Mereka pun takut wabak AIDS. Pemerintah perlu sediakan kerja. Bukan sekadar duduk di *kantor!*" ujar Yanti tegas.

Daripada perbualan aku dengan Yanti, tentunya dia berpendidikan tinggi. Kalau tidak, masakan dia boleh berbicara tentang puisi dan pemerintah. Tanpa aku sedar, sudah dua jam aku bersama Yanti. Mengikut kiraan, aku perlu membayar 60 ribu rupiah (kira-kira RM90.00). Aku mahu beredar.

"Semoga Yanti berjaya dengan usaha murni itu," ucapku penuh harap.

Yanti tersenyum. Rasa-rasanya, ingin aku kucup pipinya yang merah itu. Tetapi, aku masih ada rasa malu pada Allah S.W.T dan juga Pak Afandi. Berat rasanya untuk berpisah.

"Mas men doakan Yanti selamat."

"Terima kasih, semoga ketemu lagi!"

"Dan seba ik-baiknya, Yanti berhenti terus!"

"Kalau Mas sudi membawa saya ke Malaysia!" balas Yanti seperti bergurau tetapi tegas. Aku jadi terharu.

"Insya-Allah, Yanti!"

Pak Afandi menatap wajahku penuh tanda tanya. Apakah jawapan itu lahir daripada kejujuran seorang pemuda yang benar-benar berhati mulia?

SELEPAS KEMATIAN

Amiruddin Ali

“KAU masih hidup?”

“Tidak!” jawabnya perlahan.

Perbuatan itu terhenti sedikit. Sukar untuk mempercayai kata-kata yang dilafazkan itu. Benarkah? Benarkah bahawa aku sudah mati? Bila aku mati? Apakah sememangnya begini lumrah manusia. Entahlah!

“Kau yakin bahawa kau telah mati?”

“Kenapa?”

“Aku lihat namamu terpampang di potret dunia,” jelas Tokoh B.

“Bukankah dunia itu, pentas lakonan kita,” balas Tokoh A.

Setelah kematian Tokoh A, peminatnya sering menyebut-nyebut namanya. Sahabat dan muridnya, sering sahaja memperkatakannya. Malah, begitu ramai mengambil tugas yang ditinggalkannya. Mazhab-mazhab pemikiran berusaha mengembalikan kecemerlangan tokoh itu. Mereka berusaha menguasai pentas pemikiran yang ditinggalkan.

Tokoh A memandang sekeliling. Dia ingin memastikan sama ada dia masih hidup atau telah mati. Pertanyaan Tokoh B amat menghairankan dan memeningkan kepalanya. Setahunya, dia sudah mati. Ya, sudah mati. Tetapi, kehadiran Tokoh B di alamnya, mengejutkan dirinya. Dan, paling memeranjatkan apabila Tokoh B, tidak pasti akan kematiannya sendiri.

Aku sudah jelas. Aku telah diberitahu tentang kematianku. Urat nadiku tidak bergerak lagi. Dan paling kuingat, apabila talkin dibacakan. Apakah Tokoh B tidak ditalkinkan? Sudah tiadakah imam-imam yang mahu mentalkinkan Tokoh B? Apakah yang pernah dilakukan Tokoh B sehingga dia tidak menyedari tentang kematiannya?

Ah, demikian aneh, manusia yang mengunjungi alam kematian ini. Paling membingungkan, apabila manusia tidak mahu mengingati mati. Ya, sememangnya aku sudah mati, ulang Tokoh A berkali-kali.

"Tidak! Tidak! Kau tidak mati," tegas Tokoh B.

"Bertenang, kawan. Kita telah mati. Kau sudah lupa, bahawa semakin banyak kita melepaskan dunia, makin banyak pula kita mendapat perbendaharaan akhirat," balas Tokoh A berfalsafah.

Tokoh B berasa semakin pening. Sebelum kedatangannya ke alam yang didiami Tokoh A kini, ada pusat yang mengagumkan Tokoh A. Tokoh A akan dianugerahi pingat kebesaran. Tokoh A

masih hidup. Kalau tidak masakan ada pingat untuknya.

"Kau akan terima pingat yang menaikkan kecemerlanganmu pada bulan hadapan. Persiapan besar-besaran sedang berjalan lancar," ujar Tokoh A meyakinkan.

"Pingat?"

"Ya, pingat!"

"Ah, manusia. Bukankah aku sudah mati. Untuk apa pingat itu lagi. Aku tidak mengerti. Sudah banyak perisai kemenangan yang kuterima semasa hidup. Jadi, buat apa lagi dengan pingat-pingat terbaru ini?" keluh Tokoh A.

"Kau akan diraikan dalam majlis pengumiaan pingat-pingat bersama tokoh-tokoh besar lain," tambah Tokoh B lagi.

"Aku kira persoalan alam kubur ini pun masih belum selesai. Terlalu banyak yang kita harus lalui. Sering orang mengatakan dunia yang kita tinggalkan itu adalah pentas lakonan. Tetapi, tidak ramai yang memberitahu kita bahawa dunia ini ibarat dapur bagi wali-wali. Dan akhirat adalah arkitek me-reka," tekan tokoh A seolah-olah menyesali kehidupannya yang lampau.

Tidak diragui Tokoh A adalah orang yang berpengaruh. Tetapi, pengaruh dan keagungan bukanlah perkara yang sama dan kita mungkin akan bertanya, apa yang menyebabkan Tokoh A berpengaruh. Tokoh A dianggap sebagai tokoh yang tiada

tolok bandingnya. Dia dianggap sebagai guru yang mengajar tentang kemajuan, tentang kedunguan dan 'guru yang sentiasa dijadikan teladan (Benarkah?)'. Mengapakah pemikirannya, masih seronok diikuti? Kejayaannya adalah yang teragung dan sudah pastilah dia dianggap sebagai bapa. Bapa bagi semua manusia yang tidak mahu mengakui kebapaannya. Dengan pemikirannya, yang mendahului zamannya. Dia masih dikritik hebat.

Tetapi, alangkah dayusnya pengkritik itu kerana yang dikritik tidak mampu menjawab lagi. Yang dikritik itu telah pergi. Logiknya, pengkritik itu adalah golongan yang gelojoh untuk maju. Sering melihat tepi kain orang lain.

Di satu forum, orang terlalu mengagung-agungkannya. Demikianlah manusia, sering mengagung-agungkan sehingga berlebihan sangat.

Di satu forum lain, ada manusia yang mengakui telah mengenalinya secara lebih dekat. Tetapi, Tokoh A membisu seribu kata. Kini, dia menjadi warisan sejarah sahaja. Tokoh A belum lagi dikalahkan. Sebagai contoh, manusia yang menyalahkan Tokoh A hanya memberikan tanggapan yang tidak betul dan tidak berusaha membetulkan dirinya sendiri. Akibatnya jadilah mereka umpama anjing yang menyalak bukit. Bukit tidak runtuh! Dan Tokoh A tetap utuh!

Risalah-risalah yang ditinggalkan adalah kaya, menarik dan wajar dikaji. Ia wajar dikaji sebagai

ulasan yang sangat diperlukan. Dan dalam beberapa hal, ia harus diberi perhatian.

"Kau akan pergi menerima pingat itu?" tanya Tokoh B.

"Gila! Mana mungkin, manusia yang telah mati akan menerima pingat itu?"

"Kenapa semasa hidup dulu tidak dianugerahkan pingat itu?" tekan Tokoh B.

"Usaha murni bukan untuk mendapatkan pingat," sindir Tokoh A. Tokoh B terdiam. Barangkali beginilah yang sering terjadi kepada para manusia terkenal dan yang sealiran dengannya.

Jawatankuasa pingat pula bertelagah. Ada yang bersetuju agar Tokoh A dianugerahi pingat. Ada pula yang tidak bersetuju. Alasan yang membantah pengumiaan pingat itu amat jelas dan mudah iaitu: Tidak mahu roh tokoh itu diganggu.

"Tidak. Dia telah berjasa. Dia mesti dikumiakan pingat!" tegas setiausaha pengumiaan pingat.

"Kenapa tidak pada masa hidupnya dahulu diberikan pingat!" tanya salah seorang ahli jawatankuasa.

"Dahulu, bukan kita yang menjadi jawatankuasa pengumiaan. Kalau aku yang menjadi setiausaha, jawabnya sudah tentu. Dia akan aku senaraikan sebagai penerima pingat tertinggi," balas setiausaha itu dan sekaligus mempertahankan hujahnya.

"Tidak diragui bahawa Tokoh A adalah seorang manusia yang cukup berkaliber dalam bidang yang

diceburinya. Tiada tolok bandingnya dengan manusia yang seangkatannya. Kalau Aristotle masih disebut-sebut selepas kematian, Tokoh A juga begitu. Dia tokoh besar di kalangan bangsa kita. Kalau Aristotle mati, ada Theophrastus yang mengambil alih tugasnya. Tetapi, selepas kematian Tokoh A, tidak ada yang mengambil alih tugasnya. Malah, dia dihina pula dalam satu forum khas. Jadi, salakah kita menganugerahkan dia satu pingat sebagaimana lambang keagungan bangsa kita?" kata seorang ahli jawatankuasa yang seperti menyokong pandangan setiausaha itu.

"Berilah pendapat yang bernas, bukan dikuasai oleh emosi. Orang Melayu sering kalinya diusik emosi," pintas pengerusi pula.

"Saudara pengerusi. Saya ingin memberikan sedikit pandangan lagi tentang Aristotle."

"Apakah kaitannya Aristotle dengan Tokoh A?" tanya pengerusi

"Begini saudara pengerusi. Aristotle tidak pernah dilupakan dan usahanya itu dinikmati lebih dari satu zaman. Dari abad pertama hingga keenam Masihi. Rentetan pengulas yang terpelajar telah mengekalkan hasil-hasil penulisannya dan menghidupkan kembali pemikirannya."

"Jadi, kenapa dengan Tokoh A?" tanya pengerusi itu lagi.

"Kita perlu mewujudkan pengulas-pengulas yang memperkatakan pemikirannya. Jadi, kita anjurkan

pertandingan menulis esei atau apa sahaja sebagai mengenang jasa beliau. Pingat ini pula wajar kita berikan sebagai penghargaan. Kesilapan tidak mengurniakan pingat semasa hidupnya adalah satu persoalan yang bukan kecil.”

“Ah, aku tetap tidak setuju kalau pingat itu dikurniakan kepada Tokoh A. Dia telah mati!” bantah seorang ahli jawatankuasa.

“Kalau begitu, kita undi. Undi sulit,” tegas pengerusi.

Kertas undi pun diedarkan. Pengundian dijalankan. Setelah undian dibuat, pingat akhirnya wajar dikurniakan. Kemenangan satu undi yang diperolehi sudah cukup membolehkan Tokoh A menerima pingat kebesaran selepas kematiannya.

Keputusan mengurniakan pingat kepada Tokoh A diumumkan di dalam akhbar-akhbar tempatan. Ramai yang menyokong dan ada juga yang tidak bersetuju. Bantahan itu dilengkapkan dengan hujah yang bemas.

Tokoh A termenung seketika. Dia memegang urat nadinya yang sememangnya tidak berfungsi lagi. Pingat itu adalah untuk anak warisan yang telah ditinggalkannya. Kini, dia mempercayai berita yang disampaikan oleh Tokoh B.

Rakan-rakannya datang mengucapkan tahniah.

“Tahniah!”

“Terima kasih. Tapi, aku tidak menerimanya!” tegas Tokoh A.

WIRA KEMERDEKAAN

“Kenapa?” tanya rakan-rakannya dan peminatnya serentak.

“Bukankah kita berada di alam lain. Alam barzakh!”

Masing-masing berpandangan sesama sendiri.

BENDERA MERAH

A. Latip Talib

JAM di tanganku sudah menunjukkan pukul 10:00 malam. Mereka yang datang adalah para penduduk Kampung Nyiur Gading. Mereka telah berkumpul di rumah Pak Samad yang tersergam indah itu. Di dapur, terdengar suara bisik orang perempuan yang sedang memasak. Di halaman rumah pula riuh-rendah dengan suara kanak-kanak. Di ruang tamu sudah berkumpul kira-kira 20 orang lelaki. Mereka datang untuk memeriahkan perkahwinanku.

Masing-masing nampak gembira. Kawan-kawan pula mengusik aku yang sedang duduk bersila di atas tempat khas yang disediakan. Dengan pakaian serba baru dan indah serta diberi penghormatan khas sebegitu rupa, aku merasakan benar-benar seperti seorang raja. Namun, jauh di sudut hatiku terselit rasa cemas dan gusar. Semakin lama semakin kuat kegusaran itu. Tambah lagi apabila melihat tuk imam dan tuk bilal sudah datang.

Seumur hidupku yang telah menjangkau usia 25

tahun ini ada dua peristiwa yang paling tidak dapat kulupakan. Peristiwa pertama menanti saat aku dikhatankan oleh tuk mudin dan peristiwa kedua menunggu saat aku diakad nikahkan. Aku cuba melawan rasa cemas dengan mengukir senyuman yang dibuat-buat. Namun apa yang tersirat di hatiku hanya Tuhan sahaja yang Maha Mengetahui.

"Kita mulakan akad nikahnya ..." kata tuk imam sambil memandang ke arahku. Aku membalas pandangan tuk imam dengan lagak seperti orang yang sudah bersedia.

"Cepat selesainya lebih bagus. Buat majlis tidak boleh dilengahkan," kata tuk bilal dan tersenyum-senyum sambil mengalakan pandangannya ke arahku. Sungguh aku tidak tahu apa yang sebenarnya tersirat di sebalik senyuman tuk bilal itu.

"Setuju, setuju," balas tuk ngah sambil menganggukkan kepalanya beberapa kali. Kemudian kata tuk ngah lagi. "Dalam hidup kita ini ada empat perkara yang mesti disegerakan. Pertama, bila ada kematian dan jenazah itu harus segera dikebumikan. Kedua, bila kita berniat nak buat kebajikan, janganlah bertangguh. Segeralah melaksanakannya. Ketiga, Bila masuk waktu sembahyang, segera dikerjakan. Dan keempat, jika ada anak gadis dan sudah ada yang berkenan, segeralah kita nikahkan!"

Tuk ngah memang pandai berbicara. Dalam sesuatu majlis dia akan jadi tumpuan orang ramai

kerana ada sahaja modalnya untuk bercerita. Kata orang, tuk ngah penyeri majlis. Di majlis pernikahan itu, tuk ngah menjadi orang pangkal, kerana dia saudara tua kami.

“Nikahnya secara wali hakim atau ...” tanya tuk siak minta kepastian.

“Saya masih ada buat apa berwalikan hakim. Bukankah lebih afdal kalau si ayah sendiri yang menjadi wali pernikahan anak perempuannya?” kata Pak Samad yang akan menjadi bapa mentuaku sebentar lagi.

Mengapa persoalan wali hakim itu ditimbulkan sudah kuduga. Sejak akhir-akhir ini masyarakat kampungku heboh dengan pelbagai masalah agama terutama isu wali hakim. Perkara ini timbul sejak kembalinya Ustaz Muin setelah menuntut di salah sebuah universiti di Iran. Ada yang mendakwa Ustaz Muin sudah terpengaruh dengan fahaman Syiah. Ustaz itu mengatakan bahawa sekiranya ada sesiapa yang tidak mendirikan sembahyang maka hukumnya haram kalau kita makan di rumahnya, Katanya lagi, jika mati, si mati tidak boleh disembahyangkan dan tidak sah kalau bertindak menjadi wali untuk menikahkan anak perempuan seorang yang tidak bersembahyang. Apabila pernikahan tidak sah maka hukumnya zina. Nauzubillah.... Benar atau tidaknya dakwaan itu, aku sendiri tidak pasti kerana pengetahuanku cetek dalam hukum-hakam agama.

Tetapi aku yakin Pak Samad bukan seperti yang dihebohkan itu. Aku kenal sangat dengan Pak Samad yang kebetulan masih ada hubungan persaudaraan dengan sebelah nenekku. Demi untuk merapatkan lagi hubungan persaudaraan kami maka nenek mencadangkan supaya aku mengambil cucu saudaranya untuk dijadikan isteriku.

"Pengantin lelaki sudah sedia?" Pertanyaan tuk imam mengejutkan lamunanku.

"Baca selawat supaya hilang rasa takut tu," bisik Abang Dolah yang kulantik sebagai pengapitku. Kamudian kata Abang Dolah lagi, "Kami memang sudah lama bersedia, tuk imam. Kata orang, hati berani kerana senjata tajam, mulut celupar kerana banyak emas!"

Kata-kata Abang Dolah itu disambut dengan ketawa oleh pihak pengantin perempuan.

"Janganlah bersikap terlalu yakin. Apa yang ditakutkan nanti ialah senjata yang tajam itu akan menikam tuannya. Emas yang banyak itu dicuri orang," balas Tuk Ngah yang mewakili pihak pengantin perempuan. Sekali lagi ketawa pecah berderai. Masing-masing mula usik-mengusik untuk memeriahkan lagi suasana.

Cuma diriku sahaja yang sedang gawat. Bagiku tidak ada yang melucukan pada saat itu kerana aku sedang berperang dengan perasaan sendiri. Terasa benarlah apa yang Abang Dolah katakan yakni saat yang paling mencemaskan bagi pengantin baru

ialah ketika akan diijab kabulkan. Sekiranya ijab kabul itu beres maka yang lain pun akan ikut beres. Tetapi, kata Abang Dolah lagi, kalau nasib tidak baik sampai keluar peluh jantan pun ijab kabul tidak dapat diselesaikan kerana pengantin lelaki panik dan darah gemuruh.

"Kita mulakan sekarang," kata Pak Samad sambil menghulurkan tangannya kepadaku. Terasa panas tangan Pak Samad.

Debaran di dadaku semakin kencang. Sebenarnya, sejak mula melangkah kaki dari rumah pun dadaku sudah mulai berdebar-debar. Mujur Tuk Wan memberikan sirih jampi untuk memulihkan semangat. Selepas memakan sirih itu baharulah tenang sikit perasaanku.

Tetapi cuma untuk seketika sahaja. Sebaik sahaja kakiku memijak anak tangga pertama rumah pengantin perempuan maka debaran itu melanda semula perasaanku. Malah, bertambah kuat lagi jadinya. Entah kenapa darah gemuruh datang secara tiba-tiba pada saat aku memerlukan ketenangan hati ini.

"Bertenang, jangan dikalahkan oleh perasaan sendiri," bisik Abang Dolah seperti mengetahui apa yang sedang kurasakan. "Semua akan beres tak lama lagi," kata Abang Dolah lagi sambil menepuk-nepuk bahuku dalam usahanya menenteramkan perasaanku.

"Oh Tuhanku, kenapa hatiku berdebar-debar?"

Tabahkanlah hatiku menghadapi saat yang genting ini," doaku dalam hati.

"Syaitan akan menangis bila keturunan anak Adam diijab kabulkan." Begitu kata seorang ustaz. Kerana itu tidak hairanlah mengapa aku digodanya dalam saat yang mencemaskan itu.

Aku akan menjadi seorang suami yang baik. Begitu tekad hatiku. Walaupun Hayati pilihan orang tuaku namun aku yakin akan hidup bahagia di sampingnya. Aku juga yakin bahawa cinta selepas berkahwin itu lebih bahagia. Kerana itu kami tidak pernah berpeleseran ke sana sini memadu kasih. Apatah lagi melakukan perbuatan yang ditegah oleh Allah. Aku yakin bahawa cinta yang suci itu akan kekal selamanya.

"Hayati sudi menjadi isteriku?" tanyaku ketika berkunjung ke rumahnya. Pertemuan itu sengaja dirancang untuk membolehkan kami bersua muka dan berbicara.

"Yati ikut saja kata ayah dan ibu. Baik kata mereka, baiklah pada Yati," kata Hayati malu-malu.

Semakin tertarik hatiku dengan sikapnya itu. Dan sejak pertemuan itulah aku mula memasang angan-angan yang manis. Kalau keluargaku orang kaya dan berpangkat besar tentu majlis perkahwinanku dibuat secara besar-besaran. Ayahku akan mengadakannya di sebuah hotel bertaraf lima bintang. Para jemputan terdiri daripada para pembesar

negara dan Pak Menteri juga akan turut hadir. Berita pernikahanku juga akan dimuatkan dalam akhbar dan televisyen.

Tetapi, aku dilahirkan di dalam keluarga miskin. Ayahku meninggal dunia ketika aku masih dalam kandungan. Setahun setelah aku dilahirkan, ibuku berkahwin lagi. Aku diserahkan kepada nenek kerana ibu mengikut suaminya berpindah ke FELDA. Neneklah yang membesarkan dan mengasuh aku dengan penuh kasih seorang nenek. Neneklah ibu dan ayah dalam kehidupan seharianku. Nenek juga yang menguruskan persekolahanku.

Nasib aku baik kerana setelah mendapat keputusan peperiksaan SPM pangkat ketiga, aku berjaya mendapat kerja sebagai kerani di sebuah bank di pekan Kuala Klawang yang tidak jauh dari tempatku tinggal. Baru beberapa tahun aku bekerja, nenek mencadangkan supaya aku mengambil Hayati menjadi isteriku. Dan aku menurut sahaja cadangan nenek.

"Kenapa tangannya sejuk?" kata Pak Samad sambil menggenggam erat tanganku.

"Err ... aku terima nikahnya...."

"Belum lagi ..." kata Pak Samad dan serentak kedengaran ketawa tetamu yang hadir.

"Pengantin baru mesti sabar dan jangan gopoh," kata Pak Budin yang kelakar orangnya.

Alamak malunya. Aku mengutuk diri sendiri kerana kelalaianku itu. Perasaanku semakin tertekan.

Kalau turutkan rasa hati mahu sahaja aku meninggalkan majlis itu. Biar mereka rasakan. Tetapi apabila mengingatkan nenek dan saudara mara yang bersusah payah mengusahakan perkahwinan-ku maka terpaksa aku tunggu hingga majlis selesai.

"Sekarang kita mulakan..." Pak Samad merapatkan silanya dan menggoncang tanganku sebagai tanda suruh bersedia.

Dua orang saksi yang terdiri daripada pegawai masjid duduk di rusuk kiri dan kanan Pak Samad. Semua mata bertumpu ke arahku. Bertambah gemuruh perasaanku. Pelbagai fikiran menerpa otakku. Mampukah aku memikul tanggungjawab sebagai seorang bapa di rumahku nanti? Bahagiakah perkahwinan kami? Benarkah bahawa perkahwinan itu satu perjudian? Ah, bertambah serabut fikiran-ku dibuatnya.

"Bismillah...!" Pak Samad seperti tidak sabar lagi untuk menyelesaikan pernikahan anak perempuannya yang sulung itu.

"Tunggu dulu!" teriak tuk imam sambil membetulkan serbannya.

"Apanya tuk imam?" tanya Abang Dolah yang berada di belakangku. Aku sengaja memilih Abang Dolah sebagai pengapitku kerana dia boleh dibawa ke tepi ke tengah. Pengiring raja bukan boleh orang sembarangan.

"Sebagai seorang imam di kampung kita ini,

saya nak tunaikan tanggungjawab saya dalam pernikahan ini," kata tuk imam dengan suara yang lembut.

"Saya nak tanya sikit kepada pengantin lelaki ini. Bukanlah tujuan saya nak menduga ilmu seseorang, apatah lagi mendedahkan kelemahannya di khalayak ramai. Soalan saya adalah tugas yang diamanahkan kepada saya," kata tuk imam merendah diri.

Alamak lecehnya. Bentak hatiku. Nak tanya apa lagi tuk imam? Nak tanya berapa hantarannya atau....

"Cuba mengucap dua kalimah syahadah?" tanya tuk imam. Pertanyaan itu kurasakan seperti mencabarku. Setahu aku cuma orang kafir nak masuk Islam sahaja yang perlu disuruh mengucap dua kalimah syahadah. Apa perlunya aku mengucapkan kalimah syahadah itu?

"Ikut sajalah apa kata tuk imam, tu ..." bisik Abang Dolah ke telingaku.

Akhirnya aku melafazkan juga kalimah itu dengan suara yang tersekat-sekat. Darah gemuruh semakin kencang melanda perasaanku. Mujur tuk imam menganggukkan kepalanya seperti berpuas hati dengan ucapanku itu.

"Berapa rukun nikah?" tanya tuk imam lagi.

Aku menggelabah. Mengapa itu pula yang ditanya? bentak hatiku. Tuk imam sengaja nak main-mainkan aku atau sengaja nak memalukan aku di

khalayak ramai. Timbul rasa meluatu kepada tuk imam kerana menanyakan soalan yang tidak kuduga itu.

"Sebutkan satu demi satu rukun nikah." Agak keras sikit suara tuk imam. Bertambah lagi debaran di dadaku.

Lantas aku teringat dua bulan dulu aku menerima surat dari pejabat kadi Kuala Klawang mengarahkan aku supaya menghadiri diri dalam kursus perkahwinan yang dianjurkan oleh jabatan tersebut. Tetapi kerana masalah cuti dan sibuk dengan tugas, maka surat itu kuabaikan. Kini baru timbul rasa kesal di hatiku.

"Macam mana nak nikah kalau rukun nikah pun tidak tahu...!" Berdesing telingaku mendengar kata-kata yang muncul dari celah orang ramai itu. Perasaan marah dan malu silih berganti menguasai hatiku.

"Rukun nikah ada enam ..." bisik Abang Dolah sambil mencuit punggungku. "Lelaki, perempuan, saksi, wali dan ijab kabul," kata Abang Dolah lagi.

"Sekali lagi, bang," bisikku merayu.

Abang Dolah yang memang kuharapkan memberi bantuan itu menyelamatkan keadaan. Aku menjawab seperti yang diajarnya. Mujur tuk imam menganggukkan kepalanya seperti berpuas hati walaupun dia tahu Abang Dolah yang mengajarkan. Tetapi maluku bukan kepalang.

"Tolong kami, tuk imam," bisik Abang Dolah. "Jangan soal banyak-banyak pengantin lelaki saya ni. Dia ada darah gemuruh. Kita mulakan saja akad nikahnya ..." kata Abang Dolah lagi. Mujur tuk imam setuju.

"Nizam, aku menikahkan dikau dengan anakku Norhayati dengan mas kahwinnya RM45.00, tunai ..." kata Pak Samad sambil melagukan perkataan 'tunai' itu.

Sudah tiga kali Pak Samad menjualnya, namun aku masih belum mampu membelinya kerana lidahku terasa kelu untuk menuturkan jawapannya. Darah gemuruh semakin hebat menyerang perasaanku. Pak Samad mengulangi lagi akad nikah tersebut untuk kali yang seterusnya, namun aku masih terkial-kial untuk menjawabnya. Dan peluh pun membasahi baju.

"Pengantin lelaki dah kena..." Kedengaran satu suara dari bawah rumah. Tuk imam batuk-batuk kecil tiga kali. Beberapa orang tetamu juga batuk-batuk kecil. Entah apa yang dimaksudkan aku tidak mengetahuinya.

"Aku menikahkan..."

"Tunggu dulu, Pak Samad," kata Abang Dolah. "Kita beri peluang kepada pengantin untuk berehat sekejap menenangkan fikiran. Kalau tidak, sampai ke pagi kita gamaknya."

"Buat memalukan tuk wan," kata tuk wan dengan muka merah padam. Kemudian kata tuk

wan lagi. "Dulu bila tuk wan tanya semuanya sudah tahu. Berlagak sudah pandai. Kalau nak kahwin belajar dulu ilmu kahwin. Orang nak kahwin, awak nak kahwin. Orang mengetahui rukun dan syaratnya, awak tidak," gerutu tuk wan lagi.

Aku cuma mendiamkan diri sahaja kerana rasa malu yang bukan kepalang. Setelah minum air jampi pulih semangat itu barulah lega perasaanku. Aku sudah boleh tersenyum apabila diperli oleh kawan-kawan. Apabila akad nikah dilakukan untuk kali yang ke-10 barulah aku dapat menjawabnya. Dua orang saksi turut mengesahkan pernikahanku. Barulah lega rasa hatiku.

Esoknya apabila upacara persandingan dijalankan aku cuma jadi pak turut sahaja. Ke mana halakan ke situlah aku pergi. Orang suruh duduk, aku duduk dan apabila disuruh makan, aku pun makan. Perasaanku masih tertekan dengan peristiwa akad nikah tersebut.

Setelah sembahyang isyak aku ke ruang tamu melayan saudara terdekat yang masih belum balik. Walaupun hatiku tidak sabar untuk segera ke bilik tidur tetapi demi rasa hormatku kepada tetamu maka terpaksa kusabarkan. Hampir jam 12:00 tengah malam barulah mereka bersurai.

Kesal juga hatiku apabila mendapati Hayati tidak ada di bilik tidur. Ke manakah dia pergi? Sepatutnya dia sudah menanti kedatanganku di bilik tidur yang dihias indah ini. Hatiku seperti tidak

sabar lagi untuk mengalami saat-saat manis malam pertama pernikahanku itu.

Kedengaran ketukan pintu dari luar. Lembut dan perlahan sahaja bunyi ketukan itu. Aku mempersilakan masuk sambil tanganku menyelak daun pintu. Seperti yang kuduga, Hayati muncul dengan pakaian baju tidur nipis berwarna putih. Wajahnya kulihat bertambah cantik dengan pakaian tersebut. Kalau diturutkan rasa hati ingin sahaja kurangkul wanita yang sudah sah menjadi isteriku itu. Tetapi perasaan malu masih menguasai diriku.

"Hayati minta maaf kerana membuatkan abang menunggu," kata Hayati sambil tersenyum memandang wajahku.

"Ke mana tadi?" tanyaku sekadar menahan perasaan marah.

"Ke dapur menolong mak cuci pinggan mangkuk," ujar Hayati masih tersenyum menghilangkan rasa marahku.

"Pengantin baru pun kena basuh pinggan mangkuk?"

"Sengaja nak tolong mak," ujar Hayati sambil duduk di birai katil.

"Hari sudah jauh malam, abang pun dah mengantuk. Ayuh, kita tidur," ujarku dengan perasaan yang berdebar-debar.

"Abang tidurlah di atas katil dan Hayati di bawah saja," kata Hayati dan menundukkan mukanya.

"Kenapa?" tanyaku hairan.

"Maafkan Hayati, bang. Hayati terpaksa tidur di bawah kerana...."

"Hayati sekarang sudah menjadi isteri abang yang sah. Hayati tidak sukakan abang agaknya ..." kataku sekadar menduga.

"Jangan salah sangka, abang. Hayati faham bagaimana perasaan abang. Cuma...."

"Cumanya apa?" tanyaku dengan perasaan berdebar-debar.

"Hayati tidak sembahyang...."

"Masya-Allah...." Aku mengucap panjang.

Pelbagai fikiran menerpa otakku. "Jika memilih bakal isteri, carilah yang kuat agama, daripada keturunan yang baik, cantik wajahnya dan kaya." Demikian kata nenek. Aku mula sangsi dengan pilihan nenek.

"Kenapa, bang?"

"Tidak ada apa-apa. Cuma, sekarang masih ada waktu sembahyang isyak. Pergilah sembahyang dulu...."

"Hayati tak boleh sembahyang...."

"Kenapa begitu ha?" Aku bertambah hairan jadinya.

Mengapa Pak Samad tidak memberi didikan agama kepada anaknya? Kalau dia tidak mampu mengajarnya serahkan sahaja kepada tuk imam atau Lebai Ghani guru agama di Kampung Nyiur Gading.

"Sebenarnya, bulan sudah terbit, bang," kata Hayati lagi.

"Abang pun tahu bulan sudah terbit. Malam ini malam 15 haribulan. Bulan mengambang penuh. Tetapi apa kaitannya dengan Hayati?" Aku rasa seperti dipermainkan.

"Bukan bulan itu yang Hayati maksudkan," kata Hayati separuh berbisik. "Bendera merah, bang," kata Hayati lagi.

"Apa Hayati ni?" tanyaku dan mula hilang sabar. "Tadi kata tidak sembahyang. Lepas tu bulan terbit dan bendera merah. Apa kaitannya dan abang tidak faham maksudnya."

"Susah betul nak fahamkan abang ni...." Hayati mengerutkan mukanya. "Penyakit orang perempuan, bang. Sebulan sekali pasti datang...."

"Aha, sekarang baru abang faham ..." kataku melindungi gemuruh di dadaku. Kenapa bangang sangat aku ni...?

Utusan Zaman, 8 September 1991.

GADING BERTUAH

A. Latip Talib

DUA puluh lima tahun lamanya saya berkhidmat dengan kerajaan, kini alhamdulillah, saya telah pun bersara. Sekarang saya ingin menghabiskan baki usia yang masih ada ini untuk berkhidmat kepada masyarakat Kampung Gading Bertuah ini." Demikian ikrar yang pernah dilafazkan oleh Semaun ketika dia mula-mula menetap di kampung tempat kelahirannya itu, lima tahun yang lalu.

Sesungguhnya Semaun tidak pernah melupakan ikrar itu. Ikrar yang terbit dari lubuk hatinya yang suci itu masih segar dalam ingatannya. Aku tidak akan mengkhianati ikrar itu. Demikian bisik hati Semaun. Inilah tanah tumpah darahku. Di sini aku dilahirkan, di sini aku dibesarkan dan di sini juga aku akan dikuburkan. Masyarakat kampung inilah saudaraku, jiran tetanggaku. Susah payah, sakit pening kepada merekalah tempat aku mengadu. Manakan tergamak aku mengkhianati mereka....

Tetapi, perasaan Semaun sungguh sedih apabila

teringatkan kata-kata yang dihamburkan oleh ahli jawatan kuasa kemajuan kampung dalam mesyuarat bulanan petang kelmarin. Kata-kata itu sungguh menyinggung perasaan dan bagaikan mengoyak-robakkan jantung hatinya.

"Kami mahu Encik Semaun meletakkan jawatan sebagai Bendahari, Tabung Kebajikan Masyarakat Kampung Gading Bertuah ini. Serahkan buku-buku dan rekod kewangan tabung itu kepada saya," kata Pak Senik, selaku Pengerusi mesyuarat tersebut.

Tetapi sebagai seorang yang telah banyak pengalaman Semaun tidak mudah melatah. Apatah lagi hilang pertimbangan dengan ucapan yang tidak disangkanya itu.

"Jawatan yang saya sandang ini dilantik oleh tuan-tuan. Tuan-tuan juga yang berhak mengambilnya semula. Dan saya sedar jawatan ini bukan warisan yang kekal. Jika tuan-tuan sebulat suara menyuruh saya meletakkan jawatan, akan saya lakukan. Tapi sebelum itu saya ingin hendak mengetahui apa kesalahan yang telah saya lakukan?" kata Semaun dengan tenang.

Satu demi satu wajah ahli jawatan kuasa kemajuan kampung itu direnungnya. Haji Dolah, Imam di Kampung Gading Bertuah menundukkan kepalanya seperti sedang berfikir sesuatu. Begitu juga dengan Mat Tempang, Udin Gigi Rongak dan Budin – semuanya mengalihkan pandangan ke arah lain apabila Semaun merenung mereka. Masing-

masing seperti tidak mahu lagi bertentangan mata dengan Semaun.

"Apakah khidmat aku tidak diperlukan lagi di kampung ini? Atau, ada calon lain yang lebih berkelayakan. Berterus teranglah, Pak Senik," kata Semaun minta kepastian.

Pak Senik batuk-batuk kecil beberapa kali. Entah apa yang dimaksudkannya, Semaun tidak mengetahuinya. Setelah meneguk saki baki air teh susu dalam cawannya barulah Pak Senik berkata dengan suara yang lembut tetapi tegas.

"Sebelum keputusan petang ini diambil, kami sudah lama berbincang secara tidak rasmi. Alhamdulillah, semua ajk sebulat suara menyokong cadangan tersebut. Awak terpaksa menghormati keputusan ramai."

"Tetapi...." Semaun rasa tercabar. Tetapi fikirannya masih dapat mengawal perasaannya. "Boleh terangkan apa kesalahan saya? Sekurang-kurangnya saya dapat membetulkan diri saya jika sudah tersilap langkah atau terlajak tindakan."

"Kami sangsi di atas kejujuran Encik Semaun menjalankan tugas selaku Bendahari, tabung kewangan kami ini. Cuma tidak sampai setahun Encik Semaun memegang jawatan tersebut sudah banyak penyelewengan yang dilakukan. Malah, ada ketikanya Encik Semaun menggunakan wang tabung itu seperti menggunakan wang sendiri."

"Sepatutnya setiap sen wang yang hendak di-

gunakan itu mesti mendapat persetujuan daripada kami. Setiap belian mesti disertakan dengan resit. Dan setiap kali mesyuarat penyata tabung kewangan itu hendaklah dibentangkan kepada kami," kata Bidin sambil memandang sinis kepada Semaun.

"Tapi saya tidak pernah selewengkan duit tabung kewangan tersebut. Lagipun baki duit yang ada cuma tidak sampai RM10.00. Cuma tiga bulan kebelakangan ini saja baru bertambah," ujar Semaun masih dengan wajah yang tenang.

"Bertambah setelah adanya bantuan kewangan daripada ADUN kawasan kita dan juga derma daripada para penduduk kampung ini," balas Bidin selamba. "Tapi sayangnya Encik Semaun gunakan wang yang ada itu untuk memperbaiki bilik air masjid dan jambatan yang menghubungkan kampung kita dengan kampung seberang."

"Salahkah kalau saya memperbaiki bilik air masjid dan jambatan itu demi untuk faedah orang ramai?"

"Usaha yang dilakukan itu memang tidak salah tapi cara pelaksanaannya yang salah. Sepatutnya berunding dulu dengan kami. Ini tidak. Encik Semaun pandai-pandai sendiri mencari tukang untuk membuat pekerjaan tersebut. Berapa upah diberikan dan berapa harga membeli peralatannya juga tidak pernah dimaklumkan kepada kami. Ini suatu penyelewengan namanya. Perbuatan Encik Semaun adalah salah di sisi undang-undang dan boleh didakwa ke mahkamah."

"Sebenarnya begini...."

"Tidak perlu Encik Semaun membela diri di hadapan kami. Segalanya sudah jelas. Esok pegawai pencegah rasuah akan datang ke rumah Encik Semaun untuk membuat siasatan. Kepada mereka-lah tempat yang paling baik awak membela diri."

Pada peringkat ini Semaun benar-benar rasa tercabar. Mengapakah perkara tersebut tidak diselidiki terlebih dahulu sebab-musababnya. Mengapa mereka mengadakan perbincangan secara senyap-senyap untuk menjatuhkan aku? Alangkah baiknya jika mereka berunding secara baik dahulu supaya dapat dijelaskan duduk perkaranya? Tetapi sekarang sudah terlambat. Mereka sudah mengambil keputusan untuk menjatuhkan aku. Paling menyakitkan hati kerana mereka telah melaporkan perkara itu kepada pihak BPR. Pegawai tersebut akan datang ke rumahnya untuk membuat siasatan.

"Jika begitu ada baiknya saya keluar dari bilik mesyuarat ini. Lagipun saya telah digugurkan," kata Semaun sambil meminta diri untuk balik ke rumahnya.

Hati Semaun benar-benar rasa tersinggung. Tindakan yang dilakukan adalah terburu-buru. Tindakan ini dilakukan oleh mereka yang selama ini amat dia hormati. Mereka langsung tidak memberi peluang kepada aku untuk membela diri, demikian cetus Semaun.

"Saya berjanji akan menjalankan tugas yang te-

lah tuan-tuan berikan kepada saya itu dengan ber-sungguh-sungguh. Insyallah tanggungjawab yang diamanahkan itu akan saya jalankan dengan seikhlas hati." Demikian janji yang pernah dilafazkan ketika mula-mula dilantik menjadi bendahari, Tabung Kebajikan Penduduk Kampung Gading Bertuah dahulu.

Semaun amat terharu dengan kepercayaan yang diberikan itu. Dia merasakan dirinya sudah diterima oleh masyarakat kampung yang telah berpuluh tahun ditinggalkan itu. Semaun merasakan peluangnya untuk mencurahkan bakti kepada masyarakat kampungnya mula terbuka luas.

Rata-rata masyarakat Kampung Gading Bertuah menerima kepulangan Semaun ke kampung itu dengan tangan terbuka. Tambahan pula Semaun bukan orang asing lagi di kalangan mereka. Semaun anak jati Kampung Gading Bertuah. Di sini dia dilahirkan dan dibesarkan.

Cuma setelah meningkat remaja barulah Semaun meninggalkan Kampung Gading Bertuah kerana merantau mencari rezeki. Kerana sibuk dengan tugasnya sebagai anggota polis maka cuma sekali-sekala sahaja Semaun berpeluang balik ke kampung. Tetapi setelah ayah dan ibunya meninggal dunia, Semaun tidak pernah lagi pulang ke kampung. Dia merantau dari satu negeri ke satu negeri kerana menjalankan tugas. Cuma setelah bersara barulah dia kembali semula ke tempat tumpah

darahnya. Tambahan pula masih ada seekar dua tanah pusaka ayahnya di Kampung Gading Bertuah. Di tanah itulah Semaun mendirikan rumah. Rumah itu dibina dengan wang KWSPnya.

Semaun sedar masyarakat Kampung Gading Bertuah yang berjumlah melebihi 1,000 orang itu memerlukan seorang pemimpin yang boleh memberikan khidmat bakti kepada mereka. Semaun menggunakan pengalamannya sebagai pegawai polis itu untuk memimpin masyarakat Kampung Gading Bertuah. Berkat kesungguhan yang ditunjukkan dan di atas niat untuk berusaha membantu masyarakat tempatan akhirnya Semaun dilantik menjadi Nazir Masjid dan juga Bendahari, Tabung Kebajikan Penduduk Kampung Gading Bertuah.

Walaupun Semaun sedar tanggungjawab itu berat dan bukan jawatan itu yang dicita-citakan, tetapi kerana tidak mahu menghampakan harapan orang ramai maka jawatan itu diterima seikhlas hati. Semaun menjalankan tanggungjawab itu dengan bersungguh-sungguh. Tambahan pula memang hasratnya untuk mencurahkan khidmat bakti kepada masyarakat kampungnya.

Cuma sejak kebelakangan ini sahaja timbul pelbagai tohmahan terhadap dirinya. Semaun sedar adanya orang-orang tertentu yang sengaja memburuk-burukkan peribadinya dengan tujuan yang tertentu. Namun Semaun tidak ambil peduli ke-

rana dia yakin pada satu hari nanti penduduk Kampung Gading Bertuah akan mengerti tujuan dan keikhlasannya.

Pada pagi itu Semaun sengaja tidak ke mana-mana. Dia sudah bersedia dan menunggu kedatangan para pegawai BPR atau siapa sahaja yang ingin menjalankan penyiasatan. Jika perlu nanti dia akan berterus terang. Begitu kata putus hatinya. Datanglah siapa sahaja yang hendak datang berjumpa dengannya. Siasatlah apa sahaja yang hendak disiasat. Semaun tidak takut. Kedatangan mereka akan dilayan sebagai tetamu.

"Dulu lagi saya sudah ingatkan, tapi abang degil," kata Rogayah, isterinya sambil menghidangkan sarapan pagi. "Kalau sudah bersara buat apa susah-susah pegang jawatan itu dan ini. Duduk sajalah kat rumah buat amalan ibadat untuk bekalan akhirat. Ini tidak. Lebih sibuk dari semasa makan gaji dulu."

"Berpuluh tahun lamanya saya berkhidmat dengan kerajaan. Sekarang bila dah bersara apa salahnya berkhidmat dengan masyarakat kampung pula. Semasa masih hidup inilah saya nak taburkan jasa. Beramal ibadat itu bukan hanya di tikar sembahyang sahaja. Bekerja untuk masyarakat juga termasuk ibadat jika diniatkan kerana Allah," kata Semaun pula sambil menikmati sarapan pagi itu.

"Cakap abang itu memang betul. Tapi tak kena gayanya. Apa yang abang dapat selain daripada

umpat keji masyarakat kampung ini. Telinga saya ni dah naik berbulu mendengar desas-desus orang mengumpat awak. Malu saya ni, bang."

"Apa yang nak dimalukan. Abang tak bersalah. Tuhan sahaja yang mengetahuinya," balas Semaun sambil menghirup air kopi panas kegemarannya.

Perbualan mereka terhenti apabila mendengar enjin kereta masuk ke pekarangan rumah. Kereta itu berhenti di halaman rumahnya. Dari dalam kereta itu muncul beberapa orang pemuda yang berpakaian kemas dan bertali leher. Semaun tersenyum melihat Bidin juga ada bersama tetamu yang datang itu. Semaun mempersilakan tetamu itu naik ke rumahnya.

"Begini sajalah, pak cik," ujar salah seorang pegawai itu setelah berbual seketika. "Pak cik pun tentu sudah maklum tujuan kedatangan kami. Boleh tunjukkan kepada kami Buku Akaun Tabung Kebajikan itu?"

Semaun minta diri untuk ke dalam sebentar. Beberapa minit kemudian Semaun membawa apa yang diminta oleh tetamunya itu. Dan pegawai itu pun mula membelek-belek buku akaun tersebut.

Bidin nampak seperti tidak sabar lagi untuk mengetahui tindakan yang akan diambil terhadap Semaun. Tidak lama lagi dia akan dibawa ke balai polis. Setelah dihadapkan ke mahkamah, Semaun akan dipenjarakan. Baru puas hatiku, demikian bisik hati Bidin.

"Boleh tunjukkan kepada kami resit belianengkapan membaiki bilik air dan jambatan itu?" tanya seorang pegawai lagi.

"Saya sengaja tidak menyimpan resit tersebut kerana tidak mustahak pada pandangan saya," jawab Semaun selamba.

"Bagi kami resit itu mustahak kerana akan menentukan keputusan penyiasatan kami."

"Keputusan penyiasatan apanya..."

"Maafkan kami, pak cik," ujar pegawai yang membelek buku akaun tersebut. "Mengikut rekod penyata buku akaun ini tidak ada wang yang dikeluarkan sejak tiga bulan yang lalu. Cuma ada penyata wang masuk sebanyak RM2,000.00 saja. Bagaimana dengan perbelanjaan membaiki bilik air dan jambatan itu?"

Semaun tidak terus menjawab. Dia kelihatan seperti sedang memikirkan sesuatu. Setelah berdiam diri seketika barulah dia berkata.

"Kalaupun tidak kerana terpaksa demi untuk mengelakkan salah faham tentu tidak akan saya ceritakan." Semaun memandang wajah Bidin yang kelihatan tunduk seperti memandang lantai. Kemudian kata Semaun lagi.

"Dulu saya pernah berjanji nak mencurahkan bakti kepada penduduk di kampung ini. Dan alhamdulillah sebahagian daripada cita-cita itu sudah tercapai. Saya telah berikan kerjasama baik berupa fikiran, tenaga dan harta. Saya berasa kasihan

melihat para jemaah yang datang ke masjid dan tidak dapat menggunakan tandas dan bilik air. Ini kerana ianya telah rosak. Begitu juga dengan jambatan itu, sudah reput kayunya atau lantainya dan ia membahayakan nyawa sesiapa yang melaluinya.”

“Untuk mohon bantuan daripada kerajaan tentu mengambil masa dan tidak dapat dalam sehari dua. Lagipun sudah terlalu banyak bantuan daripada kerajaan yang kita terima. Subsidi itu, subsidi ini hingga subsidi buruk pun kita dapat. Apalah salahnya kalau membaiki bilik air masjid dan jambatan itu kita sendiri yang usahakan. Saya telah cuba meminta derma daripada penduduk kampung tetapi tidak mendapat sambutan. Cuma RM20.00 sahaja yang terkumpul. Ini senarai nama pendermanya. Dan wang itu telah saya masukkan ke dalam buku akaun tersebut.” Semaun menyerahkan senarai nama penderma kepada pegawai tersebut.

“Dengan wang RM20.00 tentulah mustahil dapat membaiki jambatan dan bilik air masjid tersebut,” kata Semaun sambil menarik nafas seperti kesal.

“Jadi di mana pak cik dapat duit untuk membeli perkakas dan membiayai upah membaiki bilik air dan jambatan itu?” tanya Bidin seperti sudah tertarik hati dengannya.

“Saya gunakan wang simpanan saya sendiri. Saya sengaja tidak mahu menghebohkan pemberian saya itu kepada orang ramai, takut timbul

rasa riak dan takbur dalam hati saya. Biarlah Tuhan sahaja yang mengetahuinya. Lagipun pemberian saya itu ikhlas dan saya tidak harapkan pujian dan sanjungan....”

Terpegun seketika para tetamu yang datang itu. Dalam hati mereka memuji sikap Semaun.

“Bukankah Nabi pernah bersabda bahawa sedekah yang dibuat secara sembunyi itu besar pahalanya? Sedekah yang baik itu ibarat tangan kanan memberi, tangan kiri tidak mengetahuinya. Itulah yang ingin saya amalkan. Dan saya akan terus mengamalkan apa yang saya yakini ini ...” kata-kata Semaun itu dirasakan oleh Bidin seperti ada seketul batu yang menghantuk kepalanya

“Begitu mulia hatimu, Semaun ...” bisik hati Bidin.

Mingguan Malaysia, 3 November 1991.

JULIANA

Abd. Hamid Othman

SUDAH dua minggu Atikah mencari Rosdi. Di pejabat dan juga rumah sewa lelaki yang berambut keriting itu telah dihubungnya. Jawapannya – dia tidak ada. Padahal, Rosdi telah berjanji bahawa dia pulang ke kampungnya untuk tempoh selama tiga hari sahaja. Itu pun, atas urusan keluarganya. Kalau tidak, dia lebih gemar berlegar-legar di ibukota ini.

Bagaimanapun, sekarang sudah memasuki satu minggu. Batang hidung Rosdi masih belum kelihatan. Apabila Atikah menghubungi pejabat kekasihnya itu, dia diberitahu bahawa Rosdi masih bercuti. Jawapan yang sama itu menyebabkan perasaan Atikah menjadi serba salah.

“Sabarlah sayang, tiga hari aje. Bukannya lama,” pujuk Rosdi. Ketikanya, sewaktu mereka duduk di sebuah bangku yang terdapat di Perhentian Bas Kelang. Rambut kekasihnya itu dibelai manja. Sesekali tangannya menjalar ke bahagian belakang anak gadis Lebai Karim itu.

"Walaupun cuma tiga hari, *you* tetap berada jauh dari *I*, kan," kata Atikah merenung manja wajah Rosdi. Matanya dan Rosdi bertembung. Jejari mereka daripada tadinya sudah bertaut. Semakin kerap pula ramas-meramas.

Pada petang itu mereka tidak terus pulang ke rumah. Sebaliknya menahan sebuah teksi dan dibawa ke Taman Tasik Titiwangsa. Lewat jam 10:00 malam, barulah kedua-duanya meninggalkan taman yang banyak menghimpunkan rahsia para remaja kota itu.

Seperti selalunya juga, apabila pulang mereka lebih gemar berjalan daripada menaiki sebarang kenderaan. Mereka berjalan ke rumah sewa Atikah yakni rumah pangsa di Kampung Baru.

Seperti juga malam lain dan malam-malam sebelumnya, Rosdi akan singgah dahulu di rumah Atikah di tingkat lapan itu. Selalunya, selepas Atikah menghidangkan minuman, barulah Rosdi pulang ke rumah sewanya di Damansara Utama.

Rakan-rakan serumah Atikah, lebih-lebih lagi Shila dan Rafeah sememangnya sudah memahami kewujudan Rosdi. Apabila lelaki itu datang ke rumah, mereka akan membawa diri. Mereka tahu, dia adalah teman lelaki Atikah. Pandai-pandailah gadis berkulit kuning langsung itu melayani kekasihnya. Pada mereka, tidak ada masa hendak menjaga tepi kain orang.

Walaupun mereka sedar, apabila lelaki masuk ke

rumah wanita, boleh dikatakan telah berkhalwat. Apatah lagi kalau duduk berdua-duaan di dalam sebuah kamar. Sepatutnya, mereka telah adukan hal itu kepada pihak berkuasa dan menangkap pasangan tersebut. Dan sejak beberapa bulan yang lalu, perkara sumbang itu sering berlaku di rumah mereka. Tetapi, tidak seorang antara mereka yang berani melaporkan tingkah laku kedua-duanya.

Tujuan mereka bukanlah untuk melindungi pasangan yang sedang hanyut dilambung alun asmara itu. Tetapi sebetulnya memikirkan bahawa mereka juga mempunyai teman lelaki. Oleh itu, inilah yang menyebabkan apa yang berlaku di depan mata itu terpaksa 'dirahsiakan'. Sebab itu, apabila Atikah membawa Rosdi masuk ke biliknya, Shila dan Rafeah buat endah tak endah sahaja.

Bagaimanapun, hanya Juliana sahaja yang tidak pernah membawa teman lelakinya masuk ke dalam bilik di rumah sewaan itu. Ini disebabkan oleh sikapnya yang jauh berbeza dibandingkan dengan temannya yang lain. Banyak perkara sumbang berlaku di depan matanya. Juliana sedar implikasi apa yang dilakukan oleh para teman serumahnya itu.

Adakalanya mereka mendesak supaya dia membawa teman lelakinya ke rumah sewa itu. Tujuannya adalah untuk berkenal-kenalan antara satu sama lain. Walaupun didesak, Juliana tetap dengan pendiriannya. Dia sekali-kali tidak akan membawa temannya semata-mata untuk memperkenalkan ke-

pada mereka. Bagi Juliana, dia lebih rela diintip daripada memberitahu siapakah teman lelakinya itu.

"Apa salahnya kita berkenalan. Manalah tahu, nanti aku jumpa di bandar dan jatuh hati. Bila aku bawa ke rumah, rupa-rupanya kau punya. Tak ke aniaya jadinya nanti," sindir Rafeah pada suatu malam. Ketikanya, sewaktu mereka sedang berehat sambil menonton televisyen di ruang tamu.

Juliana hanya membisu. Dia dengan ketekunan membaca akhbar. Di kusyen itu dia leka dan tidak melayani kerenah rakan-rakan serumahnya itu.

"I ingat kita buat partilah. Cara kebetulan bulan depan harijadi I. Macam mana kalau masing-masing bawa teman lelaki, bolehkah!" kata Shila menca-dangkan.

"Hah! Itu yang baik. Aku setuju." Atikah menyatakan sokongannya.

"Aku sokong!" sahut pula Rafeah sambil meng-angkat tangan.

"Yang tu macam mana?" kata Shila dan memun-cungkan mulutnya. Arahnya ialah Juliana. Dia m-engerlipkan matanya kepada Rafeah dan menyaran-kan supaya memujuk 'Anak Dara dari Pahang Da-rul Makmur' itu.

"Lia ... *you* macam mana? Kami semua setuju nak buat parti harijadi Shila bulan depan. *You* nak *joint* tak? Syaratnya bawa teman lelaki *you* ke ru-mah ini."

Juliana masih leka membaca akhbar. Dia buat

seperti tidak mendengar apa yang dikatakan oleh Rafeah itu.

"Hei! *You* tak dengar ke apa yang *I* cakap ni?" kata Rafeah dengan suara yang keras sambil menggoncang bahu Juliana.

"Cakap ... cakap apa?"

"Ehh! Dia tanya kita pula. Kami nak buat parti di rumah ni sempena harijadi Shila. Kami semua dah bersetuju untuk membawa teman lelaki masing-masing. *You* pun, kalau boleh bawa bersama, boleh?" kata Rafeah yang seakan-akan tidak rasminya dilantik sebagai ketua dalam kumpulan itu.

"Jangan nak paksa Lia. Lia nak bawa ke, tidak ke itu hal Lia. Kenapa pula kau orang nak paksa Lia!" jawab Juliana sedikit keras. Mukanya spontan mencuka.

"*You* ni tak *sporting* la, Lia. Bukannya haus," kata Shila pula dan mencelahkan suatu pandangan.

"Haus ke, tidak ke itu hak Lia. Tak ada siapa yang boleh paksa Lia. Kalau *you* nak bawa teman lelaki ke sini, bawalah. Kenapa pula nak paksa Lia. Itu hak individu," kata Juliana separuh menengking dan terus masuk ke biliknya. Akhbar dicampak ke atas meja. Pintu bilik ditutup secara kasar.

Rafeah, Shila dan Atikah hanya memerhati dengan ekor mata.

"Tak makan pujuk, tak *sporting* langsung," getus Rafeah sambil mengangkat bahunya tanda kecewa.

Suasana rumah sewa di tingkat lapan itu se-yap sekali. Yang kedengaran cuma dialog televisyen siri *Mission Impossible*. Deruan kereta terdengar se-kali-sekala di jalan raya.

Sejak tidak dapat memujuk Juliana untuk sama-sama membawa teman lelaki ke majlis parti mereka, Atikah, Rafeah dan Shila mula kurang rapat dengan Juliana. Mereka tegur pun, apabila ada hal penting sahaja. Kalau masalah teman lelaki mereka tidak lagi mahu bercerita di hadapannya. Sebaliknya, mereka lebih senang berbincang antara mereka bertiga sahaja.

Begitu juga dengan Juliana, sejak dirinya dipaksa dia lebih gemar bersikap memerapkan dirinya di dalam bilik. Dan seperti biasanya juga, apabila Juliana berada di dalam biliknya, rakan sekamarnya Shila akan duduk di luar menonton televisyen. Apabila merasakan Juliana telah tidur, barulah dia masuk ke bilik yang berukuran tiga kali lima meter itu.

Kehadiran Rosdi pada malam itu pun, tidak disedari oleh Juliana. Selepas berbual sekejap di ruang tamu, Atikah mengerlip mata kepada Rafeah dan Shila. Sebentar kemudian kedua-dua remaja itu hilang di sebalik pintu kamar.

Seperi selalunya juga, hingga ke pagi kamar itu dihuni oleh makhluk berlainan jenis yang menumpang tidur. Namun begitu, tidak siapa berani mengganggu bilik Juliana. Kalau Shila membawa teman

lelakinya, kamar itulah juga dijadikan tempat mereka bercanda.

Juliana sedar apa yang dilakukan oleh rakan serumahnya. Cuma dia takut hendak bertindak. Dia bimbang rakan-rakannya itu akan memboikot dirinya. Dia tidak mahu terus-menerus menjadi kera sumbang.

Bagaimanapun, setakat manakah Juliana dapat bertahan? Sikap teman serumahnya semakin naik to-cang. Pernah Juliana terserempak Shila bercumbuan dengan begitu rakusnya di ruang tamu.

"Melampau. Tak ada harga diri!" getusnya geram sambil menggigit-gigit bibir selepas melihat peristiwa menjolok mata itu. Dan semalaman itu Juliana tidak dapat melupakan matanya. Hatinya berasa sungguh panas.

Seminggu lamanya Juliana tidak dapat melupakan peristiwa itu. Dia berkira-kira bagaimana hendak memberitahu teman serumahnya agar peristiwa begitu tidak berulang.

Suatu malam rakan serumahnya berbual-bual di ruang tamu. Persis seorang ustazah, Juliana mem-beranikan diri dan menyatakan bicaranya. "Rakan-rakan semua, ada beberapa perkara yang Lia rasa tidak betul telah berlaku dalam rumah ini ... sejak akhir-akhir ini."

Rafeah, Shila dan Atikah berhenti bercerita. Mereka menoleh ke arah Juliana. Setelah itu pandang memandang sesama sendiri.

"Pada pandangan Lia, rakan-rakan telah banyak melakukan dosa di rumah ini. Lia menyedari, rakan-rakan semua membawa pulang teman lelaki dan duduk berdua-duaan di dalam bilik. Walaupun, Lia tidak tahu apa yang rakan-rakan buat bila duduk berdua-duaan itu, tetapi ingatlah, orang yang ketiganya adalah syaitan. Boleh berlaku apa saja ke arah maksiat." Juliana memerhatikan reaksi seorang demi seorangnya. Wajah rakan-rakannya itu dilihat akan perubahannya.

Mereka bertiga hanya tunduk memandang lantai.

"Lia sebenarnya tidak mahu bersubahat dalam hal ini. Lia tahu, rakan-rakan masih muda. Muda seperti saya yang sememangnya perlukan teman lelaki. Tapi, bukan caranya begitu dan sewenang-wenangnya membawa masuk ke bilik. Lia tidak akan marah kalau rakan-rakan melakukan apa saja di luar. Itu hak rakan-rakan.

"Lia sayangkan rakan-rakan. Kita telah lebih empat tahun tinggal sebungung. Sebab itu Lia tidak mahu berpisah dan mencari rumah lain. Malangnya, sejak akhir-akhir ini, Lia saksikan rakan-rakan begitu berani dan bebas membawa teman lelaki ke rumah. Kalau sekadar bertandang tidak mengapa, tapi kalau duduk berdua-duaan di dalam bilik, ini tidak dapat disangkal lagi sudah melampaui batasan. Mana harga diri kita sebagai seorang gadis?"

"Juliana!" Tiba-tiba Rafeah bersuara. "Tolong jangan berkhotbah. Kami tahu apa yang kami lakukan."

"Kalau dah tahu, kenapa dibiarkan. Ini soal agama. Soal hukum Allah. Apakah kakak telah lupa, pada bulan lalu kita sama-sama dengar syarahan agama di masjid. Siapa saja yang bersubahat dengan perbuatan mungkar, dia juga ikut berdosa. Begitu juga kalau Allah turunkan bala, bukan orang yang melakukan maksiat itu saja yang terkena bala, malah seluruh kampung," kata Juliana tegas. Nada suaranya dikeraskan.

"Begini sajalah, Lia. Hal yang lepas tu lupakan saja. Biarkanlah ia berlalu. Kalau kami bersalah, kami minta maaf," kata Shila menyampuk. Walaupun, di lubuk hatinya dia berasa begitu menyampah dengan hujah-hujah Juliana itu. Lagipun, dia tidak mahu rakan sekamarnya itu terus membebel hal-hal agama.

"Kenapa perlu minta maaf pada Lia. Mintalah keampunan daripada Allah. Bertaubatlah. Mohonkan keampunan dari-Nya dan bertaubat nashuha setiap kali lepas sembahyang. Bermohonlah agar Allah S.W.T jauhi kita daripada hasutan syaitan."

"Ya lah...!" Dan Shila menarik muka masam sambil menjuihkan bibirnya. Ini dapat disaksikan dengan jelas oleh Atikah.

"Lia minta maaf di atas keterlanjuran tindakan Lia tadi. Tapi Lia rasa itulah cara yang sebaik-baik

untuk menyedarkan diri kita yang telah dihayutkan itu. Lia harap, rakan-rakan tidak terlalu bebas lagi membawa teman lelaki ke rumah ini." Juliana bangun dan menghulurkan tangannya untuk menjabat salam. Setelah itu terus masuk ke biliknya.

"Susah kalau di rumah dah ada ustazah. Buat itu salah, buat ini tak betul," rungut Shila. Dia berasa sedikit puas setelah melepaskan perasaan geramnya itu.

"Dia belum ada teman lelaki, bolehlah cakap macam tu. Kalau ada nanti, barangkali lebih dahsyat daripada kita," kata Atikah seperti berbisik.

"Sudahlah! Lantak dialah. Apa yang harus kita susah-susahkan. Siapa berani buat, dia berani tanggung. Habis cerita, betul tak?" kata Rafeah dan sekaligus cuba mematikan persoalan itu.

"Betul...." Dan serentak dijawab oleh Atikah dan Shila.

Di dalam kamar, Juliana berbaring di katilnya. Dia berasa sungguh puas setelah melepaskan apa yang tersangkut di kerongkongnya selama ini. Namun begitu, Juliana memikirkan bagaimanakah tanggapan rakan-rakannya itu. Adakah mereka memandang ringan terhadap persoalan agama. Mereka sepatutnya sedar bahawa mereka datang ke Kuala Lumpur untuk mencari nafkah dan membantu meringankan soal kewangan keluarga. Bukan pula bermakna, apabila tinggal jauh daripada keluarga

mereka boleh bertindak ikut kemahuan hati sendiri. Boleh bebas, sebebas-bebasnya seperti terbangnya burung di angkasa.

Juliana tahu, rakan serumahnya itu bukanlah semuanya jahil dalam soal agama. Malah, dia pernah mendengar salah seorang antara mereka membaca al-Quran dan surah Yasin. Begitu juga pada setiap kali diadakan syarahan agama di masjid, mereka tidak pula menguzurkan diri. Yang peliknya, mengapa mereka bagaikan secara sengaja melakukan perbuatan maksiat. Rumah tempat mereka tinggal dijadikan seperti hotel. Ada sahaja lelaki yang keluar dan masuk, sebebas-bebasnya.

Juliana sedar, dia seperti juga rakan serumah itu. Umur mereka hampir sebaya. Memang benarlah mereka mengharapkan kehadiran seorang lelaki yang boleh dijadikan teman hidup secara sah.

Tetapi kebebasan yang ada tidak harus dilakukan sebegitu mudah. Ada banyak lagi cara yang boleh dilakukan tanpa menjatuhkan harga diri. Maruah atau barang berharga yang Allah kurniakan itu bukan untuk digadai dengan begitu mudah. Bukan boleh diserahkan kepada siapa sahaja asalkan dianya seorang lelaki. Mengapa harus begitu tanpa ikatan perkahwinan terlebih dahulu?

Itulah sebabnya mengapa apabila Hamdan mengajak dia berjumpa, Juliana akan mencari jalan untuk menghindarinya. Walaupun jauh di lubuk hatinya terasa menggamitnya suatu keinginan yang

amat sangat. Setelah dipujuk dan dirayu oleh Hamdan, barulah Juliana mengalah. Barulah dia mahu mengikut kehendak Hamdan. Itu pun, dia tidak mahu kalau kekasihnya itu membawa dia jauh daripada pandangan orang.

Walau bagaimanapun, sebagai seorang lelaki yang cukup sifatnya, Hamdan sudah tentu tidak akan melepaskan apa juga kesempatan. Dia pernah buat-buat terperanjat dan memegang tubuh Juliana. Pernah juga Juliana menggigit tangan Hamdan yang gatal itu. Mereka pernah tidak bertegur sapa hingga berhari-hari akibat perbuatan Hamdan yang tidak senonoh itu. Tetapi, Hamdan yang sememangnya sudah masak dengan perangai Juliana akan mencari jalan untuk memujuknya. Dia akan menelefon pejabat Juliana. Akhirnya kedua-dua kekasih itu akan berbaik semula. Begitulah....

Sebagai seorang gadis Melayu, Juliana tidak akan mempertaruhkan harga dirinya. Baginya, walaupun berada di benua mana sekalipun, maruah diri harus dipertahankan. Hukum agama perlu ditegakkan. Itulah sebabnya, pada setiap kali pertemuan dengan Hamdan, bukanlah sekadar untuk melepas rindu yang berkampung di dalam dada sahaja. Sebaliknya, Juliana menyuntikkan jarum dakwahnya. Dia mahu kekasihnya itu merapatkan dirinya kepada Allah S.W.T. Dia tidak mahu Hamdan hanyut dan tenggelam dibawa arus kota. Jauh di lubuk hati Juliana mahu Hamdan menjadi

seorang lelaki yang benar-benar dapat memikul tanggungjawab sebagai seorang suami. Si suami memang amanah Allah S.W.T untuk menjaga isterinya dan anak-anaknya dengan sebaik-baiknya.

"Hamdan, Ju nak tanya *you* satu perkara. Ju harap *you* tak marah pada Ju, okay?" pujuk Juliana ketika mereka duduk di sebuah bangku di Tasik Perdana.

"Untuk apa *I* marahkan *you*," kata Hamdan meyakinkan Juliana.

"Betul *you* tak marah."

Hamdan mengangguk.

"Kita dah berkawan hampir tiga tahun. Ju harap *you* berterus terang. Apa sudahnya *you* berkawan dengan Ju?"

"*Come on, darling*. Lagi-lagi Ju tanya soalan itu. Apa Ju sangsi dengan apa yang terkandung dalam dada *I*?"

"Memang Ju tidak tahu apa yang terkandung di dalam dada *you*. Kalau Ju tahu, masakan Ju bertanya soalan yang serupa," kata Juliana dan terus memancing jawapannya.

"*You* nak *I* terangkan juga?"

Juliana mengangguk. Dia memandang tepat ke muka Hamdan.

"*I* akan ambil *you* sebagai isteri *I*!" Hamdan merapatkan sedikit tubuhnya ke tubuh Juliana. Tangan kanannya diletakkan di bahu gadis yang bermini telekung itu.

Juliana memegang tangan itu dan menjatuhkan ke bawah.

"Lagi-lagi itu yang *you* ucapkan. Ju mahu tanya bila? Ju tak sanggup lagi melakukan dosa begini. Kita telah banyak melakukan maksiat!" kata Juliana dan menguatkan sedikit suaranya.

"*Darling*, tolong jangan cakap begitu. Jangan campur-adukkan ia dengan soal agama. Kalau kita campurkan juga, bermakna kita tak perlu bertemu lagi."

"Memang betul. Itulah sebabnya Ju mengharapkan suatu kepastiannya. Biarlah kemesraan itu kita kecapi setelah kita diijab-kabulkan."

"Sabarlah sayang. Kalau sudah suratan dan jodoh kita ianya tidak akan dapat diubah. Sabarlah!"

Agak lama sesudah itu mereka tidak bersuara. Masing-masing melayan perasaan diri. Di tengah tasik itu kelihatan seekor haruan sedang menyambar sesuatu. Air tasik yang tadinya tenang tiba-tiba sahaja berombak kecil. Ada sesuatu yang tunda-menunda di tasik itu. Bayu yang berpuput lembut sekali-sekalanya mulai ganas. Hujung mini telekung Juliana berkibar macam bendera.

"*You* masih sangsi, *darling*?" tanya Hamdan sekali lagi.

Dia bimbang berakhimya kepercayaan Juliana terhadap dirinya.

Juliana masih tidak menyatakan apa pandangan-

nya. Dia hanya mengangguk. Jauh di lubuk hatinya dia masih ingat apa yang dikatakan oleh seorang ustazah:

WALAA TAQRABUZ ZINA, INNAHU KAANA

FAAHISYATAN WASAA-A SABILLA Dan janganlah kamu mendekati perzinaan, kerana sesungguhnya perzinaan itu adalah suatu pekerjaan keji dan jalan yang buruk.

Apa yang diucapkan oleh ustazah itu masih temgiang-ngiang di copeng telinga Juliana. Tanpa disedari, air matanya bertakung. Dia berasa sungguh bersalah. Apa yang dilakukannya bersama Hamdan sekarang sengaja menempah ke arah perzinaan walaupun antara mereka belum pernah melakukannya.

"Ju! Jangan menangis sayang!" pujuk Hamdan lagi. Dia cuba menyapu air mata yang menggenangi di kelopak mata kekasihnya. Cepat-cepat Juliana menepis tangan Hamdan dan dia menyapu sendiri air mata itu.

Hamdan dapat menyelami apa yang tersirat di hati kekasihnya itu. Satu harapan yang amat sangat daripada Juliana agar dia tidak mensia-siakan cinta luhurnya itu.

Pada petang itu mereka berpisah sebelum tibanya maghrib. Seperti biasa, Juliana hanya membenarkan Hamdan menghantarnya di Perhentian Bas Kelang sahaja.

Masa dua bulan berlalu bagaikan tanpa disedari. Rumah sewa di tingkat lapan itu tidak lagi

dikunjungi lelaki. Juliana yakin, rakan-rakan serumahnyanya telah insaf di atas apa yang pernah mereka lakukan. Sebab itu dalam tempoh tersebut dia tidak pernah terserempak dengan lelaki yang datang ke rumah itu. Berlainan sekali sewaktu dia belum menegur rakan-rakan serumahnyanya dahulu. Dahulu boleh dikatakan pada setiap malam ada terdengar suara lelaki di dalam bilik rakannya itu.

Perubahan sikap rakan-rakannya itu menyebabkan perasaan Juliana berasa lega. Syukurlah rumah sewaan itu tidak lagi dicemari pelbagai noda. Sebaliknya, telah bersih umpama sehelai kain putih.

Ternyata harapan dan doa daripada Juliana selama ini telah membuahkan hasil. Suntikan jarum dakwahnya, sedikit sebanyak telah dapat membendung noda yang dibuat oleh rakan-rakannya. Juliana merasakan telah lahir suatu kesedaran tentang betapa sia-siannya menjadi wanita seandainya bersikap enteng terhadap maruah diri.

Pada suatu malam Juliana pulang lebih awal daripada biasanya. Dia pulang setelah bercuti selama lima hari. Sebaik sahaja dia menolak daun pintu, dia terlihat Hamdan keluar dari bilik Atikah. Mereka bertembung di ruang tamu. Tersentak Hamdan apabila melihat Juliana berada di depannya. Atikah yang hanya memakai gaun nipis dengan rambutnya yang kusut-masai itu turut tergamam. Dia berlindung di belakang Hamdan.

"Hamdan!" seperti kilat suara itu terpacul dari mulut Juliana.

"*You ... you* Ju ... Juliana!"

"Apa hal ni Dee, siapa Hamdan ni?" tanya Atikah dan meluru ke depan. Dia kehairanan apabila kedua-duanya seolah-olah saling kenal-mengenal. Dan lelaki yang berambut keriting itu terus berlalu. Dia meninggalkan mereka tanpa menyatakan sepatah perkataan.

Dua hari selepas itu, pada suatu paginya kedengaran Atikah muntah-muntah.

URTV

ITULAH TAKDIRNYA

Ahmad J. Husin

SIAPA yang tidak sayang pada anak? Anjing pun sayangkan anak! Kucing pun sayangkan anak!

Sesungguhnya dia cukup sayang kepada anak lelakinya yang berusia enam tahun itu. Setelah suaminya mati, anak itulah yang menyerikan ruang-ruang kehidupannya. Ya. Anak itulah, anak yang baru masuk sekolah itulah penawar dan racun baginya.

Sudah dua minggu dia membiarkan anaknya pergi ke sekolah dengan budak-budak di kampungnya. Jali cukup gembira dapat pergi sekolah dengan kawan-kawan. Dan setiap pagi dia bangun begitu awal, mandi, bersarapan dan terus pergi ke sekolah bersama Midah, Cot dan Bakar. Jali cukup gembira. Maklumlah budak-budak! Dapat bersaing dengan kawan, seronoklah mereka.

Sekolah tidak berapa jauh dari rumah. Cuma setengah batu sahaja. Berhampiran dengan rumahnya cuma tiga orang budak sahaja yang bersekolah.

Midah, anak Wak Leman naik darjah tiga tahun ini. Bakar, yang buta sebelah mata itu naik darjah empat dan Cot, anak Minah Man Kelawar naik darjah enam. Dia tahu itu dan pada setiap paginya dia lihat budak-budak itu berderet-deret melintasi halaman rumahnya pergi ke sekolah. Dia begitu gembira, terutama melihat Jali, anak sulungnya pergi ke sekolah dengan anak-anak jirannya itu. Dan pada setiap pagi dia melihat Jali melompat-lompat kerana seronok dapat pergi ke sekolah dengan kawan-kawan.

"Mak! Cikgu kata ... Li tak boleh pakai baju ini lagi pergi sekolah," kata Jali suatu pagi, ketika menyarung baju batik ke badannya. Baju batik itu sudah lusuh. Bunga-bunganya sudah samar.

"Aaaa?" Dia seperti terperanjat mendengar kata-kata Jali itu. Dia bukan tidak teringat untuk membeli sehelai baju putih untuk Jali. Dia ingat itu, tetapi malangnya beberapa bulan kebelakangan ini hujan turun tidak berhenti-henti. Dan selama beberapa bulan ini dia tidak dapat menoreh. Harga getah mahal juga sekarang, tetapi malangnya pula sekarang musim hujan. Dan sesungguhnya dia tidak dapat berbuat apa-apa. Kuasa Tuhan!

"Cikgu kata, baju batik bukan baju pakai ke sekolah! Baju panggung wayang, kata cikgu," rungut Jali sambil mencapai beg plastik atas papan gantung tepi pintu. Beg itu masih tidak berisi apa-apa, cuma pensel, kayu pembaris dan dua ketul ge-

tah pemadam. Kemudian matanya memandang Jali yang melangkah ke pintu.

“Beritahulah pada cikgu, mak tak ada duit lagi nak beli baju sekolah. Sekarang mak tak dapat menorch. Hujan! Kalau boleh menoreh nanti, mak akan beli baju. Mak akan beli seluar!” Demikian kata Lijah sambil merenung tubuh Jali yang kerdil itu. Dia hanya melihat betapa kaki anaknya itu sedang melangkah anak-anak tangga. Suara budak-budak sudah riuh di halaman. Tentu Cot, Midah dan Bakar!

“Pergilah. Beritahu cikgu ya?” pesannya lagi. Jali mengangguk lesu. Kemudian dia melihat anak kesayangannya itu berlari-lari mendapatkan kawan-kawannya di bawah pokok langsung tua dekat balai raya yang sudah senget. Dia sesungguhnya berasa cukup gembira melihat Jali pergi sekolah pada pagi itu, walaupun hatinya bagai disiat-siat apabila mendengar kata-kata Jali tadi.

Dia masih ingat, baju batik yang dipakai Jali itu dibeli oleh suaminya ketika mendapat wang gaji setelah mengumpul tahi kelawar. Sudah lama baju itu. Warnanya sudah lusuh dan apabila mengingatkan itu tiba-tiba dadanya diserang kesayuan sebesar gunung!

Matahari pagi baru sahaja muncul di balik bukit. Baru setengah galah. Cuaca agak redup. Di langit awan hitam bergerak menuju selatan. Angin dari Gunung Baling yang lolos kelihatan membelai

rambutnya. Jali sudah ke sekolah. Dan pada pagi itu dia membekalkan wang lima sen untuk perbelanjaan Jali.

Dia sedar, semalam-malaman hujan turun mencurah-curah bagai mahu menenggelamkan Kampung Tuk Wi yang tersorok ini. Dan pada pagi ini pun dia tidak dapat menoreh. Bulan ini sahaja sudah 10 hari dia tidak menyembah pokok-pokok getah. Beras sudah tinggal secupak sahaja lagi dalam tin minyak tanah. Dia sedar itu dan sekaligus dia melihat alangkah seksanya hidup sebagai seorang penoreh getah pawah!

Tiba-tiba satu cahaya tersilau dalam ingatannya. Cahaya itu menyuluh tepat-tepat ke wajah suaminya. Dia teringat. Sudah empat tahun suaminya meninggal dunia. Sekarang sudah menjadi teman cacing-cacing. Bukan! Sudah menjadi tanah! Dia mengingatkan itu, tiba-tiba hatinya pedih bagai dihiris sembilu

Mail Tuk Mah mati, jatuh dari Gunung Baling ketika menurunkan baja tahi kelawar. Dia masih ingat suasana pada pagi itu,

"Abang lambat pulang hari ni, Jah." Demikian kata Mail sambil menarik basikal buruknya dari bawah rumah.

"Kenapa?" tanya Lijah sepatah. Matanya yang jemih itu menikam tepat-tepat ke wajah suaminya yang separuh terbakar itu. Mail tersenyum sumbing.

“Nak cari rezeki lebih sikit. Tahi-tahi kelawar di tempat kami cari selalu tu, dah kurang. Kelawar-kelawar tu pindah barangkali,” terang Mail selamba. Lijah diam, kemudian dia lihat suaminya terherot-herot mengayuh basikal ke arah Pekan Baling.

Dan pada pukul 2:00 petang itu, dia seperti tidak percaya apabila Bidin memberitahu yang suaminya berada di hospital. Air matanya luruh berderai-derai mendengar cerita Bidin itu, kemudian dia mencepung Jali yang masih kecil itu mengekori Bidin dari belakang. Dia tahu, Gunung Baling itu bukan rendah! Dia tahu sungguh-sungguh!

Sampai di hospital dia dibawa oleh seorang jururawat muda ke wad 16, di mana suaminya ditempatkan

“Ini Cik Lijah ya?” tanya seorang jururawat yang tercegat di sisi katil yang dihuni oleh sebatang tubuh diselimuti kain putih.

Dia cuma mengangguk.

“Kakak ... suami kak....” Suara jururawat itu terputus di situ.

“Apa? Dia dah....” Sekali lagi air matanya bagai dicurah-curah jatuh ke pipinya.

“Abang!” jerit Lijah sambil merangkul mayat Mail. Tubuh yang sejuk dan kaku itu didakapnya. Erat. Kemudian dia membuka kain yang menutup muka Mail. Muka itu pucat! Dia merenung wajah yang berplaster itu dengan perasaan sebak di dada.

Dan dua orang jururawat muda melihat peristiwa sedih itu dengan wajah yang disapu kemendungan.

"Sudahlah kak. Abang Mail didatangkan oleh Tuhan dan Tuhan jugalah yang mengembalikannya ..." kata salah seorang daripada mereka sambil menepuk-nepuk bahu Lijah.

"Tuhan lebih sayangkan dia kak. Dan kita yang tinggal ni cuma boleh bersabar sajalah!"

Kepala Lijah terkulai. Bola matanya berair dan memerhatikan simen. Dia terus menangis. Mail adalah buah hatinya di dunia ini. Dan Mail adalah manusia yang paling setia dalam hidupnya di maya ini. Kini Mail Tuk Mah, suaminya telah pergi. Telah jauh. Dan Mail adalah mangsa yang ketiga 'tragedi Gunung Baling'.

Dan dalam saat begini, betapa peritnya dia menghadapi hidup yang pekat ligat ini. Betapa sengsaranya. Dan Lijah janda Mail Tuk Mah yang masih muda itu terus menghadapi kehidupan bersama Jali. Lijah cukup sayang kepada Jali. Jalilah penawar dan racun dalam hidupnya. Sesungguhnya, Jalilah yang menjadi bunga-bunga yang menghiasi perjalanan hidupnya kini. Jalilah seorang.

Dari jauh, tiba-tiba matanya terpandang beberapa orang budak yang berlari-lari cemas ke arah rumahnya. Dan dia melihatnya dengan segugus tanda tanya yang terhempas ke dadanya. Dia bangun menghampiri pintu yang temganga.

"Kak ... Kak Lijah! Kak Lijah!" Begitu cemas suara itu. Termengah-mengah.

"Kenapa ni? Kenapa! Mana Jali, Jali!!"

"Jali ... Jali.... Dia.... Dia jatuh ... jatuh sungai!"

Jawab Cot tercungap-cungap sambil menunjuk ke arah sungai itu.

"Apa?"

"Dia jatuh tadi!" Air mata Cot merembes ke pipi. Dia melihat Midah dan Bakar diam, kemudian lari pulang ke rumah masing.

Lijah mendengar dengan jelas perkhabaran itu. Terasa melayang tubuhnya. Terjelepok dia di atas jemburan. Kemudian beberapa orang jiran-jiran bergerak kalut-kalut menuju ke rumah Lijah. Tetapi dia sudah tidak sedarkan dirinya lagi. Mak Cot dan beberapa orang lain mengusung Lijah ke dalam. Orang telah ramai datang. Masing-masing dilanda perasaan cemas.

Beberapa orang lelaki yang baru sampai berlari-lari ke arah sungai, di mana Jali dilaporkan terjatuh tadi. Di belakang mereka ialah Cot, Bakar dan Midah. Masing-masing dahulu mendahului. Kalut-kalut belaka.

"Di mana dia jatuh?" tanya Wak Leman sebaik sahaja sampai di tebing yang berumput panjang itu. Kemudian dia meniti di atas titi batang pinang kampuh tiga itu. Matanya dibeliakkan ke arah Cot yang masih tercungap-cungap.

"Tu, di sana!" jawab Cot sambil menuding ke

tempat Jali dilihatnya terjatuh tadi. Dan berpuluh-puluh pasang mata tertumpu ke arah tudingan Cot. Wak Leman berjalan ke arah itu. Kemudian matanya tertumpu kepada sebatang titi batang pinang yang telah lapuk di bahagian hujungnya. Bahagian tepinya berserabut. Pulur yang reput terkeleweh ke bawah.

Air sungai begitu deras dan sungguh menakutkan. Sebatang kayu balak dua pemeluk berguling-guling dibawa arus. Seekor murai sesat tertenggek di bahagian atas yang tidak ditenggelami air. Sekali-sekala burung itu macam takutkan orang ramai yang berkerumun di tepi tebing.

Orang ramai masih tidak bergerak di tepi tebing. Beberapa orang budak muda telah terjun ke air untuk mencari Jali. Tetapi ternyata benar, setiap kali mereka naik ke darat Jali tidak dibawa bersama! Jali telah hanyut.

Demikian kata salah seorang daripada yang terjun itu. Wak Leman tidak dapat berbuat apa-apa. Orang ramai yang berkerumun di tebing juga tidak dapat berbuat apa-apa! Arus terlalu deras.

Di rumah, Lijah masih tidak sedarkan diri. Mak Cot, Minah Man Kelawar dan beberapa orang jiran perempuan di sisinya. Di wajah masing-masing tergantung daun-daun kemurungan.

Pada petang Jumaat itu hujan turun mencurahkan lagi. Lijah masih lagi terbaring lesu di lantai. Dan jiran-jiran terus mengunjungi rumah Lijah;

TULAH TAKDIRNYA

masing-masing bercerita fasal Jali yang ditelan arus Sungai Seputih yang berpuaka itu.

Lijah masih lagi terbaring. Sesekali Mak Cot memanggil namanya.

Di luar hujan masih lagi mencurah-curah. Kampung Tuk Wi begitu muram dalam hujan yang menggila itu, seperti wajah Lijah yang terbaring lesu.

DETAK NAFAS

Azim Saleh

TIDAK pernah dia singgah ke puncak insaf. Meski telah sering berkisar gagasan. Detak nafas bergemerutup; nikmat baru sentiasa merecup.

Tatkala kecemerlangan menyihir usia, dihimpun benih-benih rahsia di semaian bakti. Sejak jaring ingkar menyerkap kewarasan, telah diragas tebing-tebing curam; memenuhi cembul dendam yang bersakar di dadanya.

Sekian lama hasrat membara, dengung bergema. Dicebak juga nikmat terlarang; mengurai keperibadian di tengah debur durjana yang kian gawat.

Memang tidak perlu dia pameran salasilah. Keuasaan dan kemuliaannya adalah milik jagat raya paling bernilai. Dia pemimpin ulung jagat raya. Seorang ilmuwan, peneroka teori, pencipta kemajuan yang telah hidup di atas nafas-nafas singa – menjejajah alam teori untuk mencari nilai kesempurnaan.

Tanpa ragu, dialah paling berkuasa di atas setiap martabat. Tanpa ragu, kewujudannya adalah demi membentuk nafsu pelbagai.

Di tangannya tergegangam picu saraf jagat raya. Apabila sesuatu terhasil, dialah pencipta paling unggul. Dia aturkan hukum landasan jagat raya – menyambung tali kehidupan dengan ilmu yang ampuh, berkeyakinan, penuh falsafah.

Begitu pun dia hanya mentafsirkan hidup pada awal kejadian tanpa menilai hingga pada akhirnya. Setiap kali kabus ditaman-taman, dihanyutkannya uncang-uncang lara di ambal segera.

Dia terus berfikir cerita bulan, menghirup angin gunung, mencicip kemanisan bunga-bunga mekar yang telah tersemai dan menantinya sejak lahir.

Baginya, merencanakan hidup adalah seperti menganyam simpati. Sepanjang tempoh bernafas dia tetap meraut bilah-bilah kudrat daripada ketajaman nafsu. Akalnya dilagang pada lembaran-lembaran semangat; terbentuklah lapisan demi lapisan martabat pengikat hasrat. Setiap langkah itu pula adalah jurang pemisah antara ketulusan jiwa dengan kepuasan nafsu. Lalu simpai akan terus dianyam meskipun pada lapisan terakhir ia akan merungkai kembali. Keasyikan menganyam simpai, langsung menutup ruang insaf. Jelaga nafsu terus mencari kewajaran pada takrif perjuangan.

Bergumpalan dia dengan kemelut. Iradat pelbagai bencana yang dicurahkan ke atas jagat raya tidak juga menjadi iktibar. Biarlah lingkaran-lingkaran api telah mengepung setiap benua. Letusan demi letusan bergerak di mana-mana. Pelbagai wa-

bak ngeri menebar jaring sengsara. Debu-debu racun berterbangan di udara. Bumi menjadi kering. Pantai kehilangan tebing. Kedua-dua kutub menjadi gurun tandus dan gurun-gurun pasir dilimpahi selut hitam. Gunung-ganang mulai rebak; menggulung batu-batu berceracak. Pelbagai musibah datang bertalu-talu, sebaliknya dia cuma menganggap satu cabaran menguji kewibawaan. Pasti akan dilunasi dengan produksi akal dan ketokohnya.

* * *

Sesungguhnya dia terlupa tentang kewajipan produksi akalnya terhadap hak, bakti serta tanggungjawab selaras kehendak rohani dan jasmani. Ketika ghairah memburu hidup, dari takah bakti ke takah martabat – tiba juga dia ke puncak nikmat!

– “Tempoh bagi engkau bermafas telah hampir tamat!”

Seluruh nikmat deria bagai terhenti. Martabat sebagai makhluk seakan-akan terpancung. Urat-urat dan tulang-temulang mula merusuh. Gunung-ganang berbatu tajam terasa menghimpit dada. Hal-kumnya ditunjal tunggul-tunggul api. Tertanggalah warna-warni keindahan daripada pelipis mata.

Sehabis badai bertangkap di celah dengus nafas; tertonggok pancang harap di tubuhnya yang gementar: “Ampunilah aku! Berikanlah aku sedikit kesempatan untuk melunaskan setiap gagasan yang

telah dipertanggungjawabkan ke atasku! Sememangnya aku juga memang pernah terbayang untuk kembali menyukat ruang keinsafan!" tutuhnya tersumbat dalam kelongsong sengsara; berkumandang dalam diri.

Dia disengat kecewa. Terlalu banyak gagasan-gagasan yang tidak terpenuh. Sebagai pemimpin agung, pemikir bijaksana, pencipta unggul – dia melihat seluruh kehidupan dengan sehelai roma. Dia asyik memperjuangkan nilai sejagat dengan pengaruh dan martabat sehingga menghunjamkan hak dan tanggungjawab paling afdal.

– “Engkau terlupa tentang petunjuk bagi dua alam kehidupan dirimu sendiri. Apabila menghadap ke depan, bagimu itu suatu kebaktian. Sedang wajah di belakangmu tetap juga tercoreng keraguan. Ketahuilah sebenar-benar bakti dan tanggungjawab utama adalah beriman terhadap Allah!”

Alangkah ruginya. Detik nafas mesti terpancung saat ini? Bagaimana perjuangannya terhadap jagat raya? Di mana bakal dibawa sejarah martabat dan kekuasaan? “Tolonglah! Bebaskan aku dari azab ini. Aku sepatutnya diberi sedikit kesempatan untuk mengenakan nisbah bakti paling afdal itu.” Masih juga dia merayu; ingin menunda tempoh. Masih ingin waktu paling sesuai. Atau masih ingat terus melayah di awan rembang. Meluncur di langit pagi. Berguling di pelantaran malam, biarpun sudah amat banyak rongga-rongga dalam gelembung usia.

– “Bertenang! Jangan kau rusuh akalmu. Pada detik-detik terakhir ini, cuba kau hayati sepenuhnya nikmat bernafas. Kau tau, nafas itulah sebenarnya anugerah paling berharga!”

Desah di dadanya mula menipis. Dengan penuh penghayatan dia menghirup nafas. Amat panjang dan dalam sekali. Berhenti sejenak. Perlahan-lahan pula dia melepaskan nafasnya seolah-olah tidak ingin dihabisi.

– “Cuba pula kau bayangkan;- jika Allah menuntut bayaran bagi setiap nafas yang kau hirup. Bagaimana akan kaulunaskan hutang nafasmu? Sedangkan nafas yang dianugerahkan dengan percuma, tidak pernah dihargai. Mereka yang sedang kebuluran tetap bernafas. Mereka yang sedang berperang, berghairah, sakit, nikmat tetap bernafas; namun sering terlupa untuk merasai nikmat bernafas. Malah tidak sedar pun bahawa mereka masih bernafas!”

Keagungan martabat dan kekuasaannya dirasakan pudar. Hilang nikmat di hati dan khayalan jiwanya yang cuma dihubungkan dengan isi alam. Dia yang paling berkuasa, kini harus menjadi pengemis. Mengemis agar diberi kesempatan menunda tempoh untuk terus bernafas. Dia yang paling bijaksana, pencipta paling unggul – tidak mampu mencipta nafas!

Mata akalnya berjelaga. Gagal menerobos teori bernafas;- Mengapa bernafas. Bagaimana terhasil

nafas. Dia pun terteka-teka dengan pilihannya antara anugerah nikmat bernafas dengan kepentingan kuasa, martabat, harta dan gagasan hidupnya.

Ternyata dia sedar selama ini dia lupa menikmati anugerah nafasnya. Malang benar, dia cuma asyik menganyam sampai hingga terlupa bahawa dia perlu menghayati keperluan nafasnya.

Tiba-tiba matanya dipanah lampu besar. Silau terang, panas dan pedih menyusup ke dalam kalbu. Untuk seketika dia terasa pusing angin memental tubuh. Dia pasrah. Sekali lagi menghirup nafas. Lebih panjang dan dalam. Nikmatnya menjalari; menyegarkan tubuhnya yang gentayangan.

- "Ayuh! Bangun! Lihat ke dalam dirimu. Kau selamanya telah berjuang membusungkan dada, tapi mengosongkan jiwa. Engkau tidak mahu gagal menggenapkan hakikat hidup - sedang sebenarnya engkau telah rugi besar kerana telah melepaskan akal dari kurungan iman. Engkau seharusnya berada di puncak akal tanpa melupakan keagungan Allah!"

* * *

Sebaik bingkas menyongsong detik selanjutnya, dia berdiri di bawah pohon rendang berdaun hitam; tanpa naungan redup. Renungannya legat ke arah sebuah lubang besar di hadapan. Kepulan asap putih menerjah keluar dari mulut lubang yang luas

temganga. Bau busuk dan meloyakan mengimbau persekitaran. Terasa kulitnya menggelupas apabila dijamah asap tebal yang panas dan berbau busuk itu.

– “Jika engkau ingin bernafas selamanya, masuklah segera ke dalam lubang besar ini!”

Selama ini dia yang memberi perintah; bukan diperintahkan. Dia pemimpin agung, pemilik picu saraf jagat raya – sewajarnya tetap berhak memutuskan arah haluannya: “Kenapa aku mesti ikut perintahmu? Bagaimana harus aku mempercayaimu?” Rupanya ada lagi sisa perasaannya agar menilai rahmat dan nikmat mengikut tabiat serta bentuk kejadian.

– “Apalah ertinya kepercayaan bagimu yang sentiasa mengkhianati kejujuran sendiri. Terpulanglah padamu untuk keluar dari kelongsong sempit – memasuki alam yang luas. Berangkat dari kegelitan – menuju jalan yang terang-benderang. Justeru engkau perlukan nafas, masuklah ke dalam lubang ini!”

* * *

Seimbis insaf menjengah di rekahan minda. Bagi limpahan tinta emas mengalir di retakan cermin; melarikan jalur-jalur berkilau dalam dengus nafasnya yang dinikmati dengan sepenuh penghayatan serta penghargaan: “Tolonglah aku! Akan kutibus

detak nafas dengan seluruh yang kumiliki. Aku amat perlukan kesempatan atau sebarang pilihan lain. Lubang ini bukan tempatnya. Tolonglah! Ampunilah aku! Kasihanilah aku ... dalam debar dijulung harap, dia menangis. Entah mengapa, tangisnya gagal dibendung.

Kepercayaankah atau harapannya itu yang menjadikan akal? Ketika jernihnya memadam api kesombongan; setelah luntur kekuatan diri – lalu ke mana harus diburaikan segala ketakutannya saat itu.

Ah! Dia terpidana oleh dirinya; dibelit ketakutan pada seksa atas setiap perlakuan. Memang selama ini dia berhasil menudung keji dengan tanjak darjat. Sama seperti sang diktator yang menuding kebaculan diri kepada orang lain. Menutup kerendahan wibawa dengan jerkahan, bala tentera; nuklear? Atau merampas kemerdekaan berjuta-juta jiwa, semata-mata mengisi jiwanya yang lompong serta amat takut bercerai daripada kenikmatan yang paling rendah martabatnya itu.

Ah! Jiwanya kini dicerederakan oleh segala nikmat dan kelazatan miliknya selama ini. Sengsaranya dia dikeroyok oleh darjat kehormatan yang tegak di atas mayat-mayat. Lumat hatinya dicincang oleh kerawai gelar di dadanya, yang tersemat setelah puas berladang di belakang para sahabat. Terasa juga belum puas kelazatan itu diteguk. Seakan-akan kelazatan tidak pernah habis dicicip dan

terasa ingin sahaja dipindahkan seluruh kelazatan ke dalam tubuh. Tetapi kini, dia cuma mengisi kelazatan dengan tangisan. Rupanya, tangisan juga sesuatu yang lazat?

– “Demi baktimu yang tercurah ke segenap jagat raya; menangislah! Sesungguhnya tangisanmu juga adalah salasilah kewujudan. Engkau pernah menangis ketika terpacul ke jagat raya ini – kerana ketakutan menempuh alam asing. Ternyata engkau sebaliknya amat bahagia menikmati pelbagai kelazatan sehingga menangis pula untuk meninggalkannya. Kini terserah padamu, sama ada lari daripada kelazatan dan masuk ke lubang besar ini – atau menunggu kelazatanmu mencapai tempohnya!”

* * *

Dia terus terkedang di tengah pusar angin, namun masih sempat menarik nafas sedalam-dalamnya seolah-olah segenap ruang nafas mahu dihabisi. Sayup-sayup terdengar deru ombak beriring pancaran kilat paling dahsyat sehingga membakar matanya.

Tubuhnya mula terasa bagai dihenyak gunung-ganang berbatu pejal dan halkumnya tersumbat puntung-puntung api. Asap putih dari lubang besar semakin tebal dan panas. Bau busuk daripada asap putih bertingkah dengan debur ombak yang

DETAH NAFAS

bertambah hebat dan dengusannya amat mengerikan.

Tiba-tiba cahaya terang menerpa; menyegarkan muka. Dia melihat ombak bergulung setinggi gunung datang merapatinya. Perlahan-lahan ia mendekat ... bertambah rapat ... dan rapat. Di tengah kegawatan itu dia yang selama ini dilalaikan oleh kepintarannya, mula kalut mencari pilihan terbaik; malah dia seperti tidak punya sebarang pilihan!

Gulung ombak pun bertambah tinggi; semakin menghampiri....

Mingguan Malaysia, 10 Mei 1992.

WIRA KEMERDEKAAN

Gunawan Mahmood

PUTUSLAH sudah muafakat orang-orang kampung. Masing-masing sudah sekata. Tidak ada lagi yang membantah. Mereka akan mengadakan 'Malam Jasamu Dikenang' dan memberi anugerah 'Wira Kemerdekaan' kepada Sutan Malikus kerana jasa-jasanya. Tidak ramai yang mengenal Sutan Malikus, malah anak-anak Kampung Parit Watan sendiri tidak begitu mengenalinya. Lelaki yang kini menjangkau usia 40-an itu lebih banyak merantau daripada berdiam di kampungnya. Sebahagian usia mudanya lenyap di perantauan

"Saya berjuang bersama Tunku di Kuala Lumpur, menyambut Tunku di Melaka yang membawa kemerdekaan tanah air dan ketika bendera Union Jack diturunkan, sayalah yang melipatnya," terang Sutan Malikus ketika pulang ke kampung halamannya setelah berpuluh-puluh tahun merantau.

"Jadi bapak rapat betul dengan Tunku?" tanya seorang pemuda yang baru kenal sejarah tanah air.

"Wah! Kenal benar. Saya selalu mengikut Tun-

ku berkempen ke seluruh pelosok tanah air untuk memperjuangkan kemerdekaan," jelasnya lagi.

"Masa Tunku bertemu Chin Peng di Baling?" tanya pemuda itu lagi.

"Ya ... saya juga di sana, mengiringi Tunku. Saya antara orang yang dibenarkan masuk. Sempat juga saya temui Chin Peng dan Rasyid Maidin."

"Wah! Rasa-rasanya pengalaman seorang budak universiti hanya sekelumit berbanding pengalaman bapak," keluh seorang pemuda lagi.

"Ya ... pengalaman saya seperti lautan. Maklumlah jiwa saya ini jiwa orang perjuangan," terang Sutan Malikus sambil menepuk-nepuk dadanya.

Orang-orang kampung yang mendengar cerita-cerita Sutan Malikus seakan-akan terpaku, kagum dengan pengalamannya yang tidak ternilai itu. Sejak kepulangannya, ramai yang mengunjungi beliau. Ada yang suka mendengar cerita-ceritanya, ada yang meminta nasihat dan tidak kurang yang ingin mengangkatnya sebagai seorang pemimpin di Parit Watan itu sendiri. Daripada cerita-ceritanya, tergambarlah betapa dia seorang yang berpengalaman luas, tokoh politik dan pejuang kemerdekaan yang sama-sama menyertai Yang Mulia Tunku Abdul Rahman. Orang-orang kampung tumpang bangga, sebabnya, seorang pejuang unggul ada di kampung mereka.

Menurut penduduk-penduduk kampung, jasa be-

sar Sutan Malikus mesti dibalas. Sutan Malikus mesti diberi anugerah. Tidak cukup setakat mengangkat dia sebagai pemimpin di peringkat kampung. Itu bukan tarafnya. Dia sebaris dengan pemimpin-pemimpin yang menuntut kemerdekaan yang sudah pun menjadi menteri. Jerih payahnya mesti dihargai dengan sewajarnya. Orang seperti Sutan Malikus tinggal beberapa kerat sahaja. Biarlah mereka diperlakukan sebagai wira.

Andi Jamal, pemuda yang sering mendampingi Sutan Malikus mencadangkan supaya penduduk-penduduk Parit Watan memberi anugerah 'Wira Kemerdekaan' kepada Sutan Malikus. Jawatankuasa penduduk bersetuju sebulat suara. Tidak seorang pun menentang, semua akur akan kewiraan Sutan Malikus dalam usaha merebut kemerdekaan tanah air.

Perbelanjaan dipungut daripada orang-orang kampung untuk mengadakan 'Malam Jasamu Dikenang'. Pak Sati, Pengerusi Jawatankuasa Penduduk Kampung Watan terus berusaha agar majlis yang dianjurkan berjalan dengan meriah. Malah, Pak Sati bercadang menjemput pemimpin dari ibukota bagi merasmikan malam yang bersejarah itu. Orang-orang kampung dengan rela hati mendermakan beras dan ayam. Bagi mereka sumbangan mereka terlalu kecil berbanding sumbangan Sutan Malikus untuk bangsa, agama dan negara.

"Saya tak harap itu semua. Tapi kalau nak buat,

buatlah besar-besaran sedikit," pesan Sutan Malikus kepada Pak Sati.

"Tentu pak, apa ertinya majlis yang kecil-kecil berbanding perjuangan Pak Sutan yang besar kepada bangsa." Pak Sati memuji penuh semangat.

"Benar Pak Sutan, bapak satu-satunya wira perjuangan kemerdekaan yang ditinggalkan. Patut sekali kita membelanya dan meletakkan dia di tempat yang sewajarnya." Andi Jamal menyambut lebih bersemangat.

"Kalau pemerintah tak memberi kesanggupan, biarlah kita yang melakukan. Kita jemput pemimpin-pemimpin pusat, biar mereka lihat betapa kita sebagai rakyat tahu dan menghargai pejuang-pejuang kemerdekaan." Pak Sati menghentak lantai, kemerdekaan di mukanya menggambarkan semangat yang berkobar-kobar.

"Syabas! Syabas! Itulah semangat yang perlu ada dalam jiwa anak-anak muda kita. Jiwa perjuangan seperti Tunku, Dato Onn Jaafar atau sekalipun Pak Boestamam," sambut Sutan Malikus. Pak Sati dan Andi Jamal kembang kuncup hidungnya dipuji demikian rupa. Pada mereka pujian ini penting atau setidak-tidaknya akan menguatkan pengaruh mereka ketika mempertahankan jawatan parti dalam pertandingan yang akan datang. Kata-kata yang terpacul daripada Sutan Malikus seperti kata-kata keramat yang sentiasa diiyakan oleh penduduk-penduduk Kampung Watan, maklumlah

pejuang kemerdekaan yang tidak kenal erti tewas!

Kata-kata perjuangan sering bermain di bibir Sutan Malikus. Pantang sebut cerita kemerdekaan, dia akan tampil ke depan. Dia akan mengaitkan dirinya dengan peristiwa-peristiwa dan tokoh-tokoh tertentu ketika menuntut kemerdekaan dahulu. Tidak ada saksi yang dapat menolak cerita-ceritanya. Malah, tidak ada seorang pun yang menyangsikan.

"Saya tak sangka dapat hidup dalam negara yang membangun ini setelah puas berjuang dengan titis-titis darah dan air mata saya." Sutan Malikus memulakan ceritanya. Ketika itu dia dikunjungi oleh ahli jawatankuasa sambutan 'Malam Jasamu Dikenang'. Badan Andi Jamal dan Pak Sati menegak apabila mendengar mukadimah yang menaikkan semangat terlafaz dari mulut Sutan Malikus. Meraka menumpukan minat pada perkataan yang terluah daripada tokoh yang berjasa itu.

"Saya berjuang bukan untuk dikenang jasanya, tapi sebagai manusia saya tidak mungkin menolak penghargaan daripada rakyat terbanyak." Demikian diterangkan. Melopong mulut orang-orang kampung mendengar kata-kata yang terpacul daripada mulut Sutan Malikus sebiji demi sebiji.

"Anugerah kami hanya sekelumit dari kebesaran perjuangan bapak." Andi Jamal mencelah.

"Memang ... memang perjuangan kami tak dapat dinilai dengan apa-apa, sekalipun anugerah dan

wang ringgit. Saya masih ingat pantun yang selalu didendangkan oleh Pak Boestamam;

*Kalau takut dilambung ombak
jangan berumah di tepi pantai
kalau takut kena tembak
jangan cuba-cuba masuk partai.*

Indah sekali perjuangan ini. Murni, tulus dan kudus hanya untuk tanah air."

Melopong lagi mulut orang-orang kampung mendengarnya. Sungguh Sutan Malikus petah bercakap, wajarlah dia menjadi terompet menyeru ke arah kemerdekaan. Wajarlah dia duduk di barisan hadapan menentang Malayan Union dan penjajahan. Tidak siapa yang boleh menafikan kebolehan-nya.

Perjumpaan yang sederhana dengan Sutan Malikus menjadi lebih sibuk dengan pertanyaan-pertanyaan orang muda yang baru masuk ke 'kampung politik'. Sutan Malikus pun bersilat dengan kata-kata meladeni api semangat pemuda-pemuda kelahiran lepas merdeka. Sebentar tangannya ke atas, sebentar ke bawah dan kadang-kadang matanya terbeliak menggayakan sebuah cerita lamanya.

Persiapan pun diatur oleh pemuda-pemuda Kampung Parit Watan. Jemputan juga diedarkan kepada orang-orang kampung dan pekan. Pelbagai jawatankuasa dibentuk bagi menyelaraskan kelancaran

'Malam Jasamu Dikenang'. Antaranya jawatankuasa sambutan, jawatankuasa pinggan mangkuk, jawatankuasa jamuan, jawatankuasa bunga manggar dan lain-lain lagi. Kata Pak Sati, dengan menubuhkan banyak jawatankuasa, kerja-kerja akan cepat beres.

Pak Sati sudah menemui ahli parlimen dan berbincang tentang majlis yang akan diadakan. Ahli Parlimen Parit Bongsu setuju dengan rancangan yang dibuat oleh Pak Sati.

"Kita ni buta sejarah, eloklah diadakan majlis-majlis seperti itu. Biar orang-orang muda kita sedar perjuangan orang-orang dahulu. Saya setuju sangat dan akan menderma RM1,000.00," kata Datuk Kudus, Ahli Parlimen Parit Bongsu. Datuk yang masih muda belia itu pun mengeluarkan dompetnya.

"Terima kasih datuk, mintalah seorang menteri pusat merasmikan majlis kami datuk," minta Pak Sati bersungguh-sungguh.

"Elok benarlah tu, boleh kita panggil tv dan radio. Tak lupa orang-orang akhbar. Tentu muka Pak Sati dan Sutan Malikus akan terpampang di akhbar-akhbar," sambut Datuk Kudus.

"Ala ... saya tak penting datuk. Yang penting Sutan Malikus, dia pejuang besar," jawab Pak Sati malu-malu.

"Ehh ... itu penting, bukankah Pak Sati akan bertanding di peringkat bahagian?"

"Ha ... ha ... elok juga tu."

Perbincangan mereka hampir ke topik lain. Topik persaingan tokoh-tokoh politik tempatan. Pak Sati tidak kurang hebat, pantang diajak bersembang. Jika dibiarkan sampailah ke muara petang.

"Ehhh! Siapa yang datuk nak jemput?"

"Datuk Ghazali macam mana?"

"Wah bagus tu, dia bukan calang-calang orang. Walaupun usianya lanjut, banyak pengetahuannya tentang kemerdekaan. Pejuang kemerdekaan tanah air yang gigih pula."

"Sebab itulah saya mencadangkan namanya."

"Ya ya saya setuju benar tu. Datuk Ghazali pilihan yang tepat. Tentunya dia kenal dengan Sutan Malikus, Wira Kemerdekaan kita kerana Datuk Ghazali juga berjuang bersama-sama Tunku dulu. Kalau tak kenal rapat pun, barangkali Datuk Ghazali biasa berselisih bahu dengan Sutan Malikus."

"Kerjakanlah majlis itu dengan baik. Tentang Datuk Ghazali biar saya uruskan," terang Datuk Kudus. Kemudian mereka berpisah sambil menanti hari yang bersejarah di Kampung Parit Watan.

Persiapan terus dibuat. Masing-masing dengan kepandaiannya. Yang memasak, sibuk berbincang resepi. Yang menyambut, sibuk melilit bunga manggar. Yang berkompang, sibuk berlatih. Kiri kanan jalan dibersihkan, pentas didirikan, padang berlopak diratakan dan rumah-rumah dihias indah. Pak Sati, orang yang sibuk sekali. Tidak sedap tidur se-

lagi persiapan belum beres. Andi Jamal sibuk men-
garang sajak yang bakal dideklamasikan untuk Su-
tan Malikus pada malam yang bersejarah itu.

Akhirnya hari yang ditunggu-tunggu tiba. Se-
gala-galanya beres diatur. Di jalan masuk kam-
pung terentang sepanduk: 'Malam Jasamu Dike-
nang - SUTAN MALIKUS WIRA KEMERDEKA-
AN'. Bunga manggar dipacak dari jalan masuk
kampung sampai ke balai serbaguna. Sebuah pentas
khas telah dibina untuk upacara itu.

Sutan Malikus akan menerima tengkolok dan
persalinan seperti pahlawan-pahlawan Melayu Za-
man Melaka. Sebilah keris bersarung perak dan
wang tunai RM500.00 adalah sumbangan daripada
Datuk Kudus. Tetamu dari pusat, Datuk Ghazali
akan menyarungkan tengkolok itu ke kepala Sutan
Malikus pada acara kemuncaknya. Pada masa itu
kisah perjuangan Sutan Malikus akan dibacakan
dalam bentuk sajak dan syair.

Sejak petang lagi orang-orang sudah berkam-
pung di tepi dewan serbaguna. Orang-orang kam-
pung terdekat juga mengambil bahagian. Pak Sati
seperti seorang pengarah yang tidak senang du-
duk, sebentar ke pentas, sebentar ke dapur dan
kadang-kadang ikut mencuba pembesar suara yang
dipasang oleh Pejabat Penerangan Daerah. Andi
Jamal pula sibuk membetulkan skripnya berkali-
kali, makin dibaca makin ada yang rasa tidak
kena. Sutan Malikus sudah memberi amaran, bio-

data dan kisah perjuangannya hendaklah dibaca dengan betul dan teratur. Andi Jamal akan membacanya nanti.

"Bila Datuk Ghazali berhenti di muka kampung, pukul kompong. Bunga manggar bergerak satu persatu dan perarakan pun dimulakan. Jalan perlahan-lahan hingga ke padang dewan serbaguna. Kumpulan wanita hendaklah menabur beras kunyit sepanjang perarakan itu." Pak Sati memberi taklimat.

"Sutan Malikus tunggu di mana?" tanya seorang pemuda

"Ehhh ... dia tokoh yang diraikan. Sutan Malikus akan didudukkan di atas pentas khas," terang Pak Sati lagi. Setelah segala-galanya diterangkan barulah Pak Sati puas hati. Dia percaya anak-anak buahnya boleh persembahkan sesuatu yang baik untuk tetamu kerajaan pusat dan untuk wira kemerdekaan kampungnya sendiri. Kejayaan 'Malam Jasamu Dikenang' adalah bergantung kepada keringat semua pihak, sudah tentulah kejayaannya juga adalah kejayaan semua pihak.

Pada malam itu Datuk Kudus dan Datuk Ghazali tiba tepat waktunya. Sebaik pintu kereta kerajaan itu terkuak, kompong pun berbunyi bersebelang-seli dengan bunyi jidur. Bunga manggar bergerak dan beras kunyit pun ditaburkan. Mereka berjalan perlahan-lahan seperti pengantin menuju dewan serbaguna.

"Wah, besar majlisnya." Datuk Ghazali menegur.

"Inilah caranya nak menghormati orang-orang tua kita yang telah bermati-matian menuntut kemerdekaan dulu," jawab Pak Sati beriya-ia.

"Sutan Malikus," jawab Pak Sati.

"Macam pernah dengar namanya." Datuk Ghazali cuba mengingat. Matanya dipejamkan beberapa kali.

"Sudah pasti datuk kenal, dia berjuang bersama-sama Tunku menentang Malayan Union dulu," terang Pak Sati lagi. Kemudian Datuk Ghazali tersenyum. Barangkali dia mula menangkap ingatan-ingatan masa silam.

Apabila memasuki dewan serbaguna, senyum Datuk Ghazali kian lebar. Apa makna senyum itu, tidak ada siapa yang dapat meneka. Sekali-kali dia menggeleng-gelengkan kepalanya. Kemudian biografi awal tokoh yang diraikan dibacakan, penuh pujian dan sanjungan. Datuk Ghazali sendiri tidak pernah menerima sanjungan sedemikian tinggi. Sutan Malikus dikatakan sebagai wira kemerdekaan yang tiada gantinya. Terompet kemerdekaan yang tidak pernah berhenti melaungkan suara-suara kemerdekaan. Pewaris keperwiraan hulubalang Melayu Melaka.

Pada acara kemuncak Datuk Ghazali diminta menyarungkan tengkolok ke kepala Sutan Malikus. Kemudian dia membisikkan sesuatu ke telinga Sutan Malikus.

"Hei ... Malikus, sejak bila kau berjuang menuntut kemerdekaan."

"Hah ... datuk?" Sutan Malikus tergamam.

"Sejak bila kau berjuang menuntut kemerdekaan? Setahu aku kau menjahit songkok di Malay Mansion. Tak hirau pun hal menuntut kemerdekaan. Yang kau tahu hanya songkok binaan kau laris dan hantar wang ke kampung."

"Maaf datuk...."

"Kau menipu orang kampung ya?"

"Tidak datuk, saya cari makan saja."

"Hah...!" Datuk Ghazali mengeluh.

Di bawah orang-orang kampung dan para hadirin terus bertepuk sorak. Sajak dan syair perjuangan kemerdekaan dibaca dengan penuh semangat. Sangka mereka, dua wira kemerdekaan telah bertemu.

KEMELUT

Ismail Supandi

“**S**EKIRANYA kita masih mahu syarikat ini terus berada di dalam pasaran maka kita harus bertindak,” luah Malik. Nada suaranya sengaja ditinggikan. Suasana di dalam bilik mesyuarat yang dihadiri oleh kakitangan yang bertugas pada hari itu terasa sunyi. Semuanya menumpukan perhatian atau memasang telinga kepada apa yang diperkatakan oleh Malik.

“Mesyuarat kita yang lalu ternyata gagal mencari suatu keputusan. Masalah syarikat, selain daripada masalah dengan bank, mahkamah serta agensi yang terlibat, ternyata semakin menyulitkan,” tambah Malik lagi. Dalam situasi begini, ternyata Malik lebih bersikap agresif. Segala ketidakpuasan hatinya terlontar melalui ketegasan suaranya.

Tuan Haji Isman, Ketua Pengarah dan juga Ketua Pengarang di syarikat itu hanya mendengar sahaja apa yang sedang diperkatakan oleh Malik. Sebetulnya, dia amat memaklumi akan apa yang se-

dang dihadapi atau berlaku di dalam syarikat itu.

"Edaran sebanyak 30,000 naskhah sebulan bukan *target* kita tuan haji. Kita harus mendapatkan pasaran sebanyak mungkin. Kalau dibandingkan dengan keluaran pertama dan kedua kita, terbukti bahawa kita berupaya memasarkan 80,000 naskhah. Dan pada hari ini keadaan pasarnya cukup mendukacitakan kita," tambah Malik lagi.

Setelah lama berdiam diri dan mendengarkan sahaja apa yang diperkatakan oleh Malik, yakni Penolong Editor di syarikat itu, Tuan Haji Isman akhirnya menyuarakan apa yang menjadi pendapatnya.

"Saya akui apa yang anda perkatkan itu, sebenarnya dalam hal ini siapa pula yang harus kita persalahkan? Maksudnya semua tugas telah kita lakukan dan pembahagiannya adalah sama rata," sebut Tuan Haji Isman.

"Tuan haji, saya berpendapat bukan itu yang menjadi masalahnya," kata Fazrul dan berdiri. Di tangannya ada sesuatu yang mahu dipamerkan.

"Maksud kamu Fazrul?"

"Kita harus menyemak keberkesanan pengurusan kita. Saya selaku petugas akaun syarikat merasakan adanya masalah yang berkait dengan soal kewangan."

Tuan Haji Isman yang mendengarnya seakan-akan terkedu. Soal kewangan yang ditimbulkan itu adalah sesuatu yang di luar dugaannya.

"Apa sebenarnya yang menjadi masalah kamu

Fazrul?" tanya Tuan Haji Isman. Soalan itu diajukan walaupun dia sendiri sepatutnya lebih memaklumi keadaan yang berlaku.

"Sebagai contohnya, hari ini sahaja sudah masuk hari yang ke 10 bulan ini organisasi seharusnya sudah menjelaskan pembayaran gaji kakitangannya, bil elektrik, air dan lain-lain, tetapi saya tidak dapat berbuat begitu," tambah Fazrul lagi.

Tuan Haji Isman, Malik, Rosnah, Fatini dan kakitangan lain mendengar dengan teliti apa yang diperkatakan oleh Fazrul itu.

"Kalau begitu apa syor kamu dalam perkara ini?" tanya Tuan Haji Isman. Fazrul hanya mengukirkan senyum yang tipis dan tawar.

Sebagai seorang kakitangan dan petugas akaun syarikat, Fazrul sebenarnya lebih mengetahui apa yang berlaku. Padanya kalaulah soal pasaran yang kian merosot menjadi persoalan atau kemelut syarikat, dia yakin masalah itu boleh diatasi sekiranya ada kesedaran di pihak ketua pengarah syarikat itu sendiri.

"Sekiranya kita bayar gaji kakitangan pada bulan ini, ini bererti hutang untuk kos pencetakan kita dengan syarikat Bee tidak dapat dibayar. Sekiranya tidak dibayar saya tak yakin Mr. Low sanggup mencetak majalah kita untuk bulan ini," beritahu Fazrul lagi.

Tuan Haji Isman tidak pula berkata apa-apa. Bulat bola matanya. Sebenarnya dia tidak dapat me-

nyatakan dengan jelas apakah yang harus dilakukan pada saat itu. Dia sebenarnya gagal untuk mengatasi apa yang dihadapinya. Baik hal peribadi mahupun di syarikat itu. Dia sebetulnya ada masalah keluarga.

"Kalau begitu, kita tangguhkan dahulu soal pembayaran gaji untuk bulan ini," kata Tuan Haji Isman. Sehabis berkata dia bangun dan meninggalkan bilik mesyuarat itu.

"Jangan menjerat leher sendiri tuan haji! Itu menganiaya maknanya! Soal bayar gaji adalah soal serius. Bukan sahaja soal maruah tetapi juga soal hidup dan mati kakitangan syarikat kita," tingkah Malik lagi. Suaranya sengaja ditinggikan. Dia sebetulnya mewakili 30 kakitangan yang lain yang menuntut hak mereka. Nadanya ternyata tegas.

"Itu suatu keputusan!" bentak Tuan Haji Isman sebelum berlalu. Ternyata sikap dan tingkahlakunya bukan sahaja mendukacitakan hati para kakitangan syarikat tetapi juga menampakkan kebodohan atau tidak rasionalnya dia selaku seorang ketua.

Melihat telatah Tuan Haji Isman atau Ketua Pengarah syarikat itu, mereka tercengang-cengang. Saling berpandangan dan merasakan masalah syarikat bertindih dengan soal keluarga atau peribadi. Masalah syarikat yang rumit adalah soal kehidupan yang juga rumit.

"Jadi gaji kita tak dapatlah untuk bulan ini?" ta-

nya Rosnah, Ketua Bahagian Rekabentuk kepada Fazrul.

"Jadi apa yang boleh saya lakukan?" jawab Fazrul selamba.

"Kalau begitu lebih baik tak payah kerja! Kerja apa namanya kalau tak dapat gaji?" rungut Rosnah. Sebetulnya apa yang dikatakan itu didorong oleh perasaan marah yang meluap-luap.

Malik tidak bersuara. Tangan kirinya ditongkatkan pada kepalanya. Percakapan dan perbahasan oleh rakan-rakannya didengarnya dengan reaksi yang pelbagai.

"Untunglah Si Fadila. Nasib baik dia berhenti lebih awal. Barangkali dia dah tahu bahawa syarikat ini akan lingkup!" luah Rosnah lagi. Rasa geramnya kian memuncak. Berita kegagalan membayar gaji pekerja bagi bulan itu amat menyakitkan perasaannya.

"Cakap kita dibuatnya macam cakap budak-budak. Siapa sebenarnya yang lebih bertanggungjawab dalam soal ini. Ketua pengarahnya sudah berkata begitu dan apakah kita mesti ikut sahaja?" tanya Malik setelah lama terdiam. Apa yang dia kata itu dapat didengari dengan jelas oleh Rosnah.

"Cakap macam budak-budak ya Malik. Dan adakah kamu mahu terus bekerja di sini? Bekerja tanpa dibayar gaji?" tanya Rosnah dengan air mukanya yang kemerah-merahan.

"Betul Ros. Saya pun tak mahu bekerja kalau tak ada gaji. Kalau nak diikutkan masalah, siapa pun ada masalah. Saya ada anak bini. Nak bayar sewa rumah, belanja makan minum, tambang dan belanja budak-budak sekolah, tapi kita kenalah ..." dan kata-kata Malik berakhir begitu sahaja.

"Perlu bersabar, begitu maksud *you*?" tingkah Rosnah. Yang lain hanya mendingamkan diri. Suasana di bilik mesyuarat setelah ditinggalkan oleh Tuan Haji Isman masih diadakan mesyuarat tidak rasmi.

"Sepatutnya sebagai kakitangannya kita harus berbuat sesuatu Ros. Mendirikan syarikat bukan semudah menghentikan operasinya," tambah Malik lagi.

"Macam mana kita nak bersabar Malik! Bulan lepas sahaja gaji yang dibayar sudahlah lambat, tak cukup pula pembayarannya. Kita ni ada tanggungan di rumah. Kalau begini *style* syarikat lebih baik ditutup sahaja. Dan kita boleh belah dan cari kerja lain!" kata Rosnah dan bangkit. Dia meninggalkan bilik mesyuarat sebesar 15 atau lima meter kaki itu.

Suasana di bilik mesyuarat itu tambah pegap. Seperti pula hilang *mood* untuk terus berkata sesuatu.

Sewaktu Malik kembali ke tempatnya yang kelihatan hanyalah beberapa orang sahaja kakitangan walaupun pejabat itu begitu tersusun, apa yang

nyata hanyalah sesuatu yang menambahkan sakit pada mata. Kakitangan yang meninggalkan bilik mesyuarat tadi juga ke bilik masing-masing.

Malik terus duduk di kerusinya. Di atas mejanya bersusun fail-fail. Dia tahu beberapa bahan berita dan rencana yang harus disemaknya segera.

Malik berasakan gundah. Tangannya mencapai senaskhah surat khabar. Fatini yang datang ke tempatnya bagaikan tidak disedari.

"Benarkah Malik edaran kita tak sampai 40,000 naskhah?" tanya Fatini. Dia ingin mengetahui kedudukan yang sebenar.

"Saya kira begitulah!"

"Mengapa begitu teruk sekali?"

"Saya pun tak tahu. Tetapi kita harus kenal pasti apa puncanya? Kalau disebabkan oleh persaingan dengan majalah lain saya rasa taklah sampai begitu sekali," kata Malik.

Fatini duduk di atas kerusi yang ada di hadapan meja Malik.

"Segi persembahan bahannya apa komen *you*?"

"Tentu ada kelemahannya. Dan saya fikir begitulah. Tapi itu soal orang atas juga. Walaupun begitu, kita sebagai kakitangan syarikat perlulah berbuat sesuatu!" luah Malik begitu pasti sekali.

"Dan kita harus mengakui tiadanya beberapa halaman yang menyebabkan majalah *PERAWAN* kehilangan peminatnya."

"Maksud kamu Fatini?"

"Selalunya disebabkan oleh tuan haji juga. Bila dia meniadakan ruangan soal jawab agama dan ruangan Doktor Azizah bagi ruangan Penyakit dan Anda, itu salah satu sebabnya tiada yang menarik!" kata Fatini. Kata-katanya itu adalah berdasarkan pada pemerhatian secara rambang sahaja.

"Tapi ruangan soal jawab agama bukannya dikekalkan?"

"Itu benar. Tapi yang menjawabnya siapa? Tuan Haji Isman sendiri."

"Pembaca tidak mahu perkara-perkara yang remeh dijawab. Mereka sudah mengetahui. Tetapi yang mereka ajukan ialah persoalan yang lebih kompleks. Ini yang tidak ada di dalam majalah kita," tambah Fatini.

Mendengarkan apa Fatini katakan itu ia memantapkan kenyataan Malik dalam soal itu. Ini suatu yang nyata dan telah berlaku.

"Dan *you* perlu ambil tahu Malik!"

"Maksud kamu Tini?"

"Menjadikan bahan untuk *cover* majalah keluaran bulan lepas adalah Azura, anak tuan haji sendiri. Ini bukannya suatu tindakan yang bijak!"

"Tapi bukannya itu arahan daripada tuan haji sendiri?"

"Walau apa pun, saya tetap katakan ianya suatu tindakan yang tidak bijak. Azura adalah kakitangan di syarikat ini dan anak tuan haji. Apakah

yang istimewa pada dirinya? Saya tak nampak adanya ciri-ciri personaliti yang luar biasa pada dirinya," ujar Fatini.

Fatini adalah seorang wartawan. Dan pada hari itu barulah Malik sedar siapa sebenarnya Fatini.

Malik seperti menyemak di kepalanya beberapa perkara yang dianggap suatu kesilapan besar dan perlu diperbetulkan.

"Dan satu lagi Malik, rencana-rencana kita tidak begitu menarik. Para pembaca mungkin sudah jelak dengan berita-berita atau kisah orang Kuala Lumpur sahaja. Itu yang sering kita paparkan. *You* sendiri sebagai Penolong Editor mungkin telah menyedari hal ini lama dahulu atau terlebih awal lagi."

"Ada benarnya kata-kata kamu itu Tini."

"Dan satu lagi, apa yang saya sedar ialah edaran majalah *PERAWAN* dalam pasaran juga lambat. Contohnya, keluaran bulan lepas sewaktu kita akan menyambut Hari Raya Puasa, sepatutnya...." Dan terputus lagi kata-kata Fatini.

Malik terdiam. Dia memikir apakah risikonya kalau dia menyingkahkan hujah Fatini. "Sepatutnya diedarkan lebih awalkan?" tanyanya.

"Ya sepatutnya untuk keluaran khas, sekurang-kurangnya seminggu lebih awal diedarkan di pasaran. Masa itulah kita menghadapi banyak saingan dengan majalah lain," tambah Fatini.

Ternyata dalam urusan perniagaan ini Fatini telah mengambil perhatian daripada pelbagai su-

lutnya. Ini yang perlu disedari dan dipertimbangkan secepat yang boleh.

"Jadi sekarang apa yang perlu kita buat Fatini? Saya nampak kamu ada banyak idea untuk menggemilangkan semula majalah *PERAWAN!*" tingkah Malik.

Fatini mendiamkan dirinya buat seketikanya.

"Ya soal ini hubungannya dengan kerjasama, persefahaman, dedikasi, tanggungjawab dan yang sangat penting adalah kejujuran setiap kakitangan dari peringkat atasan hingga bawahannya. Dalam hal ini mungkin Fazrul sahaja yang lebih tahu. Ini melibatkan hal kewangan syarikat," sebut Fatini seraya membetulkan tempat duduknya.

"Kita tidak berapa tahu akan hal akaun syarikat. Tetapi mengikut kata Fazirul, hutang syarikat banyak yang tertunda atau belum dijelaskan ikut tempohnya. Ia termasuklah soal bayaran para penyumbangannya. Sumbangan mereka dalam bentuk berita dan sebagainya." Malik seterusnya berkata, sebagai Penolong Editor yang mempunyai hubungan yang agak rapat dengan Fazrul berasakan dia juga harus mengetahui apa yang menjadi masalah dan kemelut di dalam syarikat itu.

"Malik, jawatan saya sendiri pun *you* sedia maklum. Sekalipun begitu kuat sokongan dan keinginan saya untuk bekerja dan melihat *PERAWAN* sentiasa di hati para pembacanya ada sesuatu yang kontranya. Sekiranya kita mahu majalah kita terus bertahan maka kita harus melakukan suatu tindak-

an." Fatini semakin menguasai perbualan. Malik hanya mendengar apa sahaja yang dikatakan oleh Fatini itu.

"Malik ..." kata Fatini dan kemudiannya terdiam.

"Apa lagi Tini?"

"Walaupun saya ditakdirkan tidak lagi berkhidmat di sini, apa yang saya katakan itu adalah suatu cadangan yang harus diperbaiki."

"Maksud kamu Tini?"

"Insya-Allah Malik, dengan sedikit sebanyak pengalaman dan modal, saya akan melibatkan diri dalam bidang perniagaan," kata Fatini. Mendengarnya Malik berasa sedikit terkejut tetapi perasaan itu tidak disuarakan.

"Jadi...."

"Ya Malik, pada penghujung bulan ini saya akan menamatkan perkhidmatan saya dengan syarikat ini."

"Tahniah Tini. Dan saya tiada hak untuk menghalang keputusan yang kamu buat itu. Tapi apakah jenis perniagaan yang kamu akan libatkan diri itu?" tanya Malik ingin tahu.

Fatini hanya tesenyum-senyum. Dia cuba untuk tidak menjawab pertanyaan Malik itu.

"Tunggulah dan kau akan tahu juga!" kata Fatini dan tidak menjawab pertanyaan Malik itu.

Sewaktu Fatini dan Malik sedang berbual-bual tiba-tiba Fazrul menghampiri mereka. Malik berasa sedikit hairan apabila melihat wajah Fazrul

yang keruh itu. Tidak sedikit pun menampakkan keriang. Air muka yang keruh itu cukup untuk menyatakan sesuatu kepada Malik dan Fatini.

"Bagaimana Fazrul?" tanya Malik seraya memelawa Fazrul duduk di hadapannya.

"Aku menerima notis dari beberapa syarikat tentang hutang syarikat kita. Sekiranya kita gagal menjelaskan hutang itu selewat-lewatnya 15 hari-bulan bulan ini, maka tindakan mahkamah akan mereka ambil!"

"Kamu dah beritahu tuan haji?"

"Tuan haji tak ada di pejabatnya," balas Fazrul. Malik, Fazrul dan Fatini berpandangan.

"Keadaan kita tenat Fazrul."

"Dan sekiranya kita gagal memperbaiki majalah untuk keluaran bulan ini, ini bererti tiada pulangan atau wang masuk. Tidak ada wang, maknanya pembayaran gaji tidak dapat dibuat. Saya tak tahu apa yang harus dilakukan," kata Fazrul sambil mengalihkan letak punggungnya.

Mereka terdiam. Malik berasa putus akal. Fatini tidak dapat menyatakan apakah jalan keluarnya. Suara di ruang pejabat itu bertambah lengang. Beberapa petugas yang sepatutnya sudah berada di pejabat masih tidak kelihatan. Bilik ketua pengarah syarikat kelihatan gelap.

"Apa yang kamu tahu tentang tuan haji kita tu Fazrul?" tanya Malik yang inginkan penjelasan yang sebenar-benarnya.

"Kalau nak dikira hutang, tanpa mengambil kira saham yang ada di syarikat ini, rasa-rasanya hutang dia adalah dua kali ganda daripada jumlah sahamnya. Daripada apa yang saya tahu, ianya boleh diselesaikan sekiranya tuan haji dapat terlebih dahulu menyelesaikan masalah keluarganya!" Fazrul melihat reaksi teman-temannya. Kata-katanya itu adalah daripada sumber yang lebih maklum tentang diri Tuan Haji Isman dan pergolakan yang berlaku di dalam keluarganya.

Suasana yang sepi tambah sepi. Sedang mereka bertiga masih berbincang sesuatu tiba-tiba muncul beberapa orang muda seperti mahu membuat sesuatu di pejabat itu.

Sebuah set kerusi rotan yang terletak di ruang tamu diangkat oleh dua tiga orang pemuda. Melihat keadaan yang berlaku segala-galanya memberi jawapan kepada segala persoalan yang menghenyak di benak fikiran. Pada mereka inilah titik mulanya tamatnya riwayat syarikat itu.

Fatini dan Fazrul bingkas bangun meninggalkan Malik yang sedang memerhatikan gelagat dua tiga orang pemuda yang sibuk mengangkat sesuatu. Seketika kemudian dengan langkah yang lesu Malik mencapai sepucuk surat lalu beredar meninggalkan pejabatnya.

MELEPAS NIAT

Ismail Supandi

SAKIT ibu yang sudah bertahun-tahun nampaknya sudah beransur pulih. Kesehatan ibu sudah jauh berbeza kalau dibandingkan keadaannya pada suatu masa dahulu.

Dahulu, ibuku kurus. Dahulu dadanya Kempis. Dan dua tebing pipinya cembung sebagaimana kata Nenek Pah adalah tidak sama sewaktu ibu masih muda. Dahulu pipinya nampak cengkung. Dahulu, mata ibu jauh ke dalam. Rambut ibu bagaikan tidak pernah terurus. Makan minum dan pakaian ibu bagaikan tidak pernah diendahkan.

Sudah hampir 15 tahun atau mungkin lebih daripada itu usia ibu banyak dihabiskan dengan penderitaan dan seksa. Itulah yang pernah ditanggungnya.

Untung juga ibu berkahwin dengan ayah. Sebabnya ayah penyabar orangnya. Ayah memang tidak banyak bercakap soal yang karut-marut. Sakit dan derita yang ditanggung oleh ibu, ayah tidak pernah mengungkit apa-apa. Walau apa pun yang dilaku-

kan oleh ibu, ayah tetap bersabar. Itulah ayah, penyabar orangnya. Kalau mahu dibandingkan antara ayah dengan Paman Wan, jauh benar sikap kedua-duanya. Perangai ayah yang penyabar adalah suatu hal yang cukup jelas.

Menurut ceritanya atau sebagaimana yang pernah kudengar daripada Tuk Wan yakni ayah kepada ayah – ayah dikahwinkan dengan ibu atas pilihan orang tua. Ayah tidak pernah kenal ibu. Ibu juga tidak pernah kenal ayah. Tetapi pada waktu kecil atau pada suatu ketikanya mereka pernah mengaji dan sama-sama bermain. Memang tidak siapa pun yang menyangka bahawa ayah akhirnya akan berkahwin dengan ibu.

Apabila datuk mencadangkan supaya ayah berkahwin dengan Musliha yakni nama ibu yang sebenarnya, ayah cuma akur. Ayah hanya diam. Ayah akhirnya bersetuju. Atau, tidak pula membantah. Itulah kekuatan dan kemuliaan datuk atau ayah sendiri.

Lima tahun lamanya berkahwin dengan ayah dan mereka tidak pula dikurniakan anak. Telah menjadi dasar masyarakat di kampung itu bahawa cerita tentang kisah rumah tangga orang lain sering meniti dari satu bibir ke satu bibir lainnya. Selama lima tahun ayah berkahwin dengan ibu dan tidak memperolehi anak itu telah menjadi bahan yang tidak kurang kontroversinya. Ada-ada sahaja cerita anehnya atau yang sengaja direka-rekakan.

Bahan itu meniti dari satu bibir ke bibir penduduk yang lain.

Pada waktu itu ayah tidak banyak menunjukkan apa reaksinya. Walaupun terhadap pelbagai cerita yang karut-marut dan pada ketikanya boleh mencabar kekelakian ayah, ayah tetap bersabar. Walaupun kenyataan itu sampai terdengar oleh telinganya. Tetapi ayah tetap berdiam diri dan bersikap tidak mahu ambil pusing semuanya itu.

"Tiang bagi kekuatan kita sebagai manusia yang lemah adalah sabar. Sabar itu sendiri adalah sebahagian daripada kesempurnaan iman kita. Hidup di dalam kelompok masyarakat dan sebaik-baiknya jangan sekali-kali memulakan angkara. Biar tinggi manapun ilmu dan ketangkasan kita, jangan sekali membuat angkara!" kata Pendekar Muluk tegas.

Kata-kata hikmat atau pendinding sepertimana yang dinyatakan oleh Pendekar Muluk membenam utuh di ruang kepala ayah. Sampai bila-bila pun ayah akan berpegang kuat pada kata-kata itu. Kalau mahu diikutkan nafsu amarahnya atau rasa radingnya sewaktu mendengar pelbagai cemuhan atau sindiran itu mungkin sejak dahulu lagi sudah ada paling tidaknya seramai tiga orang penduduk yang merasai buah tangan ayah. Tetapi itu semua ayah sisihkan jauh-jauh. Ayah adalah anak jati Kampung Kederap. Datuk sendiri pun antara orang yang dihormati di kampung itu. Dan adalah mustahil ayah akan bertindak secara melulu.

Kesabaran ayah dalam menanti saat-saat bertambahnya ahli keluarga akhirnya terlaksana apabila ibu memperlihatkan tanda-tanda dia mengandung. Sahlah ibu mengandung anak sulungnya. Tetapi nasib tidak menyebelahi ayah dan ibu. Bayi di dalam kandungan itu keguguran sesudah ibu mengandung masuk bulan yang kelima. Kehampaan dengan jelas bertaut di jiwa ibu. Kepiluan tetap ada pada perasaan ayah. Dalam menghadapi keadaan itu ayah tetap dengan sikap sabarnya.

Penderitaan dan seksanya ayah dan ibu telah mendapat simpati daripada penduduk kampung. Sekalipun ibu keguguran, ramai penduduk kampung yang datang melawat ibu. Pada waktu itu perasaan sayu melanda di jiwa ayah. Ibu apatah lagi.

Selang setahun itu ibu gagal melahirkan anak. Dan sekali lagi dengan kudrat Tuhan ibu telah mengandung. Namun entah malang apa, nasib tetap tidak menyebelahi ibu. Ibu keguguran buat kali yang keduanya sesudah kandungan masuk bulan yang ke enam. Jauh di lubuk hati ada rasa kecewa. Dan adanya pula rasa hampa yang bertaut di jiwa ayah. Dan apa yang paling menyedihkan sesudah peristiwa itu ialah keadaan dan kesihatan ibu yang telah terganggu.

Selanjutnya tubuh ibu yang berisi semakin beransur susut. Fikiran ibu seterusnya menjadi terganggu. Ibu selalunya akan meracau. Kata-kata ibu

adalah apa sahaja yang terluah olehnya. Adakalanya sikap ibu bukan sahaja mengaibkan malah membahayakan dirinya dan juga orang lain.

Berada dalam keadaan yang sedemikian, ayah cuba dengan sedaya upayanya menghadapi segala-galanya dengan penuh kesabaran. Ayah amat mengerti akan seksa dan derita yang ditanggung oleh ibu. Ayah tidak pernah berasa putus asa atau menyesali apa yang terjadi.

Ikhtiar ayah tidak setakat di kampung sahaja. Malah, ayah sanggup ke seberang dan ke luar daerah. Ini, demi mencari penawar kepada penyakit ibu. Itulah kesungguhan ayah sepertimana yang pernah kuketahui. Ayah begitu tabah dalam menghadapi keadaan itu.

Pada satu pagi ibu berlari turun ke tanah dan meninggalkan rumah. Ketika itu ayah tiada di rumah. Ayah berada di kebun. Betapa malunya ayah bukan kepalang. Sebabnya ibu keluar dari rumah dalam keadaan yang mengaibkan. Ibu menyinsing kain yang dipakainya begitu tinggi. Ini membuatkan banyak mata tertumpu kepadanya. Perbuatan ibu itu kalau mahu disamakan dengan malu ayah adalah ibarat seketul daging babi yang dicampakkan ke muka ayah. Walau apa pun yang ibu lakukan ayah tetap bersabar.

Sebaik sahaja mendengar berita itu ayah segera pergi mendapatkannya. Ibu sudah pun berada di kuburan. Batu nisan yang terpacak itu dicabut

oleh ibu. Didodoikan batu nisan itu ibarat mendodoikan anak supaya tidur.

Buat seketika ayah cuma memerhatikan sahaja tingkahlaku ibu. Melihat keadaan ibu, serta-merta ada perasaan sayu dan simpati. Adanya kesedihan yang tidak terhingga dan meresapi segenap jiwa ayah. Air mata terus merembes di sudut mata ayah. Segala-galanya itu ayah hadapi dengan kekuatan peribadinya.

Ayah terus pujuk ibu. Ayah lantas pegang tangan ibu. Ayah capai batu nisan itu dan dipacakkan kembali ke tanah. Ketika itu terasa benar betapa angin pagi yang berhembus seolah-olah membawa khabar dari syurga al-Jannah. Menyatakan khabar betapa bahagianya si bayi yang sudah lama bersemadi di dalam liang lahat itu.

"Kamu harus berbuat sesuatu Zukri," suara itu seperti mengingatkan. Ketika itu ayah sedang duduk menyandarkan badannya di anjung rumah.

Ayah diam. Nenek Pah memandang ayah. Setelah lama berdiri di tepi anak tangga, Nenek Pah membasuh kakinya lalu naik dan duduk di anjung bersama ayah.

"Musliha rindukan anak," tambah Nenek Pah. Ayah masih membisu. Sebilah parang pendek yang dipegangnya diasahnya tajam.

"Perasaan orang perempuan tak sama dengan perasaan orang lelaki. Kamu ini serupa ayah kamu!" leter Nenek Pah sesudah ayah tidak berkata sesuatu.

"Sanggupkah kamu melayani keadaan Musliha yang terus-terusan begitu? Peristiwa pagi tadi sahaja sudah cukup memalukan. Kamu juga yang susah dan malu!" rungut Nenek Pah lagi. Tatkala itu juga ayah memandang Nenek Pah. Ayah membetulkan duduknya. Parang pendek yang sudah terasah dimasukkan kembali ke dalam sarungnya.

"Mak tahu Musliha tak sihat. Mustahil kami boleh berbuat sesuatu dalam keadaan Musliha yang begitu," balas ayah. Ada sesuatu yang mahu ayah hamburkan.

"Mustahil macam mana? Kamu ikhtiarlah dahulu," tingkah Nenek Pah.

Ayah bagaikan tidak mengerti apa sebenarnya yang dimaksudkan oleh Nenek Pah.

"Mustahil mak. Musliha tidak boleh mengandung apa lagi melahirkan anak dalam keadaan dia yang begitu. Hari ini, melihat dia sembuh dan sedar sahaja sudah lebih daripada mencukupi," kata ayah yang menyuarakan segala apa yang terbuku di hatinya.

"Musliha tu rindukan anak Zukri. Kamu harus faham. Bukankah masih boleh kamu ikhtiarkan. Emak boleh uruskan kalau kamu sanggup."

"Maksud mak?"

"Ambil anak angkat."

"Ambil anak angkat kata emak?"

"Ya, itu sahaja yang boleh mengubati Musliha."

"Rumit kerjanya mak."

“Menjaga anak sendiri pun rumit dan sama keadaannya dengan menjaga anak angkat,” potong Nenek Pah.

Ayah terdiam. Suara ayah terasa tersenggang. Nenek Pah cuma mengharapkan agar ayah menyatakan persetujuannya sahaja.

Suasana menjadi bertambah sepi. Angin yang se-sekali berhembus lembut terasa memberikan ke-selesaian. Lebih-lebih lagi sewaktu duduk berehat di anjung rumah itu.

Tatkala ayah cuba menyatakan sesuatu kepada Nenek Pah tiba-tiba sahaja suatu ketenangan diri dari dalam diri ayah terasa tergutat.

Dari dalam rumah itu kedengaranlah suara ibu yang melaung kesakitan. Kuat sekali jeritannya. Ibu menjerit-jerit bagaikan dirasuk sesuatu. Tidak ketentuan perasaannya. Keadaan menjadi tidak terkawal. Suasana yang gamat itu seakan-akan merapkan segala ketenangan yang ada pada petang itu.

Ibu terus meraung-raung. Suara ibu yang lantang dapat didengar dengan jelas. Apa yang paling menghairankan ialah ibu seperti orang yang ketakutan akan sesuatu. Ibu menyebut nama Muin berkali-kali.

Muin keparat!

Muin laknat!

Muin jahanam!

Beberapa perkataan yang terhambur dari mulut

ibu itu mempamerkan betapa bencinya ibu kepada Muin. Ibu semakin hilang kawalan terhadap dirinya. Keganjilan sikap yang diperlihatkan oleh ibu sudah cukup membuatkan ayah dijeruk perasaan derita.

Ayah berusaha mengawal perasaannya. Dengan suara membujuk ayah akan mendekati ibu. Nenek Pah turut cuba membantu. Pada suatu ketika sewaktu ayah cuba memaut badan ibu, ibu bertindak begitu agresif. Ibu cuba membelasah kepala ayah dengan sebatang kayu beluti yang kebetulan tersandar di dinding. Menyedari bahaya itu ayah sempat mengelak. Keadaan itu memaksa ayah menggunakan kekuatannya dan ini memilukan perasaan ayah. Ayah menerkam dan menjatuhkan ibu. Ibu jatuh tersungkur. Kepala ibu berdarah apabila terhantuk pada pangkal tiang di ruang dapur.

Semalaman ayah tidak lelap tidur. Dalam memikirkan keadaan ibu, di benak kepalanya memikirkan apa yang sebenarnya memberi kaitan rasukannya ibu dengan diri Muin. Puas diikhtiarkan mencari puncanya. Setiap kali menjelma andaian, ayah sendiri menyisihkan apa yang mungkin terjadi.

"Tidak! Tidak! Aku kenal siapa Musliha. Aku kenal siapa Lebai Ajis. Lebai Ajis mentua aku. Lebai Ajis perihatin dan tahu menjaga maruah anak-anaknya. Tidak! Tidakkkkk!!!!!!" lolongan suara

sengaja dihamburkan dari mulut ayah. Tetapi adakalanya suara itu membungkam di batang tengkoroanya.

Malam itu ayah tidak lena tidur. Dua tiga kali ayah terjaga sesudah matanya cuba terlelap. Sehingga jam 3:00 pagi sebaik ayah terbangun dari tidur, ayah membersihkan dirinya. Ayah mengambil air sembahyang, kemudian ayah mendirikan solat tahajud dan solat hajat. Tangan ayah diangkat tinggi. Suara ayah diperlahankan. Darjat ketinggian dan keagungan Allah dengan segala sifat dan kebesaran-Nya dipuji oleh ayah.

Malam yang hening dengan hembusan angin yang terasa amat menyapa tubuh hingga kedamaiannya amat dirasai mentafsirkan segala keagungan Allah. Ketika itu jugalah ayah memohon segala petunjuk moga dipandu segala ke lorongan untuk menemui segala kebenaran.

Ayah tertidur di atas sejadah.

Pagi itu ketika ayah bangkit daripada tidur seakan-akan ada suatu peristiwa gempar berlaku di Kampung Kederap. Berita Muin merasuk seperti orang kena isim lakunya menghairankan seluruh penduduk kampung. Muin yang baru dilantik menjadi bilal sesudah kematian Lebai Dollah bagi penduduk di sebelah baruh menimbulkan banyak tanda tanya.

Mendengar sahaja berita yang mengaibkan tentang Muin, ayah beristighfar panjang dan berulang-

ulang. Ketika ayah mendongak di pundak langit tampak seakan-akan ada jaluran putih mewarnai lapisan langit pagi itu.

Ketika itu juga ayah seakan-akan mengingati kembali segala peristiwa sewaktu pernah seperguruan bersama Muin di Bukit Sepayang ketika dirinya masih remaja. Muin yang pernah kecewa sesudah gagal untuk memiliki Musliha kiranya telah menggunakan ilmu yang salah untuk merosakkan jiwa insan yang tidak berdosa.

"Bumi tidak menerima manusia seperti kamu yang melanggar amanat Pendekar Muluk, Muin! Aku lebih yakin segala kekuatan itu di tangan Allah."

Ketika ayah menyatakan apa yang mungkin masih basah dalam ingatannya tangan kanan ayah memegang bahunya. Cengkaman tangan ayah kukuh.

Lama ayah memandang diriku. Pandangan ayah tajam. Tangan ayah kasar dan kemas. Ketika itu juga aku merasai amat bangga betapa ayah yang amat pendiam, penyabar, rupanya adalah seorang pendekar anak perguruan kepada Pendekar Muluk. Seorang pendekar terbilang di daerah ini.

Apabila ayah memandangkanku, seakan-akan nampak ada sesuatu yang mahu ayah nyatakan. Aku sendiri jadi gamam dan seakan-akan terkancing mulutku. Seusia umurku yang sebegini sebenarnya aku tidak pernah bertanya siapalah aku yang sebenarnya dalam keluarga ayah dan ibu.

"Kamu menyesali hidup ini Amin?" tanya ayah. Aku diam kemudian aku menggelengkan kepala-ku. Wajah ayah nampak ceria dan bersinar.

"Kamu adalah cucu kepada Pendekar Muluk. Sesudah ibu kandungmu meninggal dalam tragedi sampan karam, ayah berusaha membela dan membesarkan kamu," sebut ayah. Ayah menundukkan kepalanya. Suara ayah agak terketar-ketar. Aku cuba mendamaikan jiwa ayah dengan melorekkan senyuman kepada ayah.

Ketika itu juga ibu keluar sambil membawa minuman. Suasana senyap sepi seketika, namun saat ini apa yang jelas segala-galanya berlaku di atas kekuasaan Allah juga.

Berita Minggu, Februari 1991.

MAAFKAN EMAK, AMAN

Mohd. Hamidi Md. Yudin

“**A** MAN gagal mak.” Terlontar jawapan itu dari dua katupan bibinya. Betapa berat hatinya untuk menyatakan itu. Betapa remuk hatinya sewaktu menerima berita itu. Betapa dirinya dirasakan begitu kecil berbanding dengan kawan-kawannya. Seboleh-bolehnya dia tidak mahu menghebahkan berita kegagalan itu kepada sesiapa pun. Tidak! Untuk apa mereka tahu? Hanya akan menambah sakit hatinya yang selama ini telah parah. Puh.

Tetapi, desakan demi desakan daripada ibunya menggoyahkan juga pendiriannya. Tidak sampai hati untuk dia menghampakan pertanyaan ibunya. Meskipun hatinya terluka. Terluka kerana kegagalan itu. Kegagalan yang bukan dipinta. Tetapi itu juga yang diterima akhirnya.

“Kau gagal Aman?” Ibunya bertanya seperti tidak percaya. Inginkan kepastian.

“Ya mak,” suaranya kedengaran perlahan mengiyakan kata-kata ibunya. Wajahnya menunduk. Ti-

dak sanggup rasanya untuk menentang wajah ibunya. Wajah yang penuh mengharap kejayaannya, tetapi kejayaan yang ibunya harapkan itu tidak dicapai olehnya.

"Ooh...." Ibunya terjelepek di atas anak-anak tangga.

"Mak!" Dia menerpa mendapatkan ibunya. Terasa tubuhnya begitu lemah. Wajah yang berpalit kedutan-kedutan di sana sini jelas membayangkan kekecewaan hatinya.

"Mak, Aman dah cuba seberapa daya. Tapi Aman tak mampu...." Entah mengapa kata-kata itu yang terucap olehnya.

Seketika dia merenungi kata-katanya itu. Ya! Ada kebenarannya! Sememangnya dia telah berusaha seberapa daya. Usaha yang berlipat ganda. Tetapi jerih-peritnya tidak berhasil. Dia sebenarnya tidak berdaya. Tidak berdaya menenangkan fikirannya untuk ditumpukan sepenuh perhatian pada pembacaannya. Dia tidak berdaya apabila pertengkaran-pertengkaran itu setiap kali menjelma. Menjelma dan datang sewaktu di sedang sibuk menelaah pelajarannya. Malah, menjelma pada bila-bila masa. Setiap detik, saat dan ketika apabila ibunya mempersoalkan perkara itu kepada ayahnya.

"Baru balik dah nak keluar pula!" Ibu menyergh kepada ayah yang sedang bersiap-siap untuk keluar. Ketika itu dia baru pulang dari sekolah dan

sedang menghadapi makan tengah hari di ruang dapur.

"Tak boleh hinggap lama sikit dalam rumah ni. Macam ada duri je!" kata ibu lagi.

"Aku keluar ada hal. Banyak urusan yang perlu aku uruskan!" kata ayah memberi kata alasan.

"Urusan? Urusan apa kalau tidak urusan dengan janda muda tu!" Ibunya berkata sinis.

Tersentak ayah mendengarkan kata-kata itu.

"Hei Timah! Apa yang kamu mengarut ni hah?" Ayah bertanya keberangan.

"Mengarut? Saya mengarut sesuatu yang benar! Yang jelas! Yang nyata! Yang terang!" jawab ibu petah.

"Hei Timah jaga sikit mulut kau tu!" Kedengaran ayah menyinga.

"Jaga dulu diri abang tu sebelum menyuruh saya jaga mulut saya!" Ibu membalas kata-kata ayah.

"Eh bang, telinga saya dah sakit mendengar cakap-cakap orang tentang diri abang." Ibu mula naik radang dengan sikap ayah.

"Cakap apa?" Ayah bertanya keberangan juga.

"Cakap apa? Kura-kura dalam perahu!" Ibu menyindir ayah.

"Hei Timah, kau ... kau betul-betul buat aku ri-mas. Hah! Tak guna tinggal dalam rumah ni!" bentak ayah lalu melangkah keluar melalui pintu yang temganga.

Ibu hanya mengikut gerak langkah ayah dengan

ekor matanya. Seketika kemudian, bergema gigitan enjin kereta berlalu pergi.

Dan bermula sejak dari itu, di rumah ini sudah tidak tenang lagi. Tidak damai seperti dahulu. Keadaan sudah porak-peranda. Ada-ada sahaja yang tidak kena antara ayah dan ibu. Disebabkan perkara yang kecil pun boleh membawa pada pertengkaran yang besar. Berlarut-larutan. Benar-benar dalam rumah ini sudah tidak aman lagi. Perang benar-benar telah meledak.

Dia tidak tahu siapakah sebenarnya yang bersalah. Ibukah yang terlalu cemburukan ayah? Atau, ayahkah seperti mana yang dikatakan oleh ibunya, miang-miang keladi? Dia sendiri tidak dapat menentukan jawapan.

Sememangnya dia ada mendengar cerita tentang diri ayahnya. Desas-desus tersebar sehingga ke seluruh pelosok kampung. Ayahnya ada perhubungan dengan balu bekas seorang pekerjanya, Halimah janda muda beranak satu yang baru sahaja kematian suaminya sebulan yang lalu.

Ayahnya merupakan seorang yang berjaya dalam menguruskan ladang getah peninggalan arwah datuknya. Ladang yang seluas beratus-ratus ekar itu diusahakan dengan tenaga pekerja yang kebanyakannya pemuda-pemuda kampung. Mereka bekerja dengan ayah sudah berpuluh-puluh tahun, sudah beranak-pinak.

Ayah merupakan seorang pengurus yang ber-

tanggungjawab. Dia memberikan layanan yang baik terhadap para pekerjanya. Segala masalah para pekerjanya diambil perhatian yang sewajarnya. Pendek kata ayahnya adalah seorang mengambil berat terhadap orang-orang yang bekerja di bawahnya.

Disebabkan kemurahan hati ayah, dia telah membantu janda muda itu. Dan ayah terlalu mengambil berat terhadap diri pekerjanya yang seorang ini. Mungkin disebabkan kebaikan ayah inilah, orang-orang kampung menyalahertikan kebaikan ayah. Timbullah cerita yang menyatakan ayahnya mempunyai hubungan dengan janda muda itu. Dia sendiri tidak dapat memastikan sejauh mana kebenaran kata-kata tersebut. Hanya yang diketahuinya, ayah dan ibunya tidak boleh bertentangan wajah. Pasti perang akan meledak!

"Kau ni Timah, suka sangat terpedaya dengan cakap-cakap orang!" Ayah berkata menahan marah pada suatu petang.

"Alah! Kalau angin tidak bertiup, masakan pokok boleh bergoyang!" Ibu mengucapkan kata-kata itu dengan selamba sahaja.

"Timah oi, aku cuma kasihankan Si Limah tu sahaja. Semenjak suaminya meninggal, kehidupannya begitu tersepit. Jadi, aku cuba meringankan beban hidupnya. Kan menolong orang yang dalam kesusahan itu dituntut?"

"Eleh! Selama ini tak pernah pun saya nampak awak mengambil berat terhadap pekerja-pekerja

awak sampai begitu sekali. Tapi, sejak Si Mihat, laki janda muda tu meninggal, bukan main awak berikan perhatian yang berlebih-lebih terhadapnya. Untuk apa? Untuk memikat hatinya?" kata ibu menempelak.

Semakin rimas dia berada di dalam biliknya. Buku-buku yang bertaburan di atas meja menyebarkan lagi fikirannya. Ditambah lagi dengan pertengkaran-pertengkaran antara ayah dan ibunya, menyebabkan fikirannya menjadi lebih buntu lagi. Mahu sahaja dia berteriak supaya pertengkaran itu dihentikan. Tetapi ternyata suaranya tidak terke-luar. Suaranya hanya bergema di lubuk hatinya sahaja.

"Hei Timah, hati kau tu terlalu busuk. Terlalu cemburu! Sebab itulah kau menganggap yang bu-kan-bukan terhadap keikhlasan aku yang ingin meringankan bebanan janda tu," kata ayah membela dirinya.

"Ooo ... nak meringankan bebanan. Katakanlah saja yang abang tu dah tergila-gilakan si janda tu. Meringankan bebanan konon!" Ibu menempelak kata-kata ayah.

"Hah! Kalau dah benarlah aku tergila-gila-kan dia, apa yang kau nak buat?" Ayah menduga ibu.

Ooh ... jadi benarlah selama ini apa yang orang-orang kampung heboh-hebohkan ya?" Ibu begitu berang mendengarkan kata-kata ayah itu.

"Kalau kau dan orang-orang kampung dah mengatakan begitu, apa lagi?" Selamba sahaja ayah berkata-kata dan menyakitkan lagi hati emak.

"Jantan miang, tak sedar diri. Abang oi! Sedarlah sikit diri abang tu, dah kerepot! Dah tua bangka. Ada hati dengan janda muda yang tak sepadan dengan usia abang tu!" Darah emak semakin mendidih mendengarkan kata-kata ayah itu.

"Usia bukan penghalang untuk seseorang bercinta tau! Yang menjadi ukuran ialah hati. Hati ... Cik Timah oi. Kalau hati dah berkenan semuanya boleh jadi!" kata ayah lagi.

"Ooo ... dah berkenan. Hati dah terpikat. Nanti kau Limah. Kau goda laki aku. Sehinggakan rumah tangga aku porak-peranda. Nanti! Aku ajar kau!" Ibu menjerit dengan nyaringnya.

Dia yang masih di meja studi telah mengikuti pertengkaran itu sejak dari mulanya. Dia berasa terkejut oleh jeritan nyaring ibunya. Dia bingkas bangun lalu meluru ke ruang tamu.

"Kau nak buat apa dengan Limah tu hah?" Ayah bertanya kepada ibu.

"Limah, aku akan ajar kau!" kata ibu dengan suara yang tertahan-tahan dan menahan geram.

"Mak ... bawa mengucap mak! Bertenang mak! Mengucap mak..." Dia cuba menenangkan perasaan ibunya apabila melihat wajah ibunya merah seperti udang dibakar. Dia meluru memeluk tubuh ibunya.

"Aku ajar kau Limah. Aku ajar kau!" bentak ibu lagi. Dia menjerit-jerit bagaikan terkena histeria. Ibunya cuba meronta-ronta untuk melepaskan diri daripada rangkulannya.

"Bersabar mak! Mengucaplah mak!" Dia cuba menenangkan hati ibunya lagi. Ibunya masih terjerit-jerit dan meronta-ronta.

"Ayah! Sudahlah tu ayah," katanya kepada ayahnya. Ayahnya memandang sekilas ke arah wajahnya. Kemudian ayahnya berlalu dari situ menuju ke muka pintu. Seketika, kedengaran enjin kereta dihidupkan. Sebentar kemudian, kereta ayahnya mengaum meninggalkan dia dan ibunya,

Seketika kemudian, tiba-tiba tubuh ibunya terkulai lemah dan terjelompok di atas lantai dalam pe-lukkannya.

"Mak!" Dia kelihatan agak cemas melihat keadaan ibunya itu. Nafas ibunya berdengus kencang. Dada ibunya kelihatan turun naik. Seketika kemudian ibunya memeluk tubuhnya.

"Aman!" ucap ibunya dalam tangis sendu.

"Mak!" katanya pula. Tidak dapat ditahan lagi air matanya daripada mengalir. Lalu dia teresak-esak menangis bersama ibunya.

Semenjak peristiwa pada petang itu, ayah jarang berada di rumah. Waktu siang entah ke mana dia menghilangkan dirinya. Bila malam barulah dia menampakkan batang hidungnya. Selepas sahaja solat subuh, menjamah sedikit juadah yang ibu hi-

dangkan atau kadang-kadang langsung tidak disentuh, ayah terus lesap. Dia tahu waktu pagi sehingga tengah hari, ayahnya berada di pejabatnya. Atau, melawat para pekerjanya dan menyediakan apa-apa yang perlu.

Tetapi, pada waktu petang sepatutnya dia akan pulang ke rumah. Takkanlah sehari-harian dia harus bertapa di dalam pejabatnya. Mustahil!

Lalu akhimya, diketahui juga rahsia ayah. Sejak kebelakangan ini, ayahnya sering ke bandar. Mengunjungi pusat-pusat hiburan yang tidak layak bagi orang yang berusia sepertinya. Ayah tidak harus menjejakkan kakinya ke sana.

Dia mendapat tahu juga, perhubungan ayahnya dengan janda muda itu menjadi semakin akrab. Ayahnya sudah beberapa kali keluar bersama-sama dengan janda muda itu. Cerita yang didengarnya ini bukanlah rekaan orang semata-mata. Dia sendiri pernah melihatnya.

Pada waktu petang, sewaktu dia pulang dari sekolah dia telah terlihat ayahnya berjalan berpegangan tangan dengan janda itu. Lagak mereka begitu mesra sekali. Sese kali mereka bergelak ketawa. Ayahnya membawa janda itu membeli-belah. Begitu banyak barang-barang yang diangkut dari pasar raya itu.

Hatinya terasa begitu berdetak sekali melihat perlakuan ayahnya itu. Sese kali timbul perasaan benci di hatinya. Ingin sahaja dia melemparkan

kata-kata yang terbuku di sudut hatinya selama ini. Mahu sahaja dia melemparkan segala-galanya biar ayahnya sedar apa yang selama ini telah dilakukannya. Biar ibunya tahu apa yang selama ini dilakukan oleh suaminya.

Tetapi, dia menjadi begitu kecil apabila berhadapan dengan ayahnya. Dia merasakan dirinya begitu kecil apabila terpandangan wajah ayahnya. Lalu dia hanya mampu menjadi seorang yang memendam rasa. Tetapi, selama manakah dia dapat bertahan?

Seringkali waktu studinya terganggu oleh pertengkaran antara ayah dan ibunya. Pendek kata, hampir setiap malam rumah batu dua tingkat itu tidak sunyi daripada suara-suara yang mempertahankan hak masing-masing.

Selalunya, pertengkaran-pertengkaran itu terjadi sewaktu dia sedang studi. Asyik dengan bahan yang dibacanya, bergemalah juga suara-suara sumbang. Bunyi itu merempuh gegendang telinganya.

Pada mulanya dibiarkan sahaja. Tidak diendahkan suara-suara itu. Dia memekakkan telinganya. Cuba membuang jauh-jauh kata-kata yang terkeluar daripada mulut dua insan yang ingin mempertahankan hak masing. Seorang, cuba memperbetulkan sikap suaminya. Seorang lagi, ingin meneruskan cita-citanya. Untuk merealitkan desas-desus yang selama ini tersebar dengan meluas.

Namun, semakin dibuang, semakin dekatlah sua-

ra-suara dan kata-kata itu. Ia menghampiri dirinya. Semakin menendang, semakin menerjah dan semakin meredah gegendang telinganya.

Lalu, bermula dari saat itu, jadilah dia seorang yang tidak lagi seperti dia yang dahulu. Jadilah dia sebahagian daripada ahli kumpulan yang berpelesenan di gedung-gedung membeli-belah di bandar, melepak di pondok-pondok bas sama ada di kampung atau di bandar, mengunjungi pusat-pusat hiburan dan sebagainya lagi. Paling ketara dia tidak lagi mengendahkan buku-buku dan persekolahannya. Seringkali dia ponteng daripada menghadiri dirinya di sekolah. Zahirnya, bila pagi dia bangun dan ke sekolah. Tetapi, yang nyata kakinya tidak ke sana dan tidak menjejak pun pekarangan sekolah. Kakinya lebih selesa berpelesenan ke sana dan ke mari di bandar daripada berada di sekolah.

Jadilah dia seorang yang semakin liar. Semakin jauh daripada mengingatkan dirinya peranan dan tanggungjawabnya sebagai seorang pelajar. Tugasnya haruslah belajar.

Jadilah dia seorang yang semakin lupa akan tarikh peperiksaan SPM yang semakin hampir itu. Tarikh yang semakin hampir itu dirasakan terlalu jauh lagi. Masih sempat untuk bersuka ria. Masih sempat untuk dia melepak atau berpelesenan atau berhibur dan sebagainya.

Manakala ayah dan ibunya tidak pernah meng-

ambil tahu perihal dirinya. Masing-masing dengan sikap yang tersendiri. Tidak mahu mengalah. Tidak mahu bersalah. Masing-masing ingin tunjuk belang. Masing-masing ingin tunjuk kejantanan dan kebetinaan. Masing-masing ingin tunjuk sikap ego yang tersendiri.

Dia juga ingin menunjukkan sikapnya. Sikapnya yang kecewa. Sikapnya sebagai seorang anak yang tidak diberikan perhatian sewaktu dia akan menghadapi satu perjuangan yang besar. Perjuangan dalam menentukan nasibnya pada masa hadapan. Hitam atau putih kehidupannya.

Sehinggalah akhirnya sikap mereka itu tidak menguntungkan sesiapa pun. Yang akhirnya, akan merugikan diri mereka sendiri.

Esok. Adalah hari penentu akan nasibnya pada masa hadapan. Namun dia tetap bersikap seperti mana sebelumnya. Sikap sebelumnya setelah suasana harmoni, di rumah sudah tiada lagi. Dia masih *happy*. Masih berlegar-legar di pusat hiburan itu. Tidak menghiraukan bahawa hari esok adalah penentu bagi masa depannya. Ujian besar yang akan dihadapi.

Pada malam itu dia pulang agak lewat daripada biasa. Seperti hari selalunya, seperti juga hari sebelumnya, dari jauh dia telah terdengar suar-suara sumbang itu tingkah-meningkah antara satu sama lain. Atau, sama sepertimana malam-malam yang sebelumnya. Akan tetapi dia merasakan pada

malam itu, pertengkaran antara ayah dan ibunya adalah berlainan daripada biasa. Kini tingkah-meningskah, kata-kata yang cabar-mencabar semakin sengit. Dia terpaku di halaman rumahnya. Telinganya menangkap setiap buah butir pertengkaran itu dari jauh dan ada di dalam rumahnya.

"Sungguh-sungguh kau ni dah melampau Limah. Melampau!" Bergema suara ayah memenuhi seluruh ruang rumah batu dua tingkat itu.

"Kalau saya dah melampau, abang lebih lagi dah melampau!" kata ibunya dan ternyata tidak mahu mengalah.

"Hei Timah! Mengapa sampai hati kau serang Si Limah tu hah? Dan kau caci dia dengan kata-kata nista yang kesat! Bukan setakat itu malah kau ganyang dia. Mengapa kau sanggup melakukannya!" bentak ayah.

"Dan abang pula? Tidak sedarkah diri abang tu dah tua! Dah berkedut di sana sini. Entah esok, entah lusa dah nak masuk lubang kubur! Masih ada hati nak kahwin dengan si janda yang berumur 20 tu. Hei abang ... sedar umur abang sekarang dah masuk 60. Sedar tak!" Emak masih tidak mahu mengalah.

"Hei Timah, kalau aku nak pun apa yang kau nak susahkan? Kan dalam Islam lelaki dibenarkan berkahwin sehingga empat. Terang dan jelas. Lagipun bukan aku yang memaksa dia supaya berkahwin dengan aku. Semuanya adalah disebab-

kan oleh kehendak hati. Aku suka dia, begitu juga dia sebaliknya."

"Abang tak fikir. Kenapa janda muda tu rela berkahwin dengan abang. Tak lain dan tak bukan hanya kerana hendak membolot harta kekayaan abang. Kalau tidak ... masakan dia sanggup menerima abang sebagai calon suaminya. Abang pernah terfikir itu?"

"Aah ... sudahlah! Itu cuma prasangka engkau sahaja. Sememangnya hati kau tu busuk. Dengki. Cemburu!"

"Katalah apa saja yang abang hendak katakan tentang diri saya. Saya sedia menerimanya. Tapi satu saja yang saya tak sanggup. Saya tak sanggup bermadu dengan janda Limah tu. Saya tak sanggup bermadu. Tak rela!"

"Hem ... tak usahlah kau cuba hendak mengubah pendirianku. Hei Cik Timah, sekarang ni kau masih di bawah tanggungjawabku. Itu sudah bernasib baik. Kalau diikutkan hati, sudah lama aku 'lepaskan' kau yang sudah tua kerepot."

"Dasar lelaki. Tak boleh nampak perempuan ber-dahi licin. Mulalah menunjukkan miangnya! Kalau itu juga kehendak hati abang, saya tak rela! Biar saya pergi dari sini!"

"Cik Timah oi, saya tak halang awak tinggal di sini. Tapi kalau awak dah tak suka tinggal di sini lagi, kau boleh pergi. Pergilah ke mana kau suka! Berambus!"

Tersentak dia mendengarkan kata-kata ayahnya itu. Dia tidak menyangka ayahnya sanggup berkata begitu kepada ibunya. Sungguh dia tidak menyangkanya.

"Sampai hati abang buat saya begini." Emak bersuara dalam esak tangisnya. "Kalau dah begitu 'kehendak hati' abang, biarlah saya pergi. Abang jagalah Aman baik-baik...." Emak menuturkan kata-kata itu dengan esak tangis.

Terpaku dia mendengarkan kata-kata ibunya. Tidak terfikir olehnya sama sekali ayahnya sanggup menghalau ibu. Ke manakah ibu akan pergi pada tengah malam begini? Hatinya bertanya sendirian.

Seketika kemudian kelihatan daun pintu terkuak. Ibu melangkah dengan sebuah beg di tangan kanannya.

"Emak!" Dia meluru lalu mendakap tubuh ibunya.

"Aman!" kata ibunya dan mendakap anaknya.

"Biarlah mak pergi membawa hati mak yang luka ni. Jika kau mahu berjumpa mak, jenguklah mak di kampung...."

Tidak sanggup rasanya dia menceritakan bahawa peristiwa itulah yang menyebabkan dia kandas di dalam peperiksaannya. Tidak sanggup rasanya dia melukakan hati ibunya yang telah dilukai oleh perbuatan ayahnya. Dia masih ingat, pada malam ibunya pergi meninggalkan rumah, keesokannya

dia menghadapi peperiksaan dengan hati yang tidak tenteram. Dia menghadapi peperiksaan SPM itu tanpa persediaan yang cukup. Dia berasa amat menyesal. Sungguh-sungguh menyesali perbuatannya itu. Tetapi apa gunanya nasi telah menjadi bubur.

Keputusan peperiksaannya yang gagal itu telah menyebabkan ayahnya naik minyak. Bermacam-macam kata nista yang dilemparkan kepadanya. Semuanya dinyatakan di hadapan isteri muda ayahnya. Sehinggakan ayah sanggup mengusir dia akibat keagalannya itu.

Tidak tertahan dengan sikap ayahnya, dia akhirnya membawa diri ke kampung ibunya. Kehadirannya disambut baik oleh emaknya. Terasa hatinya yang luka itu sedikit sebanyaknya terubat.

Tetapi, suatu pertanyaan yang terlontar daripada mulut ibunya benar-benar telah merenggut tangkai hati emaknya. Dan segala-galanya itu menjadi kenyataan.

Emaknya menangis teresak-esak sambil memeluk tubuhnya. Rambutnya diusap-usap dengan penuh kasih sayang. Tiba-tiba dalam sedu-sedan, emaknya berkata:

"Mak tahu, pastinya Aman akan menyudahkannya dengan kegagalan. Itu adalah punca daripada mak sendiri. Emak ternyata dibuai oleh perasaan sedih. Emak terlalu cemburukan ayah kau. Disebabkan pertengkaran emak dengan ayah kau, pelajaran kau terganggu. Emaklah yang menjadi

MAAFKAN EMAK, AMAN

penyebab kegagalan ini. Emak berdosa. Maafkan emak, Aman....”

“Emak....”

Dia berasa tidak tertahan apabila mendengar kata-kata emaknya itu. Dirinya semakin ditekan sendu. Esak tangis emaknya dan dia bertalian.

KEPUTUSAN

Nassury Ibrahim

“**I**TULAH keputusan yang aku ambil.”
“Kenapa?”

“Kau mesti membaikinya.”

“Maksudmu?”

“Membaiki keputusan dan membaiki apa yang menjadi masalah kini, masalahmu, hingga kau mengambil keputusan itu.”

Aku diam. Di kepala pelbagai persoalan bertandang. Sebenarnya, aku sendiri berasa keberatan untuk meninggalkannya. Namun, apakan daya. Hati aku sudah tidak dapat menahannya lagi. Sudah tidak dapat menerimanya lagi. Bagi aku, itulah keputusan yang terbaik. Keputusan yang tidak menyakiti hati mana-mana pihak. Keputusan daripada orang yang punya Tuhan.

“Kau nampaknya bersungguh-sungguh dengan keputusan itu.”

Memang benar. Berbulan-bulan lamanya aku menimbulkan keputusan itu. Memikirkan baik dan buruknya daripada keputusan tersebut. Memben-

tang dan membahasnya seorang diri dengan rasa kejujuran yang dimiliki. Dan sekarang aku telah memutuskan. Memutuskannya bersungguh-sungguh. Aku tidak akan menyesal, kata hati kecilku berkali-kali, kerana ia telah pun aku pertimbangkan.

"Tapi, tidakkah kau pernah menyatakan bahawa kau mengharapkan kejayaan yang besar dan bernilai daripada usahamu itu?"

"Ya. Aku akui. Aku meletak harapan yang tinggi padanya. Justeru itu aku berusaha bersungguh-sungguh. Berusaha dengan harapan akan berjaya dan membuahkan hasil yang baik. Hasilnya yang akan menjadi perhatian ramai. Selalu diperkatakan dan dicontohi. Sebab itulah, aku menyumbang seluruh tenaga yang terdaya. Tapi, sayang seribu kali sayang. Banyak yang mengecewakan. Dan kini aku mahu belajar. Belajar bagaimanakah tidak membuahkan kekecewaan. Belajar untuk menambahkan perbendaharaan diri kerana ia adalah senjata paling berkesan menentang kelemahan yang ada. Yang menjadi masalah kita."

Apakah keputusan aku itu wajar atau tidak, aku tidak pasti. Yang pastinya, keputusan itu telah pun aku pertimbangkan dan kini aku berasa puas.

Sekali dua dia berbuat begitu, aku masih lagi boleh bersabar. Termasuk yang ini, sudah berbelas-belas kali. Dan berbelas kali pula aku menegurnya. Membantah perbuatannya itu. Tetapi tidak berkesan dan semakin menjadi-jadi. Hingga

masalah demi masalah mengerumuniku

Aku lihat Azman mendiamkan dirinya. Dari-pada gayanya itu, aku pasti dia sedang memikirkan sesuatu. Tetapi, apakah yang sedang difikirkan? Entahlah. Mungkin juga masalah yang sedang kami bincangkan ini. Atau, mungkin masalahnya kerana dia sendiri pernah mengalami beberapa masalah yang aku alami.

Melihat Azman, aku turut sama mendiamkan diri. Tetapi kepalaku tidak turut berehat. Pelbagai perkara melintas dan bermain-main di rongganya.

Aku teringat pada satu cerita rakyat. Kisahnya tentang perebutan kuasa di istana. Setelah mengetahu si adik ingin merebut takhta, si abang yang menjadi raja segera meninggalkan istana. Baginda berbuat begitu kerana tidak mahu terjadi pertumpahan darah dan perang saudara. Setelah jauh mengembara dan mungkin tuahnya, baginda ditabal menjadi raja di sebuah negeri yang baru sahaja kematian rajanya.

Itulah cerita yang pernah aku dengar. Tetapi apakah perkaitannya dengan masalah aku ini? Ah! Kepala, kepala. Mengapalah jauh sangat kau merayau?

Aku tahu, usaha aku selama ini bukanlah semuanya gagal. Bukanlah semuanya sia-sia belaka. Ada juga yang berjaya. Tetapi aku tidak boleh berbangga dengan kejayaan yang boleh dibilang dengan jari. Menjunjung kejayaan lepas, ertinya aku

mengundang kegagalan. Aku tidak mahu gagal dalam usahaku, meskipun ianya telah ditetap oleh Tuhan. Tetapi aku kira, aku boleh mengubahnya. Dan aku perlu mencipta seberapa banyak kejayaan. Kejayaan dalam usaha dan seterusnya memperolehi keputusan dalam hidup. Usaha yang dituntut oleh Pemberi Kejayaan.

"Aku harap kau akan memikirkan kembali keputusanmu itu."

"Sudah berkali-kali aku fikirkan."

"Apakah ianya yang terbaik?"

"Mungkin tidak. Mungkin juga ya. Tapi aku tidak akan menyesalinya."

Sekali lagi Azman mendiamkan diri. Barangkali dia kecewa dengan jawapanku itu. Biarlah. Biar dia tahu bahawa kali ini aku betul-betul marah. Betul-betul kecewa dengan tatalaku orang yang berkenaan.

Jawatan Azman samalah dengan jawatan aku di dalam persatuan ini. Cuma dia ketua sesi penulisan dan aku pula ialah ketua bagi sesi drama dan tarian. Aku mengenali Azman tiga tahun dahulu apabila beliau menganggotai Persatuan Kreatif dan Budaya ini. Kami sering berbincang tentang hal-hal persatuan. Kami sama-sama mencari penyelesaian pada masalah yang timbul dan sama-sama pula bekerja untuk menaikkan nama persatuan ini.

Aku menghabiskan saki-baki teh yang ada.

Di depanku, pelayan kedai sibuk melayan pe-

langgan-pelanggan yang baru masuk. Ruang meja di Restoran Mewangi ini telah habis diisi orang kecuali di meja kami masih ada empat lagi kerusi kosong.

"Cuba kau fikirkan, sesi aku yang bersusah-payah menguruskan pertunjukan itu, bayarannya diambil oleh orang yang tidak berkenaan. Di luar pengetahuan kami pula tu. Aku betul-betul malu pada penganjur kerana membuat tuntutan pada persembahan yang telah dibayar."

"Apakah dia tidak memberitahumu yang dia sudah membuat tuntutan akan persembahan itu?"

Aku hanya menggeleng-geleng kepala sahaja.

"Aku tahu aku hanya ketua sesi saja dan dia setiausaha induk persatuan ini. Meskipun begitu, dia tidak sepatutnya berbuat demikian. Apa lagi dia sendiri pun mempunyai sesinya dan tidak berkenaan dengan sesi aku."

"Itulah yang perlu kau perbaiki."

"Ya. Aku sudah katakan, aku tidak mampu. Bukan itu saja bahkan banyak lagi yang lain dia lakukan. Malahan sesi aku ni pun dia mahu *control*. Sebab itulah ramai ahli kami tidak dapat berlatih. Mereka bencikan dia."

Percakapan kami terhenti sekejap apabila dua orang pemuda yang baru masuk, duduk di meja kami. Aku mengangguk-angguk kepala kepada kedua-dua pemuda itu apabila mereka meminta kebenaran untuk duduk semeja dengan kami. Semen-

tara di sekeliling terdengar orang bercakap-cakap sesama mereka.

"Paling aku sedih, saguhati kepada ahli yang menari langsung tidak diberikan. Bahkan hutang untuk persembahan itu pun masih banyak lagi tidak terjawab. Sewa bas RM200.00 dicampur dengan makan-minum untuk 20 orang habislah RM300.00. Persembahan kami pada malam itu, penganjur berjanji akan membayar RM500.00. Jadi ke manakah pergiannya baki sebanyak RM200.00 lagi. Cuba kau fikirkan."

"Sudah kau tanya dia?"

"Sudah. Katanya duit itu diserahkan kepada bendahari. Bila aku tanya bendahari, tidak ada pula duit itu diserahkan kepadanya."

"Jadi, kau tetap jugalah mahu keluar dari persatuan ini?"

"Sebelum lukaku parah dan bertandang lagi yang lain."

Dia diam. Aku juga diam. Sementara itu di sekeliling terdengar suara orang sedang bercakap-cakap dengan hal masing-masing.

"Aku amat berharap kepada kau supaya menimbangkan semula keputusanmu itu. Kami memerlukan kau. Selama ini persatuan ini dikenali ialah dari kegiatan sesi kau. Kalau kau keluar bererti akan lumpuhlah persatuan ini. Aku harap kau tidak akan mengecewakan permintaan aku ini."

"Tapi...."

“Tidak ada tapi-tapi. Kau fikirlah masak-masak. Okay, aku pergi dulu. Selamat malam.”

Aku jadi serba salah dibuatnya. Satu permintaan yang berat. Apakah aku perlu menimbanginya dan memenuhi permintaan itu. Apakah aku perlu bersandiwara seperti kebanyakan orang-orang politik di tanah airku? Tuhan, Tuhan. Mengapa begini jadinya.

“Ah! Keputusan. Siapakah yang mahu ikut, kalau tidak si pemutusnya.”

Dewan Sastera, Januari 1991.

MAAFKAN SAYA, CIKGU

Nassury Ibrahim

“**A**H, sudah jam 8:00 lebih, pasti tidak datang!” Ali melangkah luas-luas. Sesekali dia berlari-lari anak. Sesekali dia melompat-lompat. Melompat dari satu balak ke satu balak.

“Siapa tahu, kenapa dia tidak datang?”

Ali melompat ke satu balak yang besar. Balak yang dijadikan titian oleh orang-orang kampung. Mereka bermuafakat mencari balak-balak kecil di sekitar untuk dijadikan titian di kampung mereka yang baru dibuka itu.

Mereka bergotong-royong mengatur balak yang besar. Balak yang dijadikan titian oleh orang-orang kampung. Mereka bermuafakat mencari balak-balak kecil di sekitar untuk dijadikan titian di kampung mereka yang baru dibuka itu.

Mereka bergotong-royong mengatur balak itu di jalan becah bagi memudahkan perjalanan. Atau, bagi mengelak kaki daripada terkena selut jalan.

“Siapa tahu, kenapa dia tidak datang pada hari ini?”

Ali mendongak ke langit. Kelihatan matahari bersinar-sinar di atas pohon-pohon di sebelah timur. Beberapa ekor burung murai sedang menyanyi-nyanyi riang.

"Saya bertanya, mengapa dia tidak datang pada hari ini?"

Ali meluaskan langkahnya. Tangan kanan menguis-nguis tangkai beg di bahu. Membaiki kedudukannya.

"Awak. Kenapa dia tidak datang?"

Diam. Dan kemudian menggeleng-geleng kepala.

Semua yang lain kelihatan tunduk membisu. Tidak seorang pun berani mendongak muka. Masing-masing diam. Diam seribu bahasa.

"Awak?"

Mengeleng-geleng kepala.

"Hah! Awak?"

Pun menggeleng-geleng kepala.

"Takkan seorang pun tidak tahu."

Masing-masing diam. Masing-masing tunduk.

"Hari ini aku mesti sampai awal." Dan dia terus melangkah. "Kalau tidak aku akan dimarah lagi."

Dia menoleh ke belakang. Tidak ada seorang pun. Dia merenung jauh-jauh ke depan, juga tidak ada seorang pun.

"Ah! Sudah lewat ke ni?" Dia mendongak lagi ke langit sambil melangkah.

Matahari semakin meninggi, melintasi puncak

pohon-pohon. Wajahnya nampak kian bulat dan bercahaya. Cahayanya pun kian cerah dan jauh tersebar.

"Saya bertanya, mengapa dia tidak datang? Masakan seorang pun tidak tahu."

Nada suara itu agak tinggi sedikit. Namun tidak seorang pun menjawab. Mereka kelihatan tunduk seolah-olah takut pada suara itu. Macam tikus ternampak kucing. Walaupun ditanya berkali-kali, mereka tetap diam.

"Masakan seorang pun tidak mengetahuinya. Kamu sekampung dengannya."

Ali terus melangkah. Dia terus melompat dari sebatang ke sebatang balak yang disusun memanjang seperti ular kena pukul.

Terasa juga ngeri di hati, ketika melompat-lompat. Apa lagi apabila dilihat selut penuh di bawah. Sesekali dia terasa seperti Tarzan yang pintar melompat dan bergayut.

Ali tidak memakai kasut. Dia hanya berkaki ayam sahaja. Beberapa kali dia suruh ibu membelinya, tidak juga dibeli. Kata ibunya tidak mampu. Ah, biarkan. Dapat berseluar pun dah satu rahmat.

"Bila besar nanti, Ali mahu jadi apa?"

"Jadi orang besar-besar, mak. Macam Pak Kosim tu. Bila sudah jadi orang besar, Ali nak majukan kampung ni. Jalannya, Ali nak tarkan. Bila sudah bertar, kita tak payah lagi melompat-lompat

macam katak. Bila tersalah lompat, terus terjatuh ke dalam selut.”

Ibunya mengangguk-angguk kepala dan senyum-senyum bisu.

“Pak Kosim tu, tuk wakil. Ali minat politik ke?”

Ali mengangguk-angguk kepalanya.

Burung murai masih lagi menyanyi-nyanyi riang. Ali meneruskan perjalanannya tanpa menoleh ke kiri dan ke kanan. Tempat dituju masih jauh. Kata emaknya, dua kilometer dari rumah. Setiap hari, Ali terpaksa berjalan empat kilometer pergi dan balik. Jalan itu pula ditumbuhi semak-samun dan melintasi beberapa buah paya. Sebab itulah orang-orang kampung mengatur balak di atasnya kerana batas jalan itu ditimbus dengan tanah sawah.

Ali mendongak lagi ke langit. Dah terlewat. Ali percepatkan langkahnya. Ali cuba melajukan lariali anaknya itu. Melompat dan terus melompat. Dalam hatinya cuma satu, mesti sampai cepat, kalau tidak akan dimarahi lagi.

Ali terus berlari melewati sebatang demi sebatang balak yang tersusun itu. Dia berlari melompat, berlari lagi dan melompat lagi ke atas balak yang tidak bersambung itu.

Kampung Ali baru lima tahun dibuka. Orang-orang kampung bermuafakat menebas dan menebang hutan serta membersihkan semak-samun. Kini sudah hampir seratus buah rumah didirikan.

Di sebelah kampung Ali ialah Kampung Cherang. Kampung Cherang lebih maju kerana ia sudah lama dibuka. Di Kampung Cherang ada sekolah, ada masjid, ada balai raya meskipun mereka masih menggunakan pelita ayan dan perigi. Di kampungnya, semua itu di dalam perhatian, kata tuk ketua.

"Ketua?"

"Sa, sa, saya. Saya...!"

"Apa sa, sa. Saya mahu tahu, kenapa dia tidak datang?"

"Sa. Saya tidak tahu, cikgu." Sambil menggeleng-gelengkan kepalanya.

"Ketua sendiri pun tidak tahu. Sia-sia dilantik menjadi ketua. Sepatutnya awak mesti ambil tahu tentang murid-murid di dalam kelas ini sebab awak ialah ketua mereka. Faham?"

"Faham, cikgu."

"Semalam, saya telah beri amaran. Hari ini dia tidak datang pulak," kata Cikgu Yusuf sambil menggaru-garu kepalanya. Cikgu Yusuf kelihatan berjalan ulang-alik di hadapan kelas.

Cikgu Yusuf berjalan menuju ke mejanya. Dia kemudiannya membelek-belek buku kedatangan. "Ah, dia tidak pernah ponteng, cuma sampai lewat sahaja."

Cikgu Yusuf memerhati sekeliling. Dia merenung seorang demi seorang murid-murid di hadapannya. Semuanya diam dan tunduk. Cikgu Yusuf

cuba mencari-cari jawapan sendiri sebab-sebab kelewatan muridnya itu. Dia cuba meneka sesuatu dan mentafsirnya.

"Maafkan saya, cikgu."

"Ah!"

"Maafkan saya cikgu kerana terlewat lagi."

"Ah, apa yang terjadi ni?"

"Sa ... saya terjatuh tadi. Kaki saya tergelincir dan terus terjatuh ke dalam selut."

Semua murid di dalam kelas berpandangan sesama sendiri. Kasihan!

"Saya mohon maaf, cikgu, kerana terlewat lagi sampai ke sekolah pada hari ini."

Cikgu Yusuf hanya diam tanpa berkata apa-apa. Dia menundukkan mukanya. Ali tegak berdiri di hadapan pintu bilik kelas Tahun Lima Hijau.

Bacaria, 27 Mac 1986

RAMA-RAMA DAN PAK BEBEK

Nora

INILAH apa yang terjadi. Segala pertemuan dan percakapan di atas ranjang berlangsung dalam senyap. Bersopan barangkali. Pak Bebek cuba bertahan serangan kesunyian, tetapi jala-jala sunyi senantiasa membentak bagaikan cakerawala berge-muruh mendambakan puisi rindunya pada sang malam.

Dan kini tubuh Pak Bebek terkejut di atas ranjang. Dia mahu memulakan tidur panjang hingga matahari mencapai ubun-ubun langit. Seperjalanan tidur yang panjang dia tidak mahu sesiapa mengganggunya, walaupun siang bolong.

Tetapi sebelum mata Pak Bebek terpejam, sarang si kotel yang terbentang di sudut dinding kamarnya menyakitkan matanya. Si kotel entah berapa lamanya menganyam dan menyiratkan benang-benang dan jala-jalanya di dalam kamar itu. Diberikan hak kebebasan dan kemerdekaan yang mutlak kepada sang kotel menganyam, menjalin, menyirat dan menjala rumahnya dalam kamar Pak Bebek.

Dan wujudlah sebuah rumah kotel yang tiap detik menganyam sarangnya bertambah besar dan melebarkan daerah otonominya.

"Ah, inilah seni," desis hati Pak Bebek.

Apabila matanya mencenung kotel yang berada di dalam sarangnya, sang kotel mundur-mandir ke tengah dan ke tepi menelurkan benang bergetah yang mencuat dari duburnya. Dan begitu *getol* dan *istiqamah* membuhul jala rumahnya.

"Inilah seni." Dan Pak Bebek mengagumi kerja kreatif sang kotel di dalam kamarnya itu.

"Seniman yang arif mengenal seni ini."

Terkejut di atas ranjang dan bertelanjang dada dari pusat ke kaki dibungkus kain sarung. Itulah potret seorang insan yang bernama Pak Bebek yang memenjarakan dirinya di dalam kamarnya sepanjang siang.

Langsir berwajah hijau di kamar ikut berpegang tangan dengan pintu kamar, tidak mengizinkan sinar matahari menerobos masuk. Musim panas meletih dan melelahkan Pak Bebek. Kipas *Pro Power* adalah satu-satunya alat pendingin kamar itu.

Tetapi desas angin kadang-kadang tidak berdaya mengusir sang panas.

Siapa lagi yang menjadi teman kesepian Pak Bebek dalam penjara itu. Koleksi rama-ramanya. Bingkai-bingkai cermin rama-rama yang melekat di dinding tembok itulah teman-temannya yang

berinteraksi dengannya tiap senja ungu berkembang di kaki langit. Dan percicaraan nostalgia rama-rama seperti tidak bisa jadi kendala antara insan dengan sang kotel dan rama-rama.

Tetapi arifkah Pak Bebek dengan bahasa rama-rama. Makhluk rama-rama yang terkangkang dan terkejut dikurung oleh cermin berbingkai?

Rama-rama itu kaku. Sayangnya. Tubuhnya. Dibekukan oleh manusia. Dikakukan oleh insan yang tidak takutkan Allah dengan membubuh label nama rama-rama yang telah diawetkan.

Roh rama-rama telah terbang melayang bersemedi di bawah arasy, tetapi jasadnya berkubur di dalam kotak kaca. Warna-warni sayapnya sahaja yang dikagumi dan dihayati oleh manusia.

Itulah yang indah, yang seni, yang ganting, yang unik, sayap-sayapnya yang berwarna-warni yang mendorong nafsu *mazmumah* manusia menangkap, membunuh dan menzalimi makhluk kecil yang rapuh ini semata-mata untuk memenuhi gelodak nafsu dan kesenian manusia.

Seniman bilang sayap-sayap yang berwarna-warni seperti bianglala mempunyai seni yang bernilai tinggi. Benarkah?

Tetapi bagi Pak Bebek harga diri rama-rama dinilai dari segi dagang. Rama-rama diperdagangkan oleh Pak Bebek. Itulah yang pastinya. Hobinya menangkap rama-rama dan kemudian membunuhnya adalah hobinya.

Sejak bila Pak Bebek membuhul benang-benang cita pada rama-rama itu? Sejak dia meniti jalan sisa-sisa hidupnya sebagai seorang pensiunan. Di dalam kamar kerja dan tidurnya, adalah setimbun koleksi buku-buku bergambar yang membicarakan dunia dan nostalgia rerama.

Bagaimana hendak menangkap rama-rama? Bagaimana hendak mengawetkan rama-rama. Apakah keseronokan mencintai rama-rama? Ada beberapa ribu warna-warni di sayap rama-rama? Seluruhnya diceritakan dalam buku-buku karya pakar-pakar rerama dunia.

Demikian di dalam kamarnya Pak Bebek berse-lirat seribu warna yang dipancarkan dari sayap-sayap yang indah-indah itu. Sayap rama-rama itu seperti bianglala yang melintang di kaki langit selesai gerimis. Dan jahitan benang sang kotel kian melebar hari demi hari dalam kamarnya.

Vila Pak Bebek di puncak Bukit Menyapu Awan, cuma disegarbugarkan oleh dua nafas tua iaitu Pak Bebek dan isterinya Bu Angun. Nafas segar putera dan puterinya? Anak-anaknya minggat berdikari. Dan puncak dari membentuk dan menjadikan anak-anaknya sebagai manusia berjaya, Bu Angun dikumiakan bintang, Tokoh Ibu Mithali.

Bu Angun juga seorang pesara dari professionya sebagai mantan guru besar. Pak Bebek? Seorang pensiunan juga mantan ADUN. Jadi, dalam

vila di atas Bukit Menyapu Awan ini, bernafas dua orang manusia pensiunan yang sedang meniti musim peralihan usia.

Pak Bebek menyedari itu. Dan dia pun mengisi musim-musim tuanya dengan nafsu kegemarannya menangkap rama-rama.

Dua manusia pensiunan itu hidup sendiri-sendiri dengan hal-hal sendiri yang bersemi dan tumbuh mekar di balik tembok rumah gadang di atas bukit.

Bu Angun mendekam sahaja di dalam kamarnya di tingkat atas. Dan berbicara dengan kesepian di dalam kamar dirinya. Apa yang dibuat oleh Pak Bebek dalam kamarnya di tingkat bawah?

Dia menyendiri bersama dunianya yang asing. Pak Bebek bersepi-sepi bersama koleksi rama-ramanya dan kotelnya yang sedang gawat menayang sarang.

Demikian sepanjang siang bolong Pak Bebek berkubur di dalam kamar. Cuma sekerat malam sahaja mempertemukan Pak Bebek dengan Bu Angun. Dan kalau Pak Bebek tertidur di sofa ruang taman kerana kecapekan menonton televisyen discret arus waktu hingga kejauhan malam, Bu Angun selalu bersyukur.

Mengapa? Kedamaian hidup orang tua tidak terganggu. Bu Angun damai setenang malam di kamarnya. Begitu juga Pak Bebek. Keterasingan hidup sendiri-sendiri dan hal-hal sendiri, melahirkan se-

buah kerenggangan yang memisahkan suami tua dan isteri tua.

Demikian entah mimpi apa, sore itu Bu Angun tiba-tiba menerobos sahaja masuk ke kamar Pak Bebek. Tubuh kering Bu Angun cuma dibungkus oleh kain sarung batik dari pusat ke bawah. Bahagian atas dibungkus selebar coli luntur. Kedua-dua belah tangan Bu Angun mencekak pinggang dan matanya meliar melolok ke seluruh sudut kamar Pak Bebek.

Pak Bebek yang terbaring terlentang di ranjang dengan berkain sarung sahaja, memerhati Bu Angun dengan sepasang mata dingin yang bodoh.

Bu Angun tiba-tiba menemukan sebuah perasaan mendesak apabila bola matanya tertuding ke frem-frem gambar rama-rama yang mempamerkan seribu warna-warni kepak-kepaknya.

"Mengapa abang bunuh rama-rama ini?" Bu Angun tiba-tiba meleter.

"Bunuh?" terlonjak kekagetan Pak Bebek.

"Kejam!" kutuk Bu Angun.

"Siapa yang kejam?" tanya masa bodoh Bu Angun.

"Abang...." Tuding telunjuk Bu Angun ke muka Pak Bebek yang melongo di atas ranjang seperti mata burung jampuk diterjah sinar siang.

"Ini bukan kejam. Ini pernyataan cintaku," kata Pak Bebek lalu bangkit dan duduk di birai katil.

"Apa dosa rama-rama ini abang bunuh?" tanya Bu Angun.

"Angun, mari duduk di atas ranjang ini dekat abang." Mata kabur Pak Bebek menikam ke wajah kedut Bu Angun seperti merayu. Tangan Bu Angun dipegangnya.

"Dah tua-tua ni nak sembang apa lagi." Bu Angun tidak tergiur dengan daya bujukan Pak Bebek.

"Macam sarang tikus." Cemas Bu Angun apabila matanya ditebarkan ke sekitar kamar Pak Bebek.

"Inilah bilik seni, Angun. Itu seni," tuding Pak Bebek pada potret-potret rama-rama di dinding, "Itu juga seni," tuding telunjuk Pak Bebek pada sarang si kotel.

"Ya Allah, besarnya labah-labah." Bu Angun terjerit dan kepalanya terdongak ke langit-langit kamar.

"Sarang labah-labah tu juga satu seni." Bayang-bayang kebanggaan menggebu-gebunya.

"Ini seni gila! Seni orang gila!" suara Bu Angun agak tegang, "Abang nak mati ke digigit labah-labah?" suara Bu Angun melengking.

"Mati?" Pak Bebek menyebut kalimat mati dengan sinis.

"Kesian rama-rama yang tidak berdosa itu. Nanti rama-rama masuk syurga, abang masuk neraka," kata Bu Angun dan matanya tertancap ke frem yang tersusun di dinding.

"Tapi kematian rama-rama memberi kepuasan

nafsu seni seorang seniman. Lihat kepek-kepek-nya berwarna-warni macam pelangi. Itulah seni, Angun," kata Pak Bebek.

Tetapi citarasa kemanusiaan Bu Angun tidak mahu menerima tanggapan Pak Bebek bahawa membunuh binatang-binatang yang tidak berdosa itu satu kerja seni.

Kemudian terbongkar satu rasa mual dari dalam diri Bu Angun. Kemualan itu lantaran suasana kamar Pak Bebek dan mual bersama sekamar dengan manusia yang tidak berperikemanusiaan walaupun dia suaminya.

"Angun, awak belum tua lagi. Cubalah berhias macam kepek rama-rama tu," kata Pak Bebek dan matanya tunak meneliti wajah Bu Angun yang telah diselaput bayang senja. Dan di kepalanya ada terselit jurai-jurai rambut putih.

Seolah-olah ada rasa kecapan gula pahit di hati Bu Angun. Gula pahit itu terasa jijik diucapkan oleh lidah orang tua seperti suaminya.

"Ingat mati, bang. Abang bila nak sembahyang?" Dan sebaring dengan pengucapan itu Bu Angun bingkas bangun dari ranjang dan berjalan sempoyongan keluar kamar.

"Angun! Angun!" Pak Bebek terkapai-kapai dan terpintal-pintal bagaimana orang kelemahan.

Demikian kayu cemeti ingat mati mencabuk Bu Angun seperti Pak Kusir keret kuda mencabuk belakang kudanya. Pipi kendur ingat mati. Gigi-

gigi yang gugur ingat mati. Uban berterabur di kepala ingat mati. Dan sebijak-bijak manusia ialah setiap detik mengingati mati.

Dan Bu Angun pun sedar daripada tidur lena yang dibuai-buaikan oleh lirikan lagu duniawi. Demikian setiap senja menjelang maghrib. Bu Angun memandu mobilnya meniti jalan ke masjid. Dalam beg bekas kain telekungnya bersemadi sebuah diari yang mencatatkan nama-nama masjid di sekitar ibu kota yang menyediakan kuliah-kuliah fardu ain dan sebaris nama-nama tuan guru mengajar ilmu tauhid, fiqah, tasawuf, hadis dan tafsir.

Dan kepulangan malam Bu Angun dari masjid dia sering menemukan wajah Pak Bebek yang terbenam dalam dakapan sofa menonton televisyen di ruang tamu. Dan umur tua Pak Bebek seolah-olah mahu membereskan dengan menonton televisyen sahaja. Dan kadang-kadang Pak Bebek terkulai di sofa dengan ditemani televisyen yang menontonnya.

Dahi Bu Angun berkerut dan sekaligus menggeleng-gelengkan kepalanya. Betapa lalainya Bebek mengingati mati, bisik Bu Angun.

"Ingat mati, bang ..." tegur Bu Angun.

"Angun, mari tengok tv. Ceritanya bagus," kata Pak Bebek memberikan respon.

Bu Angun berlalu ke tingkat atas. Dan Bu Angun pun jadi manusia malam yang basah lidahnya dengan berzikir dan bertasbih kepada Allah dan in-

san malam yang menyuburkan detik-detik malam dengan sujud di tikar sembahyang dalam kamarnya.

Pagi itu berangkat lagi Pak Bebek dengan alat-alat menangkap rama-rama dan perbekalan makanan. Ke mana? Ke padang rama-rama. Ke samudera rama-rama. Dan berangkatlah penangkap rama-rama.

Sebuah panorama alam, selaut padang rumput yang bermandikan kehijauan, bertaburan kembang-kembang mekar dan pohon-pohon cemara, kemboja, puding, pohon raksamala dan bunga-bunga hutan yang subur hidupnya.

Dan padang rumput yang melaut ini dipenuhi sang rama-rama berterbangan gembira, bebas dan merdeka menciumi bunga-bunga demi bunga-bunga, kembang demi kembang, mekar dan rama-rama dan bunga-bunga saling berpadu cinta, saling bercengkerama, saling bercanda, saling beri-memberi kasih sayang dan saling ucap mengucapkan puisi cinta.

Ah, betapa syahdu dan murni, betapa damai dan beningnya kehidupan makhluk ini. Tidak ada gangguan, tidak ada kekacauan, tidak ada krisis dan tidak ada pergeseran antara rama-rama dengan bunga-bunga.

Tetapi usia kedamaian, ketenangan dan kehe-ningan itu tidak lama. Tiba-tiba muncullah dari celah-celah pohon cemara sebatang lembaga ma-

nesia, memakai topi besar ala Mexico, berperut buncit dan di wajahnya terkapuk kaca mata hitam yang menutup dua biji matanya dan di belakangnya terkapuk sebuah beg ambung.

"Ah, indahnya kalau aku jadi rama-rama tetapi sayang kepakku rapuh."

Manusia bercermin mata gelap, di tangannya ter-genggam kejam batang tangguk jaring, terhendat-hendat kakinya menapak setapak demi setapak dan matanya tajam melihat kelopak rama-rama.

"Sup ... sup ... sup...." Dia mengimbas-imbis pe-nangguknya.

Seekor dua rama-rama terjebak juga ke dalam jaring si pemburu.

"Jahanam manusia ini," kutuk hati sang penyair.

Apakah manusia ini tidak punya secebis rasa kemanusiaan? Bukankah rama-rama makhluk Allah juga? Membunuh serangga yang tidak berdosa besar. Manusia mana yang tidak perihatin menyaksikan perlakuan kezaliman dan kekejaman ini?

Sang pemburu kian galak mengejar rama-rama, seolah-olah tidak kenal ampun hendak menebus seluruh makhluk rama-rama.

"Terbang rama-rama, terbang. Selamatkan nyawamu!" Demikian seru sang penyair. Sekumpulan rama-rama yang terjebak disemadikan dalam sangkar berjaring halus. Dan rama-rama itu bakal menemui nasibnya yang paling buruk, paling sakit dan paling azab. Makhluk rama-rama itu akan di-

tusuk dengan jarum di kepaknya lalu dibiarkan menemui ajalnya.

"Tuan, apakah dosa rama-rama ini? Apakah kesalahan rama-rama ini? Tuan buru dia, tuan perangkap. Kemudian tuan bunuh, seksa dan azab dia," jerkah si penyair.

"Apa? *Who are you?*" Agak tersentak sedikit Pak Bebek apabila tiba-tiba dijerkah dari belakang.

Dan mata hitam menentang wajah si penyair seperti segumpal mendung hitam yang menyapu wajahnya. Dan Pak Bebek sudah arif bahawa ada manusia lain yang menonton kerja-kerja pemburuannya.

"Bagaimana kalau tuan jadi rama-rama. Dan rama-rama jadi tuan. Tuan dikejutkan, diburu oleh manusia dan kemudian disalib hidup-hidup?" tanya si penyair.

"*I love butterfly*. Saya peminat rama-rama. Ini hobi saya. Bukankah hobi seperti ini satu seni?" kata Pak Bebek mempertahankan egonya.

"Tuan adalah algojo. Pembunuh kebesaran, kemerdekaan, ketenangan dan demokrasi rama-rama." Penyair melepaskan marahnya.

"Ah jangan campur urusan saya," bentak marah Pak Bebek penjebak rama-rama.

"Tolong lepaskan rama-rama itu," rayu sang penyair.

"Tidak boleh. Ini hobi saya dan saya suka mengumpul rama-rama ini," kata Pak Bebek berkeras.

"Kalau perlu saya akan beli rama-rama tuan. Ambillah wang emas ini sebagai ganti ruginya," kata penyair dan masih berharap.

Pak Bebek agak tersentak. Dia menyambar wang itu secepat kilat. Dan di kejauhan sayup-sayup mengimbau-imbau kokok ayam yang menandakan ada desa berhampiran padang rumput rama-rama ini.

Pak Bebek jadi tamu maghrib apabila keretanya berlabuh di vilanya. Bersiul-siul menapak masuk ke dalam rumah.

"Angun! Angun!" suaranya menggamit Bu Angun.

Itu tidak mengapa. Bahkan dia agak gembira. Nanti dia boleh memeranjatkan Bu Angun dengan rahsia yang disimpannya itu.

"Ha, ha, ha...! Bu Angun, Bu Angun...."

Suara yang agak keras itu melantun ke telinga Bu Angun. Dengan tiba-tiba sahaja Bu Angun berasa hairan mengapa Pak Bebek berasa teringin untuk menyebut namanya berulang kali, setelah sekian lama namanya tidak ditimang-timang.

"Ada apa bang...?"

"Aku dapat bayaran yang mahal untuk rama-rama yang aku tangkap...."

"Eh, mengapa abang ni."

"Tidak. Aku dapat bayaran!"

"Abang pasti mengigau!"

"Tidak. Ini wangnya...."

"Abang, abang...." Goncang tangan Bu Angun

ke tubuh Pak Bebek yang terlena di sofa.

Pak Bebek terlonjak sedar dan teragagau-gagau. Dan apabila kelopak matanya terkapak, apa yang disaksikan ialah lembaga Bu Angun tegak di hadapannya.

“Mana wang aku.”

“Wang apa?” Bu Angun diterjah keanehan.

“Wang yang diberi oleh penyair...” Pak Bebek bingkas bangun dan berlari menerkam masuk ke dalam kamar.

Pak Bebek menyelongkar di bawah bantal. Tiba-tiba dia terjerit.

“Ya, Allah....”

Apa yang dilihatnya?

Matanya melolot melihat tujuh ekor kalajengking yang terkapuk di bawah bantal itu.

MENDUNGNYA BERSINAR

Noora Mohd. Zawi

TERDAMPAR lagi seorang insan di kamar sepi menghitung putaran roda-roda waktu. Membaca warna-warna kehidupan yang pastinya menjanjikan seribu realiti yang nyata. Kamar yang sempit itu kian digonggong keresahan maha hebat. Dunianya terlalu sempit, sukar baginya untuk berlari ke sana dan ke sini. Dia diibaratkan seperti burung yang terpenjara di dalam sangkar emas, yang pada hakikatnya mencintai dunia luar.

Perlahan-lahan Afiza memutar kerusi rodanya melewati ruang tamu. Sementara menantikan temannya, Azulia datang dia sempat membelek beberapa majalah yang dibelikan oleh temannya itu. Melalui majalah-majalah kaku itulah juga sebagai inspirasi dunianya tentang sebuah ketabahan dan kesabaran. Segalanya memberikan semangat untuknya menghadapi STPM lewat tahun ini. Dia berkeyakinan untuk menyambut cabaran itu biarpun dalam keadaan yang cacat begitu.

Tiba-tiba loceng pintu berbunyi. Afiza pasti Azu-

lia yang datang. Segera dia memutar rodanya tetapi Mak Limah muncul terlebih dahulu.

"Err ... tak payahlah kau pergi. Biar saja Mak Limah yang bukakan," beritahu orang tua itu yang memahami keadaan dirinya. Afiza mengalah. Teakannya meleset apabila yang muncul ialah Azirah, kembarnya. Kelihatan pula di sisinya seorang lelaki yang juga memakai uniform sekolah. Barangkali itu teman atau mungkin juga sekadar mahu menumpang motosikal lelaki itu. Fikirmya kemudian lantas meninggalkan ruang tamu.

"Err ... Afiza, mari sekejap." Putaran rodanya terhenti. Afiza sengaja membiarkan Azira menghampirinya disusuli oleh pelajar lelaki itu.

"Afiza, kenalkan ini Tarmizi teman istimewa Azie. Mizi kenalkan ini kembar I, Afiza namanya!" Mereka bersalaman. Kuntuman yang terukir di bibir pelajar itu disambutnya dengan senyuman yang tawar.

"Emmm ... manis namanya. Orangnyapun cantik, macam *you* juga," puji Tarmizi membuatkan Azirah ketawa senang hati. Tetapi bagi Afiza, itu satu penghinaan buatnya. Perhatian lelaki itu masih kejam memandangnya, menyedari itu Afiza segera memohon diri.

Di kamar Afiza mengurung diri. Membaca nota-nota atau membuat ulang kaji untuk bekalannya ketika STPM nanti. Tetapi fikirannya ketika itu kurang peka. Kembali dia mencerminkan hatinya

yang kosong. Tidak adakah insan yang sudi mengetuk pintu hatinya ini.... Tidak adakah insan yang bernama lelaki yang ingin menemaninya? Afiza menangis sendirian. Harinya dihabiskan di atas kerusi roda itu. Hatinya diruntun kepiluan yang tidak ketentuan. Sebak di dada menjengah lagi. Air matanya menitis dan jatuh ke buku, meresap dan meninggalkan kesan. Bukan kali pertama dia menangi kekosongan hatinya. Hidupnya terhindar daripada kehidupan luar.

"Bosan!" jerit Afiza tiba-tiba. Mak Limah terkejut. Kebetulan pula dia berada tidak jauh dari biliknya.

"Kenapa Afiza? Afiza tak sihat?" Hati tua itu juga yang memujuknya. Hati tua itu juga yang menemaninya. Hati yang bagaikan air di kali, bisa menyejukkan biarpun kala bara meniti.

"Saya bosan dengan kehidupan yang begini Mak Limah. Saya bosan!" Afiza lantas memeluk tubuh tua itu. Urat-urat kendurnya kelihatan berlipat.

"Sabar sajalah. Bukankah ini dugaan Allah untuk menguji sejauh manakah iman seseorang itu. Kau harus tabah, kuatkanlah imanmu, nak!"

"Tidak adakah insan yang cacat seperti ini di hati lelaki Mak Limah? Tak adakah ruang untuk saya...." Kepiluan memanjat tangkai hati tua itu. Tetapi apakah terdaya olehnya. Manik halus mula berkolam. Sendunya bertangkal di hati.

Hari-hari pantas berlalu bagaikan putaran kerusi

rodanya. Kini cuti penggal kedua bermula. Bekalan yang ada sudah memadai. Biar pun begitu dia perlu mengulang kaji semuanya. Semangat untuk maju itu tidak pernah luntur. Malah, dia ingin membuktikan kepada masyarakat dan alam sekeliling betapa kecacatannya bukanlah penghalang baginya menggenggam kejayaan. Walaupun kakinya tidak boleh bergerak tetapi akal dan fikirannya masih pantas menangkap ilmu. Selagi anugerah yang tinggal itu masih boleh digerakkan lagi, selagi itulah dia akan mencari ilmu, biarpun menggunakan kerusi roda.

"Limah, kau tengokkan rumah ini. Barangkali seminggu lagi kami akan pulang," beritahu Datin Zaleha sambil menghulurkan kunci rumah. Mak Limah menganggukkan kepala. Namun mulutnya terkumat-kamit seolah-olah mahu berkata sesuatu.

"Datin ... kenapa Afiza tidak dibawa bersama. Tidakkah elok kalau sekali-sekala dia dibawa berehat?" Datin merenung matanya.

"Aku tak lalu nak tolak kerusi roda dia ke sana ke mari. Tapi kalau Azirah sanggup tolak dia entahlah pulak ..." jawab datin sambil menjeling ke arah Afiza. Rasanya hina ketika itu.

"Ah! Tak sangguplah Azie, bu."

Afiza berasa tersinggung tetapi masih mampu tersenyum. Terasa kini hidupnya bagai satu bebanan yang berat.

Siang malam hidupnya didendang dengan pe-

nyesalan. Betapa tidak ada insan yang ingin memaut hatinya. Hinakah insan yang cacat seperti aku? Apakah mukaku tidak seperti manusia? Afiza gagal mengawal perasaannya lantas segera mendapatkan kamarnya kembali. Terkial-kial dia sendirian mencari sesuatu di dalam almari. Setelah menemuinya dia tersenyum lalu membuka sebuah beg plastik berwarna biru. Di atas kerusi roda itu juga dia berusaha mengenakan sepasang baju kebaya labuh, hadiah daripada Mak Limah ketika dia mendapat keputusan SPM dengan cemerlang. Baju biru laut itu baru disentuhnya setelah lewat dua tahun ianya bersemadi di dalam almari. Afiza mengenakan lipstik di bibir rekah. Terpancar warna merah yang bisa menambat setiap lelaki yang melihatnya. Rambutnya yang mayang mengurai disisir rapi sambil menggayakannya di hadapan cermin. Cantik! Dia tersenyum puas. Keningnya diwarnai dengan celak menampakkan lagi keremajaannya.

"Wah! Ini sudah *best!*" jerit satu suara dari muka pintu. Afiza tersentak lalu tersipu-sipu malu. "Ini mesti ada apa-apa ni...."

"Apa pulak ni, kau ni tak habis-habislah nak usik aku. Err ... dah lama kau sampai?" Azulia mengangkat bahu.

"Macam bidadari. Cuba kau berdiri biar Mak Limah tengok singkat ke tidak." Wajah gadis itu segera berubah. Azulia dan ketiga-tiga pasang mata itu saling berpandangan.

"Maafkan Mak Limah, Mak Limah tak se-
ngaja." Afiza tidak peduli segalanya lantas me-
mutar rodanya menentang cermin. Air matanya
tergenang lagi. Hatinya sedih. Kalau tidak dise-
babkan kemalangan dua tahun lalu sudah tentu
dia tidak terpenjara oleh perasaannya sendiri. Itu-
lah peristiwa hitam yang kerap bertamu pada kala
dia bersendirian.

Satu petang yang mendamaikan, Afiza ditemani
Mak Limah duduk di ruang tamu. Tiba-tiba situa-
si itu ternoda dengan kedatangan seorang lelaki
yang pernah bertamu di rumah itu lewat minggu
lalu.

"Oh! Kau Mizi. Nak jumpa Azie ke? Maaf, dia
dah pergi ke Singapura mungkin minggu depan
baru dia balik." Lelaki itu diam, hanya senyum-
nya terpancar dari ulas suci, membuatkan Afiza
tertanya-tanya sendiri.

"Tidak. Aku datang ni saja nak lawat kau!"

"Kenapa dan untuk apa?" soal Afiza kembali.
Begitu pun Afiza masih tidak mempelawanya ma-
suk. Sebaliknya, meninggalkan lelaki itu sendirian
di luar.

Mak Limah muncul di sebalik daun pintu. Ter-
kejut dia apabila melihatkan Mizi tercegat di luar.

"Kenapa tak diajak masuk? Tak baik tu tau....
Heh budak Afiza ni...." Mak Limah menggeleng ke-
palanya.

"Apa hal kau nak jumpa aku ni? Nak ketawa-

kan aku lagikah? Begitu!" Soalan yang tidak pantas Mizi menjawabnya.

"Untuk berkenalan dengan Afiza, itu pun kalau kau sudi...."

"Berkenalan dengan orang yang cacat macam ni?" Beberapa kali dia menepuk kakinya yang kaku.

"Aku serius ni. Kalau boleh aku ingin membantumu."

Tawa Afiza panjang lagi.

"Apa yang boleh kau bantu?"

"STPMmu!"

"Aku tak perlukan bantuan daripada sesiapa pun. Selama ini pun aku seorang juga. Tak ada siapa pun yang bantu aku."

"Aku tahu kau perlukannya."

"Dari mana kau dapat tahu itu?"

"Azulia. Kau kenal dia kan?" Afiza mengalah.

"Dulu aku boleh berjalan dan aku boleh berlari tapi siapa sangka kesempatan yang aku miliki begitu pendek dan akhirnya aku cuma mampu menggerakkan kerusi ini." Suaranya sayu. Air matanya mula berkolam.

"Kau boleh berjumpa doktor."

"Perlu apa? Ibu aku sendiri pun dah pergi jumpa dengan berpuluh-puluh dukun dan tabib. Apa yang mereka kata, kaki aku ni dah tak boleh nak dirawat lagi." Tiba-tiba Mizi ketawa. Afiza sedar apa yang membuat lelaki gantang itu ketawa.

"Kau pergi jumpa bomoh? Apa kau ni percaya

ke dengan semuanya ni?" Soalan itu terlalu sukar untuk dijawab. Yang nyata, Afiza buntu. Dia cuma anak. Tidak terdaya untuk bertekak selalu dengan ibunya.

Hari-hari yang berlalu Mizi makin kerap mengunjunginya. Datangnya tidak pernah dengan tangan kosong. Kemesraan kian terjalin antara insan normal dengan manusia kudus.

Keriangannya Afiza kembali bertamu. Dia tidak sepi kini. Dia telah punya dua teman yang banyak membantunya. Baginya sukar untuk dibalas.

"Mereka tulang belakang Afiza, Mak Limah. Tanpa mereka barangkali saya akan terperjara seumur hidup." Mak Limah mengusap lembut rambut Afiza. Belaian yang dirindui, lewat dua tahun belaian tangan orang tuanya.

"Bolehkah Afiza lulus mak cik?" tanya anak gadis itu kurang yakin. Mak Limah mengangguk puas hati.

"Kau harus sabar selalu. Ibumu tak suka kau belajar lagi. Kau harus ingat duit peperiksaan itu adalah duit poket kau. Dan segala perbelanjaan adalah duit kau sendiri. Jadi insya-Allah, Mak Limah percaya kau akan berjaya," nasihat Mak Limah sentiasa dalam ingatannya.

Afiza kini kian resah menghitung hari-hari yang bakal ditempuhinya iaitu masa depannya. Cita-cita Afiza cuma satu iaitu untuk menyambut cabaran STPM. Dia yakin dengan kebolehannya. Tetapi en-

tah kenapa suasana murung menyaluti hidupnya. Azirah kian jauh berubah sejak Tarmizi mulai rapat dengannya. Tetapi bagi insan kudus itu, tidak pernah merahsiakan sesuatu daripada sesiapa apatah lagi dengan Azirah. Afiza cuba untuk mencari jawapan tetapi gagal. Apabila ditanya dia terus marah-marah. Ini membuatkan hati Afiza makin terhisir seolah-olah dia menjadi puncanya. Sekolah-olehnya dia penyebab segala perubahan itu.

"Mak Limah! Ada nampak tak baju kemeja warna kelabu?" tanya Azirah dengan kasar serta nyaring.

"Azie, kenapa sejak akhir-akhir ini kau selalu saja pulang lewat. Bukankah kau akan ambil STPM tak lama lagi? Lagipun kau tu perempuan. Tak manis balik lewat malam," tegur Mak Limah lembut.

"Ah! Membebel pulak dia. Lain orang tanya lain pula cakap dia," rungutnya.

"Mak Limah cuma tanya saja."

"Mak Limah peduli apa. Azie balik ke Azie tak balik ke, itu Azie punya suka. Orang dalam rumah ni semuanya tidak memerlukan Azie lagi." Dia bangun marah-marah diperhatikan oleh Afiza dan Mizi dari bilik bacaan.

"Lebih baik Azie cacat, senanglah nak merampas *boy friend* orang." Kata-kata itu begitu tajam sekali bagi Afiza. Terasa dirinya betul-betul merampas milik Azirah. Afiza tidak sanggup lagi melihat itu dan terus sahaja memusingkan kerusi ro-

danya. Sedang Azirah masih lagi dengan panasnya.

"Hey! Apa yang bising sangat ni?" tanya datin dalam keadaan kelam-kabut.

"Tak guna. Kau rampas Mizi daripada aku. Kau kejam," jerit Azie dalam tangisnya. Datin cuba memujuk anaknya itu sedangkan hati Afiza tiada siapa yang sudi membelanya. Terhiris lagi bak sembilu. Tanpa perhatian dan kini kian ditumbuhi lelalang hampa.

Dalam saat-saat getir itu Afiza berjaya menduduki STPM. Azirah yang juga sedang bergelumang, bertindakbalas dengan fikirannya. Hari-hari seterusnya semakin tenang, setenang air di kali. Segala kepedihan hati dilipat jauh di lubuk rasa agar ia tidak akan menjejaskan pemikirannya.

Tamat STPM Afiza mula diburu kesepian tidak bertepi. Mizi kian dijauhinya dan kerap kali bertembung pasti dia buat-buat sibuk. Selepas dia pulang Afiza akan menangis. Menangis sepuas-puasnya. Mak Limah menyedari hakikat itu tetapi tidak pasti apakah Afiza ada menaruh hati kepada Mizi atau sebaliknya. Mak Limah gagal menemui jawapannya kerana yang termampu terjawab hanyalah ketulan keluhan kasar. Yang pasti Mizi telah membawanya keluar dari kamar penjara, biarpun seketika cuma. Mizi menolak kerusi roda itu melewati pandangan Pantai Cinta Berahi. Sesekali pukulan ombak mengganggu mesra namun ianya

tetap indah. Petang itu dipenuhi segalanya.

"Iza, sebetulnya kaki kau tu masih boleh dirawat lagi."

Afiza tunduk. "Aku tahu itu."

"Habis kenapa tidak diubat segera?"

"Dari mana harus aku cari duitnya sedangkan ibuku sendiri pun tidak sanggup. Huh! Membazir katanya kalau gagal."

"Aku boleh bantu sedikit."

"Bukan seribu dua Mizi. Biarlah aku terus begini sekalipun dengan kerusi roda ini." Lelaki itu gagal memujuknya. Tahulah kini betapa Afiza insan yang tidak suka bergantung kepada orang lain.

"Afiza, sebenarnya aku ada hal peribadi yang nak aku sampaikan. Tapi aku tak tahu dari mana harus aku mulakan." Afiza sedikit terkejut sekalipun ayat itu belum digariskan.

"Kau milik Azirah, Zi. Bukannya untuk aku!"

"Tapi aku menyintai kau. Dia cuma kawan aku, tidak lebih dari itu." Afiza menggeleng kepala. Air matanya gugur. Ketika itu hanya Allah sahaja yang tahu, dalamnya sebuah perasaan itu, tetapi bukan dengan cara keji merampas hak orang lain.

Keputusan STPM yang ditunggu menjelma juga. Alangkah gembiranya hati gadis itu apabila dia berjaya dengan cemerlang atas kesungguhannya. Air mata Mak Limah mengalir sambil memeluk anak gadis itu.

"Datin ... datin ... ada rombongan datang." Datin yang sedang berehat di kamar turun tergesa-gesa.

"Maaf, kami datang dengan mengejut," beritahu salah seorang daripada mereka. Seisi rumah itu gempar dengan kedatangan rombongan itu. Kelihatan sekali Mizi yang turut serta. Biarpun genting namun situasinya kembali tenang.

"Bunga di sini, memang karangan saya tapi saya tidak diberitahu lagi bunga yang mana pilihan hati?" soal datin sambil menjeling anaknya Azirah yang ada di sisi.

Azie telah bersedia untuk segalanya dan dia tidak sangka Mizi datang melamarnya tiba-tiba. Bergetar jantungnya kian kencang. Menanti saat dan waktunya.

"Afiza ..." jawab Mizi terang-terangan. Ini membuatkan Azirah dan ibunya terkejut. Afiza segera beredar ke kamarnya tetapi bila tiba di muka pintu dia terhenti.

"Azie ..." panggilnya dan Azie melangkah perlahan sambil diperhatikan oleh mata-mata lain. Azirah memandang Mizi tetapi sengaja dia mengelaknya.

"Aku tidak merampasnya daripadamu Azie. Cuma kesepian yang memulakan segalanya."

Azirah memaut lutut kakaknya. Lalu Afiza mengurut rambut adiknya perlahan-lahan. "Aku akan ke luar negeri dalam minggu ini untuk me-

lanjutkan pelajaran.” Afiza terhenti seketika sambil menggosok kakinya yang kaku. “Kakiku akan di-bedah. Apa yang aku mahu ialah doa daripada kalian, terutama ibu! Mizi ... terima kasih atas bantuanmu selama ini. Doakan anak cacat ini tidak cacat pada hati dan perasaannya dan akan menemui sinar baru di sebalik mendung ini. Pulanglah kau ke pangkuan orang yang benar-benar memerlukanmu....” Tega hatinya sambil berlalu ke kamar. Namun air mata semakin deras mengalir.

Dumm! Daun kamar terkutup rapat, tertutup sudah sebuah penjara insan.

NINA KARINA-GEDANGSA PERINDU

Noora Mohd Zawi

SEPASANG merpati sejoli, membonceng haluan mereka. Entah ke mana pun tidak ada siapa yang tahu. Sudah pasti, kalau bukan mencari kebebasan. Namun di segenap Kolej Seroja begitu akur seorang gadis yang kejam menyendiri. Wajah yang sentiasa mengukirkan keriangannya dan daripada bibit-bibit itu terlahirlah keakraban Kolej Seroja.

"Nina ... kau tak keluar hari ini?"

Nina Karina yang lebih mesra dengan panggilan Nina itu menggeleng perlahan, pun masih terasa senyuman yang terkait di bibir merkah lagi basah.

"Okaylah, Nina. *Member* semuanya sudah siap. Kami keluar dulu!" kata mereka bagaikan serentak. Tinggallah Nina yang masih melenggong. Buku-buku tebal di atas meja dilihat malas. Bagaiakan pandangan khususnya tidak semuanya tertumpah di situ. Ada sesuatu yang mengikat rantaian hatinya tetapi tidak tahu apa selebihnya daripada itu.

Sejak menapak di bumi pengajian itu, terasa bagaikan suatu keasingan buatnya. Jauh terlonjak dari tanah air sendiri, apa lagi ibu dan ayah. Seminggu bermulanya silaturahmi bagaikan satu hukuman yang amat berat. Terpaksa juga diakuri.

Dewan Sri Budiman tiba-tiba jadi gamat apabila Nina tiba-tiba rebah dari kerusi. Badannya lembik, seakan-akan sudah mati. Mengharapkan teman sebelah, Nina diberikan ubat dan rawatan rapi oleh salah seorang pembantu Minggu Silaturahmi atau panggilan ringkasnya *O.C.*

Majlis berlangsung untuk pertama kalinya. Malam itu sungguh indah dan malam itu merapatkan lagi hubungan pelajar-pelajar baru dari seluruh pelosok negeri. Apalagi Nina Karina berwarganegaraan Indonesia. Seorang gadis yang peramah, periang namun nyatanya sifat-sifat itu terus disembunyikan oleh batas-batas ria. Ketegasan dalam prinsip kerukunan.

Barisan belakang menjadi riuh lagi apabila Nina Karina sekali lagi jatuh. Tetapi kali ini dia terus pengsan. *O.C.* yang tadi datang kembali lalu mengusung Nina ke sebuah bilik lain dengan dibantu oleh beberapa orang pembantu *O.C.*

"Suhu badannya naik tiba-tiba," beritahu *O.C.* itu lagi, "Perlukan suntikan segera dan rehat dari menghadiri sebarang aktiviti untuk malam ini." Mendengar arahan *O.C.* itu mata Nina tiba-tiba terbuka luas.

"Di mana saya?"

"Awak jangan risau. Sekarang awak cuma perlu rehat dan jangan fikirkan yang bukan-bukan. Mungkin awak terlalu rindukan keluarga awak. Untuk majlis sepanjang malam ini, awak tak payahlah datang. Saya akan beritahu pengerusi," suara lelaki itu lagi. Bibir Nina yang berulas kelihatan kering dan pecah.

"Tolong jangan gugurkan saya dari majlis ini. Saya datang dari jauh. Tolong biarkan saya pergi."

Mohon Nina yang sedaya upaya cuba untuk bangun tetapi badannya terus rebah. Mereka yang ada di bilik itu saling berpandangan sementara ketua *O.C* itu terus beredar.

Nina dibiarkan sendirian. Melihat ke kiri dan sekejap ke kanan. Ada tawa-tawa menghukumnya! Bosan! Dan pada malam itu keputusan Nina mengejutkan para *O.C* yang memberikan rawatan kepadanya. Nina begitu menggagahi situasi sambil diperhatikan oleh seorang lelaki, penuntut tahun akhir.

"Selamat petang!" Tiba-tiba menjengah satu suara di ambang pintu. "Bagaimana anak Seroja, sihat atau masih lagi dalam dilema?" gurau Kak Rita menjadikan situasi di situ lebih bertenaga. Kak Wati yang turut ada di situ melirik ke arah jambangan mawar tiga warna.

"Hai! Rajin kau beli bunga. Dulu masa aku sakit, nak bawakan sekuntum pun kau sikit punya seksa!"

"Bukan aku belilah. Orang lain yang punya, tapi aku yang menyampaikannya."

"Siapa? Hai ... bertuallah badan...."

"Hey, mestilah !"

"Kasi aku tengok!"

"Bukan untuk kaulah. Untuk adik kita yang comel ni!" Seraya itu sempat juga mencubit pipi Nina yang putih melepak. Perlahan Nina membuka sekeping kad yang berwarna kelabu.

"Yang putih itulah kaca hati tanpa sebarang noda namun merah jambu adalah harta seorang wanita dan biru adalah kesenangan yang diharapkan. Sudilah menerimanya...."

... GEDANGSA PERINDU

"Siapa Gedangsa Perindu? Rasa-rasanya *ngak* salah seorang penyair, tapi ... ah! Maaf, saya *ngak* pasti!"

Kak Wati dan Kak Rita hanya mampu menghantar senyum yang bertali lalu membiarkan Nina sendiri untuk menerokai jawapannya.

Kehadiran pelajar-pelajar baru menghuni Kolej Seroja lebih menghiburkan hati pelajar-pelajar *senior* itu. Cuma tinggal dua semester sahaja lagi dan selepas itu gedung ilmu hanyalah memori sahaja.

Sesekali mengimbau wajah Kak Wati, seolah-

olah tidak mahu berenggang dari pusat ilmu itu. Begitu juga Kak Rita. Namun meniti saat-saat akhir itu mereka begitu gembira sekali. Banyak nasihat yang dihulurkan dan itulah merupakan titian pertama untuk yang ditinggalkan.

"Nina, Kak Wati hanya mahu tanya sesuatu. Kalau Nina sendiri tidak keberatan untuk memberitahunya," bicara Kak Wati ketika mereka berpeluang duduk berdua. Wajah tulus Nina seolah-olah telah memberikan keizinan itu.

"Kak Wati ada terjumpa puisi-puisi karangan Gedangsa Perindu dalam buku biru tu. Apa ... Nina ada sesuatu yang disembunyikan dengan Gedangsa Perindu?" Terkejut gadis itu apabila diajukan dengan soalan yang sedemikian. Namun Nina masih membisu dan ini membuatkan Wati berasa serba salah.

Pada petang Sabtu itu, mereka tidak ke kuliah. Cuma pelajar tahun akhir sahaja yang terpaksa berkorban masa. Mengejari cita-cita pada saat-saat akhir.

Sekali lagi dia melintasi pohon-pohon kemboja putih.

"Nina seorang saja?"

"Tidak! Tadinya Nina sama teman-teman. Tapi mereka sudah pulang ke kamar."

Raut wajah anak gadis itu diperhatikan lembut dan Nina yang pemalu itu tertunduk malu. Apa yang terlihat, sepucuk surat bersampul biru diked-

luarkan dari celahan buku-buku yang tebal. Antara tidak percaya dia menyambutnya dengan senyum yang masih menyimpul.

"Aku pergi dulu." Tanpa mengucapkan sepatah apa pun, Nina membiarkan Nazwari hilang di balik wajah-wajah. Barangkali dia masih terkaku. Tulisan tangan di luar tertera indah namanya. Terima kasih! Terima kasih, Gedangsa Perindu! Surat yang untuk pertama kali munculnya itu diberi perhatian yang istimewa.

"Orang dah terkena panah asmaralah, katakan...." Begitu setia teman-teman mengikuti tiap perkembangannya. Apa lagi kamar Seroja sendiri. Berita kemesraan mereka begitu mendapat tempat di kalangan yang mengenali Gedangsa Perindu. Dalam diam-diam Nazwari menyuarakan cinta untuk pertama kali dalam hidupnya. Dan Nina sendiri tidak tahu betapa dia calon itu.

Gementar juga dia apabila diberikan perhatian yang terlalu istimewa itu. Tetapi bagaimana dengan keputusan Nina sendiri? Dia masih mahu belajar. Belajar setinggi yang boleh! Belum mampu lagi untuk menerima lamaran cinta daripada seorang lelaki. Serba salah Nina.

"Hey, sinilah. Apa yang kau buat dekat situ?"

"Hai, kalau rindu sekalipun takkanlah sampai menung jauh-jauh," usik teman-teman rapatnya yang masing-masing sibuk melihat album yang dia sendiri tidak pasti tuannya.

"*Fulamak! Gua caya lulah ... Nina..! Sini. Kau nak tengok tak?*" Perlahan dia merapati Nina yang masih melenggong. "Tengok Kak Wati sebiji macam *rockers*, ya tak?" Matanya tertumpu pada gambar itu sedangkan hatinya entah jauh ke mana melayang. Nina kemudiannya ditinggalkan sendirian lagi apabila teman yang lain keluar makan. Tiba-tiba sekeping gambar terjatuh mengenai kakinya. Nazwari? Gambar itu diamati lagi. Yah! Nazwari. Tidak salah lagi. Tetapi mengapa pula mesti ada di sini? Di akhirnya keterangan-keterangan foto mesra Kak Wati dengan Nazwari.

Hati gadis itu tiba-tiba tersentuh. Apa yang dia lakukan semuanya serba tidak kena. Malah, dia lebih kerap sendirian dan Nazwari sendiri kian dihindarinya.

"Nina ... dari dulu aku dah ingatkan. Dia tu buaya! Buaya Nina! Tapi kau tak percaya?"

"Percayalah! Dia belum pernah mencurahkan isi hatinya pada orang lain kecuali kau! Kau beruntung Nina."

"Jangan jadikan alat permainan sebuah cinta."

"Kau sakit Nina! Kau tak boleh membahagiakannya. Kau tak boleh!"

"Nak ... ingat pesan ibumu. Jangan sekali-kali kau libatkan diri dengan skandal cinta sebelum kau berjaya menggenggam segulung ijazah. Cinta adalah terlalu halus, sayang. Dan kerana cinta juga boleh membunuh segala cita-citamu. Kalau *ngak*

bisa, anggap saja dia racun hidupmu.”

“Ibu! Apa yang bisaku lakukan sekarang?” Nina tiba-tiba meronta dengan menungan yang cukup panjang. Ruzi di sebelahnya terkejut.

“Nina! Kenapa kau? Kau sakit? Aku panggilkan Kak Wati.”

“*Ngak* perlu, Ruzi. Barangkali aku banyak memikir. Ah! Biarlah aku mengambil wuduk dahulu. Mungkin aku tenang kembali ...” suaranya lemah meninggalkan Ruzi yang masih keliru. Perlakuan Nina sejak kebelakangan ini nampak berlainan sekali. Dia lebih banyak berdiam diri dan membatu apabila ditanya. Termasuk Nazwari sendiri.

“Nina ... minggu ini merupakan minggu akhir buat abang di sini, tapi abang masih belum menerima jawapan daripada Nina sendiri. Kebelakangan ini pun, Nina sering menjauhkan diri, kenapa? Nina, kita bukannya budak-budak lagi. Kita dah remaja. Mampu berfikir baik dan buruk!”

Nina masih lagi membisu. Langkah mereka bagaikan mati di bawah pohon kemboja itu.

“Jadi, apakah betul bahawa abang tidak punya apa-apa dengan Kak Wati?”

“Nina masih tidak percaya lagi?”

“Bukan begitu, bang! Cuma Nina tidak sanggup merampas milik orang lain. Apalagi Nina anggap dia seperti kakak sendiri.”

Sepanjang perbualan itu, Nazwari begitu asyik

termenung dan sekali-sekalanya dia tersenyum sendirian.

"Terus terang dengan Nina saja, bang!"

Nazwari melihat air mata jernih mengalir di pipi gadisnya itu.

"Kalau Nina nak tahu, abang memang ada mempunyai hubungan dengannya."

Nina menarik mukanya ke arah lain.

"Lebih rapat dari Nina sendiri."

Muka gadis di depannya semakin mencuka. Sedangkan Nazwari tersenyum lebar.

Pada malam yang akhir itu, di Dewan Sri Budi-man diadakan acara yang gemilang. Ijazah satu demi satu jatuh ke tangan pemiliknya. Cukup meriah.

Mereka berpakaian batik, mendukung erat segulung ijazah yang banyak memberi erti. Namun di sebalik itu masih ada yang kekurangan. Sesusuk tubuh dicari, malangnya tidak kelihatan. Tiada siapa yang tahu.

Nazwari tiba-tiba dikejutkan dengan berita kemasukan Nina ke wad *ICU*. Tanpa menilai malam yang berharga itu dia melangkah menyusuri mendapatkan Nina yang baru sahaja dikeluarkan dari bilik *x-ray*. Anak huni kamar Seroja sebaik sahaja selesai majlis gemilang terus sahaja mendapatkan Nina yang terlantar tenat.

"Nazwari, rupanya hubungan kita selama ini dicurigai. Aku ingatkan perkara kecil saja," keluh

Wati dan Nazwari hanya mengeluh sahaja. Melihat wajah Nina yang masih belum sedar lagi.

"Sudahlah Wati. Aku dah terangkan padanya hubungan kita selama ini hanyalah adik-beradik dan tidak seperti yang diduganya," luah Nazwari sambil menentang mata Wati. "Mulanya dia tidak percaya ... dia ketawa besar ketika itu. Aku fikir fikirannya sudah tenang tapi fikiranku merosot apabila dia tiba-tiba saja diserang penyakit." Nazwari meneguk air liur hampa. Seolah-olah kebingungan.

Tiba-tiba daun pintu terselak luas. Muncul seorang lelaki yang sedikit berpakaian lusuh dan kusam.

Semua mata-mata memandang ke arahnya.

"Encik inikah, Nazwari?" Tanpa berkata apa-apa bunga karangan bertukar tangan. Di atasnya tertera nama Nazwari dan lelaki itu tidak salah orang lagi.

"Saya diminta ke mari untuk menyampaikan kalungan. Tapi apa yang diberitahu encik ada di sini." Hanya selepas mengucapkan terima kasih lelaki itu pun beredar.

Jambangan bunga berkuntum tiga warna dihiasi cukup indah.

"Yang putih itulah kaca hati tanpa sebarang noda namun merah jambu adalah harta seorang wanita dan biru adalah kesenangan yang diha-

WIRA KEMERDEKAAN

rapkan. Sudilah menerimanya, tanda kemaafan dariku....

... NINA KARINA.

DIALOG DUA ROH

Osman Dol

SUDAH berjam-jam aku mengurungkan diriku di bilik khas dalam rumahku sendiri. Tetapi tidak ada apa-apa yang dapat kulahirkan. Aku hanya termenung panjang sambil sepasang mataku yang sudah kabur merenung mesin taip yang sudah usang.

Hari-hari kelelasan, seperti hari ini, aku lebih senang duduk di rumah. Aku lebih senang bermain dengan hati dan fikiranku untuk mencipta sesuatu. Barangkali itulah satu-satunya kelebihan yang dikurniakan oleh Allah subhanahu wa taala kepadaku dan aku bersyukur kepada-Nya.

Kerana itu setiap kali selepas sembahyang, aku sering berdoa. Aku berdoa moga-moga Allah subhanahu wa taala memanjangkan usiaku. Sihatlah tubuhku. Dan moga-moga Allah subhanahu wa taala menyegarkan dan mewaraskan fikiran dan hatiku supaya bakat penulisan yang ada pada diriku ini dapat aku pergunakan dengan sebaik-baiknya.

Sewaktu 25 tahun yang silam, aku begitu gelo-

joh. Aku hampir terlupa bahawa diriku adalah ciptaan Yang Maha Berkuasa. Aku terlupa bahawa segala rezeki yang aku nikmati itu datang daripada-Nya. Malah, aku terlupa bahawa aku akan mati. Di akhirat kelak, di hadapan Allah azzawajalla, segala kerjayaku itu akan dibentang dan dibacakan.

"Ampunilah dosaku, ya Allah. Ampunilah dosaku. Jauhkanlah diriku daripada seksaan-Mu di akhirat kelak. Aku rela menerima apa sahaja hukuman manusia di dunia ini, tetapi aku paling gerun untuk menghadapi seksaan-Mu...."

Doa itu secara tiba-tiba menjentik hati dan kepalaku bila teringat karya-karya lamaku.

Bukankah semua itu berdosa? Bukankah karya-karya itu sesat dan menyesatkan?

Karya itu lahir daripada seorang yang lalai terhadap tugas dan tanggungjawabnya kepada Allah rabulalamin. Kelalaianku memang tidak diragukan lagi. Tetapi aku menyeret orang lain pula supaya lalai. Alangkah kejam dan zalimnya aku ini?

Tetapi itu dahulu. Ketika darah dan hati masih muda. Waktu aku tengah gila menulis. Gila nama. Semacam perasaan riak wujud dalam jiwaku. Dan aku pun menulis apa sahaja mengikut selera dan kemahuanku pada waktu itu. Lalu lahirlah cerita-cerita yang mengkhayalkan. Cerita-cerita maksiat. Cerita-cerita menyuruh pembaca membuat kemungaran.

Sekarang, aku telah menyesal, ya Allah. Aku tidak akan ulangi lagi kerja-kerja itu. Aku bertaubat. Terimalah taubatku ini. Terimalah – Engkau Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Engkau Maha Penerima segala taubat.

Sesungguhnya dahulu aku telah mensia-siakan kelebihan yang telah Engkau kurniakan kepadaku. Aku tidak pernah bersyukur kepada-Mu, sebaliknya aku bangga dengan apa yang telah aku lahirkan walaupun ganjarannya ialah neraka. Sesungguhnya kini aku telah sedari bahawa aku telah menipu diriku sendiri.

Dan Engkau telah memberi aku peluang untuk hidup sehingga kini. Bagiku, inilah satu-satunya peluang yang bukan dengan emas dan berlian harganya. Bukan dunia nilainya. Aku tidak pandang semua itu. Lantaran Engkau meneruskan hidupku, akan kulakukan semuanya sekali adalah kerana Kau. Kerana Engkau yang mencipta aku, Engkau yang memberi rezeki padaku, Engkau yang memuliakan aku, Engkau yang menaikkan pangkat dan darjatku.

Ya Allah, berikanlah aku petunjuk yang lurus agar setiap ibadatku tidak sesat, sehingga sampai pada suatu saat di mana nyawaku akan Engkau cabut dari jasadku. Dari rahmat-Mu itu, moga-moga berbahagialah aku ketika menghadap-Mu kelak.

Tuhanku, sesungguhnya Engkau lebih mengeta-

hui segala-galanya. Kau lebih mengetahui apa-apa-kah karyaku yang membuat aku begini kesal. Tidak perlu kusebut lagi. Biarlah karya-karya itu mati dan hilang ditelan zaman. Aku tidak bertanggung-jawab lagi. Malah, aku telah bertaubat. Sesiapa sahaja yang masih menyimpan dan membaca karya-karya itu – segala akibatnya, tanggunglah sendiri. Aku telah menolak dan menerajangkan sejauh-jauh yang terdaya aku lakukan.

Dan untuk menghabiskan sisa-sisa hidup ini, biarlah aku isi bakat kumiaan Kau ini dengan tulisan-tulisan yang ada manfaatnya. Biar setiap pembaca mendapat rahmat dan petunjuk dari-Mu – Allah subhanahu wa taala.

Benih yang baik akan menghasilkan buah yang baik. Aku tidak perlukan apa-apa walau daripada sesiapa pun. Itu adalah ibadatku. Segala ganjarannya, jika ada, Allah rabuljalillah yang akan membuat penentuannya.

Sebagai hamba Allah subhanahu wa taala – sudah sewajarnya aku tunduk dan menyerah kepada-Nya. Sesungguhnya Dia yang Maha Adil dan Maha Bijaksana.

Ah, sampai bila aku mesti berada di bilik khas ini? Sampai bila?

Mesin taip yang sudah usang; tidak kurang dari 15 tahun usianya, belum kusentuh lagi. Aku hanya memandang sahaja.

Sebenarnya aku sedang memburu ilham. Tetapi

setelah sekian lama termenung, ilham masih tidak sampai. Dan otakku terpaksa bekerja lagi.

Entah mengapa hari ini, ilham begitu susah untuk menghampiri diriku. Sudah beberapa kali aku mencuba untuk mengetuk mesin taipku daripada beberapa peristiwa yang keluar masuk dalam benakku, tetapi tidak satu pun yang kurasa sesuai. Tidak satu pun yang dapat kusambungkan dan kurangkaikan agar menjadi sebuah cerita yang ada manfaatnya.

Sesungguhnya ilham adalah kurniaan Allah subhanahu wa taala. Bila-bila masa sekiranya dikehendaki oleh Allah subhanahu wa taala, ilham akan menjelma.

Kadang-kadang sedang aku memandu kereta untuk ke bandar atau ke mana-mana sahaja, tiba-tiba ilham menjelma. Aku terpaksa menghentikan keretaku. Aku catatkan apa yang timbul itu. Dan bila balik ke rumah, akan aku jadikan ia sebuah cerita.

Ada ketikanya ilham datang ketika aku sedang mandi, sedang makan, sedang berbual-bual dengan kawan-kawan di pekan. Paling mendukacitakan, ilham datang semasa aku sedang sembahyang. Kerana itu sembahyangku jadi tidak khusyuk. Kadang-kadang aku terpaksa mengulangi sembahyangku setelah ilham datang menggoda. Tetapi di sini, di tempat yang sepatut dan selayaknya aku mendapat ilham - malangnya ilham tidak mahu

mendekati. Malah, kupaksa otakku supaya bekerja, fikir apa-apa sahaja untuk dijadikan bahan asalkan baik, tetapi nampaknya tidak memberi apa-apa hasil pun.

Dalam aku berfikir-fikir, mencari-cari, memburu-buru tiba-tiba pintu bilik khasku diketuk orang.

Siapakah agaknya? Isterikukah? Anak-anakukakah? Ayah, atau ibukukah? Entah siapa. Biasanya, isteri atau anak-anak atau ibu bapaku tidak pernah memanggil aku sekiranya tidak ada perkara yang betul-betul mustahak. Mereka tahu perangai-ku. Kalau aku di bilik khas ini, tentunya mereka tidak akan mengganggu. Mereka tahu aku inginkan ketenangan dan kedamaian apabila sendirian begini.

"Masuklah," kataku.

"Assalamualaikum."

"Walaikumussalam."

"Encik Rahim?"

"Ya." Aku mengangguk sambil bangun berdiri.

"Encik ni siapa?" Aku bertanya.

Dihulurkan tangannya kepadaku. Kami bersalaman.

Pertanyaanku tidak dijawab. Dia sebaliknya menghampiri sebuah almari bukuku di dalam bilik khas yang sempit itu. Diperhatikan rata-rata dalam almari itu.

Aku hairan dan terlalu hairan. Lelaki itu ham-

pir sebaya denganku, berumur kira-kira 45 tahun, belum pernah kulihat sebelum ini.

Lelaki yang belum kuketahui namanya, berbadan kurus tinggi, berjubah dan berserban serba putih, nampaknya bagaikan sedang menghadapi sesuatu masalah.

Tetapi bagaimana dia boleh masuk ke dalam rumah ini? Di mana isteriku? Di mana anak-anakku? Mengapa mereka membenarkan orang yang tidak dikenali ini masuk ke dalam rumah ini? Malah, dia sendiri yang mengetuk pintu.

"Saudara." Aku menghampirinya.

Lelaki itu menoleh ke belakang.

"Ini rumah saya. Ini bilik khas saya. Dan kebetulan saya ada di rumah. Saudara mesti minta kebenaran sebelum masuk. Dan saudara mesti mengenalkan diri pada saya," kataku.

"Maafkan saya," kata lelaki itu. "Nama saya Razak. Saya telah dapat kebenaran daripada penjaga saya untuk menemui saudara."

"Emmm, apa hajat Encik Razak?" Aku bertanya.

Razak mencapai sebuah buku dalam almari itu. Kemudian dia melangkah ke arah meja tulisku. Dia duduk di sebuah bangku yang kebetulan memang ada di situ.

"Apa hajat Encik Razak?" Aku mengulangi pertanyaan yang tidak berjawab.

Dan aku juga duduk di kerusi yang memang khas untukku menulis dan menaip.

"Encik Rahim kejam...."

"Kejam?" Aku tersentak.

"Saya peminat saudara. Saya banyak membaca karya-karya saudara. Dan yang paling saya minat ialah buku ini," kata Razak sambil meletakkan di atas meja sebuah novel yang pernah kuhasilkan 20 tahun yang silam.

"Mengapa saudara mengatakan saya kejam?" Aku bertanya untuk mengetahui maksudnya.

"Buku yang bertajuk *Juliana* ini amat menarik isinya. Cara saudara menyusun dan menyampaikan temanya cukup memuaskan. Saudara bijak bermain dengan bahasa dan kata-kata...."

"Cukup," kataku memotong cakapnya.

Sebentar tadi dia mengata aku kejam. Tetapi mengapa sekarang dia memuji pula karyaku itu. Aku bukan seperti 20 tahun yang lalu. Aku sekarang tidak ghairah dipuji. Lebih-lebih lagi karya-karyaku yang kuharamkan itu.

Encik Razak terdiam sejenak. Dua biji bola matanya bersinar-sinar merenung ke mukaku. Mukanya yang bulat padat tampak tanda-tanda kekesalan yang amat sangat, walaupun matanya bercahaya dan bersinar. Lebih daripada itu kulihat mukanya pucat. Pucat, bagaikan orang yang sedang menghidap sejenis penyakit yang merbahaya.

"Karya saudara memang menarik...."

"Saya tidak perlukan pujian...."

"Dengar dulu," katanya seolah-olah merayu.

"Bukan menarik kerana mutunya. Tapi menarik kerana kemungkarannya."

"Saya faham. Telah lama saya faham ini...."

"Kerana itulah saya mengatakan saudara kejam."

"Itu pun saya sudah tahu. Saya sudah berasa menyesal di atas segala perbuatan saya itu. Dan saya tidak akan mengulanginya lagi. Saya telah bertaubat...."

"Taubat Encik Rahim sudah terlambat...."

"Terlambat?" Aku memotong percakapannya dengan satu pertanyaan.

"Saudara bertaubat setelah saya mati...."

"Saudara sudah mati?" tanyaku dan berasa amat terperanjat

"Ya, saya sebenarnya sudah mati." Razak mengulangi percakapannya.

"Mustahil," kataku begitu terkejut. "Saudara berada di hadapan saya sekarang. Saya nampak jasad saudara dengan jelas dan terang."

Razak diam lagi. Dia meraba-raba mukanya yang pucat. Kemudian dia membetulkan ikatan serbananya.

"Sebenarnya kita berada di alam ghaib. Saya hanya roh Si Razak. Dan saudara ialah roh Si Rahim." Razak menerangkan.

"Mustahil," kataku.

"Atas kehendak dan izin Allah, tidak ada yang mustahil."

"Tapi ini kenyataan," kataku segera.

Razak ketawa. Kemudian dia berkata: "Ini adalah kenyataan di alam ghaib. Sebenarnya, jasad asal saudara sedang tertidur di meja tulis dalam bilik khas saudara ini. Barangkali saudara tidak menyedarinya. Waktu tertidur inilah roh saudara keluar. Dan saya sengaja datang untuk menemui roh saudara. Mudah-mudahan, saudara dapat mengingatnya kembali setiap perbualan. Dan yang paling penting ialah penderitaan saya sesudah disesatkan oleh *Juliana*."

"Saya terima kenyataan ini. Saya yakin saya sedang tertidur."

"Saya ulang lagi tentang tuduhan saya bahawa saudara adalah kejam."

"Maksud saudara, saya kejam kerana *Juliana*?"

"Betul," angguknya. "Novel *Juliana* yang saudara hasilkan lebih 25 tahun dahulu telah menyeret saya ke jalan yang kotor dan keji itu. Waktu itu saya baharu saja mencapai usia 25 tahun."

"Saya telah mengaku. Saya mengaku kekejaman saya. Dan saya telah bertaubat...."

"Telah saya terangkan juga, taubat saudara sudah terlambat. Saya telah mati."

"Saya tak faham maksud saudara."

"Kalau saya masih hidup, saudara boleh minta maaf dengan saya."

"Jadi, maksud saudara, saya telah berdosa dengan saudara?"

"Ya, kerana *Juliana* yang mungkar," jawab Razak. "Setelah membaca buku itu, saya menjadi ganas dan buas. Saya telah turun hotel dan naik hotel memburu wanita-wanita cantik."

"Saya tidak menyuruh saudara buat begitu."

"Itu betul," jawab Razak. "Tapi buku itu mempunyai satu kuasa penggalak dan pendorong."

"Mengapa saudara tidak bertaubat sebelum mati?" Aku menyoalnya lagi.

"Saudara tahu bagaimana saya mati?" Dia menyoal aku pula.

"Tidak." Aku menggeleng kepala.

"Sebenarnya cerita saya belum habis," katanya untuk meneruskan segala kisah yang pernah berlaku ke atas dirinya. "Sebenarnya, saya masih belum cukup sekadar naik hotel dan turun hotel. Malah saya telah merogol seorang gadis yang digambarkan semacam kecantikan *Juliana*. Selepas kurogol dia di sebuah ladang kelapa sawit, aku bunuh dia..."

"Kaukejam ..." kataku tiba-tiba.

"Aku melakukan kekejaman itu setelah membaca kisah *Juliana*."

"Kau menyalahkan aku?"

"Kerana *Juliana*lah menjadi pendorongnya...."

"Apa terjadi selepas itu?"

"Perbuatanku yang kejam itu tidak dapat dikesan oleh sesiapa pun. Tapi Tuhan Maha Kaya. Lima hari selepas kejadian itu, iaitu ketika polis sedang

mencari-cari penjenayah yang bertanggungjawab ke atas gadis malang itu, tiba-tiba aku mendapat kemalangan jalan raya setelah motosikal yang aku tunggang berlanggar dengan sebuah bas. Aku mati di situ juga.”

“Memang wajar nasib yang kauterima itu.”

“Barangkali memang wajar,” katanya. “Tapi paling aku kesali ialah kerana aku tidak sempat bertaubat sebelum malang itu menimpa.”

“Sekarang, aku minta ampun dan maaf darimu,” kataku dengan penuh perasaan rendah diri sambil menghulurkan tanganku kepadanya.

Belum sempat tanganku disambut, satu lembaga yang besar dan tinggi yang tidak dapat ku-gambarkan wajahnya tiba-tiba menghulurkan tangannya yang gagah dan menarik Razak keluar dari bilikku. Serentak itu aku mendengar suaranya menjerit dan melolong kesakitan.

“Tolong aku, tolong aku, tolong....”

“Razak....”

Aku terjaga daripada tidur setelah nama Razak kulaungi.

Sebenarnya malam tadi, aku menghabiskan waktu membaca sebuah buku agama yang dihadaahi oleh seorang kawan. Jam 4:00 pagi baru aku tidur. Jam 6:00 pagi aku bangun semula untuk menunaikan fardu subuh. Selepas itu aku masuk ke bilik khas ini. Entah bila aku tertidur, aku sendiri pun tidak menyedarinya.

DIALOG DUA ROH

"Mungkin aku tertidur setelah kekosongan ilham," kata hati kecilku.

Sekarang ilham telah sampai. Tetapi tenagaku belum mampu untuk mengetuk mesin taip itu. Fikiranku terganggu. Terganggu oleh dosa-dosa yang pernah kutaburkan melalui *Juliana*.

Adakah taubatku akan diterima oleh Allah Ra-buljalil?

Ingatan itu betul-betul menyiksa hidupku. Dan aku terus cari dan mencari. Mudah-mudahan Allah subanahu wa taala memberi petunjuk-Nya kepadaku yang lemah dan hina ini....

Dakwah, November 1987.

HAJI KARIM PENCURI KERBAU

Osman Dol

DUA tahun lalu ayahnya, Haji Karim hendak pergi ke Makkah, Mustakim telah pun menyatakan sesuatu kepadanya, sama ada kata-kata itu dilahirkan secara kebetulan atau secara sengaja, sepatutnya memberikan satu kesan yang mendalam bagi orang yang mahu memahaminya. Dan kerja-kerja yang terkutuk itu sudah pastilah tidak akan berulang lagi.

Tetapi sikap ayahnya amat keras sekali. Dia tidak peduli apa orang lain mahu cakap. Bila ada kelapangan dan kesempatan, dia akan melakukan kerja-kerja yang terkutuk itu.

"Ayah hendak pergi ke Makkah?" tanya Mustakim pada suatu petang dua tahun yang lalu.

"Ya," angguk Haji Karim.

"Ayah sudah fikir habis-habis?"

"Hendak fikirkan apa lagi? Duit sudah cukup. Cuma aku berdoa saja agar tubuh aku sihat. Selamat pergi dan selamat kembali."

"Pergi ke Makkah bererti membuang segala dosa," kata Mustakim lagi.

"Ya, sekiranya pemergian aku itu dan kerja-kerja ibadat haji aku itu diterima oleh Allah," balas Haji Karim.

"Allah akan menerima sekiranya ayah pergi dengan wang yang halal...."

"Kau fikir aku pergi dengan wang haram?" potong Haji Karim. Terasa marah Haji Karim mendengar kata-kata anaknya itu.

"Maafkan saya ayah," kata Mustakim. "Kata-kata saya cuma untuk membetulkan sesuatu, sekiranya ada yang tidak betul di mana-mana."

"Jangan dengar cakap orang Mustakim. Siasat dulu. Bercakap tanpa buktinya, fitnah namanya," balas Haji Karim.

Sebagai anak, Mustakim tidak mahu menyakiti hati ayahnya keterlaluan sangat. Cukuplah setakat mana yang telah dilahirkan itu. Apa yang diharapkan, agar ayahnya menerima secara baik nasihat-nasihatnya itu.

Selepas balik dari Makkah ayahnya nampak berubah. Tidak terdengar sesuatu percakapan yang memburuk-burukkannya. Mustakim bersyukur kepada Allah atas perubahan sikap ayahnya itu. Dan dia terus berdoa agar ayahnya yang sudah bergelar haji itu dan telah hampir menjangkau usia 55 tahun tidak akan mengulangi kerja-kerja terkutuk itu lagi.

Tiba-tiba setelah dua tahun bergelar haji, kata-kata yang mencemar nama baiknya itu berulang

kembali. Rata-rata orang bercakap tentang ayahnya.

Pagi itu, Mustakim pergi ke rumah ayahnya. Tetapi ayahnya tidak ada di rumah. Dia pergi menoreh getah. Cuma yang ada ialah Hajah Besah, ibunya.

"Kau terlalu suka mendengar cakap orang," kata Hajah Besah untuk menasihati anaknya. Dia tidak mahu anaknya terpengaruh oleh kata-kata orang yang tidak bertanggungjawab.

"Kalau tidak ada angin, masakan pokok bergoyang," kata Mustakim.

"Itu fitnah," ujar Hajah Besah.

"Ya, fitnah!" Hajah Besah menjelaskan, "Sudah dekat 30 tahun emak kahwin dengan ayah kau. Setahu emak ayah kau amat benci pada orang-orang yang suka mencuri harta-benda orang. Apatah lagi kalau dia sendiri hendak melakukannya."

"Tapi untuk apa mereka memburuk-burukkan nama baik ayah?"

"Manusia, Mustakim," potong Hajah Besah. "Kita tidak tahu apa sebenarnya telah berlaku. Hanya ayah kau dan orang yang menaburkan fitnah itu saja yang tahu. Mungkin si penjenayah itu sengaja taburkan fitnah untuk menjauhkan sangkaan orang terhadap dirinya sendiri."

Pelik. Terlalu pelik Mustakim memikirkannya.

Sejak kecil sehinggalah dewasa kini dan sehingga berumah tangga dan mendapat cahaya mata, me-

mang tidak pernah diketahuinya bahawa ayahnya itu seorang pencuri. Lebih-lebih lagi ayahnya itu seorang yang mempunyai harta sedikit sebanyak. Ada kerbau, ada lembu dan ladang getah. Kalau mahu difikirkan, hasil getah di ladang yang seluas empat ekar itu pun tidak habis makan.

Lebih dari itu ayah sudah tua. Masakan ayahnya tergamak melakukan kerja-kerja terkutuk itu.

Tetapi kalau ayahnya memang tidak melakukan kerja-kerja itu mengapa mesti orang memfitnahkannya? Mengapa? Tanya hati kecil Mustakim bertalu-talu.

Di mana silap ayahnya? Apakah dosa yang telah dilakukan oleh ayahnya? Dan apakah jahat ayahnya maka dia difitnah demikian rupa?

Pelik. Terlalu pelik Mustakim memikirkannya.

Seminggu lalu Mustakim berbual-bual dengan seorang sahabat di sebuah kedai kopi.

Dengan suara yang perlahan, bagaikan berbisik, Musa berkata sesuatu padanya: "Tolong nasihatkan ayah kau."

"Mengapa?" tanya Mustakim dan kehairanan.

"Dua malam lepas ada orang terserempak dengan ayah kau."

"Aku tak faham maksud kau?"

"Heboh tentang curi kerbau lembu dalam kampung ini kau tak tahu?"

"Hal itu aku tahu...."

"Ada orang nampak ayah kau sedang menghe-

ret kerbau Pak Lajis." Musa menerangkan.

"Siapa yang terserempak itu?" tanya Mustakim.

"Begini." Musa ingin menerangkan. "Orang-orang Solok Bawang terserempak dengan ayah kau ketika menyeret kerbau Pak Lajis itu. Nasib baik, nasib baik ayah kau sempat lari."

Ekoran daripada kata-kata Musa itu lalu Mustakim cuba bertanya dengan beberapa orang yang tinggal di Solok Bawang. Dan hampir semua mengatakan betul sebagaimana yang dinyatakan oleh Musa itu.

Kerana itulah Mustakim yakin ayahnya terlibat dengan pencurian kerbau itu. Dia yakin dengan sepenuhnya,

Dua tahun lalu begitu jugalah ceritanya. Ada orang yang terserempak dengan ayahnya yang sedang menyeret lembu. Dan kini cerita yang sama itu berulang kembali.

"Ayah kau sebenarnya seorang yang baik. Dia tidak mahu merosakkan seseorang. Tetapi sesuatu yang tidak baik ditemuinya, disuruh orang yang melakukannya kerja tidak baik itu bertaubat," kata Hajah Besah lagi apabila dilihatnya Mustakim termenung sahaja.

"Kau tetap anggap ayah kau pencuri?" tanya Hajah Besah.

"Emak," kata Mustakim. "Mana ada dalam dunia ini orang jahat mahu mengaku kejahatannya? Mana ada pencuri yang mahu mengaku mencuri?"

Semuanya hendak menegakkan benang basah.”

“Ber dosa kau menganggap ayah kau begitu, Mustakim....”

“Tapi ini kenyataan emak. Ada buktinya,” potong Mustakim.

“Sekejap lagi ayah kau akan balik. Cuba kau cakap hal ini kepadanya,” kata Hajah Besah mencadangkan satu jalan yang paling baik untuk anaknya.

Lebih kurang setengah jam Mustakim berada di rumah tua di tepi sungai Kampung Damai itu, Haji Karim pun balik. Dia balik dari menoreh getah.

Setelah mandi dan membersihkan badan, dia pun menghampiri anaknya.

“Kau datang untuk menasihati aku lagi,” kata Haji Karim.

Mustakim diam. Dari kata-kata itu, seolah-olah ayahnya sudah tahu akan maksud kedatangannya.

“Tentu ada fitnah lagi yang kau dengar....”

“Ayah sudah tahu?” potong Mustakim dengan satu pertanyaan.

“Orang kata, akulah pencuri kerbau lembu di kampung ini. Betul tak?”

“Ya,” kata Mustakim. “Buktinya sudah ada. Ada orang yang nampak ayah sedang menyeret kerbau orang.”

“Memang betul,” kata Haji Karim.

“Betul, kata ayah?”

"Ya," angguk Haji Karim. "Aku menyeret kerbau itu untuk memulangkan balik kepada tuannya, bukan untuk mencurinya. Kerana aku adalah penghalang kepada pencuri-pencuri itu. Dan merekalah yang menaburkan fitnah terhadap diriku sekarang."

"Saya tak faham maksud ayah?" tanya Mustakim. Dahinya berkerut memikirkan cakap ayahnya.

"Aku telah dapat mengesan dan menangkap pencuri-pencuri itu. Tapi mereka kubebaskan atas peri kemanusiaan. Aku mahu mereka hentikan kerja-kerja jahat itu dan bertaubat. Waktu itu mereka sanggup menerima nasihatku."

"Malangnya," sambung Haji Karim lagi. "Mereka bukan saja meneruskan kerja-kerja mencuri itu, sebaliknya mereka menaburkan fitnah ke atas diriku."

Mustakin termenung sejenak. Dahinya berkerut. Segala penjelasan daripada ayahnya itu tidak dapat diterimanya.

"Itulah baktiku yang dapat kulakukan ke atas orang-orang kampung," sambung Haji Karim lagi.

"Mustahil, mustahil...." Tiba-tiba terpancut kata-kata itu dari mulut Mustakim.

"Apa yang mustahil?" tanya Haji Karim.

"Saya tidak dapat menerima kata-kata ayah itu." Mustakim melahirkan apa yang terkandung di hatinya.

"Musim kecurian kerbau lembu ini, ayah kau jarang berada di rumah waktu malam. Dia keluar

untuk mengesan pencuri-pencuri itu." Tiba-tiba Hajah Besah menyampuk dari dapur.

Mustakim masih tidak meyakini penjelasan daripada ayah dan ibunya. Dia tidak yakin ayahnya yang sudah tua sanggup keluar jauh-jauh malam untuk menangkap pencuri.

"Mustahil," kata Mustakim lagi.

Haji Karim tersenyum sedikit. Memang telah diduga Mustakim tidak akan mempercayai kata-katanya.

Sebenarnya, bukanlah menjadi tujuan Haji Karim untuk menunjukkan jasanya kepada orang lain. Tetapi ini sudah terpaksa. Dia tidak mahu anaknya terpengaruh dengan kata-kata fitnah yang jahat itu.

"Jangan susah," kata Haji Karim. "Aku telah pun berhubung dengan pihak polis tentang hal ini. Mulai malam ini aku dan beberapa orang anggota polis akan membuat rondaan di tempat-tempat yang disyaki sebagaimana tempat penyembelihan. Untuk menghilangkan keraguan kau, mari kita pergi bersama-sama."

Pada malam pertama Mustakim, ayahnya dan beberapa orang anggota polis tidak berjumpa apa-apa. Pada malam kedua juga begitu. Begitu juga malam ketiga dan keempat. Pencuri itu bagaikan sudah dapat menghidu tindak-tanduk Haji Karim itu.

Timbul lagi suatu syak di hati Mustakim.

"Mana dapat ditangkap kerana pencurinya itu ada bersama dengan kita," kata Mustakim kepada ayahnya apabila balik dari membuat rondaan pada malam yang keempat itu.

Haji Karim tidak berkata apa-apa. Dia hanya menggeleng-gelengkan kepala sahaja mendengar kata-kata anaknya itu.

Malam kelima, keenam dan ketujuh mereka tidak keluar. Dan malam kelapan barulah mereka keluar semula. Kali ini, Mustakim bersama ayahnya dan beberapa orang anggota polis telah bersua apa yang mereka cari selama ini. Mereka nampak dua orang lelaki sedang menyeret dua ekor lembu yang dibawa ke tempat penyembelihan.

"Kami polis, jangan lari." Seorang pegawai polis, iaitu Ketua Polis Balai Kampung Damai, memberi amaran. Dan lampu suluh pun mula menyuluh ke arah kedua-dua penjenayah itu.

Kedua-dua penjenayah itu tidak bergerak. Mereka tidak dapat melarikan diri lagi. Mereka sudah dikepung. Dan kedua-duanya pun menyerah.

Mustakim kenal kedua-dua penjenayah itu. Kedua-duanya amat rapat dengannya. Merekalah yang menaburkan fitnah selama ini. Mereka ialah Musa dan Jalil.

"Siapa sebenarnya yang jadi pencuri? Ayahku atau kamu berdua?" tanya Mustakim kepada kedua-dua penjenayah itu.

Musa dan Jalil tidak berkata apa-apa. Mereka malu. Terlalu malu.

Pada malam yang gelap pekat itu, lebih kurang jam 2:00 pagi, dengan disaksikan oleh beberapa orang anggota polis dan penjenayah-penjenayah itu, Mustakim memeluk dan mencium kedua-dua tangan ayahnya.

"Ampuni kesalahan saya ayah. Ampunilah saya...."

Haji Karim meraba-raba kepala anaknya. Kemudian katanya: "Ayah maafkan kau. Tapi ingat, tukang fitnah lebih bahaya daripada seorang pembunuh."

"Terima kasih ayah," ucap Mustakim sambil menginsafi segala kesalahannya selama ini.

QIBLAT, Februari 1984.

LAKONAN DI SEBUAH SYARIKAT

Osman Dol

IBUNYA sering menasihatinya. Jangan degil. Jangan membantah. Turut segala perintah. Kena buang kerja nanti susah. Bukan senang hendak dapat kerja sekarang ini. Dan kadang-kadang diselitkan dengan ajaran-ajaran Islam dalam menasihati Zahar, anaknya itu.

Nasihat-nasihat itu amat berguna bagi Zahar, ditaati dan dijunjungi setinggi-tingginya. Mana ibu yang tidak kasihkan anak. Mana ibu yang sanggup melihat anaknya susah. Mana ibu yang sanggup melihat anaknya sakit menderita. Lebih-lebih lagi ibunya itu bekas seorang guru agama. Tentu sahaja segala kata nasihatnya akan dikaitkan dengan ajaran Islam. Ini benar-benar membuat Zahar berfikir banyak kali sebelum membuat sesuatu tindakan.

Tetapi sebagai manusia biasa sejauh manalah Zahar dapat bersabar. Dia terlalu benci pada penindasan. Dia benci pada penekanan. Dia benci pada penyeksaan. Dan paling dia benci ialah pada

penyelewengan. Inilah yang menyebabkan jiwanya sentiasa memberontak.

Apakah dia tidak boleh hidup kiranya dibuang kerja dari syarikat itu. Dia boleh menoreh getah. Dia boleh kerja di kilang. Dia boleh bekerja di ladang-ladang kelapa sawit. Dia boleh bekerja sebagai buruh binaan. Malah, apa-apa sahaja kerja boleh dilakukan asalkan tidak bertentangan dengan undang-undang negara lebih-lebih lagi dengan ajaran Islam.

Syarikat Pembinaan Bumiputera telah ditubuhkan kira-kira lapan tahun lalu. Ianya dimodali oleh seramai 50 orang ahli. Begitu ramai keahliannya. Bagaimanapun, syarikat ini kian hari kian maju. Kerajaan telah menaruh keyakinan dengan sepe-nuhnya. Kerana itu banyakkah projek bangunan yang melibatkan kos yang besar telah dibuat. Keuntungannya pun besar sekali.

Di syarikat itulah tempat Zahar bekerja. Dia hanya seorang kerani biasa.

Ahli jawatankuasa syarikat itu terdiri daripada seorang pengerusi, naib pengerusi, setiausaha, bendahari dan beberapa orang ahli jawatankuasa. Mereka yang memegang teraju syarikat atau yang menjadi ahli jawatankuasa adalah dilantik daripada kalangan ahli itu sendiri. Mereka diberi kepercayaan untuk memajukan syarikat. Mereka dibayar gaji oleh syarikat. Manakala keuntungan adalah dibahagi sama rata kepada setiap pemodalnya.

Zahar hanya sebagai pekerja sahaja. Dia bukan seorang pemodal. Dia dilantik sebagai kerani hanya berasaskan pada kelulusannya. Itu sahaja.

Tetapi sejak akhir-akhir ini Encik Halim, naib pengerusi syarikat begitu tidak senang dengan kerja-kerja yang dijalankannya. Ada sahaja yang salah. Ada sahaja yang tidak kena. Hampir setiap hari ditegur dan dimarah oleh Encik Halim. Encik Halim bersikap begitu tentulah ada sebabnya. Tetapi tidak ada siapa yang tahu apakah puncanya.

Encik Haris, Pengerusi Syarikat adalah lurus orangnya. Dia tidak banyak kisah. Tidak banyak soal. Walaupun dia nampaknya tidak alim tentang agama, tetapi sikapnya tidaklah semacam Encik Halim. Dia menegur, marah atau bertindak mesti kena pada tempatnya. Bukan semata-mata mengikut hati dan perasaannya sahaja.

Encik Halim warak orangnya. Di dalam keretanya sentiasa ada kain, sejadah dan ketayap putih. Apabila sampai waktu sembahyang dia mesti sembahyang. Walau di mana sahaja. Bercakap fasal agama memang bijak. Calang-calang orang jangan cuba hendak berdebat fasal agama dengannya. Memang dia yang menang.

Setiausahanya pula, Encik Mansur, seorang yang suka bercakap. Pandai berjenaka dengan pekerja-pekerjanya. Banyak kenalan. Luas pergaulan, cergas dan teliti terhadap kerja-kerjanya. Dia tidak suka bising-bising. Marah-marah. Tidak gemar ke-

luarkan kata-kata pedas kepada pekerja-pekerjanya. Dalam banyak hal, dia lebih mementingkan syarikat daripada yang lain-lain. Perhubungannya dengan Encik Haris dan Encik Halim amat rapat.

Jawatan bendahari kosong. Sudah empat tahun jawatan itu tidak dipenuhi sejak Allahyarham Mat Sujak meninggal dunia. Jadi, naib pengurusan yang bertanggungjawab akan tugas-tugas bendahari.

Antara ketiga-tiga orang pemegang teraju syarikat itu hanya Encik Haris sahaja yang tidak berpengalaman. Dia bekas seorang pegawai tinggi kerajaan. Hal-hal syarikat dia kurang faham. Tetapi pengaruhnya kuat di kalangan ahli. Lalu kerana itulah barangkali dia dilantik menjadi pengerusi. Lebih-lebih lagi mengikut rekod-rekod perkhidmatannya yang lalu, dia merupakan seorang pegawai tinggi yang jujur dan amanah dalam menjalankan kerja-kerjanya.

Encik Haris dan Encik Mansur punya banyak pengalaman. Sebelum memegang teraju syarikat pemiagaan yang begini besar, mereka pernah juga menjadi kontraktor secara kecil-kecilan.

Ahli-ahli jawatankuasa tidak memainkan peranan yang besar. Mereka lebih merupakan sebagai pemerhati sahaja. Atau, sebagai tukang semak keuntungan. Dalam pada itu, ada juga ahli jawatankuasa yang terlalu rapat dengan Encik Halim.

Zahar memang cukup masak tentang perangai

tiap-tiap ahli jawatankuasa syarikat itu. Dia kerani. Setiap gerak-geri dan tingkahlaku ketua-ketuanya cukup difahami. Tetapi dalam ramai-ramai itu Encik Halimlah yang paling digeruninya. Namun begitu Zahar tidak pernah berdiam diri apabila ditegur oleh Encik Halim. Sepatah Encik Halim bercakap sepuluh patah dia menjawab. Walaupun rasa gerun itu ada pada dirinya, tetapi sama sekali dia tidak mahu dirinya diperbodoh-bodohkan.

Pagi tadi, sebaik-baik sahaja dia meletakkan punggungnya di kerusi, Encik Halim memanggil. Segera dia masuk ke pejabat Encik Halim.

"Ada apa-apa encik?" tanya Zahar.

"Semalam petang saya lihat awak di bilik Encik Haris. Awak cakap apa dengannya?" tanya Encik Halim. "Tidak cakap apa-apa mengenai orang lain. Tapi dia suruh saya bercerita kisah Nabi Musa yang terdapat dalam al-Quran. Katanya, dia suka mendengar kisah-kisah nabi." Zahar menerangkan dengan jujur dan ikhlas.

"Bohong," tekan Encik Halim.

"Kalau tidak percaya encik bertanya sendiri dengan Encik Haris. Guna apa saya berbohong. Berbohong dan berdusta adalah perbuatan orang yang tidak beriman."

Encik Halim terpaku di kerusinya beberapa ketika. Lama dia merenung muka anak muda yang bulat berisi itu. Mengapa anak muda yang sejujur dan seikhlas ini diterima bekerja di syarikat ini.

“Ada apa-apa lagi encik?” tanya Zahar.

“Tunggu,” perintah naib pengerusi yang berbadan gemuk, bermuka bulat dan berdahi luas itu. Dia membuka sebuah fail yang terletak di atas meja itu. Kemudian dia memandang Zahar.

“Kenapa encik?” tanya Zahar.

“Kerja-kerja awak tidak kemas. Tengok surat yang awak taip ini. Banyak kesan-kesan kena padam. Surat ini hendak dihantar kepada Datuk Divakaran. Dia itu amat teliti tentang surat-surat. Taipilah baik-baik. Selalu sangat awak buat kesalahan macam ini. Cuai,” kata Encik Halim yang memang sengaja hendak menyusahkan Zahar.

“Kita ni manusia, encik. Manusia yang lemah. Kerana itu manusia selalu bersikap cuai. Banyak kesalahan dan kesilapan yang dilakukannya. Kalau semua manusia tidak ada kelemahan, tidak bersikap cuai, tidak ada kelataian, saya rasa tidak timbullah tekan-menekan, bodoh-membodoh dan tipu-menipu di kalangan manusia,” kata Zahar. Dia sengaja mengeluarkan kata-kata itu. Padanya siapa yang makan cili, dialah yang terasa pedasnya!

Geram juga Encik Halim mendengar kata-kata itu. Dia faham apa yang dimaksudkan oleh Zahar itu.

“Kau sebenarnya tidak layak bekerja di sini. Sepatutnya kau mesti dibuang kerja,” kata Encik Halim.

“Saya tak takut dibuang kerja. Buang saja kerja

saya bila-bila masa encik suka. Tapi biar dengan sebab yang munasabah. Kalau tidak munasabah, saya hentam balik....”

“Sudah, pergi. Loyar buruk,” herdik Encik Halim.

Zahar keluar dan membawa fail itu. Segala perintah ketua mesti dipatuhi. Bukan susah sangat untuk menaip semula surat itu. Tidak sampai lima minit tentu siap. Tetapi surat yang telah ditaipnya itu bukanlah buruk sangat. Dua perkara sahaja yang nampak kena padam. Ini tidaklah mencacatkan surat itu. Tetapi memang sengaja Encik Halim hendak menyakitkan hatinya, fikir Zahar.

Balik dari pejabat petang itu Zahar termenung panjang. Begitu berat masalah yang bersengayut di kepalanya. Mahu sahaja rasanya untuk mohon berhenti dari kerja. Tidak tertahan dia dengan sikap Encik Halim yang selalu bersikap merendah-rendahkan dirinya. Tetapi apabila difikirkan dalam-dalam, bukankah baik sekiranya masalah itu diselesaikan dengan satu cara yang paling bijak.

“Kau dimarah lagi?” tanya Mak Besah, ibu Zahar.

“Selagi saya bekerja di sana, selagi itu saya akan kena marah,” terang Zahar.

Mak Besah menghampiri anaknya yang masih duduk di tikar sembahyang. Dia betul-betul mahu tahu mengapa Zahar sentiasa dimarahi. Ini tentu ada sebabnya. Ini tentu ada puncanya.

Tetapi Zahar tidak mahu menceritakan kepadanya. Puas sudah dia mendesak. Puas sudah dia mengharapkan agar Zahar mencerangkan segala-galanya. Anak lelakinya yang tunggal itu tetap tidak mahu menceritakan apa-apa.

“Sebagai umat Islam kita mesti patuh pada ketua, patuh pada majikan dan patuh pada pemerintah.” Demikian kata Mak Besah bagi menasihati anaknya.

“Tapi ada batasnya,” sahut Zahar.

“Ya, mesti ada batasnya. Batasnya ialah selagi arahan dan perintah itu tidak menyalahi pada hukum agama dan selagi tidak bertentangan dengan undang-undang negara,” kata Mak Besah sambil merenung tepat ke muka anaknya.

Zahar diam. Dia tahu kata-kata ibunya itu memang betul, benar dan tepat. Zahar memang tahu itu. Dan atas sebab-sebab itulah mengapa dia sentiasa diperhatikan oleh Encik Halim.

Bila melihat Zahar diam, Mak Besah beredar ke dapur. Di kepalanya masih dihujani dengan pelbagai pertanyaan yang tidak terjawab.

Dan Zahar masih juga di tikar sembahyang sejak selepas sembahyang asar tadi. Selepas ibunya ke dapur, di kepalanya tergambar semula detik-detik peristiwa mengapa dia sentiasa dimarahi oleh Encik Halim.

Pada suatu petang, kira-kira tiga minggu yang lalu, Encik Halim menyuruh dia menaip satu su-

rat. Itu memang kewajipannya. Dia bukan sahaja seorang kerani di syarikat itu, malah dia juga seorang jurutaip. Itu adalah satu kewajipannya yang mesti tidak boleh dielakkan.

Sebelum surat itu ditaip, Encik Halim membaca dahulu kandungannya di hadapan Zahar. Tujuan Encik Halim ialah agar Zahar tidak membuat kesilapan ketika menaip kelak.

Tetapi dari isi surat itu ada sesuatu yang Zahar rasa kurang senang. Dia berasa berdosa sekiranya arahan itu dipatuhi. Dia bukan sahaja berdosa dengan Encik Haris, malah dia juga berdosa dengan setiap pemodal yang bertanggungjawab menubuhkan syarikat ini.

"Saya tidak mahu menaip surat ini," kata Zahar. Tegas bunyi suaranya.

"Mengapa?" tanya Encik Halim

"Encik melakukan penyelewengan."

"Ini bukan penyelewengan."

"Penyelewengan," kata Zahar. "Dalam surat ini encik minta kerjasama daripada Encik Hashim, pegawai daerah itu supaya bersetuju memberhentikan projek pembinaan di Jalan Saleh. Encik suruh beliau minta tambahan sebanyak RM500,000.00 lagi kalau mahu projek itu diteruskan."

"Itu betul," balas Encik Halim. "Memang kewangan tidak cukup untuk meneruskan pembinaan itu."

"Pelik," kata Zahar.

“Kenapa awak berasa pelik?” tanya Encik Halim.

“Macam ada sesuatu saja antara encik dan pegawai daerah itu....”

“Diam!” tengking Encik Halim.

Zahar diam. Dia tahu Encik Halim begitu tersinggung dengan kata-katanya itu.

“Awak tidak ada kena-mengena dengan syarikat ini. Awak makan gaji saja. Awak buat apa yang saya suruh buat. Tak suka kerja tulis surat minta berhenti,” kata Encik Halim lagi.

“Walaupun saya makan gaji, tapi saya tidak boleh menurut saja segala perintah. Kalau peristiwa itu boleh melibatkan diri saya sebagai bersubahat, saya tidak akan menurutnya,” balas Zahar dengan tegasnya.

Encik Halim kelihatan betul-betul geram. Mukanya merah.

“Esok jangan datang kerja lagi, berhenti,” kata Encik Halim.

“Saya bukan bodoh,” balas Zahar. “Syarikat ini ada ahli jawatankuasanya. Kalau semua bersetuju saya berhenti kerja, bila-bila masa saya akan berhenti.”

Ini satu cabaran, fikir Encik Halim. Tetapi tidaklah semudah itu dia boleh memberhentikan Zahar bekerja. Walaupun dia dapat mempengaruhi semua ahli jawatankuasa untuk memberhentikan Zahar, bagaimana pula nanti kalau Zahar memecahkan rahsianya. Ini tentu berbahaya sekali.

Sekali fikir terasa bodoh pula dirinya kerana menyuruh Zahar yang menaipkan surat itu. Dia sendiri sepatutnya yang menaip surat itu. Tidak payah suruh sesiapa.

Tetapi dia rasakan sudah terpaksa. Pada petang ini pula dia hendak pergi ke Thailand. Paling cepat pun empat hari dia di sana. Malangnya Encik Hashim pula tidak ada di pejabat. Dia sedang menghadiri satu perjumpaan dengan menteri besar. Dia tidak dapat dihubungi melalui telefon. Jadi cara paling baik fikirnya ialah dengan menulis surat. Dan dia boleh awal-awal pergi ke Thailand. Tetapi malangnya, budak lurus itu pula yang disuruhnya menulis surat.

Dengan keadaan yang serba salah, Encik Halim memanggil Zahar masuk semula.

"Maafkan aku," kata Encik Halim. "Mungkin aku sudah berkasar sedikit. Tapi aku fikir, terlanjur kau sudah tahu hal ini, aku ingin memberi sedikit habuan untuk kau."

"Tidak," balas Zahar. "Jangan libatkan saya. Saya tak mahu duit haram. Kalau duit haram itu sudah menjadi darah daging kita, semua amalan kita tak diterima."

"Bodohnya kau ini," balas Encik Halim. "Siapa dalam dunia ini tak buat salah. Nabi pun ada silapnya. Tapi bukannya kita diberi peluang untuk bertaubat...."

"Tidak," potong Zahar. "Tuhan tidak terima

taubat daripada orang yang secara sengaja mengingkari hukum-Nya. Oh tidak, saya tidak mahu menolak akhirat kerana kejarkan wang. Saya takut taubat saya ditolak oleh Allah. Saya takut....”

“Keluar! Keluar ..!” terang Encik Halim dengan suara yang kuat dan nyaring.

Zahar tidak banyak cakap lagi. Dia terus keluar.

Sebenarnya Zahar memang telah lama tahu tentang penyelewengan itu. Dia pernah terdengar Encik Halim bercakap hal ini dengan Encik Mansur dan dengan beberapa orang lagi ahli jawatankuasa. Tetapi Zahar buat tidak mengerti sahaja. Dia malas hendak campur hal orang.

Tetapi masalahnya sekarang ialah ia sudah melibatkan dirinya. Zahar tidak mahu terlibat. Zahar tidak mahu menjadi pengkhianat. Zahar tidak mahu merosakkan nama baik syarikat itu walaupun dia sendiri bukan pemodalnya. Dia tidak mahu berdosa. Dia takut balasannya di akhirat kelak.

Zahar sedar bahawa Encik Haris tidak tahu-menahu tentang hal ini. Kadang-kadang Encik Haris sendiri turut memarahinya. Tetapi Encik Haris tidak tahu sebab-sebab sebenarnya.

Encik Haris hanya seorang Pengerusi. Dia hanya boleh mengeluarkan modal untuk syarikat itu. Tetapi dia tidak tahu bagaimana suatu penyelewengan boleh berlaku.

Zahar benar-benar serba salah kini. Kalau di-

biarkan bererti dia bersubahat. Ini suatu perbuatan yang amat dilarang oleh Islam. Dan kalau diketengahkan perkara ini, mungkin ada yang kena berkas. Tetapi Zahar lebih kuat berpegang pada ajaran Islam. Berdosa bersubahat dengan penjenayah. Haram makan rasuah.

Selepas sembahyang maghrib pada petang itu, Zahar memacu motosikalnya untuk ke rumah Encik Haris. Segala-gala yang berlaku antara dia dan Encik Halim akan diceritakan.

"Sebenarnya saya telah tahu segala-galanya," kata Encik Haris yang dianggap oleh Zahar terlalu lurus orangnya.

"Apa yang mesti encik lakukan?" tanya Zahar.

"Tak apa-apa," kata Encik Haris.

"Tak apa-apa?" Zahar hairan.

"Ya," angguk Encik Haris.

Termenung Zahar dibuatnya. Hatinya mula berfikir, mungkin Encik Haris juga terlibat. Sungguhnya sungguh tidak dia menyangkanya.

"Encik mesti bertindak," tekan Zahar.

"Kau tak perlu susah. Ini urusan syarikat, bukan urusan kau," kata Encik Haris.

Zahar balik ke rumah dengan perasaan yang amat kecewa. Terasa kesal pula kerana telah menyampaikan maklumat itu. Bagaimanapun hatinya puas. Setidak-tidaknya dia telah berusaha dengan lidahnya untuk mencegah kemungkaran itu.

Dengan tidak disangka-sangka, dua minggu se-

lepas Zahar menemui Encik Haris itu, Encik Halim dan Encik Mansur dan beberapa orang jawatankuasa lain lagi ditangkap oleh polis. Dan turut sama ditangkap ialah Encik Hashim.

Pada hari mereka ditangkap itu, Encik Haris telah memanggil Zahar masuk ke pejabatnya.

"Sebenarnya mereka telah takut sendiri sejak penyelewengan mereka engkau tahu. Mereka mengajak saya pula untuk bersubahat. Saya pura-pura menerimanya. Tapi saya telah buat satu laporan pada pihak berkuasa," kata Encik Haris menerangkan.

Zahar termenung lagi. Sungguh bijak Encik Haris bermain drama, fikirnya.

DIAN, Julai 1981.

MEMBAWA HATI

Omar Mamat

AKU sudah penat, lenguh rasanya segala tulang sendi. Sudah hampir separuh hari aku mengayuh basikal. Kalau nak dihitung semua sekali sudah hampir sepuluh batu jauhnya. Semuanya sia-sia. Semuanya hampa, masih tidak jumpa, apa lagi hendak nampak batang hidungnya.

Aku membuka segala butang baju. Mendedahkan badanku kepada angin petang yang menyerbu masuk melalui pintu besar yang ternganga luas. Badanku, aku sandarkan kejam-kejam pada kerusi rotan. Berkeriuk bunyinya menerima beban yang berat.

Mak membawa secawan kopi. Kedua-dua biji mata mak masih merah, tetapi air matanya sudah tidak keluar lagi. Rambutnya kusut-masai. Butang baju kebayanya pun dipasangnya senget. Matak yang nakal itu menjeling dengan senyum sahaja. Takut aku hendak menegur. Mak letakkan cawan kopi yang masih berkepul asap putihnya di atas meja, lalu duduk di hadapan aku.

"Jumpa Sim?" tanya mak. Aku meniup dari atas ke bawah di badanku dengan angin mulut. Aku hanya menggelengkan kepala sahaja. Tak kuasa lagi aku menjawabnya. Sudah tiga kali mak bertanya aku, iaitu setiap kali aku balik dan setelah berhenti penat. Soalan itulah sahaja yang mak tanya.

"Mana kau cari? Kau dah tanya kawan-kawan sekolahnya dulu?" Mak menyambung lagi. Mak kelihatan bersungguh-sungguh benar ingin mengetahuinya. Aku mengangkat cawan kopi, meniupnya dulu dua tiga kali, macam Ayah Wa, tuk bomoh yang menjampi air untuk demam aku dahulu. Kemudian aku meneguknya sekali.

"Dah habis saya *round*, rata tempat saya tanya. Semua tak tahu, tak nampak, kata mereka."

Mak melepaskan satu keluhan panjang apabila mendengar aku menerangkan perkara sebenarnya.

Tetapi segalanya berpunca daripada mak. Maklah yang menghasut saya, mak yang ceritakan segalanya kepada ayah. Mulut mak macam murai tercabut ekor. Apa yang mak suka, mak kata, ikut keluar dari mulut. Rubiah sudah besar panjang. Sudah jadi anak dara sunti. Kalaulah dia tidak bersekolah, ikut kata mak, lama dia berkahwin. Mukanya sudah merah padam. Tetapi sepatah pun tidak menjawab. Hanya air mata jernihnya mengalir di dada pipinya yang licin itu.

"Bukan pergi belajar, pergi ngurat." Mak menu-

duh dengan membabi buta, melepaskan geramnya. Rubiah masih terbongkok di tepi dinding. Mak sudah naik angin, seolah-olah mak sedang bercakap dengan orang lain.

"Kita buta kayu, senanglah dia nak tipu." Mak seolah-olah mengaku kebodohnya. Rubiah masih membisu. Tidak kuasa lagi dia menangis. Sejak tahu keputusan SPMnya tadi, dari tangga bas lagi, dia sudah mengesat air matanya. Sepatah pun dia tidak bercakap. Goncang bahunya. Mak sudah boleh menduga apa yang telah berlaku ke atas diri Rubiah. Aku pun dahulu memangnya macam itu juga.

Perasaan hati kecil mak terus mendesak, lebih daripada apa yang bermain dalam kepalanya. Mungkin, walaupun dia macam ayah, buta kayu, tetapi dia ingin lebih jelas lagi. Mak pujuk Rubiah supaya bercakap, mak pujuk dengan lembut. Mak marah kerana dia menangis.

"Dah besar panjang menangis macam budak-budak." Kemarahan mak jelas dapat diketahui daripada suaranya.

Akhirnya hati Rubiah jadi lembut. Akhirnya dia berani buka sapu tangan yang menutup mukanya tadi.

"Saya ... saya dapat sembilan, mak." Disambut dengan tangisnya semula.

Mak tergamam sebentar. Melepaskan pandangannya yang sudah berkaca dengan air jernih. Mak tu-

rut bersedih, ini jelas terbayang pada air mukanya.

Kegagalan anak-anaknya, berarti kehampaan bagi dirinya juga. Impiannya sebagai seorang ibu untuk melihat riang ria anak-anaknya menyambut kejayaan telah hancur. Inilah kali kedua hatinya hancur. Lepas itu, mak tidak bercakap sepatah pun.

Petang itu, semasa ayah balik dari kerja, aku turun ke padang, main bola sepak. Tidak tahulah aku, apa yang mak cakap kepada ayah. Bagaimana mak menyambut ayah balik dari kerja dengan berita yang tidak menyenangkan ayah. Mak memangnya tidak sabar dalam sesuatu hal. Entah apalah perkataan yang mula-mula mak cakapkan kepada ayah aku tidak tahu. Aku memangnya hendak mengelakkan daripada mendengar cakap ayah, mulut murai mak. Aku sudah faham benar dengan sikap mak dan ayah.

Hanya pada waktu makan malam, barulah aku dapat mendengar semula. Mak dan ayah masih tidak henti-henti bercakap tentang Rubiah. Rubiah terasing di ceruk dapur, tidak seperti hari-hari biasa, dialah yang mengisi nasi, menambah lauk-pauk ke dalam hidangan kami. Sambil mengunyah nasinya, ayah berleter. Macam-macam bunyinya. Hingga terbabit juga aku. Satu-satunya yang aku tidak suka, mencungkil perkara yang telah berlalu. Nama aku berkali-kali ayah sebut, buat contoh, buat bandingan. Ekor matanya, kejam-kejam memandang kepada aku. Mak pun begitu.

"Ada anak jantan pun, tak boleh harap." Aku tahu, siapa lagi kalau ayah tak maksudkan kepada aku. Aku cuba-cuba buat tidak dengar. Aku terus menyuap.

Aku sudah masak dengan sindiran mak dan ayah. Sejak kegagalan aku dua tahun dahulu, dia selalu menyindir aku. Ini benar-benar aku ingat. Masa dia menghulur wang bagi bayaran peperiksaan Rubiah pun dia masih mencuri peluang untuk menyindir aku, dia kaitkan dengan kegagalan aku yang lalu.

"Baik-baik, jangan buat main-main lagi. Jangan jadi macam abangmu. Nak cari RM100.00 bukannya mudah."

Aku terus menyuap, menambah mana lauk yang kurang. Aku macam tidak tahu apa sahaja yang berlaku di sekeliling. Ayah tidak berhenti setakat itu sahaja. Kata-katanya kian rancak.

"Budak-budak ini bukan ambil tahu sangat. Kitalah yang keluar urat tangan, jemur sampai kering kulit. Apa? Dia orang nak jadi macam kita? Suka kalau jadi kuli macam kita?" Ayah seolah-olahnya menyesali dirinya yang telah ditakdirkan menjadi kuli itu. Aku faham, begitu sekali tingginya hasrat ayah untuk melihat anak-anaknya jadi orang yang berguna.

Dia membasuh tangannya. Lepas itu, macam orang merajuk sahaja, dia cepat-cepat meninggalkan tempat itu. Di ceruk dapur, terdengar esak ta-

ngis Rubiah. Perasaan kasihan aku kepada Rubiah mula melonjak. Walaupun aku tahu, teguran ayah itu adalah menandakan betapa tingginya kasih sayang mereka kepada anak-anaknya tetapi dia tidak seharusnya bertindak begitu. Ini bukan caranya.

Timbul bermacam-macam soalan di dalam diri aku. Mak dan ayah memang kuat agama. Tidak pernah tinggalkan waktu yang lima itu. Pernah dengar tuk-tuk alim membaca kitab. Bukankah mak dan ayah tahu, manusia hanya mampu berusaha, Tuhanlah yang menentukan segalanya. Mungkin kegagalan aku dan Rubiah ini, hanya ujian ketabahan daripada Tuhan. Rubiah bukan malas sangat, kalau aku ingat-ingatkan masa aku belajar dahulu, Rubiah lebih rajin, lebih berusaha.

Sejauh yang aku nampak, aku berani kata, maklah yang bertanggungjawab di atas kegagalan Rubiah ini. Mengapa tidaknya. Kalau Rubiah ada di rumah, sekejap-sekejap mak panggil nama dia. Minta tolong buat itu, buat ini, ada sahaja yang mak hendak suruh. Apabila hari minggu, kadang-kadang sepagi mak menghilang. Bilang tangga rumah sebelah-menyebelah. Segalanya terserah kepada Rubiah. Seolah-olah macam hari minggu adalah hari-hari kelepasan bagi mak bertugas di dapur.

Malam itu, sewaktu aku masuk tidur pun, sedusan Rubiah masih belum lagi berhenti. Kadang-kadang memanjang dan membuatkan aku turut

bersimpati dan hampir menitikkan air mata. Tetapi aku lelaki. Dahulu pun aku keluar air mata semasa pertama kali mengetahui keputusan yang aku perolehi. Lepas itu aku macam biasa.

Ayah dan mak cepat masuk tidur pada malam itu.

Di luar terdengar suara batuk-batuk macam orang kepenatan. Mak tidak sabar lagi. Mak bangun dan menerkam ke arah pintu besar. Aku pun turut sama. Tidak ada sepetah pun yang keluar dari mulut mak. Di hadapannya, hanya ayah seorang sahaja. Dengan begitu penat sekali, ayah menyandarkan basikalnya pada tiang rumah. Di wajahnya jelas terbayang wajah-wajah kehampaan. Aku juga kasihan melihat ayah. Akulah yang bagi tahunya di atas kehilangan Rubiah. Betapa dia telah bersusah payah memohon cuti dan terus mencari Rubiah. Semasa ayah menyandarkan badannya ke tiang pintu, mak sudah menatang secawan kopi sejuk untuknya.

"Bagaimana?" tanya mak ringkas.

Ayah hanya membisu. Melepaskan pandangannya jauh ke jalan raya. Kemudian ayah meneguk kopi yang di hadapannya. Badannya sudah dibasahi peluh.

"Awak tak tengok masa dia keluar tu?" Ayah pula bertanya kepada mak. Ayah belum jelas benar lagi tentang kehilangan Rubiah itu. Ayah hanya banyak mendengar daripada aku sahaja. Itu pun

semasa di tempat kerjanya tadi. Air jernih telah mula mengalir lesu di garis tua di muka mak.

Aku hanya sebagai penonton. Tidak kuasa lagi aku mencampurinya.

"Tak sedar. Amba ingatkan dia pergi mandi. Masa Hashim bawa balik ikan, baru tau dia tak ada di rumah." Suara mak tersekat-sekat dengan linangan air matanya. Matanya hanya merenung ke dalam cawan kopi yang tidak jauh dari kepala lutut ayah.

"Rumah tuk dia, dah tanya?"

Berderau darah aku apabila mendengar pertanyaan ayah tadi. Baru aku teringat tentang tuk dan tuk wan. Aku pun hairan mengapa kali ini, tuk dan tuk wan lain benar perangnya. Menjenguk muka pun tidak. Pada suatu pagi aku tersempak tuk yang baru balik dari membeli tembakaunya. Aku cuma bertanyanya kalau-kalau dia sudah tahu. Endah tak endah sahaja dia menjawab. Katanya, dia baru balik dari rumah aku.

Hairan. Tuk dan tuk wan cukup sayang kepada Rubiah. Dalam anak cucunya, Rubiahlah yang paling dia sayang. Apa tidaknya kalau dia sakit demam, Rubiahlah yang menemaninya. Picit-picitnya dan kadang-kadang tidur bangun di rumahnya sampai demam sembuh. Fikiran aku jadi kacau. Jang-jangan tuk dan tuk wan merajuk kerana mak dan ayah marah berlebihan kepada cucu kesayangannya. Entahlah.

"Dah tanya. Buat sakit hati. Bukan dia nak tolong cari. Dia buat main-main, macam kita ni bergurau dengan dia." Mak seolah-olah meradang dengan sikap tuk. Rumah Tukiah yang mula-mula sekali mak cari.

"Darah daging dia juga," tambah mak.

Aku yang sudah hampir satu jam duduk di atas kerusi, hanya diam sahaja. Tidak kuasa aku menambah lagi kebencian mak kepada tuk. Tetapi aku takut hendak menuduh buta-buta kepada tuk. Kalau tidak, masakan dalam keadaan begini, dia masih boleh buat endah tidak endah sahaja. Biarlah keluar dari mulut salah seorang daripada mereka sendiri.

Akhirnya aku dengar mak menyuruh ayah. Mak minta ayah ke balai polis pada awal pagi esok. Mak suruh ayah ambil cuti lagi. Mak kata, pergi buat *report*. Aku tidak mendengar ayah membantah. Aku mendengar lagi mak kata, biarlah polis pula berikhtiar. Paling seronok pula aku mendengar apabila mak suruh ayah minta tolong polis siarkan di dalam surat khabar.

Mak kata biarlah semua orang tahu. Biarlah malu sekejap asalkan Rubiah ditemui. Biarlah kasih sayang itu berpanjangan. Kata mak, kalau siar dalam surat khabar pun, malulah sehari dua. Lepas itu tenggelam.

Tiba-tiba, di tanah terdengar air di tempayan, tempat basuh kaki diveduk orang. Mak dan ayah

berpandangan seketika. Dadaku juga berdebar-debar.

"Siapa?" tanya ayah macam orang dalam kehairanan. Tidak ada jawapan. Papan lantai di tangga bunyi dipijak orang. Ayah mengangkat punggungnya, menuju ke arah pintu besar yang sudah terkunci.

Apabila ayah membuka penyendal pintu itu, dari bayang-bayang lampu, aku sudah bersedia untuk bertindak. Kami hanya melihat tuk dan tuk wan dengan senyumnya yang tawar-hambar. Macam mengejek kami semua. Ayah membisu. Tidak se-patah pun yang keluar dari mulutnya. Dan tuk wan masuk tanpa dijemput. Macam tidak ada apa-apa. Ayah masih berdiri di depan pintu. Menjenguk keluar, ke kiri dan kanan. Barangkali jenguk takut-takut Rubiah ada mengekori tuk.

Tuk macam tidak faham sahaja. Dia masih tidak jemu-jemu bergurau dengan anak cucunya. Dengan lampu picit tiga bateri, dia menyuluh tepat ke arah muka aku. Mataku jadi silau sekejap. Buku yang kubaca sudah pun tertutup.

"Dah puas hati." Tuk macam menyindir sahaja. Di bibir tuanya sentiasa terukir senyum. Itulah perangainya yang aku perhati selalu.

"Ayah tahu cakap sahaja. Tak rasa sendiri," jawab mak dengan tertahan-tahan. Mak sudah mula menangis.

Ayah merapatkan badannya ke dinding. Menye-

dut rokoknya. Menghembuskan asapnya ke atas. Macam orang sedang berfikir keras. Tidak sepele pun yang keluar dari mulutnya dan tuk wan.

"Itulah, aku pun pernah ada anak. Tapi, kalau marah, takkanlah sampai habis keluar hodoh moleknya. Ada pernah aku kata ke mu dulu macam mu kata kepada Rubiah?" Datuk menerangkan suaranya. Seolah-olah mengajar mak. Mak hanya tunduk sahaja.

Dadanya berdebar-debar. Mungkin ada sesuatu dalam percakapan tuk itu. Aku membetulkan dudukku, matakuk tepat memandang ke arah muka tuk dan sekali-kali menjeling ke arah tuk wan, isterinya.

"Habis nak buat apa sekarang." Tuk macam pinta kepastian daripada mak dan ayah. Suasana jadi sepi seketika, macam dilintasi malaikat. Mak mendongakkan mukanya. Merenung ke muka ayah. Seolah-olah memberi isyarat supaya ayah pula menerangkannya.

"Saya nak *report* ke polis esok," jawab ayah, matanya mengikuti tarian asap rokoknya yang di tiup angin malam. Tuk dan tuk wan berpandangan, senyum bertukar. Dari gerakan bibir tuk yang tidak lepas aku perhatikan, dia seolah-olahnya memberi isyarat.

Tuk wan hanya tersenyum. Membetulkan duduknya. Matanya berlari dari muka mak, muka ayah dan juga muka aku.

"Aku nak mari ambil pakaian, buku-buku Rubiah."

Tersentak aku mendengarnya. Mungkin mak dan ayah lebih-lebih lagi. Macam aku dengar satu bunyi benda yang kuat dan menggegarkan. Perlahan, aku mengucap 'astagfirullah' berkali-kali. Mak merenung ke muka tuk wan, seolah-olah masih lagi tidak percaya dengan kata-kata dari mulut tuk wan itu. Bagi ayah pula, dia tidaklah tersentak sangat.

"Jadi ... jadi Rubiah ada di rumah?" Mak memastikan kata-kata tuk wan itu.

Tuk dan tuk wan serentak pula mengangguk, mengiakan pertanyaan mak itu.

"Aku nak suruh dia pergi sekolah semula. Biar aku bayar semula."

Tuk memberi penjelasan dan bersemangat sekali bunyinya. Ayah hanya tunduk sahaja. Barangkali tercuik juga hati kecilnya. Maklumlah, dia masih mampu menanggung dua orang anaknya.

Buat pertama kali sejak mak menyedari kehilangan Rubiah, aku melihat mak senyum. Mak seolah-nya terpaku mendengar pengakuan tuk itu.

"Biar dia duduk di rumah aku, tahun ini." Tuk seolah-olah faham dengan kesulitan dan punca-punca kegagalan Rubiah tempoh hari. Mungkin segalanya telah diceritakan oleh Rubiah kepada mereka berdua.

Mak dan ayah berpandangan kemudian mak ba-

ngun menuju ke dapur, diikuti oleh tuk wan.

Dalam hatiku, aku berdoa agar, kali ini Rubiah akan berjaya. Rubiah akan menggembirakan hati mak, hati ayah dan mengenangkan jasa-jasa tuk. Biarlah Rubiah menjadi anak pertama, dalam keluarga kami yang menggembirakan hati mak.

Selepas meneguk kopi pahit, tuk dan tuk wan meminta diri. Mak dan ayah berharap agar Rubiah sendiri yang datang mengambil pakaiannya. Mak dan ayah tidak menghalang maksud tuk dan tuk wan tadi. Walaupun ini bererti mengurangkan kebebasan mak juga.

Ayah dan mak menghantar mereka sampai ke tangga. Aku berdiri di pintu tingkap yang aku buka. Setiap langkah tuk diiringi dengan senyum yang memanjang daripada mak dan ayah.

Jauh di lubuk hatiku, aku begitu kagum dengan jasa tuk dalam kehidupan kami.

BERLABUHLAH SENJA

Shahriah Haji Lasim

RAUT muka yang cengkung itu diperhatikan lama-lama. Ditatap ke arah pipi yang terperosok ke dalam kerana tiada lagi gigi-gigi teguh, utuh yang menjadi penampian pipi yang dahulunya gebu. Matanya yang rabun sentiasa mendongak ke atas, membuatkan kanak-kanak sering ketakutan apabila melihat kepadanya. Walaupun Sarah menjaga rambutnya agar jangan mengembang dengan cara menyapu minyak rambut dan menyapu bedak di pipi yang kempis itu, anak menantunya sendiri pun sering ketakutan apabila melihat wajah mentuanya itu.

• Kulit yang kering berkedut scribu itu ditarik dan digosok-gosok. Mujur ada tulang-temulang yang masih tetap taat dan setia pada jasad yang terkedang bagaikan sebatang pinang yang tersungkur dilanda puting beliung.

• Sarah mengesat titik jernih yang menerjah dari kedua-dua kelopak matanya. Entah untuk yang keberapa kalinya Sarah tidak pernah ambil peduli.

Yang Sarah tahu, pada setiap kali dia menatap tubuh yang terkedang itu pasti hatinya dihambat pilu. Jiwanya akan berdebar-debar. Perasaannya sentiasa menggelodak. Sementelah pula Sarah amat terharu dengan nasib yang menimpa mentuanya.

Bukan dia sahaja menantunya. Tetapi ada lima lagi menantu perempuan dan ada tiga orang anak perempuan. Sarah faham jasad yang terkedang bagai patung tidak bernyawa itu memang tidak bererti lagi kepada adik-beradik suaminya. Mujur hati Sarah tidak seperti hati ipar-lamainya. Kalau tidak, entah ke manalah tercampaknya jasad bagai patung itu.

Bagi Sarah, yang tahu juga sedikit fasal hukum-hakam, pahala dan dosanya, berbuat baik kepada mentua adalah sama imbalannya dengan ibu kandung sendiri. Sebab itu Sarah merelakan mentuanya dibawa ke situ apabila kakak iparnya sudah serik menjaga ibunya sendiri. Sarah begitu rela 'bergelumang' dengan kencing anak kecilnya dan kencing mentuanya. Sarah tabahkan hati walaupun terpaksa berselut dengan berak si anak dan berak si mentua. Walaupun terasa juga muak dan jijik-nya.

Apa yang Sarah sering mengeluh atau membebel di depan suaminya bukan apa.... Cuma Sarah berasa sakit hati. Sebabnya, suaminya bagaikan tidak ambil berat apa yang berlaku kepada ibunya sendiri. Sudahlah adik-beradik suaminya tidak am-

bil kisah, suaminya pun bersikap begitu. Bagaikan tidak tahu yang mana patut dibuat, apa sepatutnya dilakukan kepada si ibu itu.

Ini yang menyebabkan berlakunya polemik. Itulah yang sering terjadi antara Sarah dan suaminya.

"Dah nak lumpuh nak buat macam mana," kata Nazri dan bercekek pinggang di depan Sarah apabila Sarah kemukakan lagi persoalan yang sama.

"Buat saja kenduri sikit. Baca doa Yasin."

"Baca Yasin? Nak suruh mampus!" kata Nazri bengis. Matanya terbeliak merenung Sarah.

"Dah tiga tahun mak tu gitu. Belum pernah pula mak tu dibawa berubat. Ke doktor ke atau bomoh. Adik-beradik abang seperti buat tak perasan. Bagaikan tak ada perasaan!" Sarah menyatakan secara terbuka supaya didengar oleh suaminya.

"Sarah kan belajar agama. Ha, bukankah itu satu hal yang dilalui oleh insan! Alam kanak-kanak telah ditempuhi. Orang tua berperangai seorang budak."

"Yang itu Sarah tahu. Tapi bacakan Yasin tu apa tujuannya? Suruh mati?" tanya Sarah dengan nada suara yang meninggi.

Sarah tahu perbuatannya itu boleh membuatkan dia berdosa. Berdosa kepada suaminya. Tetapi biarlah ... getus hati kecil Sarah. Bukannya dia sengaja hendak lakukan dosa itu. Apa yang dia mahu ialah suaminya dapat menjadi seorang anak yang taat kepada ibunya. Anak yang salih. Tahu dan sedar

betapa perit dan sengsaranya seorang ibu melahirkan dan membesarkan anak-anaknya.

Sarah teringat kata-kata Mak Cik Milah.

"Kau tak katakan pada Nazri ... fasal orang tua ni?" Dan Mak Cik Milah mengerutkan dahinya.

Sarah mengeluh. Dahinya dikerutkan.

"Dah ... tapi ... dia marahkan Sarah pulak. Memang semua orang tua gitu ... itu katanya." Sarah berkata lambat-lambat. Gelisah perasaannya dia sahaja yang tahu.

"Kak Sakmah ni dah tak lama lagi," ujar Mak Cik Milah, adik mentuanya sayu. Tubuh yang terkedang itu digosok-gosok.

"Nampaknya memang dah tak lama lagi ..!" sampuk Usu Malek, adik bongsu mentuanya.

"Macam mana Lek?"

"Kita kena pakat dengan anak-anaknya. Kak Sakmah ni anaknya ramai ... nanti mereka marahkan kita pula."

"Nak kata tak tahu hukum ... mustahil. Tiga tahun dahulu kalau diikhtiarkan ubatnya tentu tidak teruk macam ni." Usu Malek mengeluh.

Sesekali tangannya mengusap kepala jasad yang terkedang itu. Akan menitishlah air jernih dari kelopaknyanya. Malah, jasad yang terkedang itu juga kerap mengalirkan air jernih dari kelopak matanya yang sudah tidak berfungsi dengan baik lagi itu.

"Dulu ... mentua kau ni ... cantik Sarah. Mak cik

pun berasa cemburukan kecantikannya. Tapi ... cantiknyanya tak boleh lekatkan laki di rumah!" Suara Mak Cik Milah sedikit bergetar.

Sarah berasa sedikit terkejut. Keterangan yang sekelumit itu harus difikirkan. Ada rahsia besar di sebalik kata-kata itu.

"Bini cantik, taat-setia ... tapi ... mentua jantan kau tu tak betul kelakuannya. Tahi judi! Tahunya makan dan tidur ... macam keldai ... pemalas!" Herot-berot mulut Mak Cik Milah apabila mencecehkan perilaku bekas adik iparnya. Geram betul dia dengan nasib yang menimpa kakaknya itu.

Mulut Sarah terlopong. Matanya tidak berkelip merenung mentuanya yang terkedang itu. Memang rahsia besar itu baru kini Sarah tahu. Suaminya tidak pernah ceritakan. Mungkin berasa malu dengan peristiwa yang buruk itu.

"Itulah orang jantan! Tak tau tanggungjawabnya pada anak bini. Buat anak rajin ... susun paku! Tapi tak sanggup beri makan," kata Usu Malek pula dan melepaskan sesak yang mengasak dadanya itu.

Sarah cuma pasang telinga. Mendengarnya dengan teliti. Betul-betul pasang telinga agar dia dapat mengetahui sebanyak mungkin rahsia yang dibongkarkan itu.

"Nakhoda senget! Mana bahtera nak jalan lurus! Tentulah kepalanya dilambung ombak! Apa lagi ... karamlah...! Dia ambil jalan senang je."

Usu Malek berhenti seketika dan mengesat matanya yang berair. "Kak Sakmah ambil jalan pendek. Kalau dari dahulu kakak minta tolong dengan Lek, tentu Lek tolong. Tentu tak jadi begini." Dan setabah-tabah hati lelakinya mengalir juga air matanya.

Bagaikan terbeliak biji mata Sarah. Mentua perempuanannya simpan jantan? Sebab ... tidak cukup makan! Duakan suami? Dan kini adalah balasannya? Di dunia dah merasakan. Demikian getus hati Sarah. Terasa bercelaru fikiran Sarah. Sese kali dia toleh kepada mentuanya dan kemudian Mak Cik Milah yang menangis teresak-esak di sisi tubuh yang terkedang itu.

"Takkanlah sampai begitu.... Apa yang Sarah ingat, mak ni tak lupa sembahyang lima waktu apabila sampai masanya."

Usu Malek dan Mak Cik Milah seperti tersedar daripada mimpi. Mereka merenung Sarah tanpa berkelip. Kemudian mereka berpandangan seketika.

Mak Cik Milah hampiri Sarah. Bahu Sarah dipegang. Dia merenung dengan sayu kemudian menyatakan sesuatu seperti berbisik.

"Simpan rahsia ni ... Sarah. Kami sedih sangat. Sebab kami tahu bagaimana deritanya dia pada masa mudanya. Dia diceraikan sebab simpan lelaki lain. Kemudian mentua jantan kau tinggalkan anak yang ramai itu tanpa nafkah. Tapi lepas tu

dia buat lagi kerja terkutuk tu. Akhirnya dia insaf. Dia kemudian cari rezeki dengan jalan halal. Tekun dia berkebun dan bersawah. Ambil upah cucuk atap dan macam-macam lagi." Sambil menceritakan kisah lama itu air mata Mak Cik Milah mengalir deras. Mengalir bagaikan sebatang sungai yang dilanda banjir.

"Dah lah tu, dah lah tu. Cuma yang kami mintak ialah pujuklah Nazri supaya boleh diadakan majlis baca Yasin untuk kebaikan mak kau ni ha," tegas Usu Malek antara sedunya.

"Ingat Sarah ... jangan kau ungkit perkara ni pada Nazri. Mak cik tak ada niat nak robohkan rumah tangga kau orang," kata Mak Cik Milah seperti baru tersedar akan kesilapannya yang membuka semula satu lagenda lama.

"Janji Sarah." Dan Mak Cik Milah memegang kedua-dua belah tangan Sarah. Wajah Sarah yang murung itu ditatapnya tanpa berkelip.

"Jangan bimbang mak cik. Atau, mungkin mak jadi begini sebab sudah terlalu tua ... macam kata Abang Nazri," kata Sarah dan cuba melepaskan senyuman agar hilang rasa gundah di hati Mak Cik Milah.

"Mak cik harap bukan janji saja ... kalau rumah tangga kau roboh disebabkan oleh kisah tu, mak ciklah yang akan tanggung dosanya," ucap Mak Cik Milah sayu dan memeluk tubuh Sarah.

Beberapa waktu Sarah mundar-mandir di dalam

bilik tempat mentuanya yang terkedang itu. Sese-kali matanya melirik ke arah tubuh terkedang itu, sekali lagi Sarah nampak adanya titik jernih di tubir matanya. Bahkan bukan sekali itu Sarah nampak mentuanya begitu tetapi sudah kerap kali. Apabila ditanyai apakah yang menyebabkan dia menangis, sedunya dapat didengari. Kadang-kadang Sarah bagaikan terlupa bahawa mentuanya itu tidak boleh bersuara lagi. Sudah tiada nada yang dapat diungkapkannya. Kerongkongnya seperti tersumbat. Hanya lidahnya sahaja yang bergerak-gerak.

Sarah tenung gambar suaminya yang ada di dinding. Sarah tidak tahu salah siapakah di dalam soal ini. Sarah sedar suaminya dari dahulu tidak pernah sembahyang. Tidak pernah melakukan puasa. Ke masjid seminggu sekali pun payah. Bukan suaminya sahaja, malah kesemua adik-beradik suaminya juga. Mereka tidak pernah berbual fasal hukum-hakam agama. Atau, sejak mentuanya jatuh sakit, Sarah tidak pernah mendengar mereka bermuafakat cara untuk mengubati ibu mereka itu.

Inikan pula untuk berbincang adik-beradik bagi menambah eratkan tali silaturahim di kalangan ahli keluarga mereka. Semuanya buat hal masing-masing. Semuanya macam orang yang tidak ada ikatan persaudaraan.

Seingat-ingat Sarah, sejak mentuanya dibawa ke rumahnya adik-beradik suaminya cuma datang sesekali sahaja. Datang jenguk orang sakit sahaja.

Datang dan tunjuk muka sahaja. Kemudian berambus. Namun hendak lakukan bakti pada saat terakhir kehidupan ibu mereka ternyata jauh sekali. Mungkin lebih tepat kalau Sarah katakan, seperti jauhnya panggang dari api. Malah, bukan itu sahaja yang membuat Sarah berasa benci dengan sikap ipar-lamainya. Kalaulah kebetulan pada waktu mereka datang itu ibu mereka terberak atau terkencing, mereka tidak bertindak tolong membersihkan najis itu. Mereka menjauhkan diri adalah, sebab tidak tahan dengan bau hancing yang masam dan tengit itu. Bau beraknya pun terasa hendak muntah. Baunya sudah meloyakan tekak. Macam-lah selama kini mereka tidak pernah berak dan kencing.

Kerana itulah agaknya mengapa ipar-lamainya malas hendak datang lagi. Sebabnya Sarah sendiri sudah terlepas cakap. Waktu itu iparnya yang tua datang bersama anak dara dan isterinya yang sentiasa bergaya. Kebetulan pula mentuanya terkencing. Basah kuyuplah seluruh badannya.

"Bang ... suruh isteri abang tu bersihkan tubuh mak. Sarah rasa tak sihat hari ni," pinta Sarah selembut mungkin sambil memerhatikan birasnya yang leka menatap akhbar harian itu.

"Tak kan dia mahu," jawab abang iparnya bersahaja.

"Alah sekali ni ha ... kalau tidak abang saja yang bersihkan."

"Ei ... aku datang sini bukannya nak jadi kuli!" herdiknya tiba-tiba. Sarah berasa terkejut diherdik begitu rupa.

Sarah panik seketika. Dia merasakan tubuhnya melayang nun jauh di angkasa kemudian jatuh berdebab di hadapan abang iparnya.

"Yang terlepas ni ... mak sapa?" tanya Sarah dan sekaligus menjawab persoalan itu. Dia menyatakan dengan penuh semangat.

Ternyata Muis berasa terkejut dengan jawapan yang agak kasar itu. Matanya terbeliak merenung Sarah.

"Saya kahwin dengan adik abang tu pun bukan nak jadi kuli!" tambah Sarah geram.

"Dulu ... saya kata buatkan bacaan Yasin tapi semua tak setuju. Habis abang suka mak ni begini. Sampai bertahun-tahun mana perhatian dan tanggungjawab anak-anaknya yang ramai itu!"

Sarah bercekak pinggang. Darah perempuannya terasa mendidih secara tiba-tiba. Hilang rasa gentar dan gerun menghadapi abang iparnya yang bertubuh sasa dan pagan itu.

Mereka tidak pula menyatakan apa-apa. Muis dan keluarganya terus balik segera ke bandar. Sarah sedar, selepas itu adik-adik suaminya jarang datang menjenguk lagi.

Sedangkan suaminya pula sibuk dengan main badminton. Hendak jaga ibunya sendiri pun terkadangnyanya dirasakan tiada masa. Anehnya, para ji-

ran dan saudara-mara lainnya tidak putus-putus berkunjung. Semuanya melahirkan rasa simpati. Dan ramai antara mereka yang mengesyorkan agar dibuatkan sahaja bacaan Yasin.

Sikap endah tak endah itulah yang sedang bersarang di dalam benak Sarah. Bagaimana Sarah harus perbuatkan agar ada keinsafan di hati suaminya. Walau bagaimana sukar pun Sarah tetap sabar. Dia tahu dia akan tua juga pada satu hari nanti.

"Bang ... mak tu dah tak mau makan lagi. Hari ni dan semalam mak makan sikit saja. Tengah hari tadi mak cuma minum air seteguk dua. Tentunya mak lapar," ujar Sarah yang duduk di hadapan suaminya yang baru balik dari kerja itu.

"Akhir-akhir ni mak kerap menitikkan air mata."

Sarah tahu aduannya itu tetap tidak menginsafkan hati suaminya. Tetapi Sarah cerita juga kerana Sarah berasakan suaminya patut tahu apa yang berlaku. Bahkan mesti tahu perkembangan itu kerana orang itu adalah ibunya sendiri.

"Kan ada pil vitamin, berilah biar dia berselera makan," jawab Nazri acuh tak acuh sahaja.

"Mak tu bukannya nak jaga badan sekarang!" Dan nada suara Sarah sedikit meninggi dan ini membuatkan Nazri kelihatan agak terkejut.

"Habis dia nak apa?" tanya Nazri dengan nada suara yang dilembutkan.

"Bang ... bukankah itu mak abang," kata Sarah

dengan jelas dan berasa amat kecewa di atas sikap sambil lewa yang ditunjukkan oleh suaminya itu.

"Abang nak buat apa. Memang dah gitu keadaannya. Lagi-lagi itu yang diucapkannya kepada Sarah.

"Abang ni macam tak tahu hukum. Kalau sudah tak sanggup lagi nak jaga orang tua tu bacakan Yasin!" kata Sarah membentak.

"Oooo ... dah serik nak jaga ya!"

"Sarah tak serik ... yang Sarah serik ialah kelakuan abang tu!"

Air mata Sarah mengalir

"Abang tak faham kehendak mak," rungut Sarah menahan sebak di dadanya

"Dia nak apa?" jerkah Nazri. Perasaan geramnya dilepaskan dengan menumbuk meja.

"Mak nakkan abang ... mak nakkan anak-anaknya dapat menjaganya. Mak mahukan anak-anaknya beramal ibadat. Apakah abang faham apa yang saya cakap tu?" Sarah bagaikan hilang pertimbangan diri. Dia tidak peduli kalau penumbuk itu hinggap di mukanya atau di mana sahaja di tubuhnya. Dia akan tetap mempertahankan nasib seorang ibu yang malang itu. Bukan dia sengaja hendak cari malang.

"Dah ... jangan nak membising. Pada petang ni ada perlawanan satu lawan satu ... abang mesti pergi. Orang kat pejabat tu harapkan abang saja

yang akan memenangi acara." Nazri tersengih-sengih memandang kepada Sarah yang memuncungkan mulutnya.

"Berambuslah... Tumpukanlah dengan badminton abang tu. Kalau jadi apa-apa pada mak jangan nak berasa menyesal. Menangislah dengan badminton tu!" bentak Sarah seraya berlalu mendapatkan mentuanya.

Sarah merenung biskut lemak yang sudah direndamkan ke dalam secawan air susu itu dan kemudian merenung pula pada wajah yang terbaring itu.

"Mak makan sikit ya," kata Sarah dan menyuaikan sudu yang berisi biskut yang lembik itu ke bibir mentuanya.

Tetapi tiada reaksi apa-apa. Seolah-olah tiada apa di tepi bibirnya. Sarah nampak titik jernih bergenang di kelopak mata tua itu. Perlahan-lahan dia menyekanya.

Sarah berasa gembira apabila mentuanya membuka mulut. Tentunya dia mahu makan, demikian fikir Sarah di dalam hatinya. Sarah agak panik seketika apabila melihat lidah mentuanya bergerak-gerak seperti mahu mengucapkan sesuatu. Ketika azan sedang berkumandang di masjid, Sarah nampak nafas mentuanya mencangut.

"Mak ... mak ... kenapa ni ... mak?" tanya Sarah. Anak-anak Sarah segera mengerumuni nenek mereka. Sarah tidak tahu di mana hendak disentuhnya. Yang nyata mentuanya seperti dalam kepayahan.

Sarah mengusap seluruh tubuh mentuanya. Dadanya berdebar kencang.

"Nenek kita dah tak ada...." Tiba-tiba telinga Sarah dapat menangkap suara anaknya yang sungung. Anaknya itu cuba mengesan denyutan nadi neneknya.

"Dah tak ada," ujar anaknya yang baru berusia 14 tahun itu. Betulkah? Atau, dia salah sangka? Tetapi Sarah tahu anaknya adalah seorang ahli Persatuan Bulan Sabit di sekolahnya. Dia tentu mengerti. Sarah cuba memastikannya.

Sarah melihat anaknya menutup kedua-dua belah mata mentuanya itu. Kemudian menutup jenazah dengan cadar itu. Sarah seperti tidak dapat mempercayai apa yang berlaku. Dia meraba seluruh tubuh mentuanya itu. Dia dapat rasa betapa masih ada haba panas pada tubuh itu.

Innalillahiwainnailaihirajiuun.

GERUH

Shahriah Haji Lasim

“**A**BANG nak masuk lagi.” Sebaik sahaja enjin motosikal Yamaha itu dihidupkan aku segera bertanya kepada suamiku.

Dia cuma diam seolah-olah tidak mendengar suaraku.

Dia menuju ke belakang dan mencapai sebilah parang. Parang itu sering terselit di pinggangnya. Parang itu dibawa apabila dia ke hutan atau menebas di kebun.

Aku faham bila dia berbuat begitu. Dan aku cuma mampu mengeluh.

“Siapkan barang,” laungnya dan tangannya semakin laju mengasah parang itu.

Entah setajam mana yang dimahukan, aku tidak pernah faham. Bagiku, parang miliknya itu memang sudah cukup tajam. Tambahan pula, sentiasa sahaja berasah.

“Dah siap,” jawabku lemah.

Aku tinjau sekali lagi di dalam beg galas yang sering dibawanya ke mana sahaja itu.

Di dalamnya ada tiga atau empat batang lilin dan lampu suluh. Ia sudahku pastikan benar-benar baik atau boleh digunakan. Kalau tidak, nanti bila dia balik tentu ada sahaja soalan yang akan diajukan. Membebullah dia walaupun pada waktu tengah malam buta.

Baterinya kalau boleh mestilah yang baru. Ada karung besar. Yang sebaik-baiknya karung beras yang mengisi beras sebanyak 20 kilogram.

Sesekali membentak juga aku. Apa tidaknya, dia bukan tidak punya pekerjaan tetap. Asal masuk hutan sahaja, mulalah ponteng kerja. Mentang-mentang dia ada kerja luar selalu. Soal ponteng tidak pernah jadi isu. Bagaikan tidak ada apa yang boleh menghalang kegemarannya itu.

Nak *punch card* bukannya susah. Kaki ramai kat pejabatnya. Beri sahaja duit teh ataupun duit rokok. Esok paginya tahu-tahu kad kedatangannya sudah diketipkan.

Kadang-kadang, aku terfikir betapa sia-sia sahaja kerajaan membuat arahan *punch card*. Sebabnya ramai kakitangan kerajaan yang ponteng kerja. Macam suamiku. Mentang-mentang ramai kakitangan di pejabatnya itu yang selalu bertugas di luar pejabat.

Kalau difikirkan satu kali sahaja memang aku memutuskan hendak mengadukan hal itu kepada ketua pejabatnya. Atau, mengadu sahaja ke Jabatan PERHILITAN. Tetapi, apabila dikenangkan anak-

anak dan aku yang tidak bekerja, terbantutlah niatku itu.

Sebabnya sudah sah kerja yang dibuatnya itu kerja haram.

Sebabnya, pantang sahaja nampak 'kaki', panjanglah langkahnya. Tetapi, mereka itu lain. Macam Tapa, Ripin, Usup, Lan – mereka itu tidak punya pekerjaan yang tetap.

"Abang dah ponteng dua hari. Tak kan nak ponteng lagi," soalku lembut. Soalan itu diajukan sebaik sahaja dia berada di sisi tingkap atau berhampiran denganku.

"Ah ... yang penting kerja di pejabat tu beres. Hulur saja kepada Master Tak barang sekilo. Terkatuplah mulutnya."

Aku hanya mengeluh. Tidak mahu langsung dia memahami hati dan perasaanku. Mendengar nasihatku sebagai seorang isteri dan ibu kepada anak-anaknya.

Master Tak yang dimaksudkan itu ialah sepupuku. Dia baru tiga bulan bertugas di Jabatan PERHILITAN. Kerana ada 'orang dalam' itulah yang menyebabkan dia kerap ponteng kerja. Sebabnya sepupuku yang digelarnya Master Tak tidak mungkin akan mengambil tindakan ke atasnya.

"Sekarang tengah 'musim'. Orang dah pelawa takkan nak tolak. Ingat senang nak 'masuk' kalau tak ada 'kaki'," ujarnya sambil memasang api rokok gudang garam yang menjadi kegemarannya itu.

"Daging kijang semalam tu kan banyak lagi."

"Ah ... salai saja. Tahulah abang cari pelanggan. Kalau disalai harganya lebih sikit. Anak-anak kita yang bersekolah dah bertambah. Kalau dulu cuma tiga orang, kini dah berempat. Duit banyak nak guna. Takkan nak tunggu duit datang melayang ... sampai kiamat pun tak jumpa."

Aku hanya mampu mengeluh. Entahlah dan akhir-akhir ini gelodak resah di jiwaku menjadi benar rasanya. Terutama apabila dia sebut sahaja hendak 'masuk'.

Memanglah berduit apabila tiba 'musimnya'. Dapatlah dikatakan hilang sesak nafas untuk seketikanya.

"Tulang-tulang kijang semalam buang kat mana?" Wajahku direnung tanpa berkelip.

"Tempat biasa," jawabku pendek.

"Entahkan iya entah tidak. Jangan-jangan di-suruh budak-budak itu hanyutkan saja ke sungai," katanya dan ternyata kurang yakin dengan penjelasanku.

"Yam yang hanyutkan dalam lubang jamban tu ha ..." kataku dan meninggikan suara.

Sebetulnya aku berasa geram apabila dia bersikap sukar mempercayai penjelasanku tadi.

"Bagusnya isteri abang." Dan dia cuba bergurau dengan mencubit-cubit pipiku.

Aku cuba mengelak. Sebabnya emosiku tidak sebaik yang diharapkan.

"Tak usah 'masuk' pada malam ni...." Demikian

kataku dan dengan hati yang berdetak keresahan.

"Kenapa? Takut tidur seorang diri?"

"Geruh menunggu abang."

Dia tidak menjawab. Dia cuma ketawa kecil.

"Sejak belum kahwin dengan Yam abang dah biasa 'masuk'. Tak ada geruhnya. Yang geruh mereka tulah. Kancil, napuh, landak, kijang. Macam semalam tu ha....

Sekarang musim buah kerayong luruh. Kat bukit hulu tu landak raya banyak membiak. Abang dah ada pelanggan.

Landak raya tu, bukan dagingnya sahaja yang didamkan tetapi bulunya yang runcing dan keras serta tajam itu pun berebut orang nak beli. Konon boleh dibuat ubat.

Lebih RM40.00 seekor pun boleh dapat."

Begitulah syarahannya. Agak panjang lebar penerangan suamiku pada kali ini.

Aku bertanya, masih belum fahamkah aku. Bukan. Bukannya aku tidak faham. Tetapi gelora resah di hatiku bagaikan ombak ganas yang memukul pantai keresahan di dadaku itu tidak dapat kuhindarkan.

Selepas satu jam suamiku pergi, aku didatangi oleh tetamu.

"Zamri ke mana?" soal lelaki yang berbadan kurus. Dia tidak pernah kulihat sebelum ini.

"Ke rumah orang kenduri!" Aku cuba sedaya upaya untuk bersahaja.

"Kat mana?" sampuk pula lelaki yang berbadan gempal.

"Hulu Kelawang."

Tiba-tiba sahaja kedua-duanya ketawa.

Aku terpinga-pinga.

"Kami ni dari Hulu Kelawang tadi. Mana ada orang kenduri. Dia dah 'masuk' ke ...?" kata lelaki yang berbadan kurus itu. Seakan-akan berbisik.

"Kami dah bayar separuh," ujar pula lelaki yang berbadan gempal tadi.

"Tentang tu saya tak tahu. Tak ada pulak dia cakap," kataku berterus terang.

Mereka berpandangan.

"Tak apalah. Nanti kami tunggu dia di Simpang Jalan Gabai."

Kedua-duanya meminta diri.

Tetapi aku berasa terkejut apabila mendengar namaku dipanggil. Perlahan sahaja suaranya.

"Abang Ripin ni ... buka pintu."

"Ha ... apa hal?" Dan hatiku tiba-tiba berasa cemas.

"Apa orang tu nak?"

"Dia kata dah janji dengan Abang Zamri. Duit 'pengerasnya' dah dibayar."

"Ha ... duit pengeras kepala otak kau. Mereka telah menipu kau. Abang lewat sikit saja, waktu abang sampai tadi mereka sedang berdiri kat tangga ni ha."

"Mereka tu siapa?"

"Orang PERHILITAN."

"Ha...." Dan aku terjelepok di lantai. Badanku berasa sangat lemah.

"Berahim nak perangkap Tapa tapi dia tak tau pulak Zamri pergi sama. Semalam Tapa dapat kjang dan dia bahagi dua dengan Zamri. Dia dah janji dengan Zamri nak bagi Berahim sikit sebab bini Berahim tengah mengidam."

Abang Ripin menghela nafas panjang. Kemudian dia meludah ke tanah.

"Tapi dah sikap Tapa dari dulu. Tamak! Schiris pun dia tak hulurkan kat Berahim. Semuanya habis dia jual. Lepas tu duduk kedai main bacuk. Anak bininya ikat perut di rumah."

"Kenapa dia tak datang ke mari. Yam dah salai separuh. Abang Zamri kata nanti dia carikan pelanggan," kataku bersuara lemah.

"Zamri ada tak sebut tadi, dia nak ikut jalan mana?" Abang Ripin merenung wajahku.

"Jalan Bakong. Tadi orang tu cakap nak tunggu kat Simpang Jalan Gabai." Tanpa disengajakan air mataku menitis.

"Dah ... usah menangis. Berdoa banyak-banyak. Tutup pintu clok-elok. Abang nak pergi pintas ikut Jalan Sungai Layang. Tak apalah semak sikit. Abang kenangkan Zamri tu, nanti hilang kerjanya pulak. Dahlah ponteng selalu.

Tapi ... kalau orang PERHILITAN tu lebih daripada dua orang tentu mereka masuk juga. Lepas

ni ... kalau ada orang datang jangan buka pintu.”

Sebagaimana cepatnya langkah Bang Ripin, begitulah juga cepatnya aku menutup daun pintu.

Ya Allah selamatkan suamiku. Ya Allah lindungilah suamiku. Ya Allah peliharalah aku dan anak-anakku.

Ya ... Allah ya ... Allah....

HUJAN PETANG

Sulaiman Awang

HINGGA ke hari itu sudah hampir dua tahun umur potret itu. Dan sudah dua tiga wajah yang berubah-ubah terpampang di kain kanvas tersebut. Warna-warna yang berbagai-bagai macam tercalit hingga menebal di situ, namun wajah itu masih lagi kabur pada pandangan Zamin.

Satu ketika daripada hasil usahanya yang ber-sungguh-sungguh dengan berhari-hari berteleku di hadapan tiang ensel dan berus menari-nari di atas kain kanvas itu. Dia merasa puas dan berjaya.

Zamin benar-benar merasa bahagia dengan wajah manis yang diciptanya. Direnung dan diteliti dengan serius, lalu dia membuat pertimbangan sendiri bahawa wajah itu sungguh-sungguh menyenangkan hatinya dan menarik. Di bawah bibir sebelah kanan terletak sebiji tahi lalat yang menambah keayuannya lagi. Kawan-kawannya ramai yang memuji kebijaksanaannya mencipta.

Lalu Zamin memujanya. Sering kelihatan dia tersenyum puas di samping wajah ayu gubahan

daripada khayalannya itu. Dan dia menjadikannya satu-satu dunia yang akan melenyapkan kekusutan atau apabila diserang oleh kegelisahan yang tidak menentu. Wajah itulah menjadi teman, ditatap dan diusap dengan sepuas-puasnya.

Tetapi satu hari, tiba-tiba sahaja potret itu berubah pada pertimbangannya. Dia melihat wajah itu serta-merta menjadi ganas. Hatinya berontak dan di kepalanya diserang oleh sebuah suara yang memekik-mekik nyaring. "Wajah itu telah meracuni aku! Wajah itu sudah menjadi singa betina yang kehilangan anak kecil. Dia curang!" Dan makin direnungnya wajah itu makin dirasa melumpuhkan hidupnya. Zamin menjadi hampir gila.

Lalu dengan buru-buru jari-jemarinya bergerak pantas dengan berus nombor 10 itu menconteng-conteng warna di wajah yang menyakitkan hatinya itu. Sekaligus si ayu yang pernah dipuja-pujanya dahulu itu hapus ditindih oleh warna-warna gila yang tidak keruan rupa. Dia merasa puas dengan tindakannya itu.

Kembalilah potret itu tanpa wajah, disapu oleh warna-warna merah, biru, kuning, ungu dan entah apa-apa lagi. Berbulan-bulan ia kaku dan terbiar tanpa dijenguk dan dijamah. Kaku, persis janda kematian laki.

Dan entah ilham apa yang menghembus di dadanya, dalam dua tiga hari ini pula Zamin kelihatan berteleku lagi berhari-hari di hadapan kain kanvas

itu. Di dalam bilik yang berukuran 10 x 12 kaki itulah dia mengurungkan diri. Bersungguh-sungguh benar nampaknya dia hendak menyudahkan sebuah rupa yang baru datang di sudut hatinya. Berus-berus yang baru belaka itu menari-nari di atas warna yang sudah tebal menurut arahan dari jari-jari tangan yang melukisnya.

Wajah itu tenggelam timbul di kepala Zamin. Cuma dia belum dapat menyatakan siapa gerakan manusia yang diimajinasikannya itu. Namun dia mengharap-harap sepenuhnya biarlah wajah yang akan tergambar kali ini melambangkan kedamaian jiwa dan biarlah ia membawakan lagu yang menghembuskan ketenteraman dalam hidupnya. Lantaran itulah dia tidak jemu-jemu berkurung di bilik kecil tersebut berhari-hari.

Dia berdiri. Mundur empat lima tapak ke belakang. Matanya disepetkan merenung si manis yang baru diciptanya itu persis seorang ahli penembak membidik sasarannya. Dia tersenyum sendiri. Hatinya mulai kembang melihat hasil usahanya itu sudah menampakkan sebahagian daripada apa yang diharap-harapkannya.

Dalam kepala yang penuh dengan gambaran indah itu tiba-tiba Zamin terkaku seketika diganggu oleh suara Zuri anak kakaknya yang berumur empat tahun itu terpekik-pekik menangis di bilik depan meminta sesuatu daripada emaknya. Keadaan begini sudah menjadi biasa sahaja bagi Zamin, te-

tapi sekali-sekala bengkak juga hatinya.

Di luar bilik dari celah-celah tingkap yang berjaring-jaring itu kelihatan cuaca yang begitu muram sejak tadi. Dan kini mulai rembas. Air-air halus seperti jarum berlumba-lumba jatuh dari langit. Zamin merasa kepenatan lalu melabuhkan buntutnya di kerusi panjang yang merupakan tempat tidur terletak di sudut kiri penjuru bilik itu. Sesuatu benda berat seolah-olah menindih kedua-dua kelopak atas matanya. Dan dia lalu terpejam.

Perempuan itu melangkah teratur menuju ke arah Zamin. Dan dinding dada Zamin dipukul-pukul oleh segumpal rasa yang belum pernah dialami sebelumnya. Dia menumpukan seluruh tenaganya menentang perasaan yang aneh itu. Seluruh tubuh orang yang mendatang itu ditelannya dengan matanya dan perempuan tersebut jadi serba tidak kena. Zamin merasakan satu kemestian untuk memulakan perkenalan itu. Dalam rasa ragu-ragu itu perlahan-lahan dia mengangkat punggung tegak lalu melangkah dua tiga tapak ke depan.

"Saudari cik ... Cik Mahanom?" tanya Zamin dengan sopan sambil ibu jari kanannya menuding ke arah perempuan yang sudah berada betul-betul di hadapannya itu.

"Ya saya Mahanom dan saudara Encik Zamin kan?" balas perempuan itu dengan sebuah senyum mengulum di bibinya.

"Memang tak salah lagi, selamat berjumpa dan

berkenalan!" jawab Zamin pula lalu tangan kedua-dua insan itu bertaut dan terenggam erat. Pun di kedua-dua wajah yang berlainan jenis itu terukir senyum yang hanya kedua-duanya sahaja dapat mengertikannya.

"Dah lama Encik Zam menunggu?"

"Hmm lama juga, dah hampir kebas punggung la, nasib baik juga buah yang ditunggu itu gugur," balas Zamin sambil ketawa memanjang disambut oleh Mahanom. Kedua-duanya riang kelihatan.

"Kesian ... aa maafkanlah Anom lantaran terlambat ni," tingkah Mahanom pula dengan nada suara lembut.

"Tak ngapalah, mm ayuh kita ke sana!" Sambil jari Zamin menunjuk ke arah kanan dari tempat mereka berdua itu. Kenalan baru yang bertubuh langsing lampai itu mengangguk senyum, lalu kedua-duanya melangkah perlahan-lahan.

"Emak tau Anom nak jumpa dengan Zam ni?" Zamin memulakan perbualan setelah beberapa ketika terdiam.

"Tau."

"Ayah!"

"Tidak, Anom pun tak berani nak beritahunya."

"Ngapa?"

"Ayah tu garang juga orangnya."

"Oooo begitu! Agaknya kalau dia jumpa kita duduk begini entah-entah nahas kita." Sambil Zamin tersenyum kecil.

"Takkanlah begitu, pandai-pandailah Anom buat jalan. Kita bertemu, ini pun secara jujur, takkan jadi apa-apa," balas Mahanom sambil melirik ekor matanya ke arah Zamin. Zamin terdiam.

Suasana kembali sepi, beberapa ela di hadapan mereka kelihatan dua gadis Cina memakai *skirt* berjalan perlahan-lahan sambil ketawa-ketawa kecil. Entah apa yang menggelikan mereka. Dan di sana sini pula beberapa pasang manusia sedang duduk menyedut udara petang yang redup itu.

"Eh, janganlah Encik Zam renung Anom macam tu, Anom tak maulah."

Mahanom bersuara manja dan pantas menutup wajahnya dengan rambut yang terurai.

"Anom, janganlah kau salah mengerti, bukalah matamu dan renungilah mata Zam ni," pujuk Zamin lembut.

Lama Mahanom terdiam, kemudian perlahan-lahan menghalakan rambut yang menutup tangannya sambil mengalihkan sedikit pandangannya ke arah Zamin. Jelas kelihatan sifat malunya yang tebal.

"Zam ingin menyatakan sesuatu pada Anom, kiranya kau mau mendengar dan menerimanya."

"Mengapa teragak-agak lagi? Katakanlah supaya Anom dengar."

"Anom ... cuba kau renung kembali tentang persahabatan kita, sudah melangkahi ambang pintu tahun yang pertama. Sudah diperkatakan tentang

diri kita, tentang minat dan kegemaran, tentang keluarga dan segala-galanya tentang diri kita berdua."

"Jadi!"

"Jadi ... kenapa kita harus teragak-agak memperkatakan sesuatu yang tersembunyi selama ini secara berterus terang dan jujur, puncak dari jalan hidup yang sedang kita harungi ini atau Anom memang mahu kita menjalani hidup secara ini saja selama-lamanya."

Mahanom mula memahami tentang apa yang diperkatakan oleh Zamin itu, tetapi dia pura-pura hendak mengetahuinya lagi.

"Anom tak tahulah, Encik Zam cakaplah ... Anom sedia mendengarnya."

Beberapa ketika suasana terlalu tenang. Masing-masing terdiam. Dan tiba-tiba Zamin berpaling menghadap Mahanom. Wajah Mahanom yang bujur sirih itu dijelajahi dengan bola matanya.

"Anom, aku sudah dewasa untuk berfikir dan kau juga demikian, tentulah kita tidak mahu lagi diumbang-ambingkan oleh perasaan dan keindahan rasa saja. Dan lantaran itulah Zam rasa tidak ada sesuatu yang menghalang untuk berterus terang padamu."

"Zam rasa tidaklah terlanjur atau melakukan sesuatu yang di luar batasan bila keputusan ini Zam ambil. Anom, Zam mahu mengakhiri persahabatan kita ini di dalam sebuah ikatan yang kukuh.

Zam mahu jadikan kau teman hidup Zam buat selama-lamanya dan Zam akan menghantar utusan buat melamar Anom."

Mahanom tunduk. Wajahnya merah menahan sesuatu perasaan ganjil dalam dadanya, namun dia cuba menenteramkannya dan dengan segala ketenangan kata-kata Zamin sebentar tadi ditelannya bulat-bulat.

"Bagaimana keputusan Anom?"

Lama Mahanom terdiam. Matanya direnung ke arah hujung kasutnya yang menguis-nguis pasir di situ.

"Encik Zam akan menyesal nanti!"

"Menyesal, kenapa Anom kata begitu?"

"Kita baru pertama kali bersua wajah. Encik Zamin belum kenal siapa Anom, pun belum tahu hati budi Anom. Dan banyak lagi sudut kehidupan Anom yang belum pernah Encik Zamin pelajari. Bukankah nanti Encik Zam akan menyesal kalau sesuatu yang di luar kemahuan Encik Zam telah Anom lakukan dengan tidak disedari?"

"Oh itu yang Anom maksudkan ... hmm Zam rasa kita tidak membohongi kenyataan? Rangka-rangka kehidupan dan peribadi yang telah kita telanjangi melalui warkah-warkah biru itu sudah cukup untuk kita jadikan asas bagi sebuah tugu yang kukuh dan satu sampul yang akan terjalin kuat kelak!"

"Anom mengakui kebenaran kata-kata Zam tu,

tapi ... itu semua kan hanya sebuah rangka hidup yang tidak lahir, artinya belum pasti akan kebenaran atau kenyataannya!"

"Tanpa kebenaran bererti menipu dan Anom telah membohongi Zam juga menipu diri Anom sendiri. Meskipun ianya tidak lahir? Bukankah begitu?"

"Tidak! Anom tidak pernah berbicara melalui dari dua daerah hati dan dua lidah yang bercabang. Pun Anom tidak terlintas untuk membohongi kenyataan sebagaimana yang Encik Zam katakan!" Mahanom bersuara tegas seolah-olah bersungguh-sungguh benar dia mempertahankan kebenarannya.

Zamin berpusing menghadap Mahanom seolah-olah seperti hendak berdiri dan dia pantas meningkah persis tuan hakim membuat keputusan kepada orang salah di kandangnya.

"Jadi ... kenapa harus kita takutkan kepada bayang-bayang yang direka sendiri? Bukankah kita hanya merangka hidup, sedangkan Tuhan menentukan baik buruk kehidupan itu. Zam rasa kemesraan dan saling mengerti antara dua jasad dan rohani kita sudah tidak menjadi kebimbangan lagi untuk membina sebuah dunia yang penuh bahagia dan harmoni dengan keyakinan yang kukuh."

Beberapa detik berlalu sepi. Kedua-dua insan itu hanyut dalam fikiran sendiri dari perkara yang sedang mereka persoalkan.

"Kenapa Anom? Masih ragu-ragu lagi dengan

cadangan Zam ini atau ada sesuatu yang lain menyebabkan tidak dapat memberi keputusan yang jitu. Katakanlah, Zam tidak marah kalau Anom mempunyai sesuatu perkara yang menghalang dari menerima usul Zam tadi." Zamin bersuara selamba dengan nada menurun, setelah melihat Mahanom tunduk merenung bumi.

"Bukan begitu Encik Zam, sebenarnya Anom tak mahu membuat keputusan yang teragak-agak atau dua kali. Apa yang Anom mahukan ialah satu kepastian bahawa keputusan yang Encik Zam ambil itu adalah dari keluhuran dan keharmonian hati, bukannya dari dorongan nafsu atau sebagai melepaskan batuk di tangga saja."

"Anom, kenapa kau mahu melayani perasaan yang bukan-bukan ini? Bukankah siang-siang dah Zam sebutkan bahawa Zam mengambil keputusan ini dari fikiran yang dewasa dan matang. Justeru itu Zam tidak berniat untuk membuat paksaan, malah Zam mahu Anom juga membuat kata putus yang paling bijak seperti yang Anom telah lafazkan sekejap tadi."

Mahanom mengangkat tampangnya sambil matanya yang tajam itu menjelajahi muka Zamin seolah-olah membuat satu kesimpulan akhir. Bibir merah yang tanpa gincu itu bergerak-gerak menyerikan wajah bujur siri yang manis itu. Dan tangan kanan Zamin bergerak lalu singgah di tangan Mahanom. Jari Mahanom yang runcing itu diramas-

nya dengan ghairah. Dalam hati kedua-dua insan yang berlainan jenis itu sudah bulat dengan satu haluan yang suci murni serta keputusan yang nekad.

Tompok-tompok awan hitam yang sejak tadi berlegar-legar menyapu sang matahari kini mulai berlalu perlahan-lahan. Cahaya-cahaya yang tersembunyi mencuri-curi menyuluh ke muka bumi. Cuaca cerah di sana sini. Dan tidak siapa menduga dalam kecerahan langit itu tidak sahaja mencurahkan hujan yang kasar-kasar. Air-air yang berguguran bagaikan menikam-nikam muka bumi dan apa juga yang berada di sasarannya. Hujan itu makin menggila.

Mahanom pantas memaut tangan Zamin yang kasar itu. Ditariknya.

"Marilah kita berteduh di sana Encik Zam!" Sambil tangannya menuding ke hala sebuah bangunan kukuh yang tersergam tidak berapa jauh dari situ.

Zamin berdiri dengan wajah bersahaja dengan tidak bergerak dari tempat itu. Dia berpeluk tubuh, seperti hujan lebat itu tidak bermakna apa-apa pun kepadanya.

"Kau takut pada hujan Anom!" tanyanya dengan senyum tawar.

"Bukan takut, tapi Anom tak sanggup berbasah begitulah. Sejuk! Marilah kita ke sana!"

"Oh begitu ... kankah Zam juga demikian, jadi biarlah sama-sama sejuk dan basah. Barulah adil

kan?" tingkah Zamin bersahaja lagi.

"Kan kita masih boleh berfikir untuk berlindung dari berbasah kuyup? Kenapa kita harus berdiam diri menjadi seperti orang gila di tengah-tengah hujan begini?" berontak Mahanom sambil melepaskan pegangannya dari lengan Zamin. Mahu tidak mahu dia berlari-lari kecil menuju ke bangunan di hadapan sana.

"Anom! Kau mahu ke mana? Biarlah Zam bersama-sama ke sana. Tunggu!" pekik Zamin setelah sedar bahawa perbuatannya itu seperti orang tidak waras. Mahanom sudah jauh di depan.

Zamin kesejukan dan sekaligus dia menghayun kaki untuk pergi ke bangunan itu juga. Dia terasa harus berlindung dari air yang menyimbah-nyimbah itu.

"Anom ... tunggu ..." teriakannya lagi dan tanpa disedarinya tersandung ke sebuah batu. Dia jatuh tersembam.

Zamin menggeliat kesakitan. Apabila dia membuka mata di hadapannya terpancang potret yang sedang diciptanya dan dari tingkap berjaring di sebelah kanannya air tempias hujan berlumba-lumba masuk ke dalam bilik, *singlet* yang dipakainya juga basah. Dan dia tidak lagi di atas kerusi panjang itu.

Dengan dada yang masih bergegar Zamin mula mahu memahami pengertian yang berat dari sebuah alam yang baru dikunjuginya tadi. Wajah

ayu gubahan fikiran di depan itu direnungi tajam-tajam.

"Mahanom ... ah Anom ...!" Berulang kali nama itu dikeluhnya dengan kepalanya tergambar sebuah dunia yang penuh harmoni.

Majalah Filem, Bil. 116, November 1969.

LAIN TUNANG LAIN KAHWIN

Sulaiman Awang

MALU, malu betul Mak Cik Esah. Malunya itu bukan alang kepalang. Bagaikan mukanya dilumuri dengan tahi anjing. Perkara yang memalukan itu sekejap berpindah dari mulut ke mulut, dari telinga meniti ke telinga lainnya dan teruslah ia merebak.

Itu satu kejadian yang tidak diduga sama sekali dan berlaku pada dirinya. Inilah yang memalukan Mak Cik Esah. Walaupun ia bukan satu perkara yang ganjil atau tidak pernah berlaku di mana-mana, tetapi soalnya ialah soal terlepas cakap. Sudah tidak mungkin kata-kata itu ditarik balik.

Betapa tidak, ia sudah menjadi sebuah drama tontonan para jiran, menjadi sebagai halwa telinga mereka sehari-harian. Lantaran sebab itu Mak Cik Esah terasa seperti dia sentiasa diejek-ejek dan diperkatakan orang. Di sana sininya orang bercakap. Dia merasakan dirinya tidak habis-habis dihimpit oleh berbagai-bagai cemuhan. Justeru itu dia bertindak mematikan dirinya di rumah.

Lima bulan yang lalu dan masih terang atau je-

las di mata kepala mereka betapa kereta Ford Escort berwarna kuning kunyit itu begitu sering benar menyusur dan singgah di halaman rumah berderet yang di hujung sekali. Pada setiap kalinya pula ramai yang memerhatikan kewujudan tetamu itu. Mereka yang menyaksikan adalah manusia yang berasa cemburu dan jelik.

Dan yang seringnya, dari tingkap berjaring kasar-kasar rumah yang di hujung itu akan terjenguklah sebuah wajah manis dengan senyumannya yang melebar. Lalu dibalas senyum itu oleh pemuda kakak yang memandang dari tingkap kereta berwarna kuning kunyit itu. Senyum akan berbalas dengan senyuman yang mengasyikkan.

Kemudian pemuda yang berseluar *trevira* kelabu dengan kemeja lengan pendek berjalur-jalur merah itu akan keluar dari keretanya. Sungguh kakak dan gagah. Sepantas itu pula suatu lembaga yang berbadan sedap dan gebu akan menyongsong ke muka pintu. Dia dituruti pula oleh seorang yang bertubuh agak gempal. Begitu sibuk mengemas rambutnya, seolah-olah terlalu megah menyambut ketibaan seorang pemuda yang telah menjadi kepercayaan dan kebanggaannya itu.

Sikap pemuda itu penuh sopan dan hormat. Dia lantas memenuhi pelawaan Mak Cik Esah. Dia tanpa kekok akan mengatur langkah ke pintu bersapu cat biru laut itu dan melabuhkan buntutnya di tilam kusyen yang lembut.

Sebentar sahaja dia duduk dan pemuda segak itu akhirnya diiringi oleh gadis comel Mak Esah. Kedua-duanya memang sepadan atau kena segala-galanya. Satu segak dan satu lagi genit.

"Kami pergi dulu mak cik!" Lembut suara pemuda itu meminta izin. Seketika dia berhenti hendak membuka pintu keretanya.

Mak Cik Esah tersengih melebar sambil mengangguk-angguk. Kedua-dua tubuh tadi pun berada di dalam kereta dan sekejapan itu Ford Escort berwarna kuning kunyit akan bergerak perlahan-lahan. Dan akhirnya menderam meninggalkan Mak Cik Esah yang masih tersengih-sengih. Sekali lagi berpuluh-puluh pasang mata akan mengekori kejadian itu dengan perasaan yang pelbagai.

Entah di mana kereta Ford Escort itu berlabuh dan berteduh dengan kedua-dua insan yang sedang mabuk suatu keindahan itu. Lewat malamnya barulah kereta itu kembali menyusuri jalan dan singgah sebentar untuk menghantar gadis yang sudah tidak kemas lagi rambutnya itu.

"Awak harus behati-hati sikit Cik Esah, jangan dah terantuk baru nak tengadah. Menyesal kemudian tak gunanya lagi!" Pak Dali membuka cakap ketika kedua-dua suami isteri itu sedang duduk-duduk di ruang depan.

"Maksud awak?"

"Si Roslina anak awak tulah, dia baru nak mengambil peperiksaan akhir, aku tengok tak per-

nah lekat di rumah. Tak pernah aku tengok dia menghadapi buku-buku pelajarannya. Tak habis-habis berjalan-jalan sampai lewat malam.”

“Ah, awak ni pun satu. Apalah salahnya dia berjalan dengan tunangnya Si Jamil tu. Bukannya orang lain, takkanlah kita nak tahan dia orang tu nak keluar sekali-sekala!”

“Yalah, orang lain pun bertunang juga, tapi kan tak elok kalau dah melampau-lampau sangat. Aku bimbang nanti yang dikejar tak dapat yang dipegang terlepas. Ha, apa awak nak buat?” Pak Dali melepaskan perasaannya yang mula panas sambil membetul-betulkan duduknya.

“Tak dapat dan terlepas macam mana pula yang awak maksud kan ni?” balas Mak Cik Esah dengan mengerutkan keningnya.

“Aku dah cakap tadi, Si Roslina tu nak mengambil peperiksaan tak lama lagi, tak sampai pun dua bulan lagi. Kalau macam tu gayanya aku tak yakin dia akan berjaya. Duit dah banyak habis, nak cari kerja pejabat nampaknya payah sekalilah. Ha, nak salahkan siapa? Itulah yang aku takutkan Esah!”

• Mak Cik Esah bangun dan berjalan ke dapur. Sebentar kemudian keluar dengan menatang dua buah cawan yang berisi kopi yang sudah hampir sejuk. Wajahnya sedikit pun tidak membayangkan perubahan.

“Ah, itu pula yang awak susahkan, kalau ya pun

tak kanlah Si Jamil tu sanggup membiarkan atau mendiamkan diri saja. Tentu diajaknya menyegerakan hari perkahwinannya. Lagipun menurut janji pertunangan tempoh hari kalau tak ada apa-apa lepas hari raya ni, kita langsungkanlah. Tak ada masalah apa pun bang!" tingkah Mak Cik Esah selamba sambil mencapai cawan di hadapan lalu dibawanya ke bibirnya.

Pak Dali merenung tajam ke tampan isterinya. Wajah itu seboleh-boleh hendak ditelannya. Begitu-lah pada setiap kalinya suami isteri itu akan bertengkar-tengkar kecil. Pak Dali sering berasa tersinggung dengan perangai Mak Cik Esah yang suka ambil mudah sahaja.

"Awak cakap tu pakai lepas saja Esah, tak mahu awak kaji yang buruknya. Sekolah tak lulus, kerja tak dapat kerja, kahwin. Hah mudah sangat fikir-an awak tu. Cuba awak bayangkan kalau mereka tak jadi kahwin. Cuba awak fikirkan!"

"Sudahlah, jangan nak merepeklah bang. Yang bukan-bukan tu pula nak diingatkan. Abang saksi-kanlah sendiri mereka tu dah begitu mesra dan berkawan rapat, sehinggalah bertunang. Tak pernah bertengkar atau buat-buat hal, tak ada sebab dia orang nak berpisah ataupun tak jadi kahwin."

"Hai, manalah kita tahu dia orang tu tak pernah bertengkar. Itulah, awak yakin sangat kerana Si Roslina tu lawa, manis dan pandai bergaya. Awak ingat kecantikan itu sudah cukup untuk me-

ngikat Jamil untuk berkahwin dengan Roslina. Tak dibayangkan pula orang-orang muda dan kacak serta berkereta seperti Jamil tu mahu memilih gadis-gadis manis dan bekerja di pejabat-pejabat yang bertaburan di ibu kota ni?"

"Ah, awak tu pandai-pandai saja nak buat cerita yang bukan-bukan. Cerita yang tak masuk akal. Sudahlah! Malas saya nak layan awak ni bercakap!" Mak Cik Esah bangun dan berlalu dari situ. Pak Dali terdiam, matanya bulat mengikuti daging punggung isterinya yang terhentut-hentut tebal itu dengan hati yang bengkok. Dia berasa tidak puas hati dengan telatah isterinya itu.

Bulan puasa tiba. Rumah sederet yang di hujung itu nampak bersih lamannya. Empat lima hari ini Mak Cik Esah rajin benar menebas dan mencabut rumput-rumput yang tumbuh tidak tentu hala itu. Batu-batan yang senget itu dibetulkan supaya teratur empat persegi di sekeliling bunga orkid yang sedang berbunga itu.

"Wah-wah, dah bersih dan indah taman istana kita ni ... maklumlah orang nak terima menantu!" sindir Mak Bedah, jirannya yang duduk selang empat pintu dari rumahnya.

"Awak ni menyindir saya ajelah Cik Bedah. Sebenarnya saya rimas menengok laman ni tak tentu arah aje rupanya. Lagipun pagi-pagi begini elok juga keluarkan peluh," balas Mak Cik Esah sambil bangun dan mengesat peluhnya dengan lengan baju.

"Itu pun iya juga, tapi ... kalau Cik Esah tak mahu cakapkan pun kami tahu juga, sekarang bulan puasa, tiga minggu lagi raya. Lepas tu, hmmm kalau nak bersiap-siap boleh juga saya tolong-tolong," sindir Mak Bedah lagi.

"Hmm, hajat saya tu memang hendak dilangsungkan lepas raya ini, bimbang juga bertunang lamalama. Lagipun Abang Dali tu nak dapat duit gaji kebelakangan, jadi memang kenalah masanya."

"Bertuahlah Cik Esah, dulu tak jadi dengan Si Khairi tu, dapat pula yang ini, nampaknya bakal menantu awak ni tak calang-calang orangnya. Kacak, berpangkat dan berkereta pula. Sekali-sekali dapat juga awak tumpang naik nanti."

"His, jangan awak sebut-sebut lagi nama Si Khairi tu, meluat sangat saya. Dia yang tergilagilakan sangat dengan Roslina. Tak sedar kerjantah apa-apa, rupa pun tak ada, ada hati hendak memining anak saya. Apa lagi, memang saya suruh Roslina putuskan langsung perhubungannya dengan budak tu. Bukan budak Khairi tu saja Cik Bedah, ada dua tiga orang lagi yang berkawan rapat dengan Roslina tu, tapi satu pun saya tak berkenan!" kata Mak Cik Esah menguatkan ceritanya.

"Hm, orang dah lawa tu banyaklah orang suka. Macam anak saya tu dah tak berpelajaran, rupa hodoh pula. Siapalah yang hendak," keluh Mak Bedah separuh kesal.

"Eh, tak baik awak cakap macam tu, sedangkan tunggul di air pun ada jodohnya dengan lumut. Ini pula manusia. Sabar sajalah Cik Bedah."

Dan perkara Roslina anak Mak Cik Esah itu makin tidak dihiraukan orang lagi. Pemuda kakak berkereta Ford Escort itu sudah macam berumah tangga di situ. Tidak kira pagi atau petang, dia sering berlabuh di rumah hujung itu, maklumlah rumah tunangnya. Sekejap-sekejap sahaja mereka pun keluar. Penghuni-penghuni rumah deret itu sudah tidak ambil pusing lagi.

Tetapi, tiba-tiba sahaja sejak tengah malam tadi rumah Mak Cik Esah itu ribut. Macam ada penghuninya diserang polong. Ribut dan kelam-kabut. Lampunya terpasang hingga ke pagi. Padahal perkara itu sudah selesai kira-kira pukul 12:00 tengah malam lagi. Tamu empat lima orang yang diundang secara darurat itu telah lama pulang ke rumah masing-masing.

Detik perkara yang sama sekali tidak diduga itu menyebabkan Mak Cik Esah bersengkang mata. Sudah banyak air tercurah dari lubuk matanya yang sudah membengkak itu. Fikirannya begitu kusut. Dia berasa kesal dan sesal. Tetapi ternyata satu pun tidak memberi gunanya lagi. Semuanya hancur.

Pada pagi itu suatu perang kecil berlaku lagi di rumah itu. Kali ini Pak Dali benar-benar naik anginnya. Diluahkan habis-habisan perasaannya.

Dihamburkannya segala kata-kata yang sudah pun diperam di dalam kepalanya. Mak Cik Esah yang sudah macam orang gila itu hanya menelan kata-kata lakinya itu. Kata-kata itu macam sebilah tom-bak yang menikam-nikam dadanya. Dia benar-be-nar seperti orang yang gila.

Sekejap itu ia merebak. Persis api yang marak membakar daun-daun lalang kering. Penghuni-peng-huni rumah berderet itu tersenyum-senyum apabila berselisih antara satu sama lainnya. Masing-masing membawa cerita itu di dalam kepala mereka.

"Eh, pakai lawa senyum-senyum aje ni, datang dari mana pula Mak Zimah? Ada apa-apa ke?" Demikian tegur Mak Bedah yang baru balik dari Tanjung Lokan menziarahi ibu mentuanya. Dia berkata sewaktu bertembung dengan Mak Zimah di selekoh tidak jauh dari rumahnya.

"Hai, datang dari mana lagi kalau bukan dari rumah orang kenduri! Awak buat tak tau pulak!"

"Siapa pula kenduri? Saya benar-benar tak tahu, sebab baru balik dari Tanjung Lokan. Siapa buat kenduri tu Mak Zimah!"

"Ha, ha, sebenarnya saya ke rumah awaklah tadi, awak tak ada. Saya terus ke rumah Hendun, ji-ran sebelah rumah awak tu. Yang kenduri tu orang di rumah pintu yang keempat itulah!"

"Maksud Mak Zimah di rumah Cik Esah? Eh mana khemahnya?" tanya Mak Bedah beriya-iya sambil mengangkat keningnya. "Oh ya, kenduri ar-

wah agaknya," sambung Mak Bedah lagi selamba.

"Ha ha ha, awak ni betul-betul ketinggalan zamanlah Bedah. Ini kenduri kahwinlah. Kahwin awak tau?" balas Mak Zimah dalam ketawanya.

"Ah, Mak Zimah ni merepeklah! Siapa pula kahwin, saya tak percayalah! Mana dia khemahnya?"

"Bodohnya awak ni, ini kahwin darurat!" tegas Mak Zimah dengan nada perlahan sambil mendekatkan muncungnya ke telinga Mak Bedah.

"Maksud Mak Zimah, Si Roslinakah?" tanya Mak Bedah perlahan dan menghampiri Mak Zimah.

"Yalah!"

"Dengan siapa?"

"Dengan budak penyembur ubat nyamuk, namanya Muis."

"Eh, lain tunang lain pula yang kahwin...!"

Majalah Filem, Januari, 1971.

DEBAR MENANTI

Talib Samat

BUKAN kepalang gembiranya hati Agnes apabila ibu dan bapanya memberi keizinan kepadanya untuk mendaki Gunung Kinabalu pimpinan Cikgu Jamil. Mahu sahaja rasanya dia melaungkan dari rumahnya ke Penampang memberitahu Cikgu Jamil tentang berita gembira itu.

Tidak pernah terfikir Agnes kedua-dua orang tuanya memberi kebenaran kepadanya untuk mendaki gunung. Sebelum ini pun dia pernah permohonan keizinan bapanya untuk mengikuti ekspedisi mendaki puncak Gunung Kinabalu itu. Tetapi bapanya tidak mengizinkan. Alasannya, Agnes belum cukup umur dan matang untuk menghadapi kesukaran mendaki gunung yang tidak kurang bahayanya itu.

"Hai Agnes, apa tersenyum-senyum seorang diri itu," tegur Metusin dari arah belakang.

"Hah kau ni betul-betul buat aku terkejut saja-lah," jawab Agnes seperti terperanjat.

"Apakah kau terkejut?" sela Metusin.

"Yalah kau tiba-tiba ada di belakang. Mana aku tak terkejut. Kau datang dari mana? Mana kawan kau Si Sabli tu?" tanya Agnes sambil mengemas-mengemaskan buku dan alat tulisan yang berselerak itu.

"Aku dari perpustakaan tadi meminjam beberapa buah novel dan buku untuk dibaca. Si Sabli masih ada di perpustakaan. Dia sedang asyik membaca sebuah buku yang mengisahkan pengembaraan ke kutub utara," jelas Metusin lancar tidak tersangkut-sangkut.

"Novel apa yang dibacanya sampai tak keluar-luar *library* itu?" tanya Agnes.

"Novel *Berbasikal ke Artik*, karya Shaari Isa. Novel ini mengisahkan pengembaraan beberapa orang remaja yang berbasikal ke kutub utara. Aku baru tengok-tengok kulitnya sahaja," sela Metusin.

"Oh begitu! Bolehkah aku meminjamnya," tanya Agnes lagi.

"Boleh sahaja. Tapi kau masih belum menjawab pertanyaanku tadi tentang mengapa kau tersenyum-senyum seorang diri," kata Metusin sambil membelek-belek novel A. Samad Said yang baru dipinjamnya.

"Oh ya! Hampir terlupa aku menjawab pertanyaan kau tadi. Aku sebenarnya berasa cukup gembira pada hari ini kerana kedua-dua orang tuaku khususnya bapaku telah mengizinkan aku pergi menyertai rombongan mendaki Gunung Kinabalu pimpinan

Cikgu Jamil itu. Itu yang membuatkan aku terse-nyum-senyum sendirian," jelas Agnes panjang lebar.

"Begitu rupanya. Kalau gitu aku ucapkan tahniah kerana kau telah mendapat keizinan itu," tegas Metusin sambil menghulurkan jabat tangannya kepada Agnes yang begitu berseri wajahnya pada hari itu.

"Terima kasih sajalah Metusin," sahut Agnes selamba.

"Aku percaya keizinan orang tua kau itu akan menguatkan azam dan cita-cita unggul kau untuk mendaki Gunung Kinabalu itu," terang Metusin penuh yakin.

"Memang benar Metusin. Kata-kata kau itu memang ada betulnya. Aku semacam dapat merasakannya. Sokongan dan keizinan kedua-dua orang tuaku itu seolah-olah telah memberikan aku separuh kejayaan dalam usaha mendaki Gunung Kinabalu itu," sela Agnes kemalu-maluan.

Loceng tanda tibanya waktu rehat berbunyi. Metusin mengajak Agnes ke perpustakaan sekolahnya. Pada fikirannya, masa yang ada wajar digunakan dengan sebaik yang mungkin. Masa itu emas! Itulah falsafah yang dipegangnya. Atau, se-pertimana yang diajar oleh kedua-dua orang tuanya.

Bapanya Pak Osman adalah anggota polis yang akan pencen. Ibunya adalah suri rumah tangga se-

penuh masa. Ibunya berperanan dalam membantu melayari bahtera kehidupan mereka.

"Kau tak pergi minum ke Matusin. Aku dah lapar ni," kata Agnes memecah kesunyian bicara mereka yang tiba-tiba mati itu.

"Aku ada bawa bekal yang dibekalkan oleh emak aku. Aku sebenarnya jarang minum di kantin kecuali bila perlu saja," celah Matusin sambil menghayunkan kakinya menuju ke perpustakaan.

"Oh begitu. Bagus juga amalan kau itu. Aku fikir pun nak buat begitu. Lebih selamat dan menjimatkan," sela Agnes.

"Begini Agnes, sejak peristiwa ramainya pelajar termakan mi beracun hingga terpaksa dihantar ke hospital dulu, aku membawa bekal ke sekolah. Bimbang atau takut termakan makanan beracun. Bahaya," jelas Metusin.

"Betullah cakap kau tu, Sin. Aku akan mengikut jejak langkah kau itu," sahut Agnes.

"Sepatutnya kau buat lama dulu. Tapi masih belum terlambat untuk berbuat begitu," tambah Metusin. Dia menyokong langkah yang bakal dibuat oleh sahabat baiknya itu.

Mereka hampir tiba ke pintu masuk perpustakaan. Sabli kelihatan masih tekun membaca novel *Berbasikal ke Artik*. Metusin dan Agnes segera mendekati mereka. Mereka serentak menyergah Sabli hinggan Sabli terkejut dan terlatah-latah.

Kedua-dua kawan yang berlainan suku kaum itu terkekek-kekek ketawa melihat telatah Sabli yang memang pelucu sedikit orangnya. Fiilnya yang baik itu disenangi rakan-rakannya.

"Apalah kau orang ni, suka buat aku terperanjat sahaja. Apa hal kau orang datang mengganggu aku ini?" tanya Sabli sambil menutup novel yang dibacanya itu.

"Sahaja nak tengok apa yang kau baca itu," ce-lah Metusin sambil menarik kerusi dan duduk.

"Yalah Sabli, aku ingin juga meminjam novel remaja *Berbasikal ke Artik* itu. Aku ingin membacanya demi menimba pengalaman hidup seorang pengembara," kata Agnes ghairah dan memandang novel itu.

"Kalau tak silap aku buku-buku lain ada juga yang mengisahkan beberapa orang penulis atau pengembara yang menjelajah ke seluruh dunia," sahut Sabli.

"Buku mana lagi. Aku tak berapa tahu. Beritahulah dan boleh juga aku cari nanti," saran Metusin.

"Kalau tak silap aku, buku *Mengelilingi Dunia Dalam 80 Hari* ada diceritakan tentang pengalaman penulisnya yang mengelilingi dunia dan menempuh pelbagai susah payah. Aku juga ingin mengembara dan sekurang-kurangnya mendaki Gunung Kinabalu itu," jelas Sabli memberanikan dirinya.

"Betul ke apa yang kau kata itu, Sabli?" sanggah Agnes.

"Betul, takkan aku nak berbohong pula. Dalam novel remaja *Berbasikal ke Artik* ini juga aku percaya ada lagi kisah-kisah menarik yang diceritakannya. Patutnya novel itu boleh menjadi lebih tebal dan menarik," kata Sabli serius.

"Hah! Kau ni belum pun sampai ke sana dah macam-macam cakap. Apa lagi bila dah sampai ke sana nanti. Lagi ramai orang ditemberangnya," usik Metusin.

"Taklah sampai begitu teruk. Tapi aku yakin dan percaya memang ada lagi kisah-kisah menarik yang tak ditulis oleh penulis tersebut," jawab Sabli benar-benar yakin.

"Kau dah habis ke baca novel itu?" tanya Agnes.

"Tinggal 10 halaman sahaja lagi. Lepas ni aku akan bagi kau pinjam. Bolehlah dibuat panduan sedikit sebanyak bila mendaki gunung itu nanti," sahut Sabli sambil mendepang-depangkan tangannya. Dia berbuat begitu setelah lama bertekun membaca buku di perpustakaan.

"Baguslah kalau begitu. Eh, kau tak pergi minum ke?" tanya Agnes.

"Kau orang pergilah dulu. Aku nak habiskan bacaan ini. Tinggal beberapa halaman sahaja lagi," sela Sabli riang.

"Kau tu memang. Ulat bukulah katakan," sindir Agnes.

"Amalan dan sifat kuat membaca sepertimana yang kau amalkan itu memang bagus Sabli. Itulah sifat yang patut ada pada semua pelajar termasuklah aku. Aku rasa lebih baik jadi ulat buku daripada menjadi kutu rayau yang banyak terdapat di kaki lima, pawagam atau pusat membeli-belah dan snooker. Mereka itu boleh merosakkan bangsa dan negara. Syabaslah Sabli! Teruskan usaha kau yang baik itu. Semoga dicontohi oleh teman-teman kita termasuk Agnes," terang Metusin tanpa diminta.

"Wah! Betapa kembangnya hati kau Sabli apabila dipuji Metusin," usik Agnes lagi.

"Biasalah," kata Sabli pendek.

"Okaylah Sabli, aku pergi dulu. Aku pun belum minum pagi," jawab Agnes.

"Kau pergi scoranglah Agnes. Aku dah minum pagi," jawab Sabli.

"Kau pergilah Agnes. Aku dah minum tadi," sahut Metusin pula.

"Okaylah Sin. Kau jaga sikit kawan kita tu, nanti dimakannya buku itu," kata Agnes bergurau sambil tangan halusnyanya menunjuk ke arah Sabli.

Ketiga-tiga sahabat baik itu tersenyum-senyum. Mereka diusik oleh kenakalan masing-masing. Agnes pun pergi.

Sambil meneruskan pembacaannya yang terganggu tadi. Metusin berlegar di sekitar rak-rak buku untuk mencari buku yang boleh dibacanya sebagai

perintang waktu. Tiba-tiba fikirannya bertukar dan dia pergi ke sudut akhbar.

"Apa ni, surat khabar hari ini pun tak ada. Siapa yang mengambilnya. *Sabah Times* pun tak ada. *Daily Express* entah mana pergi. Oh! Nasib baik ada *Berita Harian*," katanya sendirian.

"Ini *Berita Harian* semalam. Lambat betul akhbar terbitan Semenanjung sampai ke Sabah," rungut Metusin lagi.

Metusin menyelak-nyelak lembaran akhbar itu dari satu halaman ke satu halaman yang lain. Tiada berita menarik, demikian fikirnya. Tiba-tiba dia terdengar loceng yang menandakan tamatnya waktu rehat. Kedua-duanya itu tergesa-gesa meninggalkan perpustakaan dan menuju ke kelas masing-masing. Sabli menyerahkan novel yang habis dibacanya itu kepada Metusin.

"Nah kalau nak pinjam buku ini ambillah. Atau, kau bagi kepada Agnes. Nampaknya dia begitu berminat nak membacanya," kata Sabli.

"Okaylah aku akan beri kepada Agnes. Biarlah dia baca dulu. Aku kemudian pun tak apa. Masih ada masa untuk aku membacanya sebelum menyertai ekspedisi Gunung Kinabalu nanti," sahut Metusin.

"Suka hati kaulah. Aku tak memaksa."

"Hatiku terasa berdebar-debar apabila memikirkan hari untuk mendaki Gunung Kinabalu yang semakin dekat itu," kata Metusin lagi.

"Berdebar apa bendanya pulak?" tanya Sabli.

"Yalah! Bimbang bila mengenangkan persiapan dan latihan yang belum cukup untuk mendaki gunung itu," jelas Metusin.

"Cukuplah tu. Nak buat persiapan macam mana lagi," tanya Sabli lagi.

"Aku tengok ada orang yang akan mendaki itu bersikap tak kisah langsung. Mereka tidak pula bersukan atau mengadakan latihan. Biasa sahaja," sahut Sabli lagi.

"Mereka itu lain. Badan mereka cukup sihat dan kuat. Stamina pun kuat. Kita ni masih remaja. Baru nak ambil SRP pada hujung tahun ini," luah Metusin.

"*Relax*lah Metusin. Kan kata orang ke gunung sama-sama kita daki, ke paya sama-sama kita turun. Wajarlah kita bekerjasama dan menanggung segala penderitaan semasa menuju ke puncak jaya nanti," kata Sabli. Kata-katanya itu berupaya membakar semangat waja yang ada pada Metusin.

"Moga-moga kita akan berjaya nanti," kata Metusin perlahan.

Mereka akhirnya masuk ke kelas. Dan pelajaran pada waktu itu sudah pun bermula.

KEMBALIKAN KEHIJAUAN DI DAERAH INI

Talib Samat

DI suatu sudut sekolah, kelihatan Taufik dan Rahmat sedang sibuk mengumpul surat-surat khabar lama yang berselerak di atas lantai bilik darjah mereka. Tiba-tiba datang Tan Kim Bee mendekati mereka.

"Apa kamu berdua buat ini?" tanya Tan Kim Bee sambil memandang ke arah mereka.

"Oh, kau Tan Kim Bee. Ingatkan aku siapa tadi. Kami sibuk mengumpul akhbar-akhbar yang banyak bersepah di dalam bilik darjah kita ni," jawab Taufik selamba.

"Buat apa dikumpul akhbar-akhbar lama itu. Bukankah lebih baik dibakar saja dan abunya dijadikan baja tanam-tanaman," usik Tan Kim Bee yang petah berbahasa Melayu.

"Idea kau itu memang bernas, Tan Kim Bee. Tapi pembakaran akhbar-akhbar lama ini akan mencemarkan udara dan alam sekitar di sekolah yang kita sayangi ini," sahut Rahmat pula sambil meletakkan kesemua surat khabar lama itu di

tepi pintu belakang kelas mereka.

"Bagaimana pula kau kata akhbar-akhbar lama kalau dibakar boleh merosakkan udara dan alam sekitar sekolah kita. Aku tak faham," kata Tan Kim Bee sambil berdiri terpacak di sebelah Taufik.

Kelihatan beberapa orang murid Darjah Enam Biru mendekati rakan-rakan mereka iaitu Taufik, Rahmat dan Tan Kim Bee yang sedang asyik berceloteh sesama mereka. Waktu itu kira-kira jam 7:15 pagi.

"Tak kan kau tak faham, Tan Kim Bee. Kita semuakan belajar sains. Bukankah pelajaran itu ada menyebutkan jika sesuatu atau sampah-sarap dibakar ia akan mengeluarkan gas karbon monoksida yang boleh merosakkan udara dan alam sekitar," kata Taufik, ramah.

"Betul, bila kau cakap gitu, baru aku teringat. Memang benar jika sesuatu benda atau bahan buangan dibakar dengan kadar yang tinggi ianya boleh merosakkan alam sekitar," luah Tan Kim Bee sambil menepuk-nepuk bahu Taufik sebagai tanda sokongan pada usahanya.

"Bagus kalau kau sudah faham apa yang sedang kami berdua lakukan, kau harus menolong kami," gesa Rahmat bersahaja.

"Tolong apa pula?" tanya Tan Kim Bee kebingungan.

"Kau pergi ajak para murid lain membantu

kami mengumpul kesemua surat-surat khabar lama yang bersepehan itu ke satu tempat. Kita letakkan di petak sekolah kita," cadang Rahmat dengan suaranya yang penuh psikologi.

"Kalau itu saja permintaan kamu tak ada masalah. Boleh aku tolong. Tambah pula aku ketua pengawas sekolah ini. Mudah sangat aku arahkan para murid ikut cadangan kau tadi," luah Tan Kim Bee sambil membetulkan tali lehernya.

"Kau buatlah mana yang patut. Asal jangan ada satu pun lagi surat khabar lama bersepehan di sekolah kita ini," kata Rahmat.

"Iya, kau ada kuasa untuk mengarahkan para murid lain membuat apa yang kau suruh dengan kedudukan kau sebagai ketua pengawas di sekolah ini," sampuk Taufik sambil mengikat surat khabar yang dikumpulkannya tadi.

Tiba-tiba angin dari arah Bukit Tiram bertiup kencang menerbangkan surat khabar lama yang dikumpul oleh Taufik dan Rahmat. Hanya surat khabar yang diikat oleh Taufik tadi tidak diterbangkan angin yang bertiup kencang. Bunyi tingkap pintu yang berlaga dengan dinding akibatupan angin kencang begitu kuat dirasakan.

"Oh! Kuat betul angin bukit pagi ini. Habis terbang surat khabar yang kita kumpulkan tadi," kata Rahmat.

"Iyalah, kuat betul angin hari ini. Tan Kim Bee, kau suruh kawan-kawan kita dan murid lain to-

long kutip surat-surat khabar lama yang berterbangan tadi," saran Taufik bersemangat.

"Elok sekali cadangan kau itu," sahut Tan Kim Bee sambil mengarahkan para murid lain membantu Taufik dan Rahmat mengutip semula surat khabar lama yang diterbangkan angin tadi.

Kelihatan kesemua murid Darjah Enam Biru bertungkus-lumus membantu Taufik, Rahmat dan Tan Kim Bee memungut surat khabar lama yang berterbangan ditiup angin kencang tadi. Mereka bekerja keras memungut surat khabar lama yang berterbangan tadi dan sampah-sarap, plastik dan bungkus gula-gula yang bersepah di sekitar kelas mereka dan kelas-kelas berhampiran kelas mereka. Angin terus bertiup kencang di sekitar sekolah mereka. Pasir-pasir kecil berterbangan di udara.

"Kuat dan kencang betul angin hari ini," kata Taufik.

"Betullah kata kau, Taufik. Aku lihat seperti akan turun hujan lebat tak lama lagi," celah Rahmat.

"Memang hujan akan turun tak lama lagi. Langit di sebelah barat tiba-tiba sahaja mendung. Elok kita cepatkan kerja mengutip sampah dan surat khabar yang bersepah ini," sampuk Tan Kim Bee bersemangat waja.

Rahmat, Taufik, Tan Kim Bee dan kesemua murid Darjah Enam Biru bertungkus-lumus memungut segala surat khabar dan sampah-sarap

yang berterbangan tadi. Angin terus bertiup kencang disertai dengan rintik-rintik hujan yang mulai turun.

Para murid yang bersemangat waja, berperasaan muhibah dan berperasaan cintakan keindahan alam sekitar itu akhirnya berhasil memungut segala surat khabar dan sampah-sarap yang berterbangan tadi. Sampah-sarap itu mereka masukkan ke dalam tong sampah yang bertulis perkataan "Sila Guna-kan Saya". Surat khabar lama yang berjaya dipungut itu mereka ikat dengan tali rafia kemas-kemas agar tidak diterbangkan angin lagi. Sebaik-baik sahaja mereka membawa masuk surat khabar lama itu ke belakang bilik darjah hujan turun selebat-lebatnya tanpa diduga. Cikgu Badariah, Guru Darjah Enam Biru ke bilik darjah untuk memulakan pelajaran bahasa Melayu pada pagi itu.

* * *

Cikgu Badariah mengucapkan syabas dan tahniah kepada para muridnya khususnya Taufik, Rahmat dan Tan Kim Bee yang menjadi penggerak kepada 'kempen mengumpul surat khabar lama.' Dia tersenyum puas.

"Kawan-kawan kamu seperti Taufik, Rahmat dan Tan Kim Bee itu memang wajar diteladani. Mereka telah menggerakkan 'kempen menghargai alam sekitar' di bilik darjah kita hari ini?" jelas

Cikgu Badariah sambil mengambil kedatangan para muridnya.

"Adakah sesiapa yang tidak hadir pada hari ini?" tanya Cikgu Badariah.

"Tak ada, cikgu," sahut Tan Kim Bee, selaku Ketua Kelas dan Ketua Pengawas.

"Kalau begitu baguslah. Saya ingin bertanya kamu sekiranya kamu semua berkelapangan pada petang ini? Sekiranya berkelapangan datanglah ke sekolah ini untuk membersihkan semak-samun di hujung sekolah ini. Semak itu saya rasa dekat betul dengan bilik darjah kita ini. Bagaimana? Setuju," tanya Cikgu Badariah sambil berjalan ke arah para muridnya.

"Ada projek apa, cikgu?" tanya Taufik ingin tahu.

"Saya ingin mengajak kamu semua membina sebuah taman bunga yang indah di sekolah kita ini. Semak-samun itu terasa menyakitkan pandangan mata kita dan adalah lebih baik kalau kita bergotong-royong membersihkannya. Tiap seorang diharapkan dapat membawa sejenis benih bunga untuk ditanam," terang Cikgu Badariah.

"Itu cadangan yang baik, cikgu," sampuk Tan Kim Bee sambil bergerak ke arah tingkap yang mula ditempiasi hujan lebat.

"Pukul berapa kami semua kena datang, cikgu," tanya Rahmat.

"Datanglah kira-kira jam 3:00 petang. Jangan

lupa bawa cangkul atau perkakas untuk menebas dan membersihkan semak-samun itu," pesan Cikgu Badariah.

"Baiklah cikgu," jawab para murid Darjah Enam Biru serentak.

Kira-kira jam 3:00 petang hampir kesemua para murid Darjah Enam Biru, Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Bunian datang membawa apa yang di-pesankan oleh Cikgu Badariah. Kelihatan Cikgu Badariah dan Ketua Murid, Tan Kim Bee sibuk mengarahkan para murid bergotong-royong membersihkan semak-samun yang sudah lama terbiar itu. Cikgu Badariah juga ikut menyumbangkan tenaganya. Dia menebas dan memancah semak-samun itu dengan sekuat tenaganya. Taufik sibuk menajak rumput senduduk yang banyak di kawasan yang luasnya kira-kira satu hektar itu. Para murid perempuan pula sibuk mengangkut lalang-lalang yang ditebas oleh murid lelaki ke tempat pembakaran. Kira-kira lewat jam 5:00 petang, semak-samun yang menimbun itu berjaya dibersihkan.

Peluh renik membasahi badan 30 orang murid Darjah Enam Biru itu. Mereka terus gigih bergotong-royong membersihkan semak-samun yang menyakitkan pandangan mata itu. Tiba-tiba seorang pelajar perempuan terjerit apabila seckor katak melompat dan menggelacah di hadapannya. Para murid ketawa dan berasa amat lucu di atas perlakuan-nya itu.

Asap berkepul-kepul ke udara daripada sampah-sarap dan lalang yang dibakar. Taufik dan Rahmat sibuk membuat batas dan menggali lubang untuk menanam bunga dan anak pokok yang dibawanya. Beberapa orang murid membuat pagar untuk taman bunga yang mereka bina itu.

"Apa kata kalau dibina pokok atau tempat duduk supaya para murid dapat berehat dan membaca buku," kata Rahmat memberi cadangan.

"Itu suatu cadangan yang baik, Rahmat. Kita boleh minta Pak Mat tukang kebun menukang atau membinanya nanti," sahut Cikgu Badariah sambil menyeka peluhnya.

"Saya lihat dah banyak ditanami pokok bunga sepertimana yang cikgu suruh pada pagi tadi," luah Tan Kim Bee.

"Betul, Tan Kim Bee. Saya lihat para murid di tanah rancangan FELDA ini bersemangat dan suka bergotong-royong. Saya akan buat jadual tugas untuk menyiram bunga dan pokok-pokok yang ditanam itu. Masa sekolah dan hari cuti," jelas Cikgu Badariah yang berwajah hitam manis dan berpakaian dakwah itu.

Para murid terus menanam pokok bunga dan ikut membubuh baja yang mereka bawa. Baja humas yang sememangnya ada di situ memudahkan lagi kerja mereka untuk menanam bunga daripada pelbagai jenis.

Kira-kira jam 6:15 petang para murid Darjah

Enam Biru pulang ke rumah masing-masing. Pada setiap pagi atau petangnya akan kelihatanlah beberapa orang murid menyiram bunga-bunga dan pokok-pokok yang menjadi penghijau alam itu.

Hari berganti minggu dan minggu berganti bulan. Bunga-bunga yang ditanam telah tumbuh dengan subur dan cantiknya. Beberapa buah pondok dan tempat berehat yang dibina di situ telah membolehkan beberapa orang murid belajar atau berbincang tentang pelajaran mereka.

Kawasan taman bunga di hujung kawasan sekolah itu berupaya menyeri dan mengindahkan kawasan itu. Ia lahir daripada semangat bekerjasama para muridnya. Mereka memperlihatkan semangat bertanggungjawab memelihara keindahan dan kebersihan alam sekitar. Para murid yang membuang sampah di merata-rata tempat telah dikenakan disiplin atau denda. Para murid diminta bekerjasama menjaga kebersihan dan membuang sampah ke dalam tong-tong sampah yang disediakan oleh pihak sekolah.

Taufik, Rahmat dan Tan Kim Bee sedar bahawa bunga-bunga dan pokok-pokok yang ditanam itu mengeluarkan oksigen. Ia menjadikan udaranya lebih bersih dan nyaman. Setidak-tidaknya menyedapkan mata yang memandang.

Syukur alhamdulillah. Apa yang dirancang oleh Cikgu Badariah semuanya berjalan lancar. Sudah terbinalah sebuah taman bunga atau taman pertanian yang indah di kawasan sekolah itu. Ia

menjadi tumpuan para murid dan guru di sekolah itu. Pada waktu rehat dan berkelapangan ramailah para pelajar yang singgah di taman bunga itu. Mereka menikmati keindahannya, kesegaran udaranya dan hasil adanya semangat muafakat. Tiupan angin yang melintasi bukit dan kebun-kebun kelapa sawit menjadikan ia menyamankan. Keindahan dan keseronokan menikmati alam semula jadinya tambah menyenangkan perasaan.

* * *

Taufik, Rahmat dan Tan Kim Bee serta rakan-rakan mereka terus menjalankan projek mengumpulkan surat-surat khabar lama. Sudah banyak mereka kumpulkan.

“Wah! Banyak betul surat khabar lama yang dapat kita kumpulkan ya, Rahmat,” kata Taufik pada suatu waktu rehat. Di taman bunga itu mereka duduk sambil menjamu bekalan yang mereka bawa.

“Memang betul tu,” luah Rahmat.

“Iyalah ... eh bila kita nak serahkan surat khabar lama ini kepada pihak yang menerbitkannya?” tanya Tan Kim Bee girang.

“Kau jangan bimbang, Tan Kim Bee, Rahmat. Kita akan jumpa Cikgu Badariah dan meminta beliau memberitahu guru besar supaya diadakan majlis penyerahan surat khabar lama itu,” terang Taufik bersahaja.

"Aku rasa masa yang elok untuk menyerahkan kesemua surat khabar itu ialah pada 1 September," kata Rahmat.

"Lagi cepat, lagi baik. Daripada surat khabar itu tersimpan lama hingga kertasnya menjadi kuning ada lebih baik kalau kita serahkan kepada pihak penerbit akhbar itu. Tentunya mereka boleh menjadikan ia bahan baja atau kertas semula," jelas Tan Kim Bee.

"Okaylah, sekejap lagi kita semua pergi berjumpa Cikgu Badariah dan menyampaikan maksud kita itu," sampuk Taufik pula.

Ketiga-tiga murid yang bersahabat akrab itu telah berjumpa Cikgu Badariah. Cikgu Badariah kemudian telah menyampaikan hasrat murni ketiga-tiga orang murid itu kepada guru besar sekolah. Guru besar telah berjanji akan menghubungi pihak penerbit akhbar *Harian Titiwangsa* dan menyampaikan hasrat murni pada murid di sekolah itu.

Tepat pada jam 10:00 pagi, 1 September satu upacara penyerahan surat khabar lama *Harian Titiwangsa* berjumlah 2,000 naskhah telah diserahkan kepada Encik Mustafa Ahmad, Ketua Pengarah akhbar yang terkemuka itu. Sebuah lori kecil telah mengangkat kesemua akhbar lama itu ke ibu pejabat akhbar itu di Kuala Lumpur.

Semua pihak menarik nafas lega. Rasa girang itu bukan kepalang dirasakan. Ternyata mereka telah bersama-sama menyumbangkan tenaga dan meme-

lihara kebersihan alam sekitar. Hasilnya adalah kehijauan bumi di kawasan Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Bunian Negeri Johor Darul Takzim.

"Tahniah, cikgu. Tahniah para murid. Semoga kerjasama ini dapat diteruskan lagi," kata Encik Mustafa Ahmad mengakhiri ucapannya.

"Terima kasih. Saya dan para murid di sekolah ini akan meneruskan usaha dan kerjasama itu. Ia amat baik untuk menjadikan surat khabar lama suatu bahan berguna dan memastikan keindahan alam sekitar di sekolah ini tidak tercemar," sahut guru besar.

Taufik, Rahmat, Tan Kim Bee dan kesemua para murid bertepuk tangan. Mereka telah menyaksikan suatu peristiwa yang amat bersejarah dalam sejarah persekolahan mereka di sekolah itu.

Taufik dan rakan-rakannya berpandangan sesama sendiri. Sekuntum senyuman terukir dan menambah keceriaan di wajah mereka.

PENDAKIAN KEDUA

Talib Samat

CUTI semester kedua persekolahan menjelang tiba. Cikgu Jamil dan murid-muridnya yang setia, Flora, Sabli dan Metusin bercita-cita besar untuk meneruskan pendakian mereka ke puncak Gunung Kinabalu yang tertangguh dahulu. Apa pun yang berlaku dahulu tidak mematahkan semangat dan keinginan mereka untuk menakluk gunung itu.

Mereka menyertai rombongan Jabatan PERHILITAN dan pakar-pakar sains tempatan dan luar negeri yang mahu menyiasat kewujudan makhluk Hantu Jarang Gigi atau *Big Foot* di kawasan pergunungan Kinabalu.

Kawan Cikgu Jamil yang bekerja di Jabatan PERHILITAN, Kota Kinabalu mengajaknya pergi mendaki gunung untuk menyelidik kewujudan *Big Foot* atau Hantu Jarang Gigi. Cikgu Jamil teramat suka dan gembira dengan pelawaan itu. Begitu juga Sabli, Flora dan Metusin.

Rombongan mereka berlepas dari Bandar Kota

Kinabalu kira-kira pukul 7:00 pagi. Sesudah berkumpul di situ, rombongan itu bergerak dalam dua buah land rover Jabatan PERHILITAN.

Cikgu Jamil dan para pelajarnya menaiki land rover yang dipandu oleh Zulkamain, pegawai penting di Jabatan PERHILITAN. Mereka sungguh bertuah dapat menaiki land rover itu. Pakar-pakar sains tempatan dan luar negeri menaiki land rover yang sebuah lagi dipandu oleh drebar jabatan itu.

Land rover itu berjalan tunda-menunda antara satu sama lain. Adakalanya mereka berkejar-kejaran sesama sendiri di jalan raya yang bengkok-bengkok menuju ke Gunung Kinabalu itu.

"Hai, Flora, kau tak serik-serik lagi ke mendaki gunung," usik Metusin.

"Apa nak diserikkan!" balas Flora tegas.

"Dulu kita terperangkap dalam Kumpulan Maskot Hitam. Bedebah betul mereka itu. Moga-moga kali ini berjalan lancar," ujar Sabli sambil menyandarkan badannya ke dinding land rover itu. Cahaya matahari mencuri-curi masuk ke dalam land rover yang berwarna kelabu asap itu.

"Harap-harap gitulah," sampuk Metusin.

"Kamu semua tahu tak tujuan kita mendaki gunung kali ini, bukan hanya untuk menawan puncak Kinabalu tetapi juga untuk mencari bukti-bukti kewujudan Hantu Jarang Gigi atau *Big Foot* di gunung keramat ini," terang Cikgu Jamil selamba.

"Saya tahu juga rancangan itu tapi tak begitu jelas," sampuk Metusin.

"Kalau begitu kita pun boleh jadi ahli sainslah macam pakar-pakar sains dalam land rover depan kita itu," celah Sabli diikuti dengan derai ketawa kawan-kawannya.

"Apa salahnya kalau kamu berhasrat untuk menjadi ahli sains muda. Mulai dari sekaranglah kamu harus menunjukkan minat yang mendalam kepada ilmu sains. Saintis bangsa kita terlalu kurang. Kamulah yang patut mengisi kekosongan itu apabila tiba masanya kelak," cabar Cikgu Jamil lembut.

"Saya tidak ada cita-cita untuk jadi ahli sains macam mereka di dalam land rover itu tetapi saya ingin mengetahui dan menceroka rahsia-rahsia alam yang tersembunyi di Gunung Kinabalu itu," tegas Metusin serius.

"Betul kata kamu itu, Sin. Alam ciptaan Tuhan yang indah ini adalah untuk manusia menikmatinya. Mengapa kita mesti biarkan alam ciptaan Tuhan yang indah khususnya di pergunungan Kinabalu dan lain-lainnya dinikmati oleh pelancong asing. Merekalah yang lebih dulu menikmati keindahan alam negeri kita. Apa jadinya kita," celoteh Cikgu Jamil ramah.

Land rover yang mereka naiki terus bergerak pantas menuju ke kawasan pergunungan Kinabalu yang masyhur itu.

"Kamu pernah ke dengar cerita tentang Hantu

Jarang Gigi atau *Big Foot* yang mahu kita kaji hari ini, Sabli?" tanya Cikgu Jamil.

"Sebenarnya bapa saya ada sekali menceritakan kisah Hantu Jarang Gigi ini. Tapi saya tak berapa ingat. Cuma seingat saya, bapa saya kata hantu ini tingginya tiga meter. Tinggal di kawasan yang berhutan tebal, bergunung-ganang dan hutan-hutan simpan," terang Sabli.

"Cerita bapa kamu itu mungkin betul. Kamu Flora, ada pernah dengar asal-usul Hantu Jarang Gigi ini?" tanya Cikgu Jamil.

"Bapa saya tak pernah menceritakannya meskipun sawah padi bapa saya letaknya berhampiran hutan tebal dan paya berlembah," sahut Flora malu-malu.

"Kamu Metusin, pernah dengar cerita Hantu Jarang Gigi ini?" tanya Cikgu Jamil lagi.

"Tak pernah. Jarang bapa saya bercerita kisah-kisah hantu ini. Mengarut katanya. Boleh membawa syirik dan dosa. Tapi saya percaya hantu itu wujud di dunia ini kerana akhbar-akhbar tempatan sering menyiarkan cerita ini," jawab Metusin tertib.

"Flora, Sabli, Metusin, saya rasa Hantu Jarang gigi ini sebenarnya wujud. Bapa saya, Mahfuz ketika mula-mula meneroka tanah FELDA di Johor dulu, pernah ditangkap hantu yang sikunya tajam ini. Badannya berbulu lebat dan berwarna kepe-rangan," cerita Cikgu Jamil.

"Betul ke cikgu?" sampuk Zulkarnain dari hadapan.

"Betul. Tapi bapa saya tidak panik. Ketika bapa saya ditangkap oleh Hantu Jarang Gigi itu, bapa saya ada membawa mancis. Ketika dirinya dipeluk kuat oleh hantu itu, apalagi bapa saya pun mengeluarkan mancis lantas membakar badan hantu yang berbulu tebal itu. Dia kepanasan dan terjerit kesakitan. Bapa saya pun terlepas dari maut," terang Cikgu Jamil.

"Berani sungguh bapa cikgu itu, ya," kata Sabli.

"Memanglah, orang-orang tua kan banyak petua dan pengalamannya. Saya rasa kita patut tahu dan pelajari petua-petua mereka agar tidak luput ditelan zaman," sambung Cikgu Jamil lagi.

Mendengar cerita Cikgu Jamil itu Flora semacam meremang bulunya. Timbul rasa ketakutan yang amat sangat di dasar hatinya bagaimana kalau dia ditakdirkan terjumpa Hantu Jarang Gigi dalam pendakian nanti.

"Tentang Hantu Jarang Gigi atau *Big Foot* ini, cikgu, renjer jabatan kami yang pergi menyiasat dulu pernah terjumpa tapak kakinya sebesar 45 atau 48 sentimeter. Ertinya ukuran tapak kaki *Big Foot* atau Hantu Jarang Gigi ini tentunya lebih besar daripada manusia biasa," jelas Zulkarnain pula merancakkan lagi perbualan mereka untuk menghilangkan kesunyian.

"Oh begitu!" celah Sabli.

"Setahu saya Zulkarnain, yang biasa terjumpa makhluk ganjil ini ialah orang-orang asli dan suku

kaum gunung yang mendiami kawasan hutan tropika. Bapa saya cerita dulu, Hantu Jarang Gigi ini makan orang yang dijadikan mangsanya. Tak pastilah saya," kata Cikgu Jamil sambil membetulkan sandarnya di land rover yang bergerak laju.

"Mungkin juga. Tapi ada orang kata Hantu Jarang Gigi ini tidak mengacau manusia kalau kita tak mengacaunya. Buat tak tahu sahaja kalau terjumpa dengannya," sampuk Zulkarnain.

"Pada pendapat saya, macam mana hantu itu tak kacau orang. Asal nama hantu tentu jahat punya," tambah Sabli.

"Betul kata kau itu Sabli," celah Flora.

"Hantu dalam dunia ini mana ada yang baik. Mesti mengacau manusia. Orang Barat lagi dahsyat, kisah-kisah hantu seperti drakula dijadikan filem yang menarik. Begitu juga kisah-kisah pontianak sering dijadikan filem seram oleh pengarah-pengarah filem kita," ujar Cikgu Jamil sambil memandang ke arah gunung yang sayup dipandang. Kabus memutih di sana sini.

"Cikgu tahu tak, Hantu Jarang Gigi atau *Big Foot* ini juga wujud di Amerika Syarikat sana," kata Zulkarnain.

"Ada saya dengar dan baca berita itu di akhbar *Berita Harian*. Tapi berdasarkan cerita bapa saya dahulu, Hantu Jarang Gigi ini sudah wujud lama. Mungkin lamanya sama dengan kewujudan hutan-hutan tebal dan gunung-ganang di negara ini atau

di dunia juga," tambah Cikgu Jamil lagi.

"Encik Zulkarnain, berapa ukuran sebenar tinggi Hantu Jarang Gigi itu?" tanya Metusin ingin tahu.

"Kajian menunjukkan tingginya kira-kira tiga meter atau enam kaki. Lebih tinggi daripada manusia biasa. Dan tentunya lebih besar badannya daripada kita semua. Mungkin kalau dikepitnya kita semua, lemas kita dibuatnya," kata Zulkarnain seakan-akan berjenaka.

"Saya nasihatkan dalam pendakian nanti kita semua berwaspada daripada serangan Hantu Jarang Gigi ini. Tapi jangan bimbang sangat, pakar-pakar sains di depan sana dan saya juga ada membawa senjata api untuk mempertahankan diri jika diserang tanpa diduga oleh makhluk itu," tambah Zulkarnain lagi meyakinkan anggota rombongan Cikgu Jamil yang muda-muda belaka itu.

"Kalau begitu selamatlah kita hendaknya," doa Metusin.

"Tapi cerita Hantu Jarang Gigi ini ganjil dan menarik," sela Cikgu Jamil.

"Memang betul cikgu, kami di Jabatan PERHILITAN ini tak putus-putus ditanya dan dihubungi oleh ramai sains dari seluruh dunia untuk membuat kajian dan penyelidikan," sampuk Zulkarnain megah sambil berwaspada dengan kenderaan-kenderaan lain yang berselisih jalan dengan land rover yang dipandunya itu.

"Seronoklah macam tu!" usik Flora.

"Biasalah. Tapi kamu tahu, di hutan-hutan tebal dan pergunungan termasuk Kinabalu ini sebenarnya berselerak dengan Hantu Jarang Gigi atau *Big Foot* itu. Cuma kisahnya kurang diketahui kerana tidak disebarikan oleh akhbar-akhbar," terang Zulkarnain serius.

"Pakar-pakar sains yang ada dalam land rover itu datang dari mana?" tanya Flora ingin tahu.

"Pakar sains luar negeri itu datang dari Jerman Barat, Australia, United Kingdom, Amerika Syarikat dan Singapura," ujar Zulkarnain pendek.

"Hebat juga gerakan pendakian kita kali ini, ya cikgu," celah Sabli.

"Bolehlah juga. Tapi pakar-pakar sains itu bukan sahaja mahu mendaki gunung tetapi juga mahu menyiasat makhluk *Big Foot* atau Hantu Jarang Gigi yang muncul tiba-tiba itu," tegas Cikgu Jamil.

"Cikgu Jamil selalu balik kampung di Johor?" tanya Zulkarnain mengalihkan pokok perbualan.

"Lama juga tak balik. Hari raya puasa tahun lepas pun saya tak balik. Saya fikir saya mahu balik awal tahun depan jika permohonan pertukaran saya diluluskan," jawab Cikgu Jamil lambat-lambat.

"Kadang-kadang seronok juga jadi orang perantau ini kan cikgu," usik Zulkarnain lagi.

"Seronok ada, derita pun ada. Tapi kehidupan

di Sabah banyak menambahkan pengalaman hidup saya. Kalau saya tak bertugas di sini, saya rasa, saya tak daki Gunung Kinabalu. Kalau ada peluang pun, entah bila," ujar Cikgu Jamil sambil matanya melingkas memerhatikan kawasan sekitar yang penuh dengan kabus yang memutih. Gunung Kinabalu tersergam gagah seperti bongkah raksasa yang sedang tidur.

"Cikgu tahu, *Big Foot* atau Hantu Jarang Gigi yang ada di kawasan pergunungan Kinabalu ini ada beberapa ekor sahaja. Tapi kajian Jabatan PERHILITAN menyatakan ada tiga ekor *Big Foot* di sini yang dipercayai berasal dari satu keluarga. Itu yang jabatan saya tahulah. Mungkin ada *Big Foot* lain yang wujud di sini memang tak boleh ditolak kenyataan," terang Zulkarnain.

"Ertinya tiga ekor *Big Foot* atau Hantu Jarang Gigi itu ialah ibu, bapa dan anak. Apa jantinya Hantu Jarang Gigi ini, Zulkarnain. Jantan saja atau betina saja? Saya rasa mesti ada jantan dan betinanya, kalau tak macam mana mereka boleh membiak," teka Cikgu Jamil

"Saya pun kurang pasti cikgu. Tapi saya rasa *Big Foot* atau Hantu Jarang Gigi ini mesti ada jantan dan betina. Dari situ baru mereka boleh membiak," ujar Zulkarnain samar-samar.

"Tapi cikgu hantu mana ada jantan betina. Mungkin jantan sahaja. Tak ada betinanya," teka Sabli pula.

"Saya yakin dan percaya, hantu mesti ada jantan betinanya juga. Contohnya pontianak adalah hantu betina yang kononnya jelmaan dari wanita mati bersalin atau perempuan yang mati dianiayai lelaki. Mereka berdendam dan mahu menuntut bela ke atas lelaki yang merosakkannya dahulu," hujah Zulkarnain yakin.

"Saya rasa betul juga kata Zulkarnain itu. Hantu mesti ada jantan dan betina. Barulah mereka boleh membiak," celah Metusin lagi.

"Tapi saya rasa baka atau *species* hantu mesti jauh berlainan dari manusia," sela Cikgu Jamil.

"Mesti berlainan cikgu. Baka hantu tentu kadar jahatnya lebih tinggi daripada manusia," ujar Zulkarnain bagai hendak tergelak memikirkan asal-usul Hantu Jarang Gigi ini.

"Tapi cikgu, ramai manusia sekarang suka sangat meniru sifat hantu ini. Mereka berbuat dengki, kacau-bilau, merompak harta benda orang, edar dadah, mencetak dan mengedar wang palsu macam Kumpulan Maskot Hitam dulu," celah Metusin pula merancakkan lagi perbualan di tengah-tengah kesejukan hawa pagi itu.

"Manusia memang begitulah. Ada yang menjadi hantu dan merosakkan masyarakat itu sendiri: Contohnya, tengok sajalah mereka yang melakukan skandal penipuan wang bank, menyelewengkan wang koperasi-koperasi besar mahupun kecil, pecah amanah, mengambil wang zakat dan harta

anak-anak yatim serta orang-orang susah. Inilah hantu sebenarnya. Mereka lebih jahat dan dahsyat daripada Hantu Jarang Gigi," hujah Cikgu Jamil meluaskan lagi pandangannya tentang hantu itu.

"Saya sokong pendapat cikgu itu. Hantu-hantu inilah yang lebih berbahaya daripada Hantu Jarang Gigi. Hantu-hantu seperti inilah yang wajib kita musnahkan hingga ke akar-akarnya," kata Zulkarnain menyokong pendapat Cikgu Jamil.

"Saya rasa betul kata cikgu itu," celah Sabli pula.

"Betullah seperti kata cikgu, hantu-hantu bertopengkan wajah manusia dan melakukan jenayah seperti rasuah, seleweng wang rakyat, kebas duit syarikat, bocorkan rahsia kerajaan kepada orang asing, pecah belahkan masyarakat Melayu, tidak bayar cukai pendapatan dan menipu orang ramai dengan menyebarkan khabar-khabar angin hingga rakyat jadi resah dan gelisah tak menentu itulah hantu yang paling kejam, ganas dan perlu dibasmi," jelas Cikgu Jamil lagi.

"Benar cikgu, itulah hantu-hantu yang lebih berbahaya daripada Hantu Jarang Gigi. Bahayanya kepada kita cukup besar," celah Flora menghangatkan perbincangan.

"Manusia yang mengamalkan sifat-sifat hantu sebegitu mesti kita perangi, cikgu," sela Metusin.

"Sokong. Saya sokong. Kita mesti banteras hantu-hantu yang bertopengkan manusia itu," kata Sabli menyokong.

"Tapi saya rasa kamu sebagai para pelajar harus menjauhkan diri daripada sifat-sifat hantu itu. Contohnya ponteng sekolah, malas buat kerja rumah, melawan kata orang tua dan lain-lain sifat buruk. Jauhilah sifat tak baik itu," kata Cikgu Jamil kepada Sabli, Flora dan Metusin.

"Kami akan berusaha cikgu," jawab mereka bertiga serentak.

"Jauhkan sifat-sifat buruk seperti sombong, besar diri, suka berlagak, menindas sesama manusia, lupakan ajaran agama, lupakan Tuhan, dengki khianat, tidak ikhlas, bermusuh sama manusia, tidak berakal dan suka ikut hawa nafsu. Sifat itulah yang mewujudkan manusia hantu dalam masyarakat," syarah Cikgu Jamil ikhlas.

Masing-masing hanya tunduk dan mendengar kata-kata Cikgu Jamil yang amat berguna itu. Memang banyak benarnya. Sabli, Flora dan Metusin bagaikan terkunci mulut mereka untuk berkata-kata.

"Sabli, Flora dan Metusin kalau mahu jadi manusia yang baik ikutlah kata-kata Cikgu Jamil itu. Tentu selamat hidup di dunia dan akhirat. Jangan jadi manusia kacang hantu atau orang yang tidak berguna dalam masyarakat. Saya harap kamu semua akan jadi manusia yang berjiwa besar dan berguna kepada bangsa dan negara nanti," sampuk Zulkarnain dan memecahkan kesunyian pagi.

"Memang itulah cita-cita kami semua," sahut Metusin.

"Doakanlah saya begitu," pinta Sabli.

"Mudah-mudahan kamu bertiga akan jadi manusia yang berguna dan tidak menjadi manusia hantu. Hantu Jarang Gigi mahupun hantu-hantu lain yang merosakkan manusia seperti hantu dadah, hantu malas bekerja dan lainnya. Moga-moga ..." ujar Cikgu Jamil dan mendoakan kejayaan murid-muridnya.

"Betul ke Hantu Jarang Gigi itu tidak jahat, cikgu?" tanya Flora.

"Kurang pastilah saya. Hantu mana ada yang baik. Mesti kacau orang. Tengoklah hantu pontianak, hantu langsuir, hantu galah, hantu orang mati kemalangan. Semuanya jahat," cerita Cikgu Jamil.

"Tapi hantu kafir lebih jahat lagi. Saya dengar hantu Hindu, hantu Cina lagi jahat dari hantu Melayu, cikgu," sela Metusin.

"Memang ada saya dengar cerita itu. Tapi hantu-hantu itu semuanya syaitan. Banyak petua-petua dan ayat-ayat suci al-Quran yang boleh mengalahkan mereka. Ajaran Islam yang paling tinggi. Semua hantu dapat dihancurkan, insya-Allah," kata Cikgu Jamil.

"Berjaga-jagalah dengan pendakian nanti dan setiap seorang mestilah memiliki mancis. Kalau Hantu Jarang Gigi mengancam kita, cucuh dan bakar saja mancis itu ke bulu mereka. Itulah petua yang penting. Selamat kita dari hantu itu," pesan Zulkarnain pula.

Tanpa disedari mereka telah tiba ke Pejabat Taman Negara Kinabalu. Mereka terus mendaki dan berehat di Panar Laban untuk bermalam dan menghilangkan segala keletihan yang mencengkam.

Al-Islam.

SEWEL

T.A. Razak HM

BUKAN sekali ini – Jauh ditunjuk dengan telunjuk, dekat diacungkan dengan hidung – bahawa dikira sahnya dia dikatakan manusia yang gila. Dalam bahasa yang seertinya – Sewel!

“Sewel!” Begitulah kata-kata yang selalunya menerpa-nerpa dirinya yang didalangi malang itu.

Kata-kata itu membuatkan langkahnya terhenti – untuk beberapa waktu. Cemuhan itu terus menyapa-nyapa dirinya yang sudahnya terkapai-kapai kelesuan. Tidak hairanlah kalau dia terus jadi manusia yang terlalu penyedih.

Sintesisnya – akhirnya dia sendiri kurang faham letak dirinya di dalam masyarakatnya sendiri. Sungguhpun begitu dia juga punya falsafah, undur tidak semestinya kalah! Biarlah mandi di hilir-hilir. Cuma orang yang faham sahaja yang akan faham apakah maksudnya itu.

Bukankah itu suatu petanda yang dia tahu siapakah dirinya. Orang yang kenal dirinya secara mendalam sahaja yang akan mengerti tentang sikapnya

itu. Sungguh, kata-kata yang terhambur itu tidak tahu memelihara hati orang lain – dengan niat yang baik. Menjaga perasaan orang lain – dalam suasana yang baik.

Kata-kata itu begitu lancar dan “lancap”. Kasman tidak mengerti, mengapakah ada segelintir manusia yang masih kurang ajar. Kasman memeriksa dirinya, dari atas ke bawah. Dari sudut kiri ke kanan. Apa yang didapatinya ialah, kata-kata yang terlanjur itu adalah ibarat baling batu sembunyi tangan. Dinyatakan secara bersahaja. Walaupun begitu, kata-kata itu mencemarkan dirinya hingga pekat dan dalam. Meruntuhkan maruah dan harga dirinya sebagai manusia yang bermaruah. Bukan itu sahaja, ia juga mencabar kesabaran yang bertampuk di hulu hatinya.

Mengapa galak sangat! Dia bertanya-tanya lagi kepada dirinya. Apakah benar dia manusia yang ganjil menurut mata dan hati orang lain? Apakah juga dia tidak mencapai tahap atau suhu sebagai manusia yang normal?

Ditemuinya tidak lama. Dikuasainya juga tidak lama. Suatu jawapan yang merobek-robek kedamaian hatinya sebagai seorang manusia atau insan yang meminta dihormati.

“Apakah aku ini manusia yang gila?” soalnya bergolak-golak. Sabar Man. Biarlah dia jadikan kau ibarat manusia sampah. Macam bola.

Tuhan Maha Kaya. Tuhan itu kan ada. Dia amat

bijaksana dalam segala hal. Biarkanlah dia melonjak setinggi mana. Bukankah manusia itu akan jatuh setinggi mana dia naik! Demikian pujuk hatinya. Atau, suatu suara di dalam dirinya.

Jauh di dalam, perasaannya pula dipupuk oleh suatu rasa sedih yang tidak terhingga.

Soal mengapakah dia selalu sahaja dipersendakan berpintal-pintal dan meliliti dirinya. Apakah wajar baginya untuk terus mendiamkan diri? Dan dia belum dapat memutuskannya – hingga kini.

Bukan sekali ini – malah lebih dari puluh kali seingat-ingatnya. Barangkali sudah menjangkau puluhan-puluhan atau ratusan banyaknya. Ada betulnya kalau di-katakan sudah ribuan kalinya.

Ajimin atau sebetulnya Pak Cik Ajimin ... kerana dia tidak berdaya – untuk tidak menghormati – memanggilnya sebagaimana 'manusia sewel'.

"Boleh jadi dia tu yang sewel, gila babi!" putus Kasman begitu dendam. "Manusia itu memang gila!" lonjak Kasman bersama kelucuan yang menyisip di dalam dirinya.

Apakah kata orang yang dikatakan 'gila' memandang orang yang 'tidak gila'?" Yang jelas orang yang mengakui dirinya 'tidak gila' memandang orang yang dikatakan 'gila' itu juga gila!

"Gila!"

Di sini Kasman faham – mengerti – itulah hidup! Pantulan-pantulan hidup yang zalim itulah yang membuatkan manusia itu jadi dalam petikannya

'gila'. Atau apakah sebetulnya 'dewasa?' Masakan tidak, demikian katanya lagi, berbisik-bisik dan yang cuma dapat didengari oleh telinganya sahaja.

"Gila judi, gila betina, gila pangkat, gila, gila...." Dan Kasman dapat melihat rupa Pak Cik Ajimin di matanya.

"Ajimin juga gila, sewel nyanyuk, gila ... sial!"

Orang pasti kenal siapa Kasman. Sebabnya Kasman suka sekali menyapa tegur. Dari orang yang terlalu muda hinggalah ke peringkat tua. Mengapa tidak? Dan Kasman tidak takut untuk menjadi diri Kasman atau selanjutnya. Walaupun 'tidak popular'.

"Biarlah ... pada suatu ketika orang kata kita gila, asalkan pada masa depan nanti orang pula yang akan tergila-gila," katanya dan memuttikkan suatu harapan yang amat dalam dan payah untuk dimengertikan. Dalam satu ayat lainnya, 'tidak lagi gila'.

Kasman menyandarkan dirinya yang terasa jatuh terperosok di kerusi itu. Matanya merayap dari satu ruang ke satu ruang yang lain. Dari suatu sudut hati ke suatu sudut hati yang lainnya. Dari satu episod ke fragmen yang lain.

Dia mahu mempelajari tentang manusia. Dan hidup baginya memberikan suatu kepuasan. Di dalam hidup ini ada liku dan lukanya. Masing-masing ada bukit sendiri yang harus didaki!

Kasman tidak lokek untuk memberitahu. Dia

juga memiliki apa yang disebutkan sebagai cita-cita. Malangnya, orang kata dia 'gila'. Oleh sebab cita-citanya itulah maka dia mengebalkan dirinya untuk melalui apa juga rintangan yang menghalang. Setiap laluan itu amat mendebarakan hatinya. Setiap episod itu menghendaki kekebalan perasaan dan dirinya.

"Hidup tanpa cabaran adalah ibarat masakan yang tidak bergaram!" kata Kasman berpuitis atau menyatakan dengan caranya yang tersendiri.

Ingin Kasman tanyai. Apakah yang kita harapkan, dalam hidup ini? Apakah yang dapat kita garis galurkan akan hidup dan kehidupan ini? Bukankah hidup ini tidak menjanjikan keseronokan semata!

"Hidup ini membina banyak sekali cubaannya. Bak kata pepatah orang dulu-dulu yang arif, banyak udang banyak garam. Ramai orang banyak pula ragamnya. Rambut sama hitam tapi hati...."

"Pekung!" Terluncur dari mulut Kasman. Itu pun hanya setelah beberapa ketika yang tidak terisi oleh kata-kata.

Ada sahaja orang yang tidak akan berasa senang apabila melihat kejayaan dirangkul oleh orang lain. Ini bukannya satu tuduhan yang meliar. Tuduhan yang tidak berjejak. Yang ibarat kata orang tidak tepat dan ditembak tidak kena!

"Memangnya manusia itu mudah berasa dengki. Cepat berlaku khianat dan mudah hasad!" Kali ini

Kasman katakan semuanya itu, yakin-yakin.

Pada hematnya, Long Bachik juga dengki. Dan Kasman berasakan dia tidak silap dan dapat mengulangkannya kembali. Kalaupun berubah, hanyalah perubahan bentuk ayat semata. Akan tetapi, isinya akan tetap sama dan membawa implikasi atau maksudnya yang sama.

"Mak bapak kau bukannya orang senang. Buat apalah kau bersusah payah hendak belajar!" Dan Long Bachik merasa puas setelah gamak berlaku begitu.

Kasman sedar, orang macam Long Bachik inilah orang yang tidak punya cita-cita. Orang seperti Long Bachik itulah orang yang tidak memandang jauh ke depan. Dia berjiwakan orang yang tidak mahu maju. Dia adalah orang yang tidak mahu melakukan suatu pengorbanan untuk suatu kejayaan pada masa hadapan.

Dia seorang manusia yang dengki hatinya. Soalnya tidakkah long faham. Tidakkah long mengerti apa yang mematutkan dirinya untuk terus belajar? Tahukah long, pelajaran itu merupakan nyawa, harta dan kunci segala rahsia!

"Kalaulah hinanya besi kerana karatnya, tentunya hina manusia kerana miskinnya. Dan, pelajaran bagi orang kaya itu merupakan suatu penghormatan.

Pada saya, bagi orang yang miskin, ia suatu kejayaan yang amat besar!" Kasman memberitahu

lagi. "Saya tidak berasa kesal kiranya saya tidak diberikan hak harta pusaka!"

Ingatannya semahu-mahunya pula mengajaknya berpatah balik dan terus mengenangkan ... pada kejadian yang menyimpannya lebih 10 tahun yang lalu. Fikirannya sejadi-jadinya kacau. Sekaligus mengembalikan kenangan itu secara yang bersih dan segar.

Ketika itu dia boleh dikatakan satu-satunya warga kampung yang boleh dibanggakan. Atau, yang dapat ditakrifkan sebagai berjaya menapak satu lagi tangga kejayaan.

Malangnya, sungguh di luar dugaan, ada pula tangan-tangan yang dengki dan mematahkan putik atau tunas kejayaannya itu.

Agak sukar hendak dibuktikan secara nyata. Lebih dari empat tahun dia merana. Dalam tempoh waktu itulah dia menjadi manusia yang agak luar biasa.

Cuma orang yang faham sahaja yang akan faham.

Bukan Long Bachik sahaja yang cakap Kasman itu manusia yang 'tiga suku'. Bukan Long Bachik sahaja orangnya yang sebut Kasman itu manusia yang 'OTC'. Ada beberapa lagi.

Kasman dengan yakin menyatakan yang dia tidak silap. Dia terpaksa kemudiannya berhenti kerja semata-mata untuk melanjutkan pelajarannya yang telah terbantut dalam waktu beberapa tahun itu.

Semuanya itu adalah semata-mata untuk mengejar cita-citanya. Dan dia bukan manusia yang mengejar 'cinta' sahaja.

Benar juga seperti kata long itu, sudah ada kerja buat apa belajar lagi.

"Masalahnya, dah bertahun-tahun kerja, banyak pengalaman tetapi di mana pulak pandainya?"

Rasa pedih merayapi seluruh dirinya. Kasman melihat pada rusuk kiri dan kanannya. Dan untuk jadi manusia penulis bukannya kerja yang mudah. Dia harus melengkapkan dirinya dengan pengetahuan dan pengalaman yang kejam.

Dia juga harus mempunyai perasaan yang kebal. Hati yang keras dan semangat yang tidak mudah digoyahkan.

Dia sedar, ada banyak yang patut diselesaikan jika dia mahu menjadi manusia yang dipanggil – manusia penulis. Manusia penulis harus sanggup bekerja keras, seorang pemikir, pengulas, pencatat ahli bahasa, dan ahli seni.

Suatu keyakinan tumbuh melata-lata dalam dirinya. Biarlah, kata apa-apa pun. Dan dia tetap menyatakan, aku akan tetap menjadi aku!

Fikirannya mengajaknya menyimpang-nyimpang. Dia teringat kembali kepada Long Bachik dan beberapa orang lagi yang selalu mengusik kedamaian hatinya. Didapatinya, orang-orang itulah yang dapat menumbuhkan sesuatu yang dapat dikiranya – baik.

Memang yang baik tidak selalunya datang dengan cara yang baik. Adakalanya ia datang dengan cara yang kurang baik.

"Hidup ini perlulah kita tapis. Kita nilai. Cerita dan deritanya hidup itulah yang dapat mengkayakan diri kita dengan pengalaman yang banyak, fikiran yang matang dan jiwa yang kaya!" kata Kasman dalam diri dan beriya-nya sekali.

Kasman menunggu ketika yang baik untuk bertanya. Apakah Long Bachik fikir yang anak orang miskin tidak seharusnya belajar setinggi mana yang dia mahu? Dan dia mengharapkan adanya suatu penjelasan. Kalau tidak panjang lebar, seringkas mana pun tidak apalah. Asalkan ia dapat dijawab.

Adakah long berfikiran bahawa orang macam long sahaja yang layak menyekolahkan anak-anak setinggi yang terdaya? Dan mengapa hanya seorang daripada seramai lapan orang anak long yang berjaya?

Mengapa pula hanya seorang? Itulah seorang anak long yang berjaya. Setakat SPM sahaja?

Pak Cik Ajimin bersilih ganti datang. Orang inilah yang selalu menyatakan Kasman itu manusia yang 'sewel'. Kata-kata yang terlalu itu membuatkan tumbuhnya rasa dendam.

Memang Kasman bercita-cita untuk menjadi manusia penulis. Insya-Allah, dia akan berusaha ke arah itu. Dia mahu membuktikan dengan caranya yang tersendiri. Secara diplomasinya.

Mesin taip dijadikan kekasihnya yang unggul dan kesepian malam adalah dirinya. Buku merupakan teman yang tidak mudah menderhakai suatu jalinan persahabatan.

Dia ulangi lagi – mesin taip dijadikan kekasihnya yang unggul. Kesepian malam adalah dirinya. Buku itu merupakan teman yang tidak mudah menderhakai ketulusan persahabatan.

Hanya mesin taip itulah yang dijadikan 'kekasihnya'. Hanya mesin taip itu sahaja yang dapat mengerti apa yang terbenam di lubuk hatinya. Mesin taip itu mempunyai suatu kecerdikan. Sintaktiknya. Dan semantiknya tetap ada pada dirinya.

Nora tidak mengerti kerana dia bukan manusia seperti dirinya.

Pernah juga dia berkata, "ruang hidupmu sempit. Duniamu hanyalah bersama anak-anak. Tahukah kau apakah masalahnya dalam memajukan diri di dalam bidang kerjaya?"

Apakah yang dapat kau selam dalam jiwaku ini? Cita-citaku adalah ibarat awan-gemawan yang tinggi di langit sana.

Di bumi di mana aku menjejaki ini kulihat cita-cita itu begitu unggul dan suci.

Malangnya, ketika aku melihatnya dari atas, awan itu hanyalah tompok-tompok yang kosong dan kering. Ianya bertentangan. Terawang-awang dan tidak bersempadan.

Begitulah cita-citaku. Orang berasa payah untuk mengertinya. Tahukah kau? Aku bercita-cita untuk menjadi manusia penulis. Aku ingin mencatatkan namamu dan anak-anak kita. Sebagai tanda kasih dan sayangnya seorang ayah dan suami.

"Batu nisan bagi kematianku! Kau patut tahu, di rumah setingan yang kita sewa dulu itu, atau rumah pacak di atas sebidang tanah haram, yang tidak sebesar mana itu. Luasnya cuma 8 kaki x 11 kaki dan hanya tiga petak itu. Yang sewanya memakan RM170 sebulan termasuk api hanya membenakkan lagi fikiranku!

Itulah bentuk kehidupan yang kita sama-sama lalui.

Manusia sudah tidak kenal pada erti kemanusiaannya.

Manusia itu sudah gila!"

Semoga di kota K ini aku dapat menjadi seorang yang damai. Moga aku dapat mengalahkan hambatan-hambatan yang tidak jemu-jemunya mengejar untuk cuma membinasakan.

Nampaknya di sini amat jauh bezanya dengan di sana. Biarlah di sini tumbuhnya bakat seniku itu.

Kasman terus berbisik. Dalam suasana yang semuanya datang sekelompok itu, semuanya mahu dirakamkan. Jari-jari telunjuk dan jari hantunya bersama jari lainnya bagaikan bertelingkah. Mahu dahulu mendahului.

Fikirannya digetar-getarkan untuk bekerja. Untuk terus subur dan hidup.

"Sewel!"

Segala yang tercetus itu segera dipindahkan ke mesin taip yang dihadapnya itu.

Sekali pandang mesin taipnya itu seolah-olah sebuah organ yang telah bisu atau kelu. Organ senda yang mampu menyalurkan segala keresahan yang menyerangnya. Dalam waktu yang singkat, daripada sebuah perjalanan yang panjang, dan menjemukan.

Ketukan pada mesin taipnya semakin menggila.

"Sewel!" katanya.

Ia mempunyai seribu makna yang perlu dirangkaikan. Ia terjadi daripada satu laluan kehidupan yang dirangkaikan.

Harian Express, Sabtu, 9 Mac, 1985.

TANAH DI PINGGIR KOTA

T.A. Razak HM

“BAIK jualkan saja,” kata Sahak tiba-tiba, dengan nada suara yang meninggi.

“RM200,000.00 dah cukup baik harganya. Boleh lepaskan saja tanah ni,” tambahnya lagi. Gayanya berkata sekaligus tidak memberikan orang lain suatu kesempatan untuk bercakap. Supaya orang lain dapat juga memberikan apa yang menjadi buah fikiran mereka.

Memberikan peluang kepada Milah, kakaknya. Pada Suraya, adik bongsunya. Pada Long Seman, abangnya. Untuk bercakap atau menyatakan sesuatu yang barangkalinya, kontras.

Pada hematnya, apa lagi? Baik dijualkan sahaja, habis cerita. Pada pendapatnya, tanah tapak rumah yang sekarang ni luasnya cuma seekar lebih sikit. Buat apa nak tunggu-tunggu lagi.

“Kira-kira dah baik, cukup baik dengan harga tawaran tu.” Demikian katanya dan tentunya berasa cukup puas hati.

“Apa nak ditunggu-tunggu lagi,” ulangnya sekali

lagi. Dan seterusnya berminat untuk menjualkan sahaja tanah itu.

Sahak memandang sekelilingnya. Memandangkan pada setiap sudut-sudut yang ada atau terlihat olehnya. Mencari dan menanti sesuatu. Apa reaksi semua. Apakah yang ada pada mata mereka? Pada pandangan Long Seman. Daripada Sarah. Juga daripada Milah, kakaknya. Kepada semua yang datang berkumpul di rumah ini pada malam ini, dia mahukan maklum balas atau pemutus cakap.

Padanya, cakap Long Seman memanglah sedap didengar sahaja. Itu cuma buat dirinya, orang lain entahlah. Berani dia katakan bahawa pandangan Long Seman itu hanya akan tinggal cakap sahaja.

"Mana ada modal?" soalnya dalam hati. Soalnya itu cukup ketara dengan suatu pandangan matanya sahaja.

Dia tahu. Orang lain juga dia rasa pun tahu. Tanah ini mana ada hasilnya.

"Tanah yang seluas seekar lebih sikit ini bukan mendatangkan hasil yang dapat dibanggakan!" Demikian katanya tetapi masih kekal sebagai satu suara di dalam dirinya.

Apa yang ada? Pokok kelapa yang cuma beberapa batang dan kawasannya yang menghijau.

Kalau begitu lebih baik dijualkan sahaja sementara ada orang yang berani beli. Sementara ada orang yang sanggup beli dengan harga sebanyak RM200,000.00. Atau, sementara Encik Hamdan

sanggup menjadi pembelinya. Ansur-ansur pun tidak apalah. Seterusnya, ikatlah perjanjian. Tentukan sampai bila pembayaran itu dibuat.

"Nak simpan sampai bila lagi?" soal Sahak kepada semuanya sekali. Kepada yang berkumpul pada malam ini dengan tujuan membicarakan fasal tanah itu. Tanah pusaka yang sebidang tetapi mempunyai empat orang pemiliknya.

"Sampai bila?" soalnya sekali lagi. Dan terasa adanya suatu ketegangan.

"Dulu pun," katanya menambah dengan tujuan menarik ingatan semua.

"Memang cadang nak jual," katanya dan berpuas hati.

"Dulu ada cadangan nak buat rumah sewa," tambah Sahak lagi. "Memang cadangan tu baik, tapi..." Dan dia memutuskan cakupannya seketika. Berhenti dia sejenak dan sempat meluahkan rasa tidak percaya. "Berapa banyak yang bank sanggup pinjamkan?" Demikian soalnya. Dia tahu, semua, baik Long Seman ataupun Milah atau Sarah, tentu dapat menjawabnya.

"RM85,000.00," sebutnya ringkas dan cepat. Bertujuan untuk mengingatkan semula berapakah jumlahnya. Mengembalikan ingatan mereka yang hadir pada malam ini untuk memikirkan semula berapa banyak yang boleh mereka dapatkan daripada pihak bank. Itulah hasil daripada usaha yang telah sama-sama mereka buat. Itulah jawapan yang dite-

rima sewaktu mahu menggadaikan geran tanah seluas seekar lebih sikit ini kepada pihak bank dahulu.

Sahak rasa, tidak payahlah diulang-ulangkan. Semua sudah tahu. Baik Long Seman, baik Si Milah ataupun Sarah. Mereka sudah tahu.

Pihak bank hanya berani pinjamkan sebanyak RM85,000.00 sahaja. Pula mesti tunjukkan pelan projek. Diberi setelah kerja-kerja itu berjalan. Sikit-sikit ikut fasa atau mengikut kemajuan kerja yang dilakukan. Dalam istilah yang agaknya dia tidak silap, "Turnkey basis." Itu pun jika dia tidak silaplah.

Soalan yang jelas, mana cukup? Nak buat berapa pintu? Kalau jadi agak-agak bolehlah lapan pintu. Setiap unitnya adalah dua pintu yang berasingan. Jaraknya 10 kaki di antara satu dengan yang lain.

"Tak cukup, tak cukup ..." tambahnya lagi. "Dan soal lain yang timbul ialah, mana ada duit nak beli tanah untuk tambah supaya dapat rata dengan paras jalan? Selori tanah merah berapa sekarang? Taruklah RM20.00 selori. Berapa lori?"

"Mana cukup modal kalau nak buat rumah sewa," kata Sahak. Pada kali ini rendah sikit nada suaranya.

"Ayah dan mak juga dah tengok apa yang terjadi pada tanah lapang di sebelah tanah kita ni," kata Sahak dan sekaligus memberikan contohnya.

Tujuannya supaya dapat mereka sama-sama tengok. Menyaksikan secara lebih tepat dan terhampir dengan diri.

"Memang tujuan mendirikan rumah sewa itu baik." Demikian katanya. "Tapi jangan jadi yang macam tu." Dan sebutan Sahak itu seolah-olah menakutkan perasaan semua yang ada pada malam ini.

"Tinggal tapak saja atau, projek yang terbengkalai!" Sebutannya satu-satu dan jelas.

"Tinggal tapaknya saja. Bumbang dan dindingnya entah ke mana." Sekali lagi dia seperti tidak puas. Dengan kesedaran bahawa ayatnya itu tidak lengkap. Dia tetap menguatkan, seperti mana yang ada pada malam ini nampak sendiri.

"Pak Darus lain!"

Tiba-tiba Sahak menyimpangkan percakapannya. Secara sengaja membawa satu persoalan lain daripada tajuk perbincangan yang asal. Yakni, fasal tapak rumah seluas seekar lebih yang ada itu.

"Dia ada modal!"

"Dia berduit. Dia bekas kakitangan kerajaan yang ada pengaruh!"

"Atau, kita pun dah dapat agak dari mana puncanya. Itu pun kalaulah kita tidak silap."

"Kita? Apa yang kita ada?" Percakapannya putusny di situ sahaja. Seolah-olahnya dia tidak sempat memikirkan apakah yang mereka semua ada.

Sahak berasakan bahawa dia tidak payah bercakap banyak. Pak Sani, ayahnya pun dia rasa cukup tahu. Mereka harus sedar di manakah duitnya? Ayah mereka kerja sendiri. Dan Pak Sani seperti mahu mengingatkan anaknya itu supaya jangan bercakap ikut sedap mulutnya sahaja.

"Ni ... tapak rumah ni bukan duit?" tanya ayahnya dan sempat mencerlangkan matanya.

"Yang bernilai RM200,000.00 bukan duit?" tanya Pak Sani yang sedikit kecil hati kerana belum pun dia mati soal tanah pusaka dan hak sudah pun dibangkit-bangkitkan.

Sekadar memandang kepada semua pun dia rasakan sudah cukup menyatakan bahawa soal sebidang tanah itu telah pun membangkitkan seng-keta. Kalau dia sudah tidak ada entah apa pula penyudahnya. Berbalah? Atau, akan berlaku berpatah arang, berkerat rotan?

"Apa Sahak ingat tanah yang sekarang ni tanah pusaka?"

Pak Sani sekali lagi mahu mengingatkan. Mahukan Sahak terutamanya faham. Bahawa tanah ini, yang dipijaknya sekarang ini 'dibeli' dengan duit hasil titik peluhnya sendiri. Tanah ini dibeli pada zaman dia masih hidup susah. Tetapi, hasil berjimat cermat dan beringat itulah membolehkan dia membelinya.

Masa itu Seman baru berjalan jatuh. Duit terus dikumpulkan. Sedikit-sedikit duit yang dapat dike-

tepikan. Itulah hasil semasa bekerja di ladang. Dari-pada upah menebang dan menebas.

Memang benar tanah itu tanah pusaka. Tanah ini dahulunya adalah milik saudara isterinya. Mak saudara kepada anak-anaknya itu. Ia dibeli dengan harga cuma RM1,000.00 sahaja.

"RM1,000.00." Dan seolah-olahnya Pak Sani mahu menyatakan dengan nada yang lantang.

Dia tahu. Dahulunya cuma RM1,000.00. Sekarang? Manalah boleh disamakan.

"Beza. Jauh sekali berbeza," katanya dalam hati.

"Sekarang mancis pun tak dapat lima sen seko-tak!" katanya bagaikan berbisik atau keputusan nafas.

Agak lama Pak Sani memberikan Sahak, Milah, Sarah dan Si Seman itu peluang bercakap. Memberikan pandangan masing-masing. Menyuarakan apakah keputusannya. Menggalakkan pemikiran yang terbuka. Dan kini yang dinanti-nantikan telah tiba.

"Keputusannya ... aku mahu kamu semua usahakan, cuba carikan pinjaman." Begitulah cadangan Pak Sani kepada anak-anaknya. Dia menerangkan cadangannya yang selanjutnya. "Yang ada, janganlah kita usik. Kalau nak menghabiskan memanglah mudah!"

"Dulu ... tanah yang sekarang ini adalah kawasan hutan. Kata orang tempat jin bertandang. Berpuaka. Sekarang?" Demikian Pak Sani bertanya pada anak-anaknya.

"Tanah ni geran 'merah'. Ada sekatannya. Apa yang aku mahu ialah supaya kamu usahakan. Dirikan rumah untuk disewakan!"

"Duit sewanya kita kutip dan bayarkan hutang bank. Sampai habis. Kemudian ... bolehlah ambil sepintu seorang atau duitnya. Itu pun kalau ada yang lebih. Apa yang kita rasa nak tambah, kita tambahlah! Jangan sekali-kali cakap fasal nak jual," kata Pak Sani dan seperti cukup profesional dalam memberikan pendapatnya.

Pak Sani berasa yakin dan sebagai mengulangi apa yang pernah dia terdengar. Dan daripada apa yang dia sudah termakan. Daripada apa yang dilahirkan dan pendapat menyewakan rumah yang tidak jauh dari kawasan pekan itu. Dia sedar ada baik dan betul keputusan Sahak itu.

Cuma yang dia sedikit sesal ialah Sahak tidak belajar secara betul-betul. Dia terlalu suka bermain. Mereka telah nasihatkan dia jangan ingatkan yang lain. Tetapi Seman dan Sahak akhirnya gagal juga.

Dia tahu - Milah dan Sarah sudah ada yang empunya. Tambahan pula mereka perempuan. Esok lusa, dah berlaki. Memang ia pun. Sudah pun dibawa dek laki masing-masing yang berpindah tempat kerja.

Apa yang cuma menjadi bakal dan tinggal kekal ialah pelajaran. Itulah harta dan bahagian masing-masing, yang tidak boleh direbut dan berasa kecil hati. Kalau tanah. Boleh sampai berkelahi

adik-beradik. Itulah yang dibencinya.

"Tidak." Mendadak sekali suara dari Pak Sani.

"Jangan," katanya lagi. Tidak cukup dengan kata tidak.

"Buatkan saja rumah-rumah sewa di sini. Biarlah susah setahun, jangan pula susah bertahun-tahun!" demikian tegasnya.

"Aku mahu," katanya dan tegas sekali suaranya.

"Kamu semua." Dan sambil memandang kepada anak-anaknya dan menyatakan suatu semangat.

"Mempertahankan, setiap inci tanah milik kita ini. Yang sudah diwartakan dan berada dalam lingkungan kawasan bandar!"

Mingguan Malaysia, Ahad 3 Oktober 1982.

SEPI SEBUAH SELOP

Tajuddin Saman

SEMALAM-MALAMAN itu Kassim tidak dapat melepapkan mata. Fikirannya berserabut. Tangisan anak bongsunya, Milah semakin menjadi-jadi, menyebukan kekalutan yang tidak kelihatan dalam benaknya.

Kesepian malam itu terukir oleh tangisan Milah yang nyaring. Mek Nah, isterinya, kalut mendemah perut Milah. Kain cukin yang dipanaskan dengan haba dari mulutnya didemah ke perut bayi yang masih merah itu.

Mek Nah mengepal kain cukin itu lagi. Sejurus itu dipalamkan ke mulutnya dan nafasnya ditarik dan dilemparkan sehabis dayanya. Setiap kali angin nafasnya terhimpun, perutnya yang macam perut ikan buntal itu diangkat ke darat.

Angin itu dihembuskan ke kain di mulutnya dan ia meninggalkan kesan wap panas pada kain yang sudah kelabu itu. Habis sahaja tiupan, pipinya kempis semula. Mek Nah mengulangnya, berkali-kali. Kemudian kain itu dituamkan ke perut Milah.

Malangnya bayi berusia empat bulan itu terus melalak macam dirasuk jembalang. Pelik betul perangainya. Ini membuatkan Kassim dan Mek Nah macam kebuntuan akal. Lebih-lebih lagi pada tengah malam itu. Mek Nah tidak tahu apakah puncanya. Entah kembung, entah sebu. Tidak siapa tahu. Dan anak kecil yang kurus itu belum berupaya menceritakan di mana tempat sakitnya.

Milah tidak mengerti apa-apa. Dia tidak tahu fikiran bapanya tengah berserabut. Penuh dengan simpang-siurnya. Dia tidak tahu. Dia cuma tahu melalak. Lapar melalak, sakit melalak. Itu sahaja.

"Apa kena budak tu ... kasi sajalah susu!" Kassim bersuara tinggi.

Mek Nah macam tidak menghiraukan suara garau lakinya itu. Dia terus mendemahkan kepal kain cukin yang disuamkan itu ke perut Milah. Tetapi raungan anak itu tidak juga reda.

"Eh, kasilah susu, awak ni macam tak pernah beranak saja ..." sergah Kassim.

Mek Nah berhenti mendemah Milah. Matanya tajam merenung Kassim yang terbaring di atas tikar mengkuang yang berlubang-lubang. Tubuh lakinya yang sasa tetapi semakin kendur itu dilihatnya seperti kecil sahaja.

"Dah kasi pun, dia tak mahu, entah kembong, entah sebu ... awak ni kira nak marah saja!" Mek Nah mendengus. Dadanya ketat. Mana anak menangis. Mana mahu mendemah perut. Mana mahu

menimang-nimang, mendodoikan bayi yang dirasuk jembalang itu.

Lakinya asyik mahu marah sahaja. Tidak ada kerja lain. Hati mana yang tidak sakit. Berjaga tengah malam sejak anak sulung hingga anak yang kelima, bukannya senang. Kembang, sebu, semuanya tugas Mek Nah. Kassim bagaikan tidak pernah kisah.

Kassim sendiri tidak pasti. Mengapa sejak beberapa minggu ini darahnya mudah meluap. Telinganya semakin nipis. Mungkinkah kerana usianya yang kian lanjut atau yang hampir setengah abad itu.

Tetapi dia berasa tidak yakin bahawa kelanjutan usianya itu yang menyebabkan api kemarahan dalam dadanya semakin membara. Pada pengetahuannya, bara kemarahan pada diri seseorang insan akan pupus pada usianya yang telah tua. Pengalamannya yang banyak tentang hidup dan kehidupan mengajar insan itu menjadi sabar. Cuma, orang muda sahaja yang sering marah-marah, demikian fikirnya.

Namun mengapa pada usia yang sekarang ini kemarahannya kian semarak? Aneh. Mungkinkah dia dihindangi penyakit darah tinggi? Tidak mungkin. Penyakit itu bukan penyakit warisan keluarganya.

Keturunannya pula bukan petapa bilik yang berhawa dingin. 'Pejabatnya' tidak pernah berbung. Tubuhnya selalu dipanah matahari serakus-

rakusnya hingga pelupuk matanya yang sudah kendur itu menjadi hitam lebam. Tiap hari, peluhnya menyembur keluar dari tubuhnya yang kurus; meleleh ke kulitnya yang hitam, kendur dan kasar itu, lalu menitik dan serap pula ke bumi. Daripada titik peluhnya itulah Kassim dapat mengutip butir-butir nasi untuk disuap ke mulut lima orang anaknya itu.

Dia menoleh ke anjung. Dilihatnya Jusoh, Awang, Leman dan Budin terkapar tidur dan tidak sedarkan diri. Entah apakah mimpi mereka. Tetapi Kassim hampir pasti, mimpi anak-anaknya juga tidak lari jauh daripada mimpinya. Dan mereka tidak mungkin sama sekali bermimpi menjadi penghuni bilik yang berhawa dingin.

Anak-anaknya juga tidak mungkin bermimpi menjadi penangkap kawasan pembalakan. Tidak mungkin mereka itu akhirnya menjadi tauke. Segalanya bertali arus daripada warisan keturunannya. Mereka tidak pernah memiliki tangga panjatan masyarakat.

Hari-hari mereka cuma terisi dengan cak cekok udang gamit, cak makan padi, hayun pak denok ... Mereka tidak pernah menyentuh Lego, Ninja Turtle atau meratah Kentucky Fried Chicken.

Segalanya bertali arus daripada warisan keturunan. Bapanya, datuknya, neneknya, mungkin moyangnya, piut-miutnya – mereka semua terlalu biasa dengan kayu-kayan.

Semua penduduk Kampung Tega Lalang tahu siapa Kassim. Dia sudah terlalu lama menjadi penghuni hutan. Hampir semua orang asli di sekitar hutan simpan itu sahabatnya. Harimau, ular, gajah dan lain-lainnya sudah biasa dengan bau badannya yang hapak memanjang. Pohon-pohon rimba mungkin terlalu kenal Kassim yang pantang melihat pokok besar.

Ketika mesin gergaji tauke rosak, Kassim terus gigih mengapak perdu pokok gergasi. Perdu pokok besar – hampir 300 perpang; lebih 100 kaki tingginya, sayup menyucuk ke awan – cuma perkara biasa bagi Kassim. Pokok 100-200 tahun, mainannya belaka. Sedikit pun dia tidak gentar menumbangkannya.

Dia terlalu biasa dengan bau getah merbau atau damar dan meranti. Lebih 20 tahun getah dan damar pokok itu menusuk ke hidungnya. Dia hampir jadi ketagih kepada bau itu.

Bau getah dan damar itulah yang merantai kakinya daripada meninggalkan hutan. Pernah dia cuba mencari pekerjaan lain tetapi jari-jemarinya serta-merta menjadi kekok. Lalu dia kembali ke hutan.

Sayang Kassim pada hutan hampir sama dengan sayangnya kepada Mek Nah. Dia akan tentang siapa sahaja yang cuma memusnahkan hutan. Berbalam dalam ingatannya; Kassim pernah menudingkan kapak besar kepada seorang tauke balak

yang cuba merodok pokok kayu di hutan simpan dekat kampungnya.

Kassim tahu tauke itu mabuk kekayaan. Semua penceroboh hutan adalah orang yang gila wang. Mereka tidak peduli apa jadi pada hutan. Mereka sangka pokok besar itu tumbuh sekelip mata. Mereka lupa ia membesar begitu dalam tempoh beratus tahun. Hutan indah yang menjadi tadahan air, mahu dimusnahkan sekilat petir di langit.

“Kurang ajar!” Kassim menyinga.

Dia mudah berang apabila berdepan dengan pemusnah hutan. Hutan tempat dia mencari rezeki. Dia bekerja dengan pembalak berlesen. Dengan keizinan, dia cuma menumbangkan pokok yang ditandakan oleh pegawai hutan sahaja.

Tetapi penceroboh tidak begitu. Mereka tidak ubah seperti tauke pukut appolo. Habis zuriat ikan disapunya. Mereka tidak boleh membohonginya. Kassim kenal wajah penceroboh meskipun mereka cuba berselindung dengan pelbagai cara.

“Kita ada surat Agong. Awak jangan cuba halang kita tahu?” gertak tauke balak yang membawa lima jentolak ke pinggir hutan itu.

Mereka tidak boleh membohongi Kassim. Mungkin pengajiannya cuma setakat darjah tiga Sekolah Melayu Tega Lalang, tetapi dia terlalu mengerti nurani hutan hingga dia tahu makna nyanyian unggas.

Mungkin dia tiada tangga panjatan masyarakat. Namun Pegawai *Ranger* hutan di daerahnya sering

mencari Kassim jika mereka ada masalah. Hubungannya dengan pegawai jabatan itu bagaikan kulit dengan rangka. Intim. Mereka saling bantu-membantu. Malah, pegawai hutan daerah itu melantik Kassim sebagai pengawas hutan sukarela. Pendek kata dia kenal langkah sumbang sang penceroboh.

"Lebih baik kamu berambus sebelum aku ketak ketingmu dengan kapak ini," sergah Kassim dengan suara garaunya.

Tauke itu seperti tidak mengendahkan ugutan itu. Mukanya kering dan selamba. Di fikirannya terbayang beberapa peguam yang menjadi kawan akrabnya di bandar. Tetapi hatinya gusar juga. "Orang bangsat macam Kassim, bikin kacau saja, tidak boleh diajak berunding," fikirnya.

Tengah menuding-nuding kapak ke muka tauke balak, Pegawai *Ranger* Ripin tiba di pinggir hutan simpan itu. Dia menerpa ke arah Kassim. "Ada apa? Saya dengar kamu ada masalah?" Ripin bercekak pinggang.

"Tauke ini nak main kayu tiga. Dia kata ada surat Agong nak sodok balak di hutan ni. Betulkah tuk?" Kassim menjunamkan mata kapak ke tanah. Hulunya digenggam kuat.

"Surat Agong? Mana dia?" Ripin membulatkan pandangan kepada tauke bermata sepet itu.

"Ki ... ki ... kita tidak bawa ini hari. Nantilah, esok kita bawa..."

Ripin tersenyum sinis: "Setahu sayalah, surat

menteri ke, surat Agong ke, itu surat mesti bawa, ditunjukkan pada saya di pejabat, apa fasal tak datang pejabat?" Uban Ripin di kepala yang bercambah itu sudah cukup mengajarnya tentang makna kehidupan.

Tauke balak itu mendengus. Dia dan tiga lelaki lain yang datang bersamanya terus berpusing ke belakang, melangkah menuju ke trooper mereka di sisi sebuah jentolak. Mereka masuk ke trooper, menutup pintunya dengan kuat. Pemandunya menekan gear serapat mungkin. Debu berterbangan dari pusingan roda belakangnya yang ligat itu.

"Biar saya kapakkan mesin tolak tu tuk." Kassim masih berang.

"Jangan ... biarkan di situ. Kita balik dulu. Nanti saya hantar orang jaga kawasan ini...." Ripin menaiki semula jip jabatannya. Dia dan Kassim meninggalkan tempat itu dengan seribu kemungkinan.

Milah meraung lagi. Kassim bingkas bangun. Bohol pekat di pinggangnya terburai dan kain itu melorot ke tikar mengkuang lusuh di lantai papan. Dia cepat mencapai, memakainya semula.

Dia menghampiri Milah yang terbaring. Kepala bayi itu diampu bantal berpeta seribu. Kassim memerhati Milah yang terus meraung. Mulut bayi yang tidak bergigi itu ternganga luas. Matanya pejam. Hidungnya kemek lantaran meneran keluar suara tangisan.

Fikiran Kassim celaru. Mungkin benar, pada usia

kini, dia memerlukan suasana tenteram. Kadangkang dia ingin menyendiri. Tetapi kemampuan itu tidak pernah tiba. Entah bila dia mampu memperoleh ketenangan abadi.

Raungan Milah meninggi. Lalakannya kali ini lebih memedihkan telinga. Mungkin kembong menyerang semula. Angin menusuk hulu hatinya. Mek Nah terkial-kial mencari kain cukin. Disambarnya juga botol minyak angin Tuk Awang Loceng. Habis licin perut Milah dilumur minyak itu.

Tetapi kali ini Milah bagaikan mengamuk. Lalakannya sambung-menyambung macam ada lipan bara di bawah punggungnya. Kassim celapak ke tepi bilik tunggal dalam rumahnya. Bergegar bumbung zink rumah itu.

"Junjung! Ayah perutnya!" Kassim jadi gelabah. Bayi merah itu kini menjadi seperti udang bakar. Kaki dan tangannya berkerekot.

Mek Nah mengangkat Milah. Diterapkan perut anak itu di atas kepalanya. Rambutnya yang beruban di sana sini habis dilumuri minyak angin yang ada di perut Milah.

"Badannya makin panas, bang!" Di tengah ruang itu Mek Nah memusing-musingkan badannya sambil menjunjung perut Milah bagaikan puteri joget bergencok di *funfair* musim mengerat padi. Kassim berasa juga hendak gelak. Gencok Mek Nah mengingatkannya ke zaman dia mencuri kedap padi Tuk Serat yang kemudian dijual di Kedai Ah

Luan untuk mendapatkan beberapa ringgit. Wang itulah digunakan untuk membeli tiket masuk *fun-fair* untuk bergencok.

Kadang-kadang duit kayu api bapanya turut disapu. Nakalnya memeningkan kepala orang tua itu. Hingga kadang-kadang bapanya sesak nafas kerana ditubi kenakalan yang membebankan fikiran itu.

Pada hari kematian bapanya, Kassim bagaikan kehilangan sesuatu yang sukar dinyatakan. Dia seakan-akan diserang kejutan budaya. Daripada seorang anak yang nakal dia berubah menjadi pemikir kehidupan. Waktu itu barulah diketahuinya keindahan hidup zaman anak-anak cuma satu hiasan sementara belaka. Ia akan hilang menjelang usia dewasa.

Tali arus kehidupan membawa Kassim ke hutan. Dia mewarisi hidup bapanya. Bermain kayu-kayan. Sekadar dia mungkin lebih baik daripada bapanya. Dia tidak merincik kayu api tetapi menebang pokok besar.

"Badannya panas bang, macam api ..." bentak Mek Nah. Kassim tersentak.

"Jelum ... jelum ... buat air asam, jelum kepala..."

"Tolonglah buatkan sekejap!"

Kassim tidak banyak bicara. Keadaan semakin cemas. Dia lantas ke dapur menggagau segenggam asam jawa dalam guri. Dimasukkan ke mangkuk berisi air. Diramas-ramas. Kemudian dijelumkan ke kepala Milah.

"Mungkin nak keluar campak agaknya budak ni...." Kassim menyandarkan badannya yang berpanau ke dinding.

"Makan tak tentu arah. Susu pekat memanjang...." Mek Nah menyanggah.

"Habis susu awak tak beri?"

"Tak cukup ... kena bantu dengan susu tepung juga, awak tu tak bersusu, apa awak tahu?"

Kassim teringat pagi itu Mek Nah hampir merayu kepadanya. "Cubalah belikan susu tepung yang baik. Anak perempuan kita seorang ni saja, tak kesiankah...?"

Bapa mana tidak mengasihani anak. Monyet hutan pun tidak tergamak membiarkan anaknya. Kassim bukan tidak mahu membelinya. Tetapi sejak seminggu lalu hujan memanjang. Dia tidak ke hutan. Ertinya, seminggulah poketnya kosong.

Lagipun Kassim bukan tahu sangat jenama susu yang baik. Paling tinggi Lectogen, Nespray. Itu pun kena ke Kedai Maidin di hujung kampung. Lain daripada itu dia kurang pasti. Dia dahulu tidak pernah kenal susu tepung. Susu ibunya sering disedut sampai sejat.

Mek Nah juga begitu. Dia sendiri tidak pandai menyebut jenama susu mahal. Cuma dia pernah tengok pupu-poyang dari bandar membeli susu mahal untuk anak mereka. Dia juga ingin sesekali Kassim membelikan susu begitu untuk Milah.

Bukan asyik susu pekat - cap junjung, cap teko

memanjang. Itu pun Kassim selalu merungut. "Susu *pot* ini pun dah mahal sekarang. Dahulu 65 sen sahaja, sekarang dekat RM2.00 satu tin."

"Alah, belikanlah susu tepung yang baik satu tin." Mek Nah merayu.

"Tengoklah, aku tengah cari duit nak beli mesin gergaji ni ... mana boleh main kapak saja."

Sejak seminggu lalu Kassim menongkol di rumah. Hujan memanjang. Rezeki warga hutan sama dengan orang laut. Jika hujan, pendapatan merosot. Seperti laut, hutan juga bahaya pada musim hujan

Kepala kawannya, Dolah, bersepai di bumi dihempap pokok besar dalam musim hujan. Kassim masih ingat. Dolah menebang pokok besar petang itu. Gerimis yang merebas tidak dipedulikan. Waktu pokok besar itu tumbang, Dolah melarikan diri sambil mengendung mesin gergaji.

Entah bagaimana pokok besar itu terhempap ke atas sebatang pokok lain yang tergalang di atas sebatang kayu. Batang pokok itu membidas kepala Dolah.

Waktu itu juga kepalanya bersepai. Darah menyembur. Isi kepalanya bersepai. Dolah terkapar di tepi pokok besar yang ditumbangkannya. Sejak itu Kassim seolah-olah bertaubat tidak akan ke hutan pada waktu hujan. Dan sudah seminggu hujan tidak putus-putus. Dapur rumahnya tidak berasap. Bagaimana mahu membeli susu yang baik?

Milah selop. Suara anak kecil yang mulanya tinggi, kemudian ghaib seketika. Sejurus meninggi semula, sejurus selop lagi. Pelik. Petaka apa yang datang pada malam itu. Kassim benar-benar gelabah. Fikirannya bertambah haru-biru.

Macam-macam ikhtiar sudah dilakukan. Demah sudah. Sapu minyak angin sudah. Jungjung perut sudah. Ayak sudah. Semuanya petua nenek yang diturunkan kepadanya sudah dicuba. Semua tidak serasi. Tangisan Milah makin menggila.

"Kita bawa ke klinik pekan sajalah," Kassim tenggelam punca.

"Klinik apa tengah malam buta ni. Nak ke pekan, kena tunggu lori tauke juga." Mek Nah menggerutu.

Kassim seperti ayam hilang anak. Jarang dia menyebut klinik kalau sakit. Jarak rumahnya ke klinik bukan dekat.

"Aku panggil Raman Tuk Mo saja...." Kassim teringat bomoh yang selalu berkawan dengan orang asli di hujung kampung.

"Lekas bang ... panas badannya bukan main." Mek Nah jadi tidak tentu arah. Milah selop terlalu lama. Tangisannya tidak kedengaran lagi. Cuma esakannya sahaja sesekali timbul. Badannya lembik, terkulai. Mek Nah memasang telinga ke dada anaknya. Masih berdegup. Masih berdegup.

"Pergi lekas bang ... lekas ..." kata Mek Nah.

Dengan seluar katuk, Kassim menyentap tali yang

tersangkut pada tanduk rusa di tiang tengah rumah. Dia melangkau dua tiga anak tangga, turun ke bawah. Waktu kakinya memijak tanah, telinganya terdengar kokokan ayam.

"Dah dekat subuh," bisiknya.

Di bawah sinar bulan penuh, Kassim terus berlari ke hujung kampung. Angin malam merebas tubuhnya yang tidak berbaju. Tidak lama dia kembali bersama Raman Tuk Mo. Beberapa tepak sireh, berulas pinang diserahkan kepada bomoh itu. Waktu menurun, Raman Tuk Mo memamah sirih pinang hingga lumat. Kemudian disemburkan ke badan Milah.

Tetapi anak itu tidak menangis lagi. Selopnya terlalu lama. Kakinya tidak bergerak. Waktu itu, Mek Nah pula yang menangis, menggantikan suara tangisan anaknya. Kassim mendekati Milah, menyentuh tubuhnya. Tubuh bayi yang tidak mengerti apa-apa itu masih panas.

Kassim menarik kain batik panjang di sisi Milah dan menutup seluruh tubuh anak itu. Tidak diduganya tangisan jembalang Milah pada malam itu berakhir sedemikian. Dia masih tidak tahu mengapa anak itu menangis hingga hilang nafas.

Dia sudah berikhtiar. Tetapi setiap nafas insan hanya milik Allah. Cuma hatinya terlalu pedih dan terkilan mengingatkan harapan Mek Nah untuk mendapatkan satu tin susu yang baik terpaksa ditanggihkan.

SIONG SEORANG BAGINDA

Tajuddin Saman

KEJADIAN itu maha ajaib. Terlalu aneh. Tetapi kenyataan hidup terpaksa diterima. Tidak boleh ditahan macam bomoh menahan hujan. Apabila sampai waktunya janji Allah pasti berlaku.

Tengku Nong terpaksa akur. Kini baginda semakin melihat kekuasaan yang dimilikinya hanya setitik air di lautan. Amat sedikit. Dia kian insaf hakikat di sebalik keajaiban yang menimpa dirinya.

Tidak siapa menduga ia berlaku penuh misteri. Sejak sebulan lalu, wajah baginda amat berubah. Baginda tidak seperti dahulu lagi. Tidak disangka, wajah yang tampan itu tiba-tiba berubah. Tengku Nong sekarang bukan Tengku Nong dahulu.

Baginda kini bersiong! Wajah anak raja Bayu Darulayu itu cukup menggerunkan sekali.

Kejadian itu maha ajaib. Tengku Nong sendiri takjub. Tidak pernah terlintas di fikiran baginda, dirinya akan jadi begitu. Tidak seorang mengetahui bala jenis apa yang menimpa baginda. Ia di luar kekuasaan seorang raja. Malah di luar kekuasaan in-

san. Apakah kuasa manusia, dibandingkan dengan kuasa Allah.

Tengku Nong amat gelabah. Mulanya baginda panik kerana tidak tahu tumbuhan apa yang muncul di kiri kanan gusinya.

"Aduhh!!" Tiba-tiba kebeningan dinihari di Istana Zamrud itu menggelegak dengan suara parau Tengku Nong.

Semua penghuni istana terkejut besar. Permaisuri Neng hampir terjatuh dari kelopak peraduan.

"Ada apa kanda? Kenapa?" Tergopoh-gapah permaisuri merapati Tengku Nong yang sedang berguling-guling di lantai bilik peraduan itu. Rambut permaisuri yang ikal itu menggerbang bagai primadona bangsawan melarikan diri dari hantu jerangkong.

Tengku Nong tidak menjawab. Suaranya tidak dapat diluahkan dalam bentuk kata-kata. Kesakitan yang dialami bukan main lagi. Baginda mengerang kesakitan. Deraman suaranya berbunyi seperti hari-mau terkena peluru kacang-kacang.

"Kanda ... kenapa ni..?" Permaisuri memeluk suaminya yang menggelupur dan mengerang itu. "Ada apa kanda?" Tengku Neng terus diserang bingung. Dalam kebingungan itu, Mamak Bendahara dan beberapa pengawal istana masuk ke bilik peraduan.

"Datuk...!" Tengku Neng menerpa ke arah Mamak Bendahara. "Apa yang berlaku anakanda...?"

"Tolonglah datuk.... Tengku Nong asyik menge-

rang kesakitan, tak tahu kenapa....”

Mamak Bendahara segera melutut sambil memegang tubuh Tengku Nong yang cuma berseluar sahaja ketika itu. Peluh yang bersimbah pada tubuh anak raja itu menyejukkan tapak tangan Bendahara.

“Tengku sangat gering....” Tiba-tiba Mamak Bendahara bersuara sambil meminta pengawal mengangkat Tengku Nong ke atas peraduannya semula.

Sewaktu tubuh itu terletak di peraduannya, semua mata dalam bilik itu terbeliak. Mamak Bendahara paling terkejut sekali. Mereka nampak mulut Tengku Nong berdarah.

“Darah!!!” Masing-masing membisikkan perkataan yang sama. Dan waktu itu Tengku Nong seperti tidak sedarkan diri lagi.

Kedinginan subuh itu memanaskan Istana Zamrud. Semua lampu neon dipasang semula, menjadikan seluruh kawasan terang-benderang seperti siang. Pokok-pokok rhu yang tadi nampak berbalam kini lebih jelas kehijauannya. Orang besar, orang bernama semua dipanggil balik ke istana.

Peluh hening menitik di dahi baginda bila waktu itu baginda teringatkan perintah yang dihamburkan supaya pahlawan terbilang dibunuh pada hal fitnah yang didengar baginda belum berusul periksa....

Seiring fajar menyingsing pada pagi itu, badan Tengku Nong digigit kedinginan. Bercampur serangan penyaman udara dalam bilik itu menyebabkan badannya menggigil.

Sesekali Tengku Neng merasa ragu. Mungkin sakit Tengku Nong kerana ilmu hitam. Agaknya anak raja negeri mana yang iri hati kepada suaminya hingga tergamak menggunakan sihir.

Tetapi di mata fikiran Tengku Nong terjebak hakikat yang baginda sendiri mengerti maknanya. Baginda memahami gerak hakikat mengapa gusinya semakin bengkok. Sejak gusinya bertunas siong, fikirannya sering menerawang tidak menentu.

Beberapa doktor yang tiba ke istana turut bingung. Entah penyakit jenis apa menimpa Tengku Nong itu. Jarang mereka temui kes seaneh itu. Tetapi mereka perlu bekerja keras merawat baginda.

Tengku Nong masih tidak sedarkan diri.

Mamak Bendahara menjadi resah. Dia berjalan ke hulu hilir anjung istana. Mahu sahaja dia memanggil bomoh merawat baginda tetapi dia segan kepada doktor-doktor yang hadir.

Waktu itu ada sesuatu berlegar dalam benak Mamak Bendahara. Dia bimbang nasib takhta kerajaan Bayu Darulayu. Tengku Nong belum punya putera. Jika takdimya buruk, tentu perkabungan itu akan berpanjangan dengan rintihan Tengku Neng yang kebetulan puteri kakak Mamak Bendahara sendiri.

Mamak Bendahara mengusap-usap janggutnya yang keputihan. Dia menggeleng-gelengkan kepala bagai anak menolak aiskrim daripada bapa. Mamak Bendahara gerun memikirkan masa depan yang belum pasti.

Ah, itu khayalan, fikir Mamak Bendahara. "Aku mesti yakin pada doktor yang merawat baginda," fikirnya lagi.

"Datuk! Datuk!" Tiba-tiba Mamak Bendahara terdengar suara dari bilik peraduan Tengku Nong. Dia segera ke situ.

Betapa gembira Mamak Bendahara waktu itu. Dia melihat Tengku Nong sudah sedar dan sudah tidak mengerang lagi. Tetapi kemusykilan masih bertunas di hati Mamak Bendahara kerana dia melihat bibir atas Tengku Nong seperti bengkak. "Bagaimana anakanda?" tanya Mamak Bendahara mesra, disambut dengan wajah belas Tengku Nong.

"Masih sakit?"

Tengku Nong menggeleng-geleng kepala.

"Bersabarlah, nanti anakanda akan pulih juga...." Mamak Bendahara memberi semangat. Sejurus kemudian semua yang hadir berangkat pulang ke tempat masing-masing.

Tinggallah Tengku Nong dan permaisuri di bilik yang indah permai tetapi sunyi lengang itu. Rambut Tengku Nong tidak lagi menggerbang. Tubuhnya yang langsing itu sudah ditutup kemas dengan baju kurung Bayu Darulayu diperbuat daripada sutera tenunan negeri China.

Perlahan-lahan Tengku Nong menghampiri Tengku Nong yang terbaring di peraduan. Permaisuri yang jelita itu mengusap-usap kepala suaminya penuh kasih. Tiba-tiba Tengku Nong menangis teresak-esak

bagaikan anak kecil kehilangan mainan di pangkuan ibu.

“Kandaa ... kenapa nii....” Wajah Tengku Neng yang ayu itu berkerut.

Sebentar kemudian esakan baginda reda. Fajar kian menyingsing di ufuk barat. Jika di kampung, ayam tentu berkokok waktu itu. Esakan Tengku Nong tidak kedengaran lagi. Tetapi jauh di lubuk hatinya tertanam kesayuan yang selama ini tidak pernah diceritakan pada sesiapa, sekalipun permaisurinya.

“Dinda...” Suara baginda seperti orang mengulum liur itu berbunyi perlahan sekali. Tengku Neng hanya merenung wajah suaminya yang nampak berubah benar sekarang.

“Beta banyak melakukan kesilapan....” Suara yang berkulum, itu terus bergetar dengan keluhan yang panjang.

Tengku Neng tidak mengerti maksud kata-kata itu. Baginya pemerintahan Tengku Nong selama ini tiada cacat cela. Tetapi fikiran Tengku Nong waktu itu begitu celaru. Kilatan bayangan silam berdentuman bagai ledakan petir dalam fikiran baginda.

Di mata fikirannya waktu itu Tengku Nong melihat bagaimana Tun Besar tersungkur di hujung kerisnya hanya kerana bola raga sepakan anak rakyat itu terkena tengkolok baginda tanpa disengajakan.

Satu-satu bayangan silam menyula perasaan baginda. Bagai temgiang di telinga, baginda seperti

mendengar jeritan Hang Nadim, "tolongggg ... jangan hancurkan patik ke laut...."

Berkali-kali baginda melonjak seperti orang menggigau ketika bayangan Tun Besar rebah ke bumi berlumuran darah. Tangan baginda menggigil bagaikan memegang sebilah keris merah berdarah. Sepantas kilat pula, telinga baginda terdengar tangisan putus asa seorang puteri yang terpaksa menjadi gundik.

"Ya Allah...." Tiba-tiba terpancut keluhan amat berat dari mulut baginda yang bengkok itu. Keluhan itu amat menyayukan. Tetapi ia menggerunkan Tengku Neng. Musibah apa yang menyerang suaminya? Tengku Neng tidak tahu.

Seiring sinaran matahari lembut pada pagi itu, Tengku Neng sekali lagi terperanjat. Sewaktu permaisuri itu menyelak bibir atas suaminya, dia terkejut melihat dua batang anak siong sudah berperdu di situ.

"Haaa?" Tengku Nong yang keletihan turut tersentak mendengar jeritan kecil isterinya.

"Apa dinda?"

"Gusi kanda...."

"Ada apa?"

"Ada siong di gusi kanda...."

Tengku Nong bingkas bangun. Dengan terhayung-hayang baginda bergegas ke cermin besar di penjuru bilik yang luas itu. Di depan cermin, baginda mengenyihkan mulut.

"Haaa...." Mata Tengku Nong terbeliak. Mulutnya melopong. Dua tunas anak siong di gusinya menyampakkan mata yang putih kenit.

Bagaikan tertelan tembakau jawa, sendi lutut Tengku Nong menjadi lemah. Kemudian baginda tersepuk di lantai. Tangan kanannya tercekak ke dahi. Air mata baginda menitik perlahan-lahan ke lantai yang berkilat seperti cermin itu. Sejurus itu juga permaisuri lekas-lekas menelefon Mamak Bendahara. Penasihat tua itu tergesa-gesa pula sampai ke istana.

"Subhanallah!!" Waktu itu Mamak Bendahara cuma teringat Allah Azzawajalla.

"Ini semua bukan kerja buatan kita tapi kerja Allah Taala...." Suara Mamak Bendahara terketar-ketar. Dia lantas memeluk Tengku Nong. Mamak Bendahara juga tidak tahan. Air matanya menitik ke pipinya yang berpeta seribu garisan.

Dalam sedu yang perlahan, Mamak Bendahara cuma mengawal emosi. "Sabarlah Tuanku ... kejadian ini sungguh dahsyat ... mungkin ada hikmah di sebalik kejadian yang aneh ini...."

Sebenarnya Mamak Bendahara sendiri tenggelam punca. Sejak muda hingga rambutnya memutih, dia tidak pernah bertemu kejadian seperti itu. Dia berastaghfar tidak berhenti.

Maka mahu tidak mahu, Tengku Nong terpaksa menerima hakikat baru. Gusinya kini bersiong. Tetapi aneh pula, siong itu cepat sekali tumbuhnya.

Dalam sebulan panjangnya hampir seinci.

Dalam sebulan itu, Tengku Nong hampir boleh menyesuaikan diri dengan siongnya. Tetapi kadangkang dia bimbang dengan proses pertumbuhan siong itu. "Kalau sebulan tumbuh seinci, setahun nanti panjang macam gading gajah ... matilah beta...." Kening lebatnya semakin runduk. Sese kali timbul perasaan benci di hati Tengku Nong untuk melihat wajahnya sendiri kerana itu baginda jarang menghadap cermin.

Perkembangan baru Tengku Nong cepat merebak. Hampir semua rakyat bercakap tentang dirinya.

Tengku Nong ada siong.

Tengku Nong ada siong.

Tengku Nong ada siong.

Semakin hari, rakyat pula panik. Tetapi Tengku Nong sudah biasa. Ketakutan baginda semakin reda. Namun sejak bersiong, baginda lebih banyak menghabiskan waktu berzikir. Setiap zikir air mata baginda merambu.

Bulan berikutnya, ada kerabat mengadu, "Tuanku, patik dengar orang memanggil Tuanku Raja Bersiong Moden." Telinga baginda pedih mendengar aduan itu. Tetapi kini baginda mampu mengawal perasaan.

"Mereka silap, raja bersiong cuma wujud dalam lagenda Kedah tapi siong beta tidak sama dengan siong orang lain. Siong beta siong berhikmah...." Tengku Nong meninggalkan kerabatnya terpinga

sendirian di taman indah permai itu.

Kerabat itu sendiri berasa pelik. Tengku Nong tidak boleh diajak berunding lagi. Baginda tidak mahu lagi mendengar aduan mereka. Gerun pula mereka melihat siong yang menyeringai tajam di kiri kanan mulut Tengku Nong. Wajah raja itu jelas makin bengis. Misainya yang tirus dan tajam di hujung menambah kegerunan pada wajahnya.

Kerabat-kerabat itu tidak mengerti apa sebenarnya yang berlaku terhadap Tengku Nong. Mereka cuma berteka-teki sesama sendiri. Teka-teki itu juga menyelubungi rakyat yang terus gempar di kota dan desa. Ramai pula tidak percaya. Mana boleh raja mereka tumbuh siong. Itu cerita karut. Ini bukan zaman Merong Mahawangsa. Tetapi ini zaman Scud.

Tengah malam itu, Tengku Nong diganggu lagi bayangan silam. Wajah Tun Besar menjelma sekaligus dengan darah merah. Baginda bingkas bangun sendirian. Kemudian menguak tingkap berbingkai di bilik peraduan. Di depan istana terbentang lautan maha luas.

Tengku Nong mercnung jauh ke ufuk langit yang kabur dan kelam. Dalam kegelapan itu mata fikirannya melihat lagi kekejamannya pada masa lalu.

Tun Besar tersungkur berlumuran darah.

Seri Ayu menangis kerana terpaksa menjadi gundik.

Hang Nadim terkijal-kijal meluahkan nyawa di tengah laut.

"Rakyat...!" Tiba-tiba terdetus keluhan berat di bibir Tengku Nong yang bersiong. Hembusan angin dari dalam tubuhnya keluar ke tingkap yang menghadap ke laut itu, "dosaku terlalu banyak pada kamu...."

Air mata Tengku Nong menitis lagi. Tetapi sebentar kemudian baginda mengesat air mata itu. Entah apa sebabnya, suatu kekuatan dalaman spontan menyelinap ke dalam darah dagingnya. Baginda kemudian melangkah kembali ke peraduan dengan suatu kepastian yang akan dilakukannya esok.

Esok yang dinanti bagaikan lambat tiba. Tetapi ketika pagi menjelang, Tengku Nong sendiri menelefon Menteri Siaran TV Astana.

"Beta mahu bercakap di TV malam karang!" Permintaan itu juga satu perintah.

Malam itu, seluruh rakyat Bayu Darulayu terkejut dengan kemunculan Tengku Nong di saluran TV Astana. Mereka kaku macam disumpah gedembai.

"Rakyat!!" Mata Tengku Nong bersinar di kaca TV. Semua biji mata rakyat tertumpu ke wajah Tengku Nong. Itulah kali pertama mereka melihat raja mereka secara dekat selepas lebih sebulan mendengar berita tentang siongnya. Mereka lebih terkejut kerana Tengku Nong berpakaian seperti raja Melayu zaman dahulu, siap dengan tengkoloknya sekali.

"Kemunculan beta di TV ini bukan untuk *gla-*

mour....” Matanya tetap bersinar melawan kamera TV. Seseekali pancaran gambar Tengku Nong dalam siaran langsung itu nampak seperti berolak-olak.

Ramai rakyat menyangka TV mereka rosak. Ada yang menganggap itu daulat raja mereka. Tetapi tidak siapa tahu, waktu itu jurugambar TV menggigil kerana ditenung tajam oleh Tengku Nong.

“Beta minta kamu semua jangan panik. Apa yang berlaku ke atas diri beta ini memang ganjil. Tapi ini kehendak Allah....” Tengku Nong berhenti seketika. Baginda tunduk. Sejurus kemudian baginda merenung kamera semula.

“Beta sedar ... selama ini kamu semua banyak menanggung susah kerana beta banyak melakukan kesilapan. Kesedaran datang ke hati beta kerana siong ini....” Tengku Nong menuding telunjuk ke taring yang menyeringai di mulutnya. Kemudian menyambung, “Siong ini diberi Allah kerana kesilapan beta pada masa lalu. Sekarang ... di depan kamu semua ... beta akan buktikan satu perkara.” Tengku Nong tunduk lagi.

Ketika kepalanya dipanggungkan, air mata Tengku Nong kelihatan berderai di pipi. Semua rakyat turut hiba. Dalam serak suara sedu, baginda menyambung ayat yang terputus-putus, “rakyat, beta mohon maaf dari kalian ... mulai hari ini kamu tidak akan melihat lagi Tengku Nong yang dulu....

Di depan kamu semua ... pada saat ini, beta akan cabut siong ini dengan tangan beta sendiri....” Teng-

ku Nong terus mengangkat kedua-dua tangan dan menggenggam kuat siong di mulutnya.

Baginda kelihatan meronta-ronta. Sebentar sahaja kelihatan darah mengalir di bibirnya. Semua mata rakyat Bayu Darulayu tertumpu di kaca TV. Tetapi malangnya, tiba-tiba sahaja litar siaran terputus di situ.

AS

Uthaya Sankar SB

AS terperanjat. Antara puluhan tetamu di situ adalah Fie. Fie yang pernah datang dalam hidupnya. Fie yang pernah mengecewakannya. Fie yang mahu terus dilupakannya sahaja.

Fie, As lihat sedang menghirup minuman ringan bersama rakan-rakannya. Sesekali Fie mencuri pandang ke arahnya. As berusaha mengelak. As bersembunyi di belakang tetamu di majlis itu. As tidak berani memandangi Fie. Dia tidak berani bertembung pandang dengan Fie. As takut luka lamanya akan berdarah kembali.

Fie pernah mengucapkan kata cintanya kepada As. As yang pada waktu itu masih mentah dan terkapai-kapai mencari pangkalan kasih telah menerima Fie dengan hati yang terbuka. As menyerahkan cintanya yang tidak berbelah-bagi kepada Fie. As berasakan dia akan bahagia bersama Fie. As berasakan bahawa Fie adalah pasangan yang paling sesuai baginya.

Seringkali mereka akan bertemu. Selalunya di

perpustakaan awam. As selalunya memberitahu ibunya bahawa dia hendak mengulang kaji pelajaran di sana bersama kawan-kawannya. Tetapi sebenarnya atau setelah itu As tidak mengulang kaji pelajarannya di sana. As akan berbual-bual dengan Fie. Mereka akan berbual tentang masa hadapan mereka. Tentang perkahwinan yang akan mereka lalui nanti.

Fie telah menjanjikan As sebuah mahligai bahagia. Fie berjanji akan membeli sebuah banglo dua tingkat yang menghadap ke laut. Pada setiap paginya mereka akan memandang pantai. Mereka akan perhatikan bagaimana sang suria timbul dari dalam laut. Mereka akan melihat sang camar yang berterbangan. Bagaimana sang camar itu berkasih sayang di bawah sinar matahari. Pada waktu senjanya Fie dan As akan menyusur pantai itu tanpa berkasut. Mereka akan membiarkan kaki mereka disentuh oleh anak-anak ombak. Mereka akan mengutip kulit siput. Akan disimpan kulit siput yang cantik itu di dalam almari kaca. Begitulah impian As.

As juga akan meminta Fie meniup serunai buhuh pada setiap kali datangnya senja. Sambil mendengar kelunakan irama cinta yang diperdengarkan oleh serunai itu, As akan bersandar di bahu Fie. As akan mengakui betapa dia berasa amat bahagia bersama Fie. As akan membisikkan ke telinga Fie betapa dia mencintainya. Begitu mimpi As.

As akui, dia mula tidak kisah tentang pelajarannya. Memang Fie selalu memberikan perangsang supaya tekun menghadapi pelajaran. Fie yang hanya belajar hingga ke tingkatan lima itu mahukan bakal isterinya itu berpelajaran orangnya. Jadi As berjanji kepada dirinya untuk memenuhi harapan Fie itu sebagai tanda kasihnya terhadap Fie.

Tetapi Fie pernah memberitahu As bahawa dia tidak memaksa As. Fie tidak kisah jika As tidak berjaya. Pendapatan Fie daripada perniagaan yang diwarisinya daripada ayahnya itu sudah cukup untuk menampung keperluan hidup mereka. Fie hanya mahukan As menjadi isteri yang dapat membahagiakannya.

Tetapi semuanya musnah. Istana cinta yang As bina dalam mimpi itu tinggal mimpi sahaja. Istana yang dibinanya runtuh begitu sahaja. Fie meninggalkannya begitu sahaja semasa As hendak melangkah ke tingkatan enam. Fie memberikan alasan bahawa As tidak akan bahagia bersamanya. Bahawa mereka tidak secocok. Bahawa mereka tidak sehaluan. As tidak berupaya berkata apa-apa. Dia hanya berupaya menyesal kerana telah membina istana pasir.

Tetapi kini Fie muncul kembali setelah hilang buat sekian lama. Setelah As hampir berjaya memadamkan nama Fie daripada kehidupannya. Entah siapa yang menjemput Hafie ke majlis itu. Bukan As. Arryf pula tidak mengenali Fie. Siapa? As tidak

sempat mencari jawabannya kerana sibuk mengelakkan diri daripada bertembung pandang dengan Fie. Arryf, As lihat sedang bebual-bual dengan beberapa orang gadis. As tidak mahu mengganggunya. As melangkah cepat-cepat ke arah pintu. Dia mahu keluar ke taman untuk menenangkan fikirannya yang dihantui oleh kehadiran Fie.

Sekali lagi As terkejut. Kali ini dia berasa hampir pengsan. Dia hampir mahu menjerit dan melepaskan perasaan marah. As mengucap dua tiga kali. Semasa keluar mengikut pintu tadi, dia terpancang Man. Man yang berjaya menambat hatinya dua tahun yang lalu. Man yang berjaya mengubati hatinya yang terluka akibat dikecewakan oleh Fie. Man yang dibencinya sesudah itu. Man yang tidak dijemputnya ke majlis itu.

As mengelak dan terus berjalan ke taman. Man hanya memandangnya yang meninggalkan pintu itu. As berasa tidak berani memandang wajah Man. Wajah yang pernah mengubati lukanya. Wajah yang telah dihirisnya dengan kata pedih. Wajah yang membuatnya rasa berdosa, rasa bersalah. Wajah yang berupaya membuatkan dia mahu menangis.

Raman pernah mengembalikan tawanya yang dirampas oleh Fie. Tetapi As akhirnya membencinya. As kurang pasti apakah sebabnya. Mungkin disebabkan ingin membalas dendam terhadap Fie yang pernah mengecewakannya. Tetapi soalnya mengapa pula kepada Man yang tidak berdosa? As

tidak pasti. Tetapi yang pastinya As mula bersikap membenci Man.

Setelah 'ditinggalkan' oleh Fie. As berasa amat putus asa. Keputusan SPM yang cemerlang bagaikan tidak bermakna kepadanya. As bersikap menghabiskan banyak masa dengan bersendirian di pantai. As akan melihat sang suria yang menghilang pada waktu senja. As akan merenung ombak ganas memukul pantai yang tidak berdosa. Pantai yang begitu mengharapkan kehadiran ombak itu. As akan melihat seekor burung camar yang berterbangan di permukaan laut bagaikan mencari suatu tempat untuk dihinggapi. Camar itu telah kehilangan pasangannya. Pada malamnya As akan mendengar suara kesunyian. Kesunyian yang benar-benar berupaya menghiris hatinya sendiri.

Tetapi As tidak pernah terfikir hendak membunuh diri. As tahu perbuatan itu dilarang oleh undang-undang. Bahkan oleh agama yang dianutinya. Malah agama lain turut menegahnya. Dan As juga sedar bahawa hidupnya adalah terlalu berharga untuk dikorbankan semata-mata kerana dikecewakan oleh seorang lelaki.

Pada waktu itulah Man datang dalam hidupnya. Ketikanya, sewaktu As sedang berdiri di gigi pantai dan memerhatikan ombak di laut. Ombak yang bermula di tengah-tengah samudera itu datang beriring-iringan. Hadirnya sekaligus menyapu pantai yang sentiasa menunggu kehadirannya. Ombak itu

menghempaskan dirinya pada batu-batu karang yang timbul di permukaan laut itu. Perlakuan itu bagaikan memeranjatkan sang camar putih. Seperti ombak itulah Man datang dan menghampirinya. Seperti ombak itulah Man wujud dan memeranjatkannya dengan ucapan salamnya.

Man sepertinya juga – mencari ketenangan yang dirampas oleh pasangan yang kejam. Man akan membacakan kepadanya sajak-sajaknya tentang – ombak, tentang – camar, tentang – hidup dan tentang – kekecewaan. Sajak-sajak itu berjaya menambat hati As. Man berjaya mengubati luka di hati As. Man telah dapat mengembalikan tawa As. Dan pada suatu hari, Man mendekonkan padanya sebuah sajak tentang – Cinta.

As yang mendengarnya tidak mampu berkata-kata. Memang di dalam hati As ada semacam keinginan untuk terus bersama Man. As mengakui dia memang telah 'jatuh cinta' kepada Man.

Tetapi As seboleh-bolehnya tidak mahu bercinta lagi. As berasa takut dikecewakan lagi. As lalu bangkit dan meninggalkan Man. As teringatkan ombak yang beriya-iya benar mendekati pantai tetapi hilang begitu sahaja setelah dapat menyentuhnya. As sama sekali tidak mahu menjadi atau menerima nasib sepertimana pantai itu.

"Kau tidak mencintaiku?" Man menagihkan jawabannya.

As menoleh. As teringat Fie. Fie yang kejam. Fie

yang telah berpura-pura. Fie yang tidak mahu menghargai nilai sebuah cinta.

As berlari pulang. Dia sedar bahawa dia telah mengasari Man. Akhirnya As benar-benar membenci Man biarpun dia tidak pasti apakah sebabnya yang sebenar-benarnya.

As memikirkan kewajaran 'menghalau' Man dari majlis itu. Fie pun mahu dihalau sama. Tetapi masalahnya ialah As tidak mahu dikatakan seorang isteri yang tidak tahu adat.

As terus membisu. As memandang ke arah rumah di mana majlis itu diadakan. Majlis untuk meraikan ulang tahun perkahwinannya dengan Arryf. Sebuah majlis yang sepatutnya meriah. Sayangnya kemeriahan itu telah dinodai oleh kehadiran Fie dan Man.

"Hai!"

As menoleh ke arah pemuda yang tercegat berdiri di sebelahnya.

"Tidak!" As berasa mahu menjerit sekuat-kuat hatinya. Namun ditahan juga. As tidak mahu para tetamu memandang ke arahnya. Dia tidak mahu mereka akhirnya mengetahui kisah silamnya.

"Selamat ulang tahun, As," kata orang itu. Suara romantik yang berupaya melemahkan kekuatan batinnya. Suara itu pernah membuatkan dia memimpikan suatu kebahagiaan.

As berasa tidak berani hendak memandang wajah Sri itu. As berasa takut. As takut ketenteraman

hidupnya akan lenyap. As mahu melupakan Sri.

"Sri, jangan ganggu As lagi. Lupakan sahaja cinta kita yang terhenti itu." As terus melangkah ke hujung taman, ke tempat yang jauh daripada pandangan Man, Fie dan Sri. Sri ... ahh, betapa ia membuatkan dia berasa menyesal kerana telah jatuh cinta bagi kali yang ketiganya.

Sri As kenali ketika bekerja di Pasaraya Taiping setahun setengah yang lalu. Cinta mereka berputik tanpa diduga. Seorang pelanggan yang datang dan seorang jurujual yang bertugas di pasaraya itu. Berlakunya pada suatu petang pada bulan Jun. Jurujual itu berasa tertarik kepada pemuda yang berbadan tegap itu. As masih ingat lagi keadaan Sri pada ketika itu. Pemuda yang rambutnya dipotong fesyen *punk* dan sesuai dengan bentuk tubuhnya dan warna kulitnya yang kuning langsung. Pemuda itu telah menguntumkan sebuah senyuman yang amat manis. Si jurujual membalasnya. Lalu perasaan cinta yang tidak diduga pun bersemi. Pada kali ini As telah berjanji kepada dirinya untuk tidak menjadikan Sri seorang lagi mangsa dendamnya. As bahagia bersama Sri.

Sri sering membawanya ke pantai. Pantai yang dahulu mahu disusurinya bersama Fie. Pantai yang menemaninya setelah ditinggalkan oleh Fie. Pantai yang menemukannya dengan Man. Pantai yang menjadi saksi pada peristiwa As meninggalkan Man yang kebingungan. Dan akhirnya sekaligus

mengingatkan dia kepada peristiwa-peristiwa silam itu? As tahu. As sadar.

Tetapi pantai itu telah berubah, seperti dirinya juga. As tidak mahu memusnahkan masa hadapannya dengan memikirkan masa silamnya. As tidak mahu mengecewakan Sri. As tidak mahu menyiksa Sri yang pada waktu dia telah benar-benar mencintanya.

Tetapi hubungan mereka hanya kekal selama lima bulan. As telah dijodohkan dengan seorang pemuda lepasan universiti. As tidak berani membantah keputusan orang tuanya. Jadi, kisah cintanya bersama Sri terhenti di situ sahaja.

"Kenapa As suruh Sri ke mari?" tanya Sri. As yang telah memintanya datang ke pantai itu pada suatu petang Ahad.

"Untuk memberitahu Sri suatu hal."

As memandang jauh ke tengah laut di mana laut dan langit bagaikan bertemu. Di suatu sudut kelihatan beberapa buah bot nelayan sedang menuju ke pantai.

"Hal apa?" tanya Sri apabila dilihatnya As membisu.

"Sri, As akan bernikah." Air mata As gugur dan bersatu dengan air laut.

"Apa?" Muka Sri pucat kerana terperanjat.

"Ya, Sri. Ayah As telah pun menerima pinangan orang. As tidak berani membantah."

"Bagaimana dengan perhubungan kita selama ini?"

"As tidak tahu, Sri. As tidak tahu. Nampaknya sampai sinilah sahaja pertemuan kita."

As sempat memandang perubahan suasana pantai pada waktu itu. Pohon kelapa tidak lagi melambai-lambai seperti selalunya. Batu karangnya bagaikan terkaku. Burung camar sempat melagukan irama sayu. Mereka seperti turut bersedih atas apa yang terjadi ke atas dirinya. As memandang ke arah garisan di mana laut dan langit kelihatan seolah-olah bertemu. As mengakui bahawa ia sebenarnya tidak pernah berpeluang untuk bertemu. As menerima kenyataan itu. As terpaksa melupakan Sri demi masa hadapannya.

As mahu setia kepada suaminya. As tidak mahu menderhakai Arryf. Tetapi As tidak memberitahu Arryf tentang Hafie, Raman dan Sri. Syukur-lah Arryf tidak pernah menanyakannya.

As rasa bersalah. As teringatkan pertemuan dengan Arryf sebelum berkahwin dahulu. Arryf memelawanya menonton wayang. Arryf menyatakan hasrat itu kepada ayah As. Ayah membenarkan. As pergi dengan hati yang berbelah bahagi. As takut dia tidak akan dapat menyesuaikan diri dengan bakal suaminya itu. As tahu bahawa Sri masih wujud di dalam ingatannya. As cuba sedaya upaya melupakan Sri. As tidak mahu rumah tangga yang bakal dibinanya nanti musnah kerananya.

Di panggung wayang, As tidak dapat menumpukan perhatian terhadap filem yang sedang ditayang-

kan. As bukannya terlalu ghairah kerana bersama Arryf. Sama sekali tidak. As sebenarnya risau. As risau mengenangkan nasibnya pada masa hadapan. As menyesal di atas perbuatannya pada masa silam. Tetapi semua itu sudah berlalu. As tidak akan dapat mengubahnya. As berjanji akan setia kepada Arryf.

Tetapi As risau kalau-kalau dia tidak sesuai lagi bagi Arryf. Arryf mungkin telah mengharapkan seorang gadis yang tidak pernah mempunyai teman lelaki. Tentu Arryf akan benar-benar kecewa jika dia mengetahui hakikatnya. Tetapi As berani bersumpah demi Tuhan bahawa dia tidak pernah melakukan apa-apa yang salah semasa berkasih sayang dengan Fie, Sri dan lebih-lebih lagi Man. As sanggup berkorban apa sahaja demi untuk membuktikan kebenaran kata-katanya itu.

Namun As masih berasa bersalah kerana Arryf bukanlah orang pertama yang didampinginya. Tetapi bukan As yang memintanya, cetus hatinya. As terperangkap di dalam alam cinta remaja. Tetapi As tidak berani menyalahkan takdir semata-mata. As sedar bahawa dia juga turut bersalah.

Tetapi bukannya salah untuk bercinta, kata As cuba membela dirinya. Cinta tidak semestinya membunuh cita-cita kita. Semasa bersama Fie misalnya, As lulus dengan cemerlang di dalam SPM. Ah! As tidak mahu menyebut nama itu lagi. As

membenci nama itu. As membenci Fie, Man dan Sri.

Tanpa As sedar, Arryf telah memegang tangan kirinya. Mulanya As terkejut. Tetapi kemudian membiarkan sahaja. As memandang ke layar. As masih tidak faham cerita filem yang sedang ditontonnya. As juga tidak pasti tentang kesudahan cerita kehidupannya. As berjanji untuk setia kepada Arryf. As akan mengikis Fie, Man dan Sri dari dalam ingatannya. As masih menonton filem itu tetapi As masih tidak faham apakah ceritanya.

As mengesat matanya yang terasa pedih. Dia memandang keliling. Tetamu masih menikmati hidangan yang enak. As terkejut sekali lagi. As mengucap. Muka As berpeluh. As mengesat peluhnya dengan kertas tisu. As serba salah. As lihat Arryf sedang berbual dengan Fie, Sri dan Man. Tentu Arryf akan ingat dia yang menjemput ketiga-tiga pemuda itu. Habislah, fikir As.

"Saudara bertiga datang atas jemputan Asmin-dar, ya. Saudara bertiga ni kawan As?"

"Ya. Kami semua bekas kekasih As." Salah seorang daripada mereka berkata selamba.

Wajah Arryf yang kuning langsung itu jelas menampilkan warna merah yang timbul secara tiba-tiba.

"As."

As tersentak. Dia masih berpeluh. As bersyukur kerana dialog tadi hanyalah khayalannya. As men-

doakan agar dialog itu tidak berlangsung antara Arryf, Fie, Sri dan Man.

"As, kenapa ni?" tanya Arryf. Arryf meletakkan gelas minumannya di atas meja kecil di hujung taman itu.

As menggeleng sahaja. Arryf merangkul pinggangnya. Manja

"As kenal mereka?" tanya Arryf sambil memandang ke arah Sri, Fie dan Man yang sedang berbual sesama mereka.

As tidak tahu apa yang perlu dijawab. As tidak mahu menderhakai suaminya. As tidak mahu membohonginya. Nampaknya doa As sebentar tadi tidak dimakbulkan. Musnahlah rumah tanggaku, fikir As.

"Abang tahu segalanya, As. Abang yang menjemput mereka ke majlis ini. Abang hanya mahu-ka As mengenangkan kembali segala suka duka bercinta di masa silam. Tiada salahnya bercinta, asalkan tidak melampaui batas-batas agama."

"As minta maaf kerana tidak pernah memberitahu abang tentang mereka." As terasa lega. Amat lega. As bersyukur kerana bersuamikan Arryf yang begitu memahami hatinya.

"Tidak perlu meminta maaf, As." Arryf mengeratkan rangkulannya di pinggang Asminda.

"Kesetiaan As tertumpu sepenuhnya kepada abang sekarang." As meyakinkan suaminya.

"Abang tahu. Sebab itulah abang berani men-

jemput Sri, Fie dan Man ke majlis ini.”

As menyandarkan kepalanya ke atas bahu kiri Arryf.

“As nampak tak abang sedang berbual-bual dengan empat orang gadis tadi?”

“Ya.” As masih bersandar di bahu Arryf.

“Salah seorang daripada mereka adalah kekasih abang sewaktu di universiti dahulu.” Arryf membisikkan ke dalam telinga As.

“Abang jahat.” As memarahi manja. As mencubit pipi kiri suaminya. As memeluknya. As dapat merasakan kemeriahan majlis ulang tahun pertama perkahwinannya.

November 1989.

EMAK (II)

Uthaya Sankar Sb

“**R**IS pergi ya, mak?”
“Sudah kau tanya ayah kau?” tanya emak dan masih menatap akhbar. Sekali-sekalanya emak membetulkan cermin matanya.

“Sudah.”

“Kenapa tidak mengulang kaji pelajaran sekolah?”

Emak ... hidup remaja tidak hanya dipenuhi dengan tugas membaca buku pelajaran semata-mata. Ris mahu mengucapkan kata-kata itu.

“Sudah, dilakukan.” Itulah sahaja yang dapat Ris katakan.

“Sudah kau lap cermin tingkap?” tanya emak pula dan seperti sengaja mencari dalih menghalang kepergiannya.

“Sudah.”

Ris sudah semakin tidak sabar. Bukankah elok kalau emak tiada di rumah, demikian fikirnya. Mengapalah emak tidak pergi berjalan-jalan seperti selalunya.

Ris menyandarkan bahunya ke dinding. Sambil menunggu untuk mendapatkan kebenaran, Ris membetulkan jam tangan Seiko yang ayah hadiahkan setahun lalu sempena hari jadinya yang ke-16.

"Mahu buat apa di sana?"

Ris semakin tidak sabar. Mahu rasanya dia terus melangkah sahaja. Ris tidak tahan dengan soalan-soalan emak. Soalan-soalan yang sengaja diadadakan. Ris tidak tahu mengapa emak terlalu mengongkong. Tadi Ris menerima panggilan telefon daripada Han. Ris mengaku dia memang berbual agak lama dengannya. Macam-macam soalan yang ditanya. Siapa yang menelefon? Apa yang dibualkan? Mengapa sangat lama? Tetapi emak juga sering menelefon kawannya. Adakalanya hampir satu jam mereka bergelak ketawa. Entah apa yang dibualkan. Ris marah. Emak tidak adil. Bentak hatinya semakin ketara.

Ayah tidak seperti emak. Ayah benar-benar berlainan. Ayah memahami perasaan hati Ris. Ayah memberikan Ris lebih banyak kebebasan. Ayah bersikap tegas tetapi penyayang. Ayah tahu cara mengajar anak. Ayah sentiasa berlaku adil. Itulah sebabnya Ris lebih senang bersama ayah. Ayah sentiasa bersedia untuk membantu Ris. Ayah sedia menerima teguran dan menghargai pendapat putera tunggalnya itu. Tidak seperti emak.

"Mahu buat apa di sana?"

Ris tersedar daripada lamunannya. Ris meman-

dang emak. Emaknya menanggalkan cermin matanya. Emak memandang semacam ke dalam wajah Ris.

"Tiada apa-apa. Cuma berbual-bual." Ris tidak mahu memandang muka emak. Dia mengalihkan matanya ke akhbar yang ada di tangan emak.

"Berbual-bual sahaja? Kau mahu berbasikal dari sini ke Siru Kambam hanya untuk berbual-bual? Yang tadi berbual melalui telefon itu tidak cukup?" Emak merenung tajam ke muka Ris.

Renungan itu mematikan pandangan Ris ke dalam akhbar tadi. Ris menyampah. Ris membenci tindakan emak. Emak tidak adil, jerit hatinya. Tetapi Ris tidak berani menjeritkan kata-kata itu. Ris tidak berani melawan kata-kata emak. Tambahan pula emak tidak mudah diajak berunding.

"Suruhlah kawan kau itu ke mari. Boleh emak dengar sama apa yang kamu bualkan." Emak menggigit tangkai cermin matanya. Entah mengapa emak membenci Siru Kambam.

"Emak tak faham. Kami hanya mahu berbual. Kami lebih selesa begitu." Mulut Ris terkumat-kamit. Tetapi emak memang tidak akan faham. Emak akan berpura-pura tidak faham, detus hatinya.

Ris melangkah cepat masuk ke bilik. Ris cukup meluat. Ris tidak mahu menjawab soalan-soalan emak yang keterlaluan itu. Emak memakai cermin mata dan meneruskan pembacaannya. Emak tersenyum sumbing. Mungkin berbangga kerana ber-

jaya menghalang Ris dari keluar.

Ris duduk di bilik. Ris geram. Ris menggigit hujung bantalnya. Kemudian Ris menumbuk-numbuk bantal itu. Ris benci, kata hatinya. Ris menumbuk bantal itu sekali lagi. Kemudian Ris membaling bantal itu ke arah dinding. Kasar dan marah. Ris merenung tajam bantal itu. Ris membayangkan bantal itu sebagai emak. Nafas Ris turun naik.

Ris sudah tidak tahan dengan tindakan emak. Sesungguhnya Ris tidak senang dengan tindakan-tindakan yang keterlaluan itu. Ris sudah tidak dapat bersabar lagi. Cukuplah dia menurut segala perintah emak tanpa apa-apa bantahan selama ini.

Apabila emak menyuruh Ris mengambil kelas-kelas nyanyian, Ris mengikut. Apabila emak menyuruh Ris mengikut kelas tuisyen, Ris menurut. Apabila emak mengarahkan Ris berhenti dari kelas latihan jasmani yang diikutinya suatu masa dahulu, Ris mengikut. Emak pernah meminta Ris membatalkan rombongan sambil belajar ke Pulau Langkawi tanpa apa-apa alasan. Ris mengikut tanpa banyak soal.

Tetapi kini emak sudah keterlaluan. Emak mahu pula mengawal hidup Ris. Emak cuba merampas hak Ris tanpa kerelaannya sebagai seorang anak muda. Emak bukan sahaja menentukan jadual harian Ris tetapi telah mula mengawal setiap apa yang dilakukan. Emaklah yang menentukan pakaian yang harus dipakai pada setiap hari. Emak yang

menentukan pukul berapa Ris mesti membasuh pakaiannya. Ris tidak faham motif emak. Apa pun motifnya, Ris tetap tidak senang dengan tindakan-tindakan itu.

Ris bukan budak-budak lagi. Dia sudah mencapai usia 19 tahun. Ris mahu diberi kebebasan untuk mencorak hidupnya. Atau, sekurang-kurangnya untuk menentukan pakaian yang mahu dipakai. Itulah antara ribuan keluhan yang mahu disampaikan oleh Ris kepada emak. Malah, Ris pernah mencubanya.

"Ris mahu pakai baju biru tua ini." Ris pernah memberitahu emak.

Emak mengambil baju itu dan melihatnya buat seketika. Kemudian emak meletakkannya kembali ke dalam almari baju.

"Kau pakai baju biru muda itu."

Ris benar-benar hairan. Kedua-dua baju itu hampir sama sahaja. Bezanya baju biru tua itu ayah yang belikan. Ris tidak tahu mengapa emak suka mengongkongnya. Tanpa alasan pula.

Segala kata emak terpaksa Ris turuti tanpa bantahan. Ris benar-benar berasakan hidupnya ibarat mesin. Atau, Ris seperti seekor merpati yang dikurung di dalam sebuah sangkar emas – kemewahan yang langsung tidak bermakna.

Ris menyesal kerana menurut segala arahan emak sewaktu kecil dahulu. Tetapi apa yang dapat dilakukannya pada waktu itu? Emak memang ber-

hak berbuat demikian pada waktu itu. Tetapi emak telah menjadikannya satu tabiat pula!

Tidak pernahkah emak melalui alam remaja? Mustahil tidak! Jika begitu, mengapa emak tidak memahami hati remaja Ris? Atau, adakah emak sengaja berpura-pura tidak faham? Ris tidak sedih. Ris tidak tahu menjawabnya.

Telefon berdering. Ris tersedar daripada lamunannya. Ris pasti Han yang menelefonnya. Han yang telah jemu menanti kedatangannya semalam hampir satu jam. Ris bergegas ke arah telefon di ruang tamu.

Sampai di ruang tamu, langkah Ris terhenti. Emak telah mencapai gagang telefon. Emak mendengar bunyi seketika. "Ris tiada. Awak jangan ganggu anak saya lagi!" Emak menghempas gagang telefon.

Ris benar-benar marah. Ingin rasanya dia mencekik leher wanita di hadapannya itu. Ris mahu menamparnya. Ris pasti wanita itu akan tumpas dengan sekali tampar sahaja. Tambahan pula pada waktu kemarahan Ris meluap ini. Tetapi Ris cuba menahan perasaan marahnya. Ris mengucap sekali dua.

Ris tidak pasti bagaimana perasaan emak di sekolah. Jika beginilah cara emak mendisiplinkan murid-muridnya, tentu ibu bapa murid-murid itu telah mengadu kepada pihak pentadbir sekolah. Mungkin juga sikap buruk emak ini disebabkan

oleh murid-murid yang diajarnya. Murid-muridnya memang agak lembap. Emak sendiri yang pernah memberitahu Ris hal ini suatu masa dahulu. Mungkin juga tindakan emak ke atas murid-muridnya itu telah terbawa-bawa ke rumah. Jika demikianlah halnya, emak tidak layak menjadi seorang ibu kerana dia tidak dapat membezakan antara waktu bertugas dengan suasana di rumah tangganya. Jika demikianlah halnya, emak lebih teruk daripada Han. Sekurang-kurangnya Han bersedia menceritakan masalahnya kepada orang lain.

Ris lihat emak meneruskan pembacaannya. Sekali dia memandang ke arah Ris. Ris cukup menyampah. Mengapalah ayah tidak di rumah sekarang, Ris mengeluh.

Ris bergerak ke bilik tidurnya. Ris menghempas dirinya di atas katil. Ris tidak tahu mengapa emak tidak membenarkan dia menghubungi Han. Han bukan budak nakal. Han sepertinya juga – menagih kasih. Sebab itulah mereka sering bertemu dan berkongsi masalah.

"Mengapa emak kau tidak mahu kau bertemu dengan aku?" Han pernah bertanya. Ris berasa serba salah untuk berterus terang. Ris sendiri tidak tahu apakah jawapannya. Ris benar-benar tidak tahu.

Bukankah emak juga pernah mengalami alam remaja? Ris mengucapkan kata-kata itu kepada dirinya. Mengapa emak tidak memberi Ris peluang

untuk berbual dengan Han? Kami tidak melakukan apa-apa kesalahan. Kalau Han perempuan, emak ada juga alasan untuk menghalang kami daripada bertemu. Tetapi emak menghalang tanpa memberi apa-apa alasan. Ris benci. Ris tidak mahu emak mengongkong hidup Ris lagi. Ris mahu menjeritkan kata-kata itu sekuat hatinya. Benar-benar di hadapan muka emak. Tetapi Ris masih belum ada keberanian untuk berbuat demikian. Keberanian Ris sesungguhnya telah dirampas oleh emak.

Ris mahu bersama Han. Biar pun bukan untuk dirinya, tetapi sekurang-kurangnya untuk Han. Ris tahu Han memerlukannya. Ris tahu Han sedang menunggunya. Han akan menceritakan kepadanya segala resahnya. Entah mengapa jiwa Ris juga akan turut berasa tenteram setelah mendengar masalah Han. Ris dapat meredakan rasa benci terhadap emak buat seketika. Ris tahu Han sedang menunggunya. Ris tahu Han sedang mengharapkan kehadirannya. Ris tahu Han berasa amat kecewa di atas sikap emak sebentar tadi. Kasihan, hati kecilnya tentu terluka. Ris mahu pergi menemui Han. Ris mahu mengubati lukanya yang parah itu. Ris mahu ke Siru Kambam.

Ris terkenang Han. Han yang dahulunya bersikap keanak-anakan. Ris teringatkan pertemuan mereka di rumah Han hari Jumaat lalu.

Han memegang jari-jemari Ris dan meramasnya.

Ris membiarkan sahaja. Kepala Han masih di atas bahu kanannya.

"Ris, awak nampak jari-jari ini?" Han menunjukkan jari-jemari di tangan Ris kepadanya. Suatu soalan yang bodoh. Ris menarik bibirnya ke sebelah.

"Ya." Ris sekadar menjawab untuk tidak menyinggung perasaan Han.

"Jari kelingking ini adalah kasih sayang saya. Jari hantu ini adalah harapan saya. Ibu jari ini pula adalah kepercayaan saya." Suatu dialog yang benar-benar keanak-anakan. Ris mahu tergelak besar. Namun ditahan juga.

"Saya memberikannya kepada awak." Han menggenggam tangan Ris di dalam tapak tangannya.

Ris terdiam. Tetapi Ris masih mahu tergelak.

"Awak menerimanya?" Han masih menggenggam tangan Ris. Ris serba salah. Adakah kata-kata Han tadi itu salah satu daripada sikap keanak-anakannya? Ris tidak pasti. Tetapi Ris masih tidak mahu melukakan hati Han.

"Ya, aku terima." Ris pula menggenggam tangan Han. Han dilihatnya amat gembira. Han menyandarkan semula kepalanya ke bahu Ris. Ris tersenyum kelucuan.

Selepas beberapa lama, Han masuk ke bilik mandi. Ris pula melihat-lihat ke dalam rak buku Han. Sebuah diari perang, menarik perhatiannya. Hati Ris tergerak untuk membaca diari milik Han

itu. Ris ingin tahu apa yang telah dilakukan oleh Han pada hari sebelumnya. Tidak lebih dari itu. Ris membelek-belek muka surat diari itu. Ris melupakan dosa melakukan perbuatan yang tidak wajar dilakukan itu buat seketika.

6 hb. Nov.:

Malamnya jiwaku menangis lagi. Aku mahu melepaskan diriku dari sifat keanak-anakan ini. Aku mahu dunia tahu bahawa aku sebenarnya sedang menyembunyikan diriku yang sebenar di sebalik perangai keanak-anakan ini.

Aku tidak mahu bersikap keanak-anakan lagi. Aku mahu menjadi diriku yang sebenar. Aku tidak mahu berlakon lagi.

Aku tertekad akan menelefon Ris esok. Aku akan menjemputnya ke rumah. Aku mempercayainya. Aku pasti dia boleh membantu. Aku harap dia akan mengerti.

Tuhan, berilah hamba-Mu yang daif ini sedikit kekuatan untuk meluahkan rasa hatiku kepadanya bila bertemu nanti.

Ris terkejut. Ris tidak dapat mempercayai apa yang dibacanya sebentar tadi. Ris berasa berdosa kerana tidak cuba memahami hati Han yang begitu mengharapkannya. Ris kaget. Ris tidak tahu apa yang patut dilakukannya.

Tiba-tiba pintu bilik dibuka. Han masuk. Ris

tersentak. Han turut terkejut. Han merenung diari di tangan Ris. Han merenung marah ke dalam muka Ris. Ris menutup diari itu. Ris tersenyum pahit. Ris merenung ke dalam mata Han. Ris meminta maaf. Han memejamkan matanya. Titik-titik mutiara muncul dari celah kelopak matanya. Han meluru ke arah Ris. Ris tidak bergerak. Dia sedia menerima tamparan daripada rakannya. Rakan yang tidak pernah Ris cuba fahami masalahnya. Rakan yang begitu mengharapkan bantuannya. Rakan yang dipermainkannya selama ini. Rakan yang jarang Ris hormati pendapatnya.

Tetapi tekaan Ris salah. Han tidak menamparnya. Han merangkul leher Ris. Han menangis di bahu Ris. Han benar-benar menangis. Tetapi bukan keanak-anakan lagi. Ris meramas rambut Han. Ris menepuk-nepuk belakangnya.

"Kalau kau rasa bosan duduk di rumah, pergilah berbual-bual dengan sepupu kau." Emak bersuara dari bilik tamu. Suara yang sekali lagi mengejutkan Ris daripada lamunan. Suara berisi keegoan. Suara berisi kemegahan kerana berjaya mengawal anaknya.

Ris benar-benar marah. Ris merasakan kata-kata itu sebagai suatu kekejaman. Ris tahu sepupunya tidak sama dengan Han. Sepupunya tidak merindunya. Dia tidak mengharapkan kehadirannya. Tetapi Han sedang menantinya. Han memerlukannya.

Ris bangkit dari katil. Ris merenung wajahnya di

dalam cermin almari. Ris melihat peluh di mukanya. Ris dapat melihat hidungnya kembang-kempis menahan kemarahan. Ris merenung ke dalam matanya sendiri. Agak lama.

Emak, Ris bukan bermaksud untuk membenci emak. Tetapi tindakan emak yang melahirkan rasa benci itu di dalam hati Ris. Mungkin emak sedang cuba mendisiplinkan Ris. Tetapi bukan ini caranya, mak. Ris teringin untuk meluahkan kata-kata itu kepada emak. Tetapi Ris tahu ia tidak berguna. Emak tidak pernah bersedia untuk menerima pendapat orang lain. Lebih-lebih lagi pendapat Ris yang dianggapnya masih mentah.

Ris membasuh muka. Ris menyalin pakaian. Ris berjalan keluar dari bilik tidur. Ris tahu bahawa dia tidak akan dapat mengatasi sebarang masalah dengan memencilkan dirinya di dalam bilik itu. Ris melangkah ke ruang tamu. Ris lihat emak masih belum berganjak dari tempat duduknya. Ris berjalan menghampiri emak. Tetapi Ris tidak berhenti di situ biarpun dia benar-benar mahu menampar wanita itu walau sekali untuk melepaskan geram. Ris berjalan melintasi emak. Emak mengalihkan matanya dari surat khabar yang sekian lama ditatapnya.

Emak tersenyum bangga kerana berjaya sekali lagi. Dia berbangga kerana dia lebih hebat daripada ayah dalam mengawal anaknya. Ris masih melangkah.

Dalam sedikit masa itu Ris sempat teringat kembali kejadian pada 11 November lalu. Kejadian yang menambahkan lagi rasa benci Ris terhadap emak.

Tengah hari itu Ris baru sahaja sampai di pintu pagar rumah apabila dia terdengar suara pertelingkahan ayah dan emak.

"Saya tahu bagaimana hendak mengawal budak itu. Awak jangan hendak mengajar saya pula!" Emak bersuara dengan nada yang sengaja ditinggikan.

Ris rasa suara itu datangnye dari arah bilik makan. Ris melangkah ke serambi rumah. Ris duduk di atas buaian.

"Saya hanya mahu mengingatkan awak bahawa tindakan awak agak keterlaluan. Saya tidak mahu anak kita membenci awak nanti. Cubalah berikan dia sedikit kebebasan. Dia kan dah besar sekarang." Ayah bersuara tenang. Memang ayah sentiasa bersikap tenang, tidak seperti emak.

"Jadi jangan menyesal jika anak itu membenci awak nanti. Jangan awak salahkan saya kerana tidak mengajarnya menghormati ibu bapa." Suara ayah masih tenang.

"Buat apa saya mahu menyalahkan awak? Saya tahu apa yang saya lakukan adalah benar." Emak bersuara sinis. Ris terasa haru mengenangkan sikap tenang ayah. Ris meluat mengenangkan sikap emak.

"Saya hanya sekadar menasihatkan," kata ayah.

"Sudah! Saya tidak mahu menerima nasihat!"

Suasana menjadi sepi. Pertelingkahan pada tengah hari itu berakhir di situ. Tetapi tidak bagi rasa benci Ris.

Ris meneruskan langkahnya melintasi emak. Tetapi Ris tidak ke rumah sepupunya seperti yang dijangka oleh emak. Ris mendapatkan basikalnya. Rumah sepupu Ris hanya beberapa meter dari rumahnya. Mengapa dia membawa basikalnya, emak tertanya-tanya.

"Mahu ke mana tu?" Emak meluru ke arah pintu.

Ris tidak mengendahkan soalan itu. Dia mengayuh basikalnya. Tetapi bukan ke rumah sepupunya. Ris terasa lega. Ris pasti keputusan yang diambilnya adalah betul; biarpun mungkin bukan yang terbaik. Ris tidak kisah tentang apa yang akan berlaku apabila dia pulang nanti. Kali ini tiba masanya untuk Ris memberitahu masalahnya pula kepada Han.

Ris terus mengayuh ke destinasiya di Siru Kambam.

Disember 1989.

